



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 29

Isnin

29 Oktober 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 30)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 30)
Kajian Separuh Pengkal Rancangan Malaysia Kesebelas	(Halaman 31)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 29 Oktober 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada kerajaan baru Pakatan Harapan bersedia untuk menandatangani (*ratify*) Konvensyen-konvensyen Hak Asasi Manusia Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang selain daripada CEDAW dan CRC.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Malim di atas pertanyaan yang dikemukakan. Izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tanjong Malim bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Beluran pada 31 Oktober 2018 dan Yang Berhormat Bachok pada 6 Disember 2018. Ini kerana semua soalan yang dikemukakan menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini kajian mengenai penyertaan Malaysia ke Instrumen-instrumen Antarabangsa Hak Asasi Manusia sedang giat dijalankan oleh Kumpulan Kerja Teknikal yang telah ditubuhkan di bawah jawatankuasa antara kementerian dan agensi mengenai isu-isu hak asasi manusia. Bagi tujuan mengkaji ratifikasi enam Konvensyen Hak Asasi Manusia Antarabangsa, kerajaan telah menubuhkan enam jawatankuasa kecil teknikal yang diterajui oleh kementerian atau agensi seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta Kementerian Luar Negeri. Mengikut bidang kuasa mereka berkaitan dengan inti pati konvensyen hak asasi manusia antarabangsa. Ke arah meratifikasikan konvensyen-konvensyen ini, beberapa siri mesyuarat antara agensi untuk mengkaji secara terperinci kedudukan Malaysia telah pun diadakan. Langkah ini penting bagi memastikan peruntukan-peruntukan sedia ada dalam konvensyen antarabangsa tersebut adalah serasi dan tidak bercanggah dengan undang-undang domestik sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan telah berjanji untuk menandatangani baki enam Konvensyen Hak Asasi Manusia. Justeru itu, usaha sedang giat dijalankan oleh jawatankuasa-jawatankuasa teknikal untuk merealisasikan sasaran kerajaan. Antaranya Jawatankuasa Kecil Teknikal yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri akan mengadakan bengkel bagi membincangkan Konvensyen Mengenai Penyeksaan, *Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment* dan Konvensyen Antarabangsa Untuk Melindungi Semua Orang Dari Kehilangan Yang Dipaksa, *International Convention for the Protection of All Persons from Enforced Disappearance* dalam jangka masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan, pihak kerajaan akan terus mengambil inisiatif yang proaktif untuk mengkaji ratifikasi kesemua Konvensyen Hak Asasi Manusia Antarabangsa. Perbincangan berterusan secara berskala diadakan bukan sahaja dengan pelbagai agensi kerajaan tetapi juga dengan masyarakat madani serta badan-badan bukan kerajaan seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Gabungan Badan-badan Bukan Kerajaan Dalam Proses UPR (COMANGO) dan Gabungan Organisasi Masyarakat Sivil Dalam Proses Semakan Sejagat (MACSA). Sekian, terima kasih.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah kami menyambut baiklah usaha kerajaan untuk meratifikasikan enam konvensyen *international* yang bakinya. Akan tetapi soalan saya adalah, bolehkah kerajaan bagi satu *timeframe* yang tertentu dalam masa berapa bulan atau berapa tahun kita akan ratifikasikan semua keenam-enam konvensyen itu?

Pada masa yang sama, akta-akta yang bercanggah dengan konvensyen ini, adakah kita akan buat sementara waktu belum kita ratifikasi tetapi adakah kita akan *stop implementation* akta-akta yang bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia seperti SOSMA, Akta Hasutan dan lain-lain. Terima kasih.

Dato' Haji Marzuki bin Yahya: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Akan tetapi soalan yang pertama berkenaan dengan jangka masa. Saya ingin maklum bahawa kita tidak ada spesifik jangka masa untuk kita tetapkan menandatangani dan juga meratifikasikan UPR ini. Akan tetapi ia lebih tergantung kepada kedudukan keperluan.

■1010

Jadi, saya rasa kita tidak akan menetapkan masa dan waktu bila ataupun di mana yang kita akan tandatangani ini. So, yang kedua berkenaan dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Pemansuhan akta.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Undang-undang yang bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia.

Dato' Haji Marzuki bin Yahya: Berkenaan dengan undang-undang, ini adalah bersabit dengan *constitution* yang mana saya rasa ini perlu diberi perhatian yang khusus kerana ini juga

akan membabitkan tentang soal perlembagaan hak sesuatu kaum. Jadi, saya rasa ini juga kita perlu beri penelitian yang khusus sebelum kita membuat apa-apa ratifikasi atau menandatangani tuntutan ini. Jadi, merujuk kepada SOSMA *and what not*, saya rasa tidak terlibatlah. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, kita tahu bahawa enam resolusi ini yang telah pun tidak ditandatangani oleh pihak kerajaan sejak berpuluh tahun. Ini kerana ia ternyata bercanggah dengan Perlembagaan Negara dan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan. Apa yang jelas, saya ingin tanya bahawa terlalu banyak kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri seolah-olah telah menerima kenyataan ini untuk ratifikasi enam resolusi ini. Kenyataan-kenyataan ini telah pun membentuk satu pemikiran. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah pihak pembangkang juga turut dilibatkan dalam perbincangan sebagaimana yang telah di persetujui oleh jawatankuasa yang akan diwujudkan nanti. Terima kasih.

Dato' Haji Marzuki bin Yahya: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Berkenaan dengan ratifikasi. Proses ratifikasi ini akan berbeza bergantung kepada beberapa faktor seperti keserasian konvensyen tersebut dengan sistem perundangan di Malaysia dan keperluan untuk mengadakan perbincangan yang menyeluruh dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Bagi setiap Konvensyen Hak Asasi Manusia, jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan untuk mengkaji penyertaan Malaysia. Jawatankuasa-jawatankuasa teknikal ini dipengerusikan oleh agensi-agensi peneraju yang secara lazimnya merangka dan menyelia dasar-dasar yang berkaitan dengan konvensyen tersebut. Walaupun langkah-langkah ini pada asasnya kelihatan sama seperti yang dilakukan oleh pentadbiran kerajaan sebelumnya, kerajaan kini mengambil pendekatan dan fahaman yang berbeza. Pertama, ratifikasi ini dilihat sebagai garisan penamat dan bukannya sempadan yang tidak boleh didekati. Kedua, perkara-perkara penting ini memerlukan perbincangan terbuka oleh semua pihak, bukannya dialog tertutup oleh pihak-pihak tertentu.

Jadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah tekankan di Persidangan Agong PBB bahawa kita akan memberi ruang dan masa kepada semua pihak untuk membahaskan perkara ratifikasi ini dan memutuskan berdasarkan demokrasi. Kerajaan akan menjalankan proses ini dengan menghormati sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan, kepelbagaian agama dan kaum di Malaysia dan suara rakyat mengenai isu-isu sensitif. Sekian, terima kasih.

2. Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan transformasi (tambah baik) yang telah dicadangkan kementerian dalam meningkatkan pendapatan belia/golongan muda dalam bidang pertanian asas tani.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismillaahi Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat Tapah. Terima kasih di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menyahut cabaran yang lebih getir dan mencabar dalam era akan datang, saya faham dan kita semua

maklum bahawa era teknologi digital dan juga era IR4.0 adalah suatu yang mesti kita depani dengan bijak dan cermat. Dalam mendepani cabaran masa depan ini, pihak kementerian telah melihat tentang program-program yang sedia ada yang saya rasa suatu yang telah dibina atas asas yang kukuh. Cuma tugas saya pada hari ini adalah untuk menambahbaikkan, memperkasa, memberikan nilai tambah terhadap program-program yang sedia ada. Saya dalam rangka untuk mengemukakan tujuh pelan hala tuju baharu kementerian yang akan dilancarkan mungkin sebulan lagi. Di antaranya adalah tentang memperkasa Program Agropreneur Muda supaya lebih berdaya saing. Kita telah mendapati di sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas, kita telah membelanjakan hampir RM15 juta dan melahirkan lebih kurang 1,000 usahawan muda. Ini akan kita pertingkatkan supaya dengan kemahiran yang telah kita berikan, belia-belie kita mampu untuk bukan sekadar faham tentang teknologi bercucuk tanam, faham tentang *crops* ataupun sektor-sektor yang mereka ceburi tetapi mendepani cabaran semasa, seperti lambakan barang-barang daripada luar negara yang tidak boleh kita elakkan dan bagaimana kita mempertingkatkan daya saing kita, menambah *value chain* dan seumpamanya.

Alhamdulillah, melalui Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan, kita telah berjaya untuk menawarkan pelbagai kursus, sijil dan diploma dalam pelbagai bidang pertanian, *marketing*, teknologi makanan, *soil profiling*, teknologi dalam bidang *internet of things* (IoT). Semuanya kita dedahkan supaya kita mahu golongan muda, usahawan muda ini bukan sekadar memiliki kemahiran itu tetapi mampu untuk mengaplikasikan kemahiran mereka sama ada mereka bekerja dalam bidang yang tertentu ataupun mereka menjadi petani ataupun masuk secara terus dalam sektor-sektor pertanian dalam negara kita. Dalam kawasan Yang Berhormat yang diberikan kepada saya atas Program NAM yang kita telah membelanjakan dari tahun 2015 sehingga tahun 2018 adalah RM225 ribu. Pelbagai projek dan kebanyakan mereka ini mengusahakan Cili Kulai. FAMA telah mengambil peranan untuk memberikan harga kontrak sebanyak RM5. Pada masa kini kita sedang meningkatkan pemerhatian kita terhadap industri cili ini dengan pelbagai pengawalan untuk menjamin harga-harga yang lebih stabil dan memberikan mereka pelbagai latihan dan kemahiran untuk mendepani industri ini pada masa akan datang.

Di bawah Program MyAgrosis di bawah FAMA ini, kita telah menubuhkan Kelab MyAgrosis dengan juga kita membekalkan kepada usahawan muda ini pelbagai kemahiran dalam pelbagai sektor. Tentang IoT, tentang kemahiran-kemahiran tertentu yang kita telah berjaya untuk melahirkan paling tidak satu kumpulan *agropreneur* muda yang mampu untuk mendepani apa jua cabaran. Ini yang kita harapkan pada masa yang akan datang. Jadi, kita tidak hendak *human error* ini menjadi suatu halangan terhadap kemajuan pertanian pada masa akan datang. Maka, segala nilai tambah akan kita berikan dalam pelbagai bentuk supaya kita akan melahirkan golongan *entrepreneur* muda yang *insya-Allah* akan menjadi suatu kumpulan yang boleh membawa Malaysia ke era Malaysia sebuah negara yang mengamalkan pertanian moden.

Satu berita gembira yang saya akan umumkan adalah kita akan menubuhkan Majlis Agropreneur Muda Kebangsaan. Ini akan kita lancarkan selepas MAHA nanti, di mana satu *platform* yang cukup besar, yang akan menggamit golongan muda ini untuk masuk dalam Majlis Agropreneur Muda Kebangsaan ini. Kita akan berikan mereka kebebasan sama ada memimpin majlis ini dan mereka boleh menjadikan majlis ini sebagai suatu medan, suatu *platform* untuk mereka merangka strategi di atas kapasiti orang muda untuk memajukan peranan mereka dalam bidang pertanian dalam negara kita. Terima kasih.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas komitmen yang begitu berkesan. Inilah yang harus menjadi hala tuju negara. Kita jangan sebab kerajaan sudah tukar, kita pun batalkan semua program kerajaan sebelum ini. Saya memang tertarik dengan pendekatan Yang Berhormat Menteri yang telah menyatakan bahawa beliau akan menambahbaikkan dengan program-program yang sedia ada. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita lihat seluruh dunia telah mengiktiraf pertanian ini sebagai suatu perniagaan. Mana-mana hari ini kita lihat maka *food security* untuk mana-mana negara adalah amat penting. Mana-mana negara yang membenarkan sektor ini diambil alih oleh pendatang asing atau pekerja asing akan menghadapi masalah besar dalam jangka panjang.

Maka hari ini kita lihat di negara kita, daripada kebun sehingga ke pasar telah dikuasai oleh pekerja saing. Satu ketika dahulu mereka datang sebagai pekerja asing dan pada hari ini mereka sudah mula mengambil dan jadi pemilik tapak-tapak perniagaan pertanian di seluruh negara. Bukan sahaja di peringkat kebun sampai ke pasar, hampir seluruh pasar. Di seluruh negara kita, kita lihat dikuasai oleh pekerja asing. Ini adalah satu keadaan cukup bahaya untuk mana-mana negara yang sedang membangun ataupun telah membangun.

Maka apakah rancangan kerajaan untuk mengurangkan penglibatan pekerja asing ini dalam sektor pertanian sehingga pasar sebagai pemilik tapak-tapak perniagaan. Walaupun ada pelbagai rancangan daripada kementerian untuk menggalakkan golongan belia untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian, tetapi apabila hasil mereka dibawa masuk ke pasar, mereka tiada peluang, mereka harus bersaing dengan pekerja-pekerja asing.

Maka apakah rancangan pihak kerajaan atau kementerian untuk mengurangkan penglibatan pekerja asing dalam sektor-sektor ini supaya sektor ini menjadi relevan kepada negara kita.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tapah telah membangkitkan satu isu yang sangat penting. Apabila Yang Berhormat membangkitkan tentang *food security*, saya faham bukan sekadar kementerian ini harus mengambil tanggungjawab bekalan makanan kita cukup, tetapi kesan daripada pelaksanaan itu harus kita lihat secara holistik.

Yang Berhormat telah mengunjurkan suatu perkara yang menggamit, bukan sekadar perhatian saya, di mana kita di pihak MOA telah berusaha sebaik mungkin memberikan latihan, mengusahakan tanah untuk petani-petani kita, kita berunding dengan kerajaan negeri supaya mewartakan tanah-tanah pertanian kita, bendang-bendang kita. Kita akan tingkatkan latihan melalui mereka-mereka yang kita berikan latihan yang secukupnya. Dua minggu lepas saya diberikan kesempatan menganugerahkan kepada mereka diploma dan sijil. Hampir 1,200 orang anak-anak muda yang kita berikan mereka ilmu dan pengetahuan.

Kita juga akan menggerakkan semua agensi-agensi dalam MOA, FAMA, MARDI, Lembaga Pertubuhan Peladang dan lain-lain untuk kita pastikan sektor ini akan dapat dimainkan sepenuhnya oleh anak-anak tempatan. Akan tetapi Yang Berhormat, untuk kita mengawal kemasukan pekerja asing, untuk kita menghalang mereka membeli ataupun menyewa tapak-tapak perniagaan di pasar-pasar borong sebagai contoh dan untuk kita memastikan kebun-kebun sama ada estet ataupun kebun-kebun kecil ini, sampai dimiliki oleh warga asing, Yang Berhormat dengan izin *MOA cannot stand alone*. Ini harus satu kepada satu kertas kabinet untuk melihat perkara ini secara holistik.

Telah ada satu jawatankuasa tentang pekerja asing yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang saya juga sebagai Menteri Pertanian duduk di dalamnya untuk mengawal kemasukan pekerja-pekerja asing. Akan tetapi untuk kita memastikan dalam jangka panjang negara kita ini tidak akan dikuasai semua bidang, semua sektor oleh pekerja asing. Saya rasa kita perlu ada satu jawatankuasa tertinggi di peringkat Kabinet untuk melihat perkara ini.

Oleh itu, dalam sektor pertanian yang paling mampu untuk MOA lakukan adalah menyediakan *the best facilities* dengan izin. Kita akan mampu untuk memberikan segala kemudahan yang kita boleh berikan di atas peruntukan yang sedia ada untuk menggalakkan anak-anak tempatan Malaysia bergiat sepenuhnya dalam industri ini. Akan tetapi jika berlakunya lambakan pekerja asing tanpa kawalan dan pemberian sewa serta pemilikan bangunan yang begitu longgar untuk pendatang asing, itu kita harus bincang di peringkat Jawatankuasa Kabinet yang lebih besar. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sungguh fokus kepada Ahli-ahli Parlimen pada pagi ini. Saya merujuk kepada Yang Berhormat Menteri dengan iltizamnya, kerangka dan dasar yang begitu efisien yang membolehkan anak-anak muda ini dijelmakan sebagai usahawan yang berjaya dalam masa akan datang.

Saya meliliti jawapan Yang Berhormat Menteri itu dengan penuh komited bahawa untuk mengangkat martabat anak muda ini perlukan semua golongan-golongan ataupun pihak-pihak terbabit secara langsung.

Soalan saya, apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa pendidikan asas perniagaan itu hendaklah bermula daripada sekolah rendah kepada sekolah menengah.

Maka persiapan mereka ini sudah dijamin apabila mereka beralih kepada remaja dan dewasa untuk mereka menggarap pendidikan perniagaan secara khusus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Soalan yang dahsyat.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada pertandingan-pertandingan pidato dalam Dewan ini, juaranya adalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Suara yang paling lantang, berkumandang di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Menteri silakan.

Datuk Haji Salahuddin bin Ayub: Anugerah Tuhan kepada beliau, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat daripada Kapar. Jikalau kita melihat model negara-negara maju yang telah lebih jauh bergerak daripada kita, pendidikan tentang pertanian ini telah diajar sejak di pra sekolah lagi dan saya meneliti modul-modul yang terkemuka di negara-negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan sebagai contoh. Modul Saemaul Undong itu semacam persis Dasar Ekonomi Baru kita satu waktu dahulu, memang diajar di peringkat sekolah. Konsep Buku Hijau Saemaul Undong itu memang dihadamkan dalam silibus, modul-modul dalam pengajian universiti dan juga kita lihat ia benar-benar diperturunkan kepada setiap akar umbi masyarakat dalam negara-negara maju tersebut.

Oleh sebab itu saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kapar tadi supaya kita dapat dengan lebih serius untuk mengaplikasikan setiap pengetahuan, ilmu, *knowledge* melalui modul-modul yang akan kita aplikasikan daripada peringkat silibus pra sekolah sampailah ke peringkat universiti supaya kita menjadikan bidang pertanian ini sebagai satu sumber rezeki baru yang memberikan pulangan kepada negara, memberikan sumbangan kepada KDNK dan dia akan meningkatkan prestasi ekonomi dalam negara kita. Terima kasih.

3. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan prestasi atau pencapaian SUKMA yang telah berlangsung baru-baru ini di negeri Perak. Apakah harapan Malaysia dalam Sukan Olimpik 2020 dan persediaan-persediaan yang dilakukan untuk menghadapi temasya itu di Tokyo.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada negeri Perak. Bagi mereka yang turut bersama dengan semua rakyat di Stadium Shah Alam, Perak ini betul-betul *ultimate come back king*. So, tahniah kepada Perak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Batu Gajah bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Machang bertarikh 21 November, Yang Berhormat Rembau bertarikh 4 Disember dan Yang

Berhormat Ledang pada 10 Disember. Ini kerana ia berkaitan dengan perkara yang sama iaitu berkenaan landasan SUKMA dan juga persediaan bagi Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penganjuran temasya sukan SUKMA sudah masuk edisi ke 19. Melalui penganjuran SUKMA ini, negeri-negeri telah melaksanakan pelbagai program latihan bagi menyediakan atlet-atlet muda bersaing di temasya tersebut. Seperti semua sedia maklum, sebab utama kita menganjurkan SUKMA adalah untuk menyediakan pelapis atlet negara supaya akhirnya mereka dapat memakai jersi negara untuk mengangkat dan memartabatkan landskap sukan di tanah air tercinta.

SUKMA Perak 2018 yang telah diadakan pada 11 September 2018 hingga 22 September 2018 telah disertai oleh seramai 6,500 orang atlet daripada 15 kontinjen negeri. Daripada jumlah ini seramai 1,381 orang atlet adalah daripada program Majlis Sukan Negara khususnya Kita Juara, pelapis kebangsaan, pelapis serantau dan pelapis negeri.

■1030

Mereka turut membantu menyumbangkan pungutan pingat emas kepada pencapaian keseluruhan kontinjen negeri. Untuk kita lihat prestasi SUKMA yang bertambah baik, pada masa yang sama untuk menyediakan atlet-atlet tanah air tercinta kita patut lihat juga rekod negara kebangsaan SUKMA dan juga di peringkat antarabangsa yang berjaya dipecahkan oleh atlet SUKMA kita.

Sebagai contohnya, enam rekod kebangsaan telah dipecahkan dalam sukan renang sebanyak satu rekod, angkat berat sebanyak lima rekod. Manakala, sebanyak 60 rekod SUKMA telah diperbaharui melalui angkat berat iaitu sebanyak 27 rekod, renang sebanyak enam rekod, memanah sebanyak 10 rekod, menembak sebanyak 10 rekod dan olahraga sebanyak tujuh rekod. Ini berbanding dengan Temasya Sukan Tahun 2016 di mana tujuh rekod kebangsaan dan 55 rekod kejohanan telah pun diperbaharui.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa cadangan penambahbaikan dari aspek penganjuran SUKMA akan dilaksanakan pada edisi yang akan datang. Ini khususnya daripada pengurangan kos pembangunan fizikal seperti keperluan pembinaan baharu serta kerja-kerja naik taraf *venue* pertandingan. Kaedah ini juga secara tidak langsung dapat mengawal perbelanjaan penganjuran SUKMA dengan lebih baik dan efisien. Pembangunan prasarana sukan di bawah SUKMA akan seterusnya dapat digunakan oleh pihak kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri-negeri dalam melaksanakan Program Pembangunan Sukan Prestasi Tinggi dengan lebih terancang dan berkesan untuk jangka masa panjang.

Proses persediaan penganjuran juga akan ditambah baik dari segi aspek penganjuran serta pertandingan khususnya penambahbaikan kepakaran pegawai teknikal bagi setiap sukan yang dipertandingkan. Dengan persediaan yang lebih rapi, diharapkan penganjuran SUKMA yang akan datang setanding dengan penganjuran Temasya Sukan Antarabangsa. Bagi persediaan ke Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020, kementerian melalui ISN telah melaksanakan Program

Podium sejak tahun 2016, dengan misi memburu pingat emas pertama negara dalam sukan Olimpik.

Oleh yang demikian, tanggapan bahawa Program Podium telah pun gagal mencapai sasaran tidaklah seratus peratus tepat kerana sasarannya dimustahakkan mengikut prestasi kita pada sukan Olimpik. Walau bagaimanapun, kita ambil maklum berkenaan dua sukan temasya besar iaitu Komanwel dan Sukan Asia di mana kita gagal untuk menduduki kelompok 10 yang terbaik seperti apa yang disasarkan. Dengan itu, Program Podium ini sedang disusun semula berdasarkan prestasi dan pencapaian di Sukan Asia yang baru lepas di Jakarta dan Commonwealth Gold Coast.

Satu *post-mortem* telah pun dilakukan oleh MSN dan ISN pada 13 sehingga 14 September yang lalu. Program ini akan diteruskan dengan penggunaan dana yang lebih fokus dan tumpuan adalah kepada persediaan bagi menghadapi saingan ke Sukan Olimpik 2020. Pihak kementerian akan mengambil langkah penambahbaikan dengan memfokuskan kepada sukan-sukan berpotensi tinggi seperti sukan badminton, karate, terjun dan berbasikal. Penumpuan terperinci terhadap latihan dan pertandingan antarabangsa perkhidmatan sains dan perubatan sukan yang spesifik kejurulatihan dan teknologi sukan yang merupakan aspek tumpuan menjelang persiapan ke Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini terdapat seramai 13 jurulatih asing di bawah Program Podium dalam sukan boling padang, terjun, berbasikal, squash, badminton, gimnastik berirama, olahraga dan angkat berat. Jumlah jurulatih ini dijangka akan berkurangan bergantung kepada *selection* atlet-atlet yang memenuhi kriteria pemilihan yang telah ditetapkan. *Tier 1*, yang terdiri daripada atlet-atlet yang berpotensi memenangi pingat di Sukan Olimpik 2020 dan *Tier 2*, yang terdiri daripada atlet-atlet yang berpotensi akan memenangi pingat di Sukan Asia dan Commonwealth 2022. Proses pemilihan ini akan memastikan bahawa jumlah atlet seharusnya berkurangan daripada jumlah terkini iaitu 148 orang atlet.

Sukan yang berpotensi memenangi pingat di Sukan Olimpik seperti yang dimaklumkan tadi akan diberikan fokus ataupun tumpuan utama untuk berlatih dan bertanding di luar negara sebagai persediaan untuk ke Tokyo Olimpik 2020.

Salah satu pendekatan pengurangan kos latihan di luar negara adalah melalui cara daripada perjanjian persefahaman atau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, MOU yang telah ditandatangani antara ISN dan negara-negara lain. Sebagai contoh, baru-baru ini kita berjaya menandatangani satu kesefahaman bersama Japanese Olympic Committee, Oita Prefecture dan Nakatsu City di mana kita bekerjasama, kita berlatih di sana secara percuma dan pada masa yang sama mereka juga dapat bermain bersama dengan atlet badminton tanah air kita. Ini merupakan platform terbaik pendedahan latihan di Jepun melalui kos yang minimum. Pada masa yang sama, mengangkat mutu sukan tanah air tercinta. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya juga adalah berkenaan dengan sukan di negeri Perak. Yang Berhormat Menteri telah menyahut pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak dan EXCO Sukan Perak dalam pembinaan Perak Sport City bagi mewujudkan subsektor ekonomi sukan sebagai pemangkin produktiviti dan peluang pekerjaan kepada warga Perak. Apakah langkah kerajaan dan Yang Berhormat Menteri dalam pelaksanaan pengumuman tersebut?

Saya juga ingin tahu sama ada kementerian mempunyai sebarang rancangan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak dalam mewujudkan sebuah stadium khusus bagi permainan bola keranjang. Mohon Yang Berhormat Menteri jawab, terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat Batu Gajah. Ada dua soalan di sana. Pertama, berkenaan dengan perbadanan stadium yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk menyelaraskan stadium-stadium di bawah negeri Perak. Setakat ini ia telah pun dimaklumkan oleh saya oleh Menteri Besar Perak, cuma belum dapat lagi kertas kerja yang khusus untuk menggerakkan idea ini. Idea ini idea yang bagus kerana salah satu masalah utama yang kita ada apabila kita telah pun berjaya membina pelbagai jenis stadium, yang jumlah kosnya kadangkala melangkaui RM20 juta, RM30 juta atau RM50 juta adalah selepas penganjuran SUKMA penyelarasan, penambahbaikan dan *maintenance* stadium tersebut tidak dijaga dengan baik.

Oleh sebab itu, kalau Kerajaan Negeri Perak ingin mengambil inisiatif yang agak besar dan penting untuk menjaga dan mengawal selia stadium-stadium di bawah kerajaan negeri, itu merupakan inisiatif yang saya sokong dan dukung. Ini kerana saya agak yakin setiap negeri ada cita rasanya tersendiri. Pada masa yang sama, boleh memberikan pengkhususan dalam memastikan bahawa stadium ini dapat dipromosikan supaya akhirnya ia tidak lagi menjadi liabiliti kepada kerajaan tetapi boleh dijadikan sebagai sumber aset. Sebagai contoh, kita lihat Perbadanan Stadium Malaysia yang menyelia beberapa stadium, contohnya, Stadium Bukit Jalil, Axiata Arena yang sekarang ini liabilitinya dalam RM30 juta setiap tahun. Akan tetapi, sekarang ini kita dalam proses pembaharuan, supaya kita pastikan kita dapat promosikan penggunaan stadium ini supaya menjadi stadium yang dapat membawa duit kepada kerajaan bukan menyalurkan duit keluar daripada kerajaan. Jika Kerajaan Negeri Perak boleh lakukan perkara tersebut, saya mendukungnya.

Kedua, berkenaan tentang stadium khusus bagi bola keranjang. Setakat ini, kita belum terima kertas cadangan yang agak khusus. Kalau ada, Kementerian Belia dan Sukan akan pertimbangkan sebaik mungkin. Terima kasih, Yang Berhormat Batu Gajah.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. terlebih dahulu saya juga ingin – saya juga dari negeri Perak dan ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan bola sepak yang telah membawa balik Piala Malaysia setelah 18 tahun. Saya

juga ingin mengucapkan tahniah kepada pemain dan pengurusan yang saya tahu dikemudikan oleh bekas *state secretary*, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan. Tahniah kepada semua.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri tentang berkaitan dengan SUKMA iaitu tentang *anti-doping test*. Kita dapat lihat dalam setiap SUKMA, ada saja yang tersangkut. Ada saja yang tersangkut. Sama ada mengambil *anabolic steroids*, *diuretic* ataupun *sibutramine* ataupun ada vitamin-vitamin yang terlarang. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kita akan biarkan perkara ini mencemarkan dan memalukan sukan kita?

Apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk memberikan penerangan kepada pemain-pemain pada mereka-mereka yang terlibat dengan sukan ini supaya jangan lakukan? Adakah kita akan memberikan hukuman yang lebih atau meningkatkan lagi hukuman supaya perkara-perkara ini tidak berlaku? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Serai. Dalam bab ini, daripada nada Yang Berhormat Bagan Serai, kekecewaan itu agak jelas. Kekecewaan itu juga turut dikongsi oleh saya apabila saya dimaklumkan bahawa wujudnya beberapa atlet negara khususnya ini merupakan pelapis sukan negara yang telah pun ditangkap dalam ujian doping, kekecewaan itu agak jelas. Akan tetapi, pada masa yang sama perlu ada hala tuju yang jelas juga untuk menangani isu doping ini.

■1040

Selalunya isu *doping* ini melibatkan beberapa sukan contohnya bina badan. Bila pihak kementerian dimaklumkan, pertama sekali adalah untuk memastikan bahawa ada tindakan tegas diambil, yang kedua pengajaran ataupun pendidikan supaya isu ini tidak akan berulang lagi. Ketiga untuk memastikan bahawa kita ada lah sikap rasa malu atau kebertanggungjawaban kepada para atlet supaya mereka tidak lagi mengulangi kesilapan ini kerana *doping* ini merupakan salah satu isu yang membunuh sukan secara langsung atau tidak langsung. Bukan sahaja kerana ia bercanggah dengan *spirit of sports*, tetapi pada masa yang sama, kalau seorang itu mengambil *doping*, yang lain tidak ambil, akhirnya mereka akan terletak di belakang.

Akhirnya kalau kita tidak menangani isu ini dengan agak serius, ia akan menyebabkan satu wabak di mana semua atlet khususnya atlet muda terpaksa mengambil dadah seperti ini supaya akhirnya mereka dapat menang dalam sukan tersebut. Oleh sebab itu dalam bab ini saya bersama berkongsi kekecewaan yang sedia ada dan akan mencari jalan penyelesaian secara menyeluruh bersama dengan pihak ADAMAS yang bertanggungjawab untuk memerangi isu *doping*. Terima kasih Yang Berhormat.

4. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan terkini kajian holistik yang telah dibuat berkaitan dengan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) dan apakah perkara utama yang dipertimbangkan di dalam kajian terbabit.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan tersebut saya ingin mengucapkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ucapkan tahniah juga kepada pasukan Perak.

Dr. Maszlee bin Malik: Bukan... [Ketawa] Itu, saya JDT. Saya ingin mengucapkan selamat menduduki penilaian terakhir bagi calon-calon Sijil Vokasional Malaysia di seluruh negara yang memulakan mereka punya penilaian terakhir pada hari ini, dan saya mengucapkan, buatlah yang terbaik kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selamat maju jaya. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Padang Terap. Terdapat dua pertanyaan lagi yang berhubung kait dengan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC). Oleh itu, izinkan saya menjawab pertanyaan pada hari ini serentak dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Bintulu pada 12 November 2018 dan Yang Berhormat Puncak Borneo pada 27 November 2018. Seperti yang pernah dijelaskan dalam sesi persidangan yang lepas dan kerap ditanya dan kerap dijawab pula, pengiktirafan UEC perlu diselesaikan secara holistik, menyeluruh dan tidak terburu-buru dan tanpa menjejaskan dua tonggak utama.

Pertamanya, pemartabatan ataupun kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu dan keduanya isu perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini. Kita tidak mahu isu ini dijadikan isu politik dan isu perkauman seperti mana yang telah dilakukan oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh yang demikian, kita juga cuba untuk memastikan sebarang keputusan yang dibuat adalah berdasarkan keputusan yang rasional jauh daripada emosional dengan mengambil kira dua tonggak utama tadi dan juga mengetepikan sebarang usaha untuk mempolitikkan isu tersebut. Maka kajian holistik berhubung isu pengiktirafan universiti ini mempunyai dua komponen.

Pertamanya, kajian dalaman yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan sendiri dan kedua proses pengumpulan maklumat dan input dari pelbagai sumber yang dibuat oleh pasukan ataupun *task force* (pasukan khas) yang berkaitan dasar UEC yang dianggotai oleh tokoh-tokoh masyarakat dalam kalangan individu yang terlibat dengan UEC dan juga mereka yang berada di luar sistem tersebut. Pasukan ini diketuai oleh Dr Eddin Khoo, anak kepada Profesor Kho Kay Kim yang juga akan dibantu oleh pertamanya, saudara Mohamad Raimi, Presiden ABIM dan keduanya saudara Tan Yew Sing, Timbalan Presiden Dong Zong.

Pasukan ini penting bagi mengumpulkan pandangan atau maklumat mengenai libat urus ataupun *engagement* dengan izin, dengan pemegang taruh berhubung isu UEC. Proses libat urus akan membawa semua pihak, pihak yang pro kepada UEC, pihak yang kritikal terhadap UEC dan juga pihak yang neutral. Ini perlu dilakukan kerana kerajaan terdahulu langsung tidak melakukan usaha libat urus seperti ini dan hanya melontarkan isu ini dalam keadaan dipolitikkan, sama ada

mereka pro di satu sudut ataupun mereka bersikap begitu anti dari satu sudut yang lain. Jadi tidak ada usaha serius daripada kerajaan terdahulu dan Kerajaan PH sebagai kerajaan bertanggungjawab akan memulakan usaha yang substantif untuk isu UEC ini.

Pandangan dan maklumat ini penting kerana pengumpulan fakta perlu dibuat secara rasional dan tidak prejudis. Sebarang keputusan berkenaan dengan pengiktirafan UEC bukan sahaja mesti dibuat berdasarkan kajian yang menyeluruh bahkan didahului dengan perbincangan yang sihat di ruang awam berdasarkan fakta-fakta yang dikumpulkan secara objektif, rasional, bebas dan lengkap oleh Jawatankuasa ini. Hal ini penting agar tidak ada mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab boleh mengambil kesempatan untuk mempolitikkan isu pendidikan dan masa depan anak-anak bangsa dengan maklumat yang tidak tepat dan rekaan. Kita dapati banyak salah sangka oleh banyak pihak tentang isu UEC ini, sama ada bagi mereka yang pro kepada UEC ataupun mereka yang kritikal terhadap UEC.

Maka, kita dapati ia timbul kerana tiada proses libat urus ataupun *engagement* daripada semua pihak untuk membincangkan isu ini secara telus, secara terbuka dan secara rasional tanpa emosional. Maka sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, sekali lagi saya mengatakan kita meletakkan proses konsultasi dengan semua pihak agar keputusan yang kita buat nanti adalah berteraskan *bottom-up* bukan lagi *top-down* seperti yang banyak dilakukan oleh Kerajaan BN sebelum ini. *[Dewan riuh]*

Fakta-fakta yang dikumpulkan oleh Jawatankuasa ini akan bakal dikemukakan... *[Disampuk]* Malang sekali bagi MP BN hanya penting kasut dan stoking, itulah tahap MP BN! Mereka gagal untuk memahami isu kasut... *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Isi kasut...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Malulah, malu siapa yang cakap pasal isu stoking dan kasut lah.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: ...Kita tak bercakap langsung lah. Yang Berhormat Menteri... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, Menteri kasut kah?

[Dewan riuh]

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Jangan lari...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Jangan bisinglah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menteri kasutkah?

Dr. Maszlee bin Malik: Dalam kes ini...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Malu lah lari daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri terus jawab.

Dr. Maszlee bin Malik: Di sini saya puji Yang Berhormat Rembau. Beliau faham seratus perkara yang dibawa...

[Dewan riuh]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Rembau pun dia tidak hendak dalam senarai. *[Ketawa]*

Dr. Maszlee bin Malik: ...Akan tetapi malangnya rakan-rakan Barisan Nasional hanya bawa isu kasut semata-mata.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ini Yang Berhormat Menteri kasutlah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lenggong sila duduk.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri kasutlah ini. Ini standard Yang Berhormat Menteri kasut.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lenggong duduk.

Dr. Maszlee bin Malik: Inilah kualiti MP BN.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: ...perkara tidak bertanggungjawab. Yang Berhormat Menteri.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Duduklah diam, duduk diam.

Dr. Maszlee bin Malik: ...pendidikan tetapi mereka hanya minat isu kasut. Patutlah Putrajaya selama ini tidak membangun...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Eh! Kasut Yang Berhormat Menteri yang mulakan tetapi kita tidak bercakap bab kasut lah.

Dr. Maszlee bin Malik: ...dan tidak maju.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Kasut, Yang Berhormat Menteri...

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sudah jadi pembangkang diamlah.

Dr. Maszlee bin Malik: Kita kena hargai bahawa Malaysia negara demokratik, bagi mereka hanya kepalanya dipenuhi dengan kasut, kita biarkan mereka untuk melalak. *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri yang bercakap isu kasut.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Psiko pula. Psikologi.

Dr. Maszlee bin Malik: Kepada anak murid yang sedang menyaksikan, janganlah mencontohi wakil rakyat kasut seperti ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri kasut! *[Ketawa]*

Dr. Maszlee bin Malik: Kita cerita seratus perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri...

Dr. Maszlee bin Malik: ...Dia hanya *pickup* satu perkara sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri padat dan ringkas. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belajar hendak tunjuk perasan ini macam mana?

Dr. Maszlee bin Malik: Jawatankuasa ini akan membantu pihak kementerian untuk menyediakan laporan yang akan dibawa ke pihak Kabinet untuk membuat keputusan yang terbaik berhubung dengan isu pengiktirafan sijil UEC. Hal ini demikian kerana isu pengiktirafan UEC ini bukan sekadar isu peperiksaan semata-mata, bahkan melibatkan isu perundangan, integrasi nasional dan lebih penting lagi masa depan anak-anak bangsa. Fokus Kerajaan Pakatan Harapan kini adalah untuk menyediakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan. Ini perlu dilihat dan perlu diberikan perhatian. Pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan kualiti pendidikan tanpa membebankan guru dan akan memberikan peluang kepada semua murid dari pelbagai kaum untuk mereka berjaya di bumi Malaysia ini.

Sehubungan dengan itu KPM amat mengharapkan agar semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam proses pengumpulan maklumat dan input dapat berbincang dan mengemukakan pandangan dan cadangan secara matang dan terbuka dalam menyelesaikan isu pengiktirafan UEC. Terima kasih

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat Simping Renggam, kesian pasal kasut ini. Yang Berhormat Simping Renggam, dah jadi *brand* kasut hendak buat macam mana. Jadi soalan tambahan, soalan tambahan saya berkaitan dengan UEC. Yang Berhormat Menteri sebut dua perkara iaitu bahasa Melayu dan juga perpaduan dan Yang Berhormat Menteri sebut mengenai dengan kajian yang sedang dibuat dan ada Jawatankuasa ditubuhkan dan selepas itu akan dibawa ke Kabinet. Boleh dapatkan *time frame* UEC?

■1050

Kedua, sementara kajian dibuat, kerajaan terdahulu telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar UEC apabila pelajar-pelajar ini ada SPM, kredit Bahasa Malaysia dan lulus Sejarah, mereka boleh dibawa masuk ke IPGM untuk mendapat ijazah. Ada sudah graduan daripada IPGM yang ijazah dalam bahasa Mandarin dan ditempatkan di sekolah-sekolah rendah SRJKC. Jadi, itu dibuat oleh kerajaan terdahulu walaupun Yang Berhormat kata kerajaan dahulu tidak buat apa-apa. Itu telah dilakukan dahulu dan sekarang ini *continue*. Bila kerajaan baharu diambil alih, adakah program itu diberhentikan ataupun hendak tunggu dahulu kajian? Saya dimaklumkan, mengikut laporan dikatakan kajian ini akan mengambil masa empat tahun. UEC ambil masa kajian empat tahun baru hendak diumumkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Soalan. Soalan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Jadi, soalan... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Soalan.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Soalan dia, adakah hendak tunggu pilihan raya sekali lagi baru hendak umum UEC ataupun apa hendak dibuat? Kalau itu, maknanya samalah juga dengan manifesto-manifesto yang lain yang tidak boleh dibuat Yang Berhormat. Jadi, banyak sudah yang dibuat macam itu. Soalannya, itulah yang saya hendak tanya. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghargai simpati Yang Berhormat Padang Terap terhadap nasib saya yang telah dikotorkan imej oleh penyokong-penyokong BN sendiri. Walau bagaimanapun, saya bersimpati lagi dengan Yang Berhormat Padang Terap kerana isu Jepak di Sarawak. Ini kerana *direct nego* yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Padang Terap yang telah menyebabkan banyak sekolah-sekolah di Sarawak bergelap dan kami terpaksa membantu mereka.

Kedua, berkaitan dengan empat tahun untuk iktiraf. Inilah kualiti MP BN, mereka hanya baca *headline* dan tidak baca isi kandungan berita tersebut. [*Tepuk*] Apa yang dilakukan sebelum ini, status quo berkaitan dengan lepasan UEC itu kita teruskan. Persoalan yang kita timbul ialah pengiktirafan UEC untuk kemasukan ke universiti dan ini bukan hanya janji Pakatan Harapan, tetapi juga janji Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Najib di dalam kempen dan di dalam manifesto BN sendiri. Malangnya, mereka lontarkan di satu pihak dan di satu pihak yang lain, mereka macam bila kita lakukan usaha. Inilah masalah BN.

Berkaitan dengan usaha pengkajian *time frame*. Pada tahun 2019, kajian daripada jawatankuasa ini akan dapat dibawa laporannya kepada kami dan kami akan bawa kepada Kabinet untuk memutuskannya. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya tanya soalan tambahan saya, saya rasa peliklah kerana dalam sesi Parlimen yang lepas itu, Yang Berhormat Padang Terap sendiri yang menyoalkan apabila Yang Berhormat Menteri setuju untuk iktiraf UEC. Beliau yang tanya banyak soalan tentang usaha Kerajaan Pakatan Harapan. Ini memang pelik. Itu saya hendak tahu, Kerajaan Pakatan Harapan sekarang hendak mengiktirafkan UEC tetapi di kalangan rakyat kita dapat bahawa masih ramai orang yang tidak faham ataupun salah faham terhadap sistem UEC ini.

Mereka salah faham kerana dapat maklumat itu daripada surat khabar-surat khabar dikawal oleh pihak tertentu iaitu macam mana Yang Berhormat Menteri boleh ambil langkah ataupun terangkan langkah-langkah yang telah diambil ataupun bakal diambil untuk mencapai persefahaman terhadap peperiksaan UEC ini dan mengelakkan salah faham dalam kalangan rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, saya difahamkan Yang Berhormat Kluang adalah pelajar lepasan UEC. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kluang, benar. Apabila kita melakukan pengkajian dan pertemuan dengan pemegang taruh-pemegang

taruh kita, terdapat banyak salah tanggapan sama ada daripada pihak yang inginkan UEC diiktiraf terhadap pihak yang menentang dan juga daripada pihak yang kritikal terhadap UEC. Ini timbul kerana tiadanya usaha libat urus. Tiadanya unsur *engagement* selama ini daripada semua pihak untuk memahami satu sama lain. Jadi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita melihat perlunya usaha libat urus ini diusahakan dan bermula daripada hari ini juga.

Oleh sebab itu kita ucapkan tahniah, contohnya kepada DBP, kepada UPM dan juga 11 NGO berkaitan pendidikan Cina yang baru-baru ini telah melakukan satu program libat urus dengan mengadakan konvensyen berkaitan pemertabatan bahasa Melayu di SJKC-SJKC. Selepas ini pun, kita dapati DBP akan bekerjasama dengan Dong Zong untuk melakukan program-program bersama. Ini merupakan sebahagian daripada usaha kita untuk mempertemukan semua pihak agar semua pihak dapat bercakap dengan penuh ketelusan, dengan penuh akauntabiliti untuk mencapai satu konsensus dalam membuat satu keputusan dasar berkaitan dengan pendidikan negara.

Begitu juga dipihak kementerian, kita menggalakkan Yang Berhormat Kluang, untuk sekolah-sekolah SJK(C), SJK(T), sekolah kebangsaan, sekolah agama, sekolah tahfiz untuk melakukan banyak program bersama. Malaysia baharu inginkan rakyat terlibat bersama tanpa prejudis dengan penuh *love* dengan izin, kasih sayang. Kedua, dengan penuh *happiness* iaitu kegembiraan dan ketiga, dengan penuh *mutual respect* iaitu saling hormat-menghormati. Ini perlu bermula di sekolah.

Maka di pihak sekolah, di pihak daerah-daerah, di pihak negeri, kita menggalakkan lebih banyak program libat urus aktiviti bersama oleh sekolah-sekolah. SJK(C) bersama sekolah agama. SJK(T) bersama sekolah tahfiz. Sekolah kebangsaan bersama sekolah Orang Asli. Ini kita akan cuba libatkan juga pihak-pihak awam, pihak-pihak yayasan dan semua yang ingin melihat Malaysia yang lebih harmoni, bersatu padu untuk membantu dan masa depan Malaysia di tangan kita bersama. Terima kasih.

5. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan terkini tentang kajian menyemak semula Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) oleh Jawatankuasa Khas Kabinet.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih pada Yang Berhormat Sibu atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang kemukakan oleh Yang Berhormat Sibu pohon dijawab bersekali dengan soalan-soalan yang berikut iaitu soalan nombor 39, Yang Berhormat Kota Marudu pada 30 Oktober ini. Soalan 47, Yang Berhormat Batang Sadong pada 1 November ini. Soalan nombor 19 oleh Yang Berhormat Kinabatangan pada 12 November ini. Soalan 22, Yang Berhormat Kota Kinabalu pada 12 November ini. Soalan nombor 7 oleh Yang Berhormat Julau pada 14 November ini. Yang Berhormat Petrajaya, nombor 36 pada 15 November ini. Nombor 41, Yang Berhormat Puncak Borneo pada 1 November ini.

Soalan nombor 1, Yang Berhormat Sungai Petani pada 26 November ini. Soalan nombor 24, Yang Berhormat Beaufort pada 29 November ini. Nombor 31, Yang Berhormat Kota Marudu juga pada 29 November dan juga Yang Berhormat Kapit, nombor 25 iaitu pada 3 Disember tahun ini. Nombor 37, Yang Berhormat Batang Lupar pada 30 Disember. Soalan 38, Yang Berhormat Beluran pada 11 Disember dan juga soalan bertulis nombor 5 oleh Yang Berhormat Kudat. Soalan bertulis nombor 92 oleh Yang Berhormat Lanang dan juga soalan bertulis nombor 190 oleh Yang Berhormat Pasir Gudang. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bertanya soalan mengenai *Malaysia Agreement 1963* ini. Begitu ramai sekali Tuan Yang di-Pertua. Ini menunjukkan kepentingan perkara ini dan juga kerelevansi perkara ini dalam konteks era Malaysia yang baharu ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada hari Malaysia iaitu pada 16 September tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan bahawa Sabah, Sarawak dan juga Persekutuan Tanah Melayu adalah rakan kongsi sama rata seperti yang termaktub dalam *Malaysia Agreement 1963*. Susulan daripada itu pada 10 Oktober, Jemaah Menteri telah meluluskan Jawatankuasa Khas Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri dan juga dengan keahlian daripada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal iaitu Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg iaitu Ketua Menteri Sarawak.

■1100

Dianggotai juga saya sendiri sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali iaitu Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo yang merupakan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Tuan Baru Bian Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar yang merupakan Ketua Setiausaha Negara, Yang Amat Arif Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah yang merupakan Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

Yang Berusaha Tuan Tommy Thomas yang merupakan Peguam Negara, Yang Berbahagia Profesor Emeritus Profesor Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi yang merupakan profesor undang-undang Universiti Malaya, Yang Berbahagia Datuk Talat Mahmood Abdul Rashid yang merupakan Peguam Besar Sarawak, dan juga Yang Berbahagia Dato' Seri Alwi bin Haji Ibrahim, Yang Berbahagia 'Rosfadim' yang merupakan Peguam Besar Sarawak.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, jawatankuasa ini selain daripada Jawatankuasa Khas Kabinet juga di tubuh ialah Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan bersama saya dan juga Yang Berbahagia Peguam Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, perkembangan terkini

iaitu satu *task force* telah pun ditubuhkan dan ini pun telah disetujui oleh Jemaah Menteri bahawa *task force* yang diurus setiakan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang ini akan disertai oleh semua pegawai-pegawai daripada pelbagai agensi kerajaan daripada Sabah dan Sarawak juga untuk jangka masa enam bulan.

Bahagian Hal Ehwal Undang-undang telah mengadakan dua mesyuarat bersama pihak berkepentingan termasuk wakil-wakil daripada Sabah dan Sarawak serta agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara, Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam berkenaan senarai-senarai isu yang dikenal pasti sebelum ini.

Memandangkan mesyuarat pertama Jawatankuasa Khas Kabinet iaitu Jawatankuasa Pemandu akan diadakan dalam masa yang terdekat. Satu mesyuarat *pre-council* akan diadakan pada 1 November ini sebagai persediaan menghadapi mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Pemandu tersebut.

Selain daripada itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang juga telah mengadakan perjumpaan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam berkenaan penempatan pegawai-pegawai dalam *task force* yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri. Penempatan pegawai-pegawai ini dijangka akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat memandangkan Jawatankuasa Khas Kabinet ini diberi hanya enam bulan untuk melaksanakan penyemakan kepada Perjanjian Malaysia 1963. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Sibü, sila.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Sebelum saya melanjutkan soalan tambahan saya, saya ingin mengalu-alukan kedatangan rombongan daripada Kelab Guru dan Kakitangan MRSM Ulul Albab, Parlimen Sungai Besar. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sungai Besar jauh dari Sibü.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: *[Ketawa]* Di sebelah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jiran, sila.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana usaha untuk menunaikan apa yang disebutkan dalam manifesto Pakatan Harapan untuk menurunkan kuasa kepada negeri Sabah dan Sarawak.

Soalan tambahan saya ialah minta Menteri menjelaskan skop dan perkara-perkara yang akan diutamakan oleh jawatankuasa ini. Saya ingin meminta Menteri menjelaskan bagaimana jawatankuasa akan mengambil prihatin terhadap kebimbangan dan perasaan penduduk Sabah dan Sarawak terhadap MA63.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Menteri, sila.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, walaupun jauh dari Batu Sapi saya juga mengalu-alukan kehadiran daripada Kelab Guru MRSM daripada Sungai Besar, Perak. *[Tepuk]*

Untuk makluman Yang Berhormat Sibul, skop ataupun rujukan atau *term and reference* dalam perkara ini pada dasarnya masih lagi di dalam pertimbangan daripada pihak *standing committee* tersebut. Akan tetapi, saya telah pun turunkan bahawa isu-isu yang perlu dikenal pasti ialah mengenai isu berhubungan dengan pelaksanaan hak-hak kuasa autonomi Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan juga Perjanjian Malaysia 1963 selaras dengan *Report of the Inter-Governmental Committee 1962* ya Yang Berhormat Sibul, serta memperakukan syor-syor berhubungan dengan keperluan untuk memperbaharu kerangka perundangan.

Jadi, pada keseluruhannya kita lihat bahawa penubuhan *Cabinet Committee* ini amat serius, telah pun diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri bersama-sama dengan Ketua Menteri daripada Sabah dan Sarawak di mana keputusan muktamad boleh dibuat dalam perkara ini. Jadi saya yakin bahawa rakyat di Sabah dan Sarawak bolehlah bertenang dan bersabar sambil menunggu berita yang baik akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas sahaja Jawatankuasa Kabinet ini selesai dengan terma-terma yang tertentu, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Keningau, sila.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sebab tidak jelas, sama ada Jawatankuasa Kabinet ini akan mengkaji perjanjian Malaysia atau mengaudit pelaksanaan Perjanjian Malaysia sebab ini dua perkara yang berbeza. Sekiranya tujuan adalah mengkaji Perjanjian Malaysia sudah tentunya kita balik kepada *the drawing board, all the signatory must be there* termasuk Singapore dan Britain sebab *you cannot unilaterally review the Perjanjian Malaysia* tanpa kehadiran mereka ini.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Soalan? *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Itulah soalan yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Keningau, soalan tambahan.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Soalan saya adakah, apakah tujuan *Cabinet Committee* ini, mengkaji Perjanjian Malaysia atau mengaudit pelaksanaan Perjanjian Malaysia?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Duduk, duduk. *[Dewan riuh]*

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Kau *Speaker* kah?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Duduk.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: *Are you a Speaker?*

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: *This is very serious matter. Let him talk.*

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Diam, diam.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Jangan cakap diam.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Diam.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Keningau teruskan.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Soalan yang kedua,

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Satu sahaja, duduk.

Beberapa Ahli: Terus, terus.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Apakah peranan Jawatankuasa-jawatankuasa yang lain terutama sekali Jawatankuasa Teknikal. *What is the involvement of MPs* dan juga apakah *terms of references* setiap jawatankuasa yang telah ditubuhkan. Ini saya timbulkan kerana tidak ada guna kita *review* sekiranya ketidakpuasan hati rakyat Sabah, negeri Sabah dan Sarawak selama ini tidak diaddresskan dan tidak ada guna kita— sebab itulah saya minta penjelasan terutama sekali daripada Menteri, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, okey. Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Keningau. Yang Berhormat Keningau ini janganlah melompat kepada isu. Isu sebelum Jawatankuasa Pemandu ini membuat keputusan dalam enam bulan ini.

Jadi kajian-kajian yang telah pun dibuatkan oleh kerajaan yang terdahulu itu kita dapat lihat bahawa mereka tidak dianggotai oleh pengerusi yang boleh memberi keputusan muktamad, hanya dipengerusi oleh seorang Kabinet Menteri terlebih dahulu. Mereka setakat ini belum lagi dapat mengadakan apa-apa keputusan.

■1110

Akan tetapi, walau bagaimanapun kita akan melihat bukan sahaja daripada isu-isu yang telah pun disetujui ataupun *by concern* diterima daripada ahli-ahli ataupun rakyat Sabah dan Sarawak daripada kini kita hanya melihat daripada hala tuju *Malaysia Agreement the way forward, because the common issue* bagi saya seperti sama ada Sabah, Sarawak ataupun Persekutuan Malaya sama ada rakan kongsi itu telah pun jelas diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *That issue is settle.*

Kita pada setakat ini ialah untuk melihat *the way forward* untuk memastikan bahawa hak-hak Sabah dan Sarawak yang termaktub dalam *Malaysia Agreement* dan juga *agreements* berkenaan akan terus dapat dimajukan. *So, don't want to say at what happened before already, we want to move forward* daripada sekarang. Jadi, Yang Berhormat Keningau ini bertanya soalan, saya rasa soalan yang tidak berapa relevan untuk hala tuju *Malaysia Agreement 1963* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, kita *move forward*.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, untuk makluman Yang Berhormat dan juga.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Kenapa ia tidak relevan?

Datuk Liew Vui Keong: Isu-isu mengenai Jawatankuasa Teknikal akan ditubuh dan juga Jawatankuasa Kerja Pengerusi akan tetap ditubuhkan juga berdasarkan kepada isu-isu utama yang perlu diteliti. Isu *relevancy* ini Yang Berhormat, yang penting sekali ialah untuk kita rakyat di

Sabah dan Sarawak untuk maju ke hadapan bersama-sama dengan rakyat yang berada di Semenanjung ini. *Together*, kita adalah untuk menuju kepada satu negara yang baharu *under* satu Malaysia yang baru di bawah pimpinan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru, yang ketujuh. *This is the way forward*. Kita janganlah berdebat pasal *what had actually happened way before in 1963*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta Menteri Industri Utama menyatakan apakah usaha untuk membantu para peneroka dan pekebun kecil meningkatkan pendapatan mereka melalui industri sawit dan getah. Adakah sebarang bantuan kerajaan bagi memberi nilai tambah kepada mereka.

Timbalan Menteri Industri Utama [Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam Malaysia baharu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin dan sentiasa membantu mengukuhkan pendapatan peneroka dan pekebun kecil sawit dan getah. Antara usaha dilaksanakan untuk pekebun kecil sawit adalah seperti berikut:

- (i) memberi bantuan melalui Skim Tanam Semula dan Tanam Baharu Sawit untuk pekebun kecil. Sebanyak RM7,500 satu hektar bagi Semenanjung Malaysia dan RM9,000 satu hektar bagi Sabah dan Sarawak untuk pembersihan tapak, bekalan benih, input pertanian dan hikmat nasihat;
- (ii) memberi diskaun sehingga 20 peratus melalui Skim Insentif Jentera Industri Kelapa Sawit ataupun lebih dikenali sebagai OPIMIS kepada pengusaha ladang bagi setiap pembelian jentera bagi digunakan di ladang sawit. Penggunaan jentera akan dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan penggunaan tenaga buruh bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja yang sedang dihadapi oleh sektor perladangan sawit ketika ini; dan
- (iii) melaksanakan Program Integrasi Tanaman dan Integrasi Ternakan dengan sawit memaksimumkan penggunaan tanah supaya pekebun kecil sawit persendirian dapat menjana pendapatan tambahan ketika sawit di peringkat pramatang. Di bawah program ini kerajaan memberikan insentif antara RM3,000 hingga RM11,000 satu hektar untuk integrasi tanaman dan penyediaan induk ternakan seperti lembu dan juga kambing.

Bagi pekebun kecil getah pula Tuan Yang di-Pertua, usaha yang dijalankan oleh kerajaan adalah seperti berikut;

- (i) melaksanakan inisiatif pengeluaran getah (IPG), di mana insentif ini akan diaktifkan apabila harga purata bulanan getah menurun di bawah paras harga pengaktifan iaitu RM5.50 sekilogram ataupun purata bulanan harga ladang sekerap atau *cup lump* di paras RM2.20 sekilogram. Sebarang kekurangan harga daripada paras harga pengaktifan akan ditampung oleh kerajaan. Kadar ini membolehkan pekebun kecil dengan produktiviti getah sekerap 3,000 kilogram satu hektar setahun dan purata milikan tanah dua hektar mencapai pendapatan bulanan sebanyak RM 1,100; dan
- (ii) melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang. Program ini menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk tujuan urus niaga getah. Langkah ini dapat meningkatkan lagi harga pembelian getah di peringkat ladang dengan mengurangkan lapisan pembeli. Pengurangan orang tengah akan tentunya membantu pekebun-pekebun kecil getah mendapat harga yang munasabah dan berbaloi.

Sekian. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucap terima kasih kerana apa yang telah disebut tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menunjukkan bahawa dasar-dasar kerajaan, dasar dan prosiding Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu diteruskan. Cuma soalan saya mengenai bagaimana hendak meningkatkan pendapatan sama ada dasar-dasar Barisan Nasional diteruskan sebab sekarang ini harga minyak kelapa sawit begitu jatuh. Kalau peneroka FELDA dia ada 10 ekar pendapatan RM900 sebulan. Kalau pekebun kecil dia hanya ada sekitar tiga ekar hingga lima ekar sahaja. Bermakna, pendapatan dia lebih kurang RM200 hingga RM300 sebulan. Macam mana hendak tanggung sara hidup keluarga masing-masing.

Soalan saya Yang Berhormat, bilakah hubungan dua hala kita, perdagangan Malaysia-China yang telah dijamin dahulu, Kerajaan China akan membeli minyak kelapa sawit tanpa had di bawah pimpinan Yang Berhormat Pekan tetapi nampak sekarang ini penguasaan minyak kelapa sawit kita telah jatuh dan penguasanya telah dikuasai oleh Indonesia. Saya harap bilakah dapat dipulihkan.

Selain daripada minyak kelapa sawit hasil daripada pokok kelapa sawit itu tersebut adakah usaha-usaha R&D sama ada minyaknya, sama ada kulitnya, pelepahnya, tandannya dan sebagainya supaya menjadi sumber pendapatan tambahan kepada pekebun kecil. Saya minta adakah kerajaan akan meneruskan Bantuan Musim Tengkujuh bagi pekebun kecil getah dan kelapa sawit seperti mana telah kita laksanakan sebelum ini. Terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Ada tiga soalan Tuan Yang di-Pertua. hendak jawab semua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Satu cukup. Jawab mana-mana ikut keutamaan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Baik dari segi keutamaan saya pilih untuk memberi perhatian Dewan kepada Yang Berhormat dibangkitkan hubungan dagang dengan negara China. Saya fikir ia kurang tepat kerana apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat susulan perkara yang dilakukan oleh kerajaan antara yang seperti kita sedia maklum, lawatan Yang Amat Berhormat Tun Mahathir ke negara China yang tentunya telah menambahkan lagi hubungan baik di antara Malaysia dan juga negara China. Untuk tujuan industri sawit ini saya ingin *highlight* kan ataupun maklumkan kepada Dewan.

Dalam lawatan tersebut, antaranya telah pun ditandatangani satu MoU antara Sime Darby Plantation Berhad dan *China National Cereals, Oils and Foodstuffs Corporation (COFCO)* dengan izin, iaitu kilang penghasilan produk kelapa sawit. Seperti mana yang dinyatakan dalam laporan media berkaitan perkara ini dan tentunya laporan kepada Kabinet ini tentunya berkaitan dengan komitmen dan iltizam kerajaan untuk memastikan pelbagai produk hiliran dibangunkan. Kali ini kita menandatangani satu MoU dengan satu syarikat yang besar di negara China bagi tujuan untuk produk-produk berasaskan sawit ataupun produk-produk hiliran. Saya percaya ini perkara yang penting yang menunjukkan bagaimana kita bergerak maju ke hadapan terutamanya bukan sekadar *upstream* tetapi juga memperbanyakkan lagi produk hiliran bagi tujuan sawit.

Sedikit sahaja tentang apa yang dibangkitkan tadi di peringkat awal soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Saya ingin maklumkan kepada Dewan pada peringkat awal tahun ini kerajaan hanya meluluskan RM2 juta belanja untuk mempromosikan sawit ini dalam usaha kita untuk mengemukakan naratif ataupun penceritaan yang baharu, awal tahun ini RM2 juta. Akan tetapi baru-baru ini Kementerian Kewangan telah pun meluluskan RM23 juta. Ini menunjukkan tambahan komitmen kerajaan baharu terhadap usaha kita untuk memastikan komoditi penting seperti sawit ini sentiasa berada di persada dan tentunya apabila itu berlaku, ini akan membantu mereka yang terlibat di dalam sektor pekebun kecil. Terima kasih.

■1120

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada soalan daripada Yang Berhormat Kuala Krai tadi yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri iaitu kerajaan terdahulu memberi bantuan musim tengkujuh kepada penoreh getah, maka adakah pada hari ini kerajaan bersedia untuk meneruskan sumbangan ini? Saya yakin sebenarnya sumbangan penoreh getah, pekebun kecil ini sebenarnya tidak perlu kepada BMT ini jika sekiranya harga getah dapat distabilkan sebagaimana beberapa tahun lepas sehingga harga getah yang bersih yang dapat diperoleh oleh pekebun kecil ini antara RM6, ada satu masa sampai RM8.

Jadi apakah usaha kerajaan, pertama sekali kali, untuk memastikan pekebun kecil ini khususnya penoreh getah di kampung-kampung ini khususnya dalam kawasan Kuala Krai yang memang sebahagian besarnya adalah merupakan penoreh getah untuk memastikan mereka ini terbela yang ibarat pada hari ini kehidupan mereka ibarat '*Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*'? Jadi itu soalan saya, terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai di atas soalan yang dikemukakan berkaitan dengan BMT dan apakah insentif yang sedang diusahakan oleh kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tujuan BMT atau bantuan musim tengkujuh ini, beberapa cadangan telah pun dikemukakan oleh kesemua pemegang taruh di dalam industri sawit ini bukan sekadar daripada pemain-pemain industri tetapi juga daripada Persatuan Pekebun-pekebun Kecil, Persatuan Bumiputera Getah dan sebagainya. Jadi perkara ini sedang diteliti oleh kerajaan. Saya percaya minggu depan ketika pembentangan belanjawan, mungkin ada beberapa lagi perkara-perkara yang berkaitan dengan industri getah ini yang akan diumumkan oleh kerajaan.

Buat masa ini seperti mana saya jawab tadi ialah kita mengemukakan ataupun memberikan tumpuan kepada insentif pengeluaran getah— masih dikekalkan. Tetapi dalam masa yang sama, kita juga sebenarnya sedang mempergiatkan lagi, kerajaan sedang mempergiatkan lagi program penggalakan pengeluaran lateks tempatan yang mana kita memperuntukkan RM12 juta pada tahun ini bagi tujuan itu dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi infrastruktur kutipan lateks ini, dan ini tentunya akan membantu mereka yang terlibat terutamanya pekebun kecil menambahkan pendapatan memandangkan harga lateks itu adalah lebih tinggi berbanding sekerap. Sekian.

7. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah terbaik untuk memastikan syarikat penerbangan tidak menaikkan harga ketika musim perayaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Hulu Langat di atas soalan nombor tujuh yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, untuk memastikan syarikat penerbangan tidak menaikkan harga ketika musim perayaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengadakan satu mesyuarat dengan syarikat-syarikat penerbangan pada 4 September 2018 berhubung isu tersebut dan telah memutuskan langkah-langkah seperti berikut.

Pertama, sebagai langkah interim, kerajaan tidak akan menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik bagi tujuan mengelakkan sebarang manipulasi

oleh syarikat-syarikat penerbangan yang mana purata harga tiket akan menjadi lebih tinggi walaupun di luar musim perayaan sekiranya ia dilaksanakan.

Kedua, kerajaan akan terus membenarkan harga tiket ditentukan oleh pasaran semasa, dengan izin, *market driven* yang mana syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Ketiga, bagi mengurangkan kenaikan harga tambang sempena musim perayaan, kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tujuh hari sebelum musim perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi.

Keempat, dalam hubungan ini, kementerian akan turut mendapatkan kerjasama daripada operator lapangan terbang, syarikat pengendalian darat, perkhidmatan ERL dan teksi untuk melanjutkan operasi di lapangan terbang yang berkaitan dalam tempoh tujuh hari sebelum perayaan tersebut.

Kelima, orang ramai di saran untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian di saat akhir.

Keenam, pihak Suruhanjaya Penerbangan Awam (MAVCOM) telah diminta untuk membuat pemantauan berhubung pengenaan kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat penerbangan dan meneliti impak pelaksanaan kaedah interim ini. Sekiranya kaedah ini tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga tambang yang tidak munasabah sempena musim perayaan, pihak kementerian akan mempertimbangkan semula cadangan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik.

Terima kasih.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Oleh kerana kementerian tidak bercadang untuk meletakkan harga siling pada musim perayaan— sebenarnya kami mengharapkan supaya ada *margin revenue* untuk melihat bagaimana mereka mengambil keuntungan pada musim-musim perayaan. Akan tetapi oleh kerana kita bercakap pasal di luar perayaan juga kerana kepentingan harga di luar perayaan, saya ingin bertanya adakah kerajaan bercadang untuk memberikan subsidi secara bersasar bagi perkhidmatan penerbangan kepada rakyat khususnya seperti warga Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung yang terpaksa menggunakan perkhidmatan penerbangan untuk pulang ke kampung ketika musim perayaan dan di luar perayaan?

Dato' Kamarudin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya tidak ada jawapan yang khusus berkaitan dengan subsidi bersasar kepada rakyat sebab ia belum ada perancangan. Akan tetapi andaian yang saya berikan dalam jawapan saya tadi ialah

bahawa jika penerbangan-penerbangan ini ditambah di musim perayaan, maka saya yakin secara logiknya maka purata-purata harga pun akan menurun memandangkan bahawa syarikat-syarikat ini perlu untuk mengisi tempat-tempat dalam penerbangan-penerbangan tambahan tersebut.

Berkaitan dengan subsidi bagi di Sabah dan Sarawak sebagaimana Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain mungkin maklum, kita memang ada dasar tersebut untuk penerbangan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

8. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta Perdana Menteri menyatakan usaha yang telah dilakukan bagi penambahbaikan kedudukan Mahkamah Syariah dan penyeragaman undang-undang syariah di seluruh negeri Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Sik. Saya mohon menjawab soalan yang diajukan bersekali dengan soalan lisan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Bharu.

Saya akan menjawab secara ringkas perkara-perkara yang membabitkan pembaik pulih ataupun peningkatan kedudukan Mahkamah Syariah secara holistik. Dengan kata lain, pandangan kerajaan hari ini melihat isu penambahbaikan dan juga penyeragaman dalam konteks yang secara holistik. Ia melibatkan tentang proses mempercepatkan tuntutan mengikut kaedah-kaedah keadilan, yang kedua melibatkan soal fizikal, yang ketiga melibatkan soal kecekapan dan potensi melalui kerangka sumber manusia dan yang keempat ialah isu-isu penyeragaman yang melibatkan soal undang-undang yang berbeza mengikut negeri-negeri, aspek-aspek teknikal serta isu-isu falsafah yang dibawa dalam kerangka Kerajaan Pakatan Harapan hari ini.

Pertama dari sudut meningkatkan kecekapan proses keadilan itu. Antara tuntutan-tuntutan Mahkamah Syariah terpaksa hadapi ialah antaranya menggunakan kaedah menaikkan sistem e-Syariah kepada sistem e-Syariah versi 3.0 iaitu dalam kerangka menambah baik pengurusan pendaftaran kes-kes di Mahkamah Syariah di seluruh negara.

■1130

Ia melibatkan antara beberapa Mahkamah Syariah yang telah pun menunjukkan satu tahap pencapaian yang baik melalui apa yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Contohnya, apa yang dinamakan sebagai projek *Key Focus Activities* (KFA) bagi proses *Al-Sulh* iaitu tempoh masa bagi pengeluaran perintah bersih bagi kes-kes yang diselesaikan melalui proses *Al-Sulh* ini dipendekkan dari tempoh 14 hari ke satu jam. Ini satu pencapaian yang cukup besar kerana kompelin selama ini kita dikatakan lambat, yang asalnya 14 hari, kita dapat pendekkan hanya kepada satu jam. Bermula daripada pengendorsan perjanjian penyelesaian di hadapan hakim sehinggalah perintah bersih dikeluarkan.

Selain itu, kita juga ada untuk apa yang kita namakan kerja-kerja proses, kerja kes-kes cerai yang selalu kita dapat aduan, Yang Berhormat, kerana yang dikatakan lambat kita bertindak. Kita ada satu program yang kita panggil *fast track* yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri di Selangor telah berjaya melalui mempercepatkan penyelesaian perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 daripada 90 hari ke enam jam waktu bekerja. Maksudnya, kita telah usaha supaya isu-isu proses pengadilan daripada sudut tuntutan cerai dan sebagainya, yang dahulu dikatakan lambat, hari ini kita telah berjaya mempercepatkan proses itu.

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor juga telah berjaya membuat satu inovasi yang kita namakan sebagai *Mobile Court Kit*. *Mobile Court Kit*, maksudnya set kelengkapan bagi perbicaraan di luar dewan bicara yang mengandungi set peralatan yang lengkap untuk kegunaan perbicaraan yang mengandungi meja dan kerusi hakim, pembantu syariah, setiausaha hakim, ruang penyimpanan fail, *laptop* dan alat tulis serta mengandungi ruang penyambungan wayar elektrik dan peralatan audio.

Selain itu, di negeri Perak, kita ada satu inovasi yang kita namakan sebagai MySolve yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak di mana sistem tersebut merupakan pendaftaran *online* bagi kes perceraian seksyen 47 dan pengesahan lafaz cerai seksyen 57, Enakmen Keluarga Islam (Perak). Setelah pendaftaran dibuat, pihak mahkamah dalam masa tiga hari— sudah selepas kita daftar, tiga hari— pihak mahkamah akan menetapkan tarikh pendengaran kes di hadapan hakim untuk diselesaikan pada hari yang sama. Ini dipanggil sebagai proses melicinkan perjalanan keadilan supaya tidak timbul isu-isu Mahkamah Syariah ini *backlog* ataupun lambat bertindak.

Satu lagi yang saya sebut iaitu daripada sudut sumber manusia. Secara holistik, kita tengok sumber manusia ini meningkatkan program latihan, kompetensi dan peluang melanjutkan pengajian bagi melahirkan pegawai syariah yang berkompentensi tinggi, mempunyai kemahiran pelbagai yakni *multiskill* dan mampu meningkatkan lagi sistem penyampaian yang lebih efektif.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sik, program terkini yang sedang diusahakan oleh JKSM antaranya ialah mewujudkan kerjasama strategik bersama Universiti Sains Malaysia, USIM dan Universiti Tun Hussein Onn melalui memorandum persefahaman yang telah ditandatangani pada 23 Oktober yang lalu. Baru-baru ini, saya sendiri yang menyaksikan tandatangan itu. Perjanjian itu untuk apa? Untuk meningkatkan yang melibatkan skop latihan, kajian dan penyelidikan dalam bidang perundangan serta kerjasama melibatkan kemudahan bagi menyambung pengajian di peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran.

Kedua ialah pengambilan pegawai syariah yang mempunyai kompetensi yang terbaik, *best talent*. Kita tidak hendak ambil pegawai syariah yang kita kata dari segi pencapaian akademiknya di belakang. Kita hendak yang *the best talent* yang berkhidmat di Jabatan Kehakiman Syariah. Dalam hal ini, kita bekerjasama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kita mengadakan

mesyuarat dan perbincangan bagi menetapkan kelayakan serta penapisan calon temu duga berdasarkan kompetensi yang kita minta itu sesuai dengan jawatan dia sebagai pegawai syariah.

Selain itu juga, ada isu-isu yang melibatkan soal fizikal di mana sekarang ada dua projek iaitu di Pahang dan juga di Sabah iaitu satu projek pembangunan Mahkamah Syariah sedang dijalankan.

Bagi jawapan kepada penyelarasan— saya terpaksa cepatkan ya, sebab waktu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Antaranya ialah kita bercadang untuk menubuhkan Mahkamah Tinggi Syariah bahagian hadanah dan nafkah. Maknanya, ia akan ada satu Mahkamah Tinggi Syariah untuk hadanah dan nafkah dan Mahkamah Rendah Syariah bahagian nafkah di Wilayah Persekutuan. Maknanya, kita hendak supaya isu-isu nafkah, hadanah ini dapat dikendalikan oleh satu mahkamah khusus. Ini adalah satu peningkatan yang sedang kita usahakan di Kerajaan Pakatan Harapan.

Kedua ialah isu mengkaji dan membina kaedah-kaedah baharu bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran seperti kaedah *Sulh*, kaedah fi, kos dan kaedah hakam. Ini termasuk di dalam isu-isu penyeragaman dan penambahbaikan.

Selain daripada itu, JKSM di peringkat *Federal* telah mencadangkan wujudnya garis panduan atau *standard operation procedures* berhubung dengan penyelarasan sesuatu proses pengendalian kes di Mahkamah Syariah. Garis panduan atau *standard operation procedures* itu dihasilkan antaranya adalah *Buku Panduan Proses Nikah, Cerai dan Ruju'* Jabatan Agama Islam Wilayah, prosedur operasi untuk perintah pengesahan dan pendaftaran perkahwinan dan yang paling terkini yang saya sendiri terlibat ialah prosedur operasi standard permohonan perkahwinan bawah umur di bawah Mahkamah Syariah.

Kita juga ada satu jawatankuasa, untuk pengetahuan Yang Berhormat, yang kita namakan sebagai Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Sivil dan Syariah untuk kita jadikan sebagai platform bagi cadangan-cadangan penyelarasan. Seperti yang sedia maklum, negeri ini ada hukuman ini, negeri ini tidak ada hukuman ini. Jadi kita ada satu jawatankuasa penyelarasan. Kita juga mengkaji pindaan dan penyeragaman undang-undang yang berkaitan kesalahan jenayah syariah kerana tadi ada yang berbeza-beza. Kita juga sedang daripada sudut falsafahnya, menuju kepada satu kaedah yang kita hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, cuba ringkaskan.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba ringkaskan. Yang bersifat memulihkan atau *rehabilitative* daripada bersifat menghukum ataupun *punitive*.

Semua ini, untuk pengetahuan Yang Berhormat yang bertanya, kita juga ada satu forum atau ruang-ruang seperti Majlis Dialog Undang-undang dan Persidangan Penyelarasan Syarak dan Sivil. Kita juga ada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam dan kita juga ada yang

terkini masih menunggu laporan iaitu Majlis Tertinggi Agama Islam di Malaysia yang akan antara lainnya memberi cadangan-cadangan untuk membaik pulih Mahkamah Syariah.

Jadi, saya harap dengan jawapan ini, kita dapat faham bahawa Pakatan Harapan menumpu kepada meningkatkan Mahkamah Syariah secara holistik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat, 2 November 2018, jam 4.00 petang.

■1140

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.40 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 30 Oktober 2018.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan mencapai pertumbuhan yang mampan dengan mengambil kira perubahan trend ekonomi global, kedudukan kewangan kerajaan serta pencapaian dua tahun pertama, 2016-2017 Rancangan Malaysia Kesebelas;

merestui usaha kerajaan baharu pimpinan Pakatan Harapan untuk menambah baik dan memperkukuh agenda pembangunan negara berasaskan prinsip pertumbuhan dengan ekuiti ke arah mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan aspirasi Wawasan 2020;

meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2018-2020 yang memberi keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif sedia ada serta memperkukuh tadbir urus bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang lebih inklusif dan mampan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat menurut Kertas Perintah CMD.22 Tahun 2018; dan

bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan dibuat secara telus, adil dan saksama.” **[25 Oktober 2018]**

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebelum saya menyambung semula perbahasan, ada pengumuman. *Honorable Members, I'm please to inform that together with us in this August House is Representative from Gwangmyeong City Local Council, South Korea. The delegation is led by our Tourism Ambassador of Malaysia in South Korea, Datuk Lee Jin Bok. This House welcome Datuk Lee Jin Bok and the delegation. We hope that their visit to the House today is beneficial to them. Thank you. [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini seramai 71 orang Ahli Parlimen telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dan hari ini masih ada lagi 40 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam

perbahasan. Setakat ini, masa yang diperuntukkan adalah 15 minit dan saya sekarang menjemput Yang Berhormat Alor Setar untuk mengambil bahagian. Silakan.

11.42 pg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan saya membahaskan Kajian Separuh Penggal ini walaupun kita kekurangan masa. Tuan Yang di-Pertua, dalam Kajian Separuh Penggal ini, kita sudah senaraikan enam tonggak yang cukup penting. Saya cuba sentuh sedikit sebanyak bagi setiap tonggak. Saya mula daripada belakang.

Tonggak keenam, memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi. Ini adalah penting tetapi dalam beberapa aspek ini saya harap nak bahas satu, pertanian sahaja. Ikut statistik yang diberi adalah produktiviti sektor pertanian kita sasaran 3.5 peratus antara 2016 sehingga 2020. Akan tetapi prestasi setakat tahun lepas, pertumbuhan 2017 adalah 0.8 peratus setahun manakala produktiviti buruh sasaran 3.6 peratus tetapi prestasi kita adalah negatif kurang 1.8 peratus. Manakala sumbangan KDNK meningkat melebihi daripada sasaran 2020 iaitu 8.2 peratus. Ini bermakna sebenarnya kalaulah kita boleh *maintain*kan produktiviti daripada buruh itu, sumbangan kepada KDNK akan meningkat tetapi apa yang kita nampak setakat ini, saya bagi satu contoh dalam bidang padi.

Khususnya saya nak bahas dalam benih padi ini. Berlakunya ada aduan bahawa petani-petani ini nak beli benih padi tak dapat. Ada syarikat kata dia tak ada stoklah sedangkan ada syarikat yang boleh jualkan benih padi kepada orang tengah ataupun *wholesaler* untuk jual. Sedangkan selepas subsidi, harga dia sepatutnya lebih kurang RM28 tetapi ada petani terpaksa beli sampai harga RM34 kerana syarikat jual benih kepada syarikat tengah. Itu pun kalau dapat. Ada juga yang tak dapat. Saya difahamkan bahawa kerana dalam tahun ini, banyak syarikat yang menghasilkan benih padi ini tidak melepasi ujian Jabatan Pertanian kerana masih mengandungi padi angin yang cukup serius.

Ini perlu kita tangani supaya kita boleh tingkatkan lagi produktiviti buruh dan juga pertanian tetapi kita difahamkan bahawa ada syarikat setakat ini sebenarnya dia sepatutnya jual benih padi dalam harga RM28 tetapi dia pakejkan dengan racun yang dihasilkan ataupun dijual oleh syarikat tersebut yang lebih kurang RM60. Akhirnya petani sama ada terpaksa beli racun dengan benih sekali lebih kurang RM90 ataupun tak dapat benih. Saya rasa ini perlu kita buat kajian supaya pastikan petani boleh dapat akses terus kepada benih yang sepatutnya bukan dipaksa untuk beli racun. Kita difahamkan bahawa seluruh Malaysia ini kita ada jumlahnya sembilan syarikat yang dibenarkan untuk dapat kuota untuk menghasilkan benih padi tetapi saya menyeru supaya kerajaan kaji semula.

Walaupun apa yang teruskan dulu pun, pastikan syarikat-syarikat yang hasilkan benih padi ini ada kapasiti ataupun mesin untuk hasil sendiri dan bukan sub kepada sama ada syarikat lain

untuk buat. Walaupun kita faham daripada segi konsep *socialize*, mungkin kita nak tubuhkan satu koperasi kah, persatuan kah untuk jadi syarikat tengah ini supaya di antara ahli-ahli ini boleh dapat keuntungan tetapi saya tidak setuju. Saya rasa dalam aspek benih ini, pertanian sektor yang strategik dan penting. Kita perlu pastikan syarikat tersebut ada kapasiti, ada mesin sendiri untuk hasilkan dan kalau boleh, saya minta kerajaan kita perbanyakkan kuota-kuota kepada syarikat lain supaya kita ada persaingan yang sihat antara syarikat yang ada kemampuan betul-betul untuk hasilkan benih supaya petani boleh dapat benih yang berkualiti dan senang untuk dapatkan bekalan tersebut.

Tonggak yang kelima, kita nak meningkatkan kemapanan alam sekitar. Memang kita menggalakkan aktiviti untuk kitar semula, *recycle* dan setakat ini mengikut sasaran yang kita tetapkan, kita nak sasarkan supaya dalam tahun 2020 kita dapat mencapai kadar kitar semula sisa isi rumah 24.6 peratus. Setakat ini kita hanya capai 22 peratus. Saya difahamkan bahawa dalam tahun lepas, kita sudah ada tujuh tapak pelupusan dan sebelum ini ada lebih kurang 30 tetapi saya dapat aduan ataupun satu pertanyaan yang saya rasa mungkin pihak kerajaan boleh kaji adalah dalam bidang kitar semula ataupun *recycle* ini, bidang ini tidak dimasukkan di bawah sektor perkilangan pun tidak dimasukkan di bawah sektor perkhidmatan.

Maksudnya dalam bidang ini tidak boleh ambil pekerja asing sedangkan kerja ini adalah satu kerja yang amat berat dan gaji tak tinggi, amat kotor kerana semua bahan sisa kitar semula. Maka pihak ini kalau dia nak perbesarkan syarikat dia tetapi susah nak dapat pekerja. Maka haraplah pihak kerajaan cuba fikir sama ada boleh dimasukkan bawah sektor mana-mana yang melayakkan mereka untuk ambil pekerja asing yang sanggup kerja dalam bidang ini.

Dalam tonggak keempat, kita nak memperkuatkan modal insan. Setakat ini, kadar pengangguran kita masih 3.4 peratus. Kira sihat tetapi saya ingin nak bahas di khususnya bidang keutamaan (A) iaitu pasaran buruh. Kita selalu ada isu-isu berkaitan dengan pekerja asing. Kita ada strategi tiga, untuk tambah baik pengurusan pekerja asing. Kita ada strategi empat, tambah baik keadaan pasaran buruh. Akan tetapi apa yang kita nak tanya sekarang adalah, sebelum ini pekerja asing yang masuk melalui syarikat MyEG, Bukit Mega yang sudah buat permohonan, sudah buat bayaran setakat ini belum dapat lagi permit. Sama ada mereka ini akan dapat ataupun akan dibatalkan? Juga kita nak tanya sekarang, dalam Malaysia ini setakat ini kalau ikut pas lawatan kerja sementara yang dikeluarkan daripada KDN, saya dapat statistik daripada Jabatan Statistik, tahun 2017 adalah setakat 1.6 juta dan kebanyakan pekerja asing di Malaysia ini adalah kerja di bidang perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan.

Akan tetapi kalau kita nak kurangkan kemasukan pekerja asing dan pada waktu yang sama mengoptimumkan, *utilize*-kan pekerja yang sedia ada, perlu ada sistem yang fleksibel. Contohnya kalau ada syarikat yang *provide cleaner* atau pembersih untuk bersih rumah tetapi setakat ini, polisi yang kita ambil adalah tak boleh nak *cross* negeri, menyeberangi untuk negeri lain. Maksudnya kalau ada satu syarikat, dia tubuh di Sabak Bernam kah Sungai Besar kah tetapi pekerja asing dia

yang buat kerja pembersihan ini tak boleh kerja dekat Tanjung Malim walaupun dia dekat. Maka terpaksa setiap negeri kita adakan syarikat dia sendiri dan syarikat itu dia kena buat permohonan di Pejabat Tenaga Kerja (PTK) di negeri bukan di HQ tetapi di jabatan yang paling dekat. Itu pun dia tak tahu dekat mana. Itu satu, lepas itu kena dapat kuota pula.

Akan tetapi bagi saya, kita sebenarnya kena meng-*utilize*-kan, mengoptimumkan apa yang ada sekarang kerana polisi tersebut sebenarnya mengundang juga peluang untuk rasuah. Ini kerana saya difahamkan bahawa ada polis yang pandai, dia tahu ini lebih dia keluar daripada negeri dia, dia dok tunggu dekat luar sahaja. Setiap kali lepas kerja, dia pergi *check* dia. Terpaksa dia kena bayarlah. Sama ada ditangkap ataupun bayar rasuah. Ini yang kita cuba betulkan supaya kalau *depa* memang *mai tang* sini dapat permit kerja, biar dia kerja tetapi kita tak perlulah nak buat rumit kertas kerja sehingga mereka ini menyusahkan dan akhirnya orang yang nak masuk tak boleh masuk, orang yang masuk tak boleh nak kerja. Maka kita boleh pertingkatkan, *utilize*-kan daya yang kita ada setakat ini.

Tonggak ketiga, menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang. Saya Alor Setar di Kedah, walaupun kita wilayah ini di antara wilayah Utara ini kita nampak macam tak berapa berkembang tetapi ini adalah kerana apa? Kerana kita bayangkan, KDNK per kapita Kedah sebenarnya kedua yang rendah. Kerana apa? KDNK per kapita kita ada 19,000 lebih tinggi daripada Kelantan.

■1150

Bukan sebab kita tidak rajin kerja. Hal ini kerana sebahagian besar tanah Kedah ini sudah dikategorikan untuk bidang pertanian. Kita bukan setakat hendak cari untung itu sendiri, kita hendak sumbangkan jelapang padi ini untuk makanan untuk orang Malaysia. Maka dalam bab ini untuk mengimbangkan, *balance* tanggungjawab yang ditanggung oleh Kedah ini kerajaan pusat haruslah fikir macam mana kita boleh bagi pampasan untuk negeri Kedah sama ada kita kekalkan jelapang padi, pada masa yang sama kita kurangkan pembalakan. Maka perlu ada sumbangan daripada kerajaan pusat untuk ganti balik kerana sumber tersebut kita tidak boleh hendak cuba teroka dengan lebih.

Pada waktu yang sama untuk kekalkan jelapang padi, pada waktu yang sama kita harap boleh naik tarafkan juga jalan antara Alor Setar dengan Kangar supaya kita boleh memperkembangkan di kawasan wilayah utara.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya ingin menarik perhatian pada pembangunan wilayah seimbang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alor Setar. Ikut kajian apa yang dibentangkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 ini, kita dapati tiadanya perancangan yang jelas disebut khususnya di kawasan wilayah Pantai Timur. Apa komen Yang Berhormat berhubung dengan -- kalau kita hendak bangunkan pembangunan wilayah seimbang kita perlu ada perancangan dan kena ada program yang kita atur dalam rancangan ini. Terima kasih.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Ya, saya setuju. Kalau saya boleh jawab, kalau saya Menteri lah. Saya tidak dapat hendak jawab bahagian bab itu tapi saya akan setuju bahawa kita cuba bangkitkan perkembangan setiap negeri mengikut kesesuaian situasi, apa yang sumber dia ada dan lokasi dia. Saya tidak nafikan hal tersebut.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Uiiiiiii....

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]*. Terima kasih, Yang Berhormat Alor Setar. Saya amat berminat dengan hujah Yang Berhormat. Justeru itu adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan yang ada pada hari ini bahawa laksanakan apa yang kita fikirkan perlu. Jangan lagi kita berlengah-lengah sebab rakyat di bawah menunggu, mendengar perancangan masa depan untuk kebaikan mereka. Terima kasih.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Okey, setuju. Terima kasih. Okey, saya hendak bahaskan kepada tonggak dua yang khususnya pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Saya hanya fikir satu sahaja untuk perumahan. Bayangkan kita selalu cerita bahawa rumah tidak dapat hendak beli, kita tidak ada rumah. Sedangkan apa jawapan daripada Menteri minggu lepas adalah nilai rumah tidak terjual, jumlah dia RM22.5 bilion yang di antaranya 73 peratus adalah rumah mampu milik yang harga kurang daripada RM250,000. Maksudnya apa? Rumah ada tapi ramai yang kata tidak dapat rumah. Maka di antaranya apa masalah? Kita sudah ada Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN) dan kita ada LHDN, CCRIS dan sistem untuk semak sama ada orang itu dia pernah mempunyai rumah atau membeli rumah.

Di sini saya difahamkan, pengalaman saya di tiga negeri tuan-tuan saya jadi wakil rakyat. Saya nampak masalahnya rumah kita dok bina tapi sistem rekod kita tidak jelas. Ada orang beli dekat rumah sini, dia pi sana kata dia tidak ada rumah. Akan tetapi semakan sana kata dia tidak ada rumah, maka kita luluskan PPR, luluskan perumahan mampu milik, luluskan rumah kos rendah. Sedangkan kita perlu ada satu sistem *database* untuk semak sama ada orang ini pernah ataupun sudah dapat rumah, itu pertama. Kedua, adalah satu yang saya ingin contohi Singapore adalah kita meluluskan satu rumah sama ada rumah kos rendah, rumah mampu milik ataupun rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada seorang yang layak. Akan tetapi mungkin lepas 20 tahun, dia sudah tidak layaklah, sudah kaya. Akan tetapi rumah tersebut kalau jual semula, macam mana dalam pasaran?

Setakat ini tidak ada sekatan. Maka kita nampak ada rumah yang tidak dapat hendak bayar sewa semua, sama ada lelong kah, ada orang kaya boleh sapu 10 biji dia boleh sewa. Saya cadangkan bukan sahaja rumah pertama, rumah mampu milik kah, kos rendah ini diberi kepada orang yang pertama kali mohon. Saya minta kalau boleh biarkan rumah itu kalau dilelong pun, kalau dijual semula pun hanya orang yang pertama kali membeli rumah mampu ataupun layak beli supaya jangan ada seorang ini kalau rumah yang *range* dia sampai rumah mampu milik atau rumah kos rendah boleh diberi kepada seorang lebih daripada sebiji. Kalau tidak mampu hendak beli,

kalau tidak ada sesiapa hendak mampu beli lelong, maka minta GLC sapu semua, kita jual semula. Jangan bagi mereka yang boleh kumpulkan duit, kerana apa? Hal ini kerana sekarang apa yang berlaku adalah orang kaya ini dia ambil orang tengah ini, okey satu biji RM35, 000, saya bagi RM50,000 pakai nama beli. *Sign* kontrak RM10,000, *sign* kontrak 10 tahun kemudian baru tukar nama.

Maka akhirnya rumah ini orang yang dapat, dia tidak mampu hendak duduk tapi orang yang kaya dia ambil 10 biji, 20 biji dia sewa. Maka saya cadangkan bukan sahaja pertama kali rumah baharu ini hadkan kepada mereka yang pertama kali mohon. Biarpun dia kalau jual beli kali kedua pun kepada kalau dia adalah kategori rumah kos rendah pun kepada seorang yang tanpa memiliki rumah, maka barulah kita boleh sasarkan mereka yang betul-betul memerlukan rumah. Bagi strategi B4 kita hendak jadikan negara lebih selamat. Saya faham ada banyak dari segi struktur kita perlu susun ataupun menaik taraf. Di sini saya ada dua cadangan, satu, pengalaman saya masuk mahkamah saya nampak banyak kes dadah. Akan tetapi apa yang berlaku adalah di Malaysia ini kes jenayah syariah ini dia ada *database* seluruh Malaysia. Maksudnya kalau *you* kena sekali di negeri sini, di negeri lain ada rekod. Akan tetapi kes jenayah tidak ada. Maksudnya kalau *you* kena kes dadah ke sini, negeri ini, sat lagi dia kena dekat negeri lain, dekat sana tidak ada rekod maka ini pertama kali.

Maka setiap kali pun dia pertama kalilah. Maka dia denda dia bagi itu amat rendah. Maka kita perlu ada rangkaian supaya semak, okey, *you* mai ke negeri ini pi ke negeri sana, ini kali kedua, ini kali ketiga. Barulah kita ada semakan yang betul-betul ikut penjenayah tersebut. Kedua, kes *methamphetamine*. Kita ada kes dadah banyak jenis tetapi kes syabu ini dia perlu buat semakan ujian bukan *lab* kimia biasa boleh. Dia perlukan *lab* yang ada kemampuan untuk uji *urine*. Setakat ini di Utara kes banyak tetapi semua kena hantar pi Hospital Penang. Sedangkan hospital di Kedah tidak mampu untuk buat semakan tersebut. Maka dia makan masa lebih kurang enam bulan sedangkan dia ditangkap di sini, tinggal enam bulan baru dapat laporan kimia untuk hantar ke mahkamah.

Maka perlu kita wujudkan satu *lab* yang mampu buat semakan tersebut di peringkat negeri, di Kedah ataupun utara untuk mencepatkan kes tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Alor Setar, minta rumuskan.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Akhir sekali saya ingin hendak bahas untuk menambah baik, kita tonggak satu, tambah baik tadbir urus kita. Saya ingin hendak sarankan di sini akhir sekali untuk isu rasuah, selalunya kita hanya dok cerita apa isu rasuah orang ikan besar ini, bilion-bilion. Sebenarnya apa yang dirasakan oleh rakyat adalah penguat kuasa tempatan yang

mungkin dia cari makan RM5 – RM10 tapi kita geram kerana dia guna kesempatan tersebut. Maka saya minta kalau boleh SPRM, bukan sahaja semak dari segi orang kuat ke atas, penguat kuasa tempatan, PBT, imigresen, polis pun kalau jumpa pekerja asing ambil rokok dulu. Apa perangai kita ini? Apa pun saya minta SPRM kalau boleh setiap unit di setiap agensi khususnya unit penguat kuasa yang ada peluang untuk akses kepada rakyat, perlu semak *background*, perlu kalau boleh buatlah kita deklarasi kepada harta yang dimilikah, kalau dia kerja 20 tahun kah, supaya kita pastikan dari atas sampai bawah semua bersih.

Maka saya haraplah dengan tonggak-tonggak ini dan tambah baik yang kita boleh wujudkan ini boleh memajukan negara Malaysia. Terima kasih, sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Alor Setar. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Padang Terap.

11.58 pg.

Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kebenaran untuk saya turut serta membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11, KSP RMKe-11 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 ini merupakan suatu perkara yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam banyak perkara yang berkait dengan pentadbiran, urusan negara dan perkara-perkara yang telah dijalankan atau dilaksanakan oleh kerajaan yang terdahulu dan kemudian perkara-perkara yang akan dilaksanakan, baki dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Hari ini saya turut serta untuk berbahas dan perkara yang ingin dinyatakan di sini adalah berhubung dengan aktiviti-aktiviti yang ada kaitan dengan pertumbuhan ekonomi.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum bahawa pertumbuhan ekonomi pada tahun 2017 telah diletakkan dalam lingkungan lima hingga ke enam peratus atau lebih tepatnya 5.9 peratus dan unjuran yang diberikan selepas daripada itu menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi akan berkembang di sekitar 4.5 peratus. Petunjuk berdasarkan kepada Buletin Suku Tahunan Bank Negara, ekonomi Malaysia berkembang pada 5.4 peratus pada suku pertama ataupun *quarter* pertama 2018. Laporan daripada Daya Saing Global 2017-2018 yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia menunjukkan bahawa Malaysia telah berjaya mengekalkan kedudukan 25 negara ekonomi paling aktif daripada 138 buah negara. Ada penarafan agensi antarabangsa *Standard & Poor's* memberi penarafan A- dengan unjuran stabil bagi ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semua petunjuk-petunjuk itu telah dinyatakan dalam laporan Kajian Separuh Penggal dan kerajaan baharu Pakatan Harapan telah mengambil alih mulai Mei dan

sekarang ini bulan Oktober lebih kurang enam bulan. Dalam tempoh enam bulan ini, kita ingin menyatakan beberapa perkara yang berkait dengan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Di belakang, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat mungkin menyedari bahawa ekonomi dunia pada ketika ini memang tidak menentu, memang merudum. Justeru itu sudah tentu tempiasnya juga akan mengakibatkan negara kita Malaysia juga berhadapan dengan krisis ekonomi yang tidak menentu. Justeru itu, apakah Yang Berhormat akan mungkin mencadangkan kepada kerajaan iaitu kerajaan pada hari ini supaya memfokuskan ke arah bagaimana untuk meletakkan teras iaitu mempertingkatkan ekonomi negara. Ke arah bagaimana ekonomi negara dipertingkatkan mungkin melalui industri ataupun Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Usahawan.

Oleh sebab ini, dua sektor iaitu sektor domestik yang perlu diperkuatkan untuk memastikan ekonomi kita akan mampan dan terus berkembang. Berhentilah menyalahkan pimpinan-pimpinan yang lalu, kerajaan yang lalu sebab di mana-mana negara pun kerajaan baru memerintah, mereka tidak gemar untuk mencari kelemahan-kelemahan pimpinan yang lalu. Mereka telah dinobatkan menjadi pemerintah, maka mereka menyifatkan diri mereka pemerintah, mereka meletakkan harapan rakyat. Apakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada pimpinan pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan dan boleh dimasukkan sebahagian daripada ucapan kerana menunjukkan bahawa memang di peringkat antarabangsa keadaan ekonomi di peringkat global, kita ada banyak masalah misalnya apabila ada masalah perdagangan antara Amerika dan China dirantau ini, kita pun ada masalah.

Akan tetapi paling penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah bagaimana Kerajaan Pakatan Harapan yang mempunyai manifesto yang jelas. Dia ada dua di sini iaitu yang pertama adalah pembangunan ekonomi domestik dan pembangunan ekonomi di peringkat pendapatan negara. Saya hendak menyentuh mengenai dengan domestik yang melibatkan rakyat di luar sana. Kebanyakan masyarakat di luar bandar yang terlibat sebagai petani, yang terlibat sebagai penoreh getah dan juga nelayan yang ada mereka menghadapi banyak masalah dalam hal yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi.

Salah satu perkara yang jelas hari ini apabila harga kelapa sawit dan juga harga getah merudum jatuh. Banyak pekebun-pekebun kecil ada masalah. Kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar misalnya yang menjaga pekebun-pekebun getah, pekebun-pekebun kecil, bila ditanya bila pekebun kecil pergi tanya misalnya, sekarang hendak buat tanam semula

dan dijawab oleh Pegawai RISDA menyatakan bahawa tiada peruntukan dan tunggulah tahun depan. Jadi saya ingat meneruskan agenda kerajaan untuk membela rakyat, kita kena ada sesuatu yang boleh secara berterusan, bersambung.

Kerajaan memang 9 Mei, Kerajaan Barisan Nasional kalah dan Kerajaan Pakatan Harapan ambil alih tetapi saya ingat *continuity*. Kita kena sambung. Kepada rakyat itu mesti jelas. Tidak payah *excuse* dengan pelbagai alasan yang diberi. Kita kalau benda itu yang boleh dipercepatkan, okey kita jalankan. Kita teruskan usaha. Kalau tidak, kita akan ada masalah sebab di bawah sana rakyat menunggu. Itu tidak termasuk lagi dengan manifesto.

Oleh sebab manifesto itu sesuatu yang dijanjikan kepada rakyat pun tidak dapat dilaksanakan. Apa yang paling penting bukan itu. Apa yang paling penting adalah bagaimana hendak meneruskan perkara-perkara yang ada kaitan dengan rakyat secara langsung dari bawah kementerian masing-masing. Saya kira bahawa banyak perkara yang tidak dapat dilaksanakan dan ini akan memberi masalah kepada rakyat, yang pertamanya. Keduanya, apabila disebut mengenai dengan kita kata kita tidak ada masalah sebab kita boleh meneruskan.

Kita sedar, kita tanya Menteri yang jaga MITI. Berapa dalam tempoh enam bulan yang sekarang ini, berapa sebenarnya *foreign direct investment* (FDI) dengan izin, yang telah masuk ke dalam negara kita? Daripada negara mana? Boleh Menteri dalam jawapan nanti menyenaraikan berapa syarikat yang masuk, dari negara mana yang masuk dan di mana dibuat pelaburan itu. Itu boleh disenaraikan sebab hendak tunjukkan bahawa ada penyambungan soal yang berkaitan dengan *foreign direct investment* daripada syarikat-syarikat. Kita tengok baru ini bila Perdana Menteri Singapura telah mengumumkan sebuah syarikat kereta elektrik dengan pelaburan sebanyak RM12 bilion. Perdana Menteri Singapura telah mengumumkan minggu lepas telah datang dan Dyson, syarikat yang berpangkalan di Britain telah bersetuju untuk membuat pelaburan di Singapura RM12 bilion.

Lima hari sebelum itu Kerajaan Indonesia umum telah bekerjasama dengan sebuah syarikat dari negara China untuk membina sebuah empangan hidro dam di Sumatera dengan *investments* sebanyak RM7 bilion di Pulau Sumatera. Dua minggu sebelum itu, Perdana Menteri Thailand mengumumkan kereta api laju daripada Bangkok ke Rayong yang telah menelan belanja lebih kurang RM30 bilion. Dua minggu sebelum itu sebuah syarikat kepunyaan milik Kerajaan Vietnam telah mengumumkan kereta nasional Vietnam dipertunjukkan kereta Paris di Perancis.

Jadi ini menunjukkan bahawa ada di negara-negara tetangga, negara-negara jiran telah melakukan sesuatu untuk memperkembangkan pelaburan dan aktiviti ekonomi. Jadi kita kena ada sesuatu yang kita tunjuk. Kalau hari ini kita ambil apa yang disebut, tiap-tiap apa yang kita berucap ini kita tidak ada perkara lain kita ambil kecuali Yang Berhormat Kota Raja sahajalah Menteri Pertahanan. Saya ingat dia bercakap tentang kementerian dia daripada awal sehingga hari ini dia tidak kisah bab yang dulu-dulu ini.

■1210

Jadi orang lain ini kadang-kadang dia bercakap dia kata, kalau Yang Berhormat Jelutong cakap Yang Berhormat Jelutong mesti kata, '*Ini salah UMNO dan Barisan Nasional*'. Contohlah. Duduk! Itu contohlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan saja. Memandangkan Yang Berhormat- Sedikit saja, minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan kalau saya selalu menuduh pendedahan yang dibuat baru-baru ini dibuat oleh...

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Seorang ahli perniagaan berkenaan kereta Bentley yang dituntut oleh isteri Yang Berhormat Pekan...

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tidak apa, faham-faham.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dan RM300 juta yang diminta sebagai ganjaran untuk satu kontrak.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tidak apa Yang Berhormat. Saya fahamlah. Tidak apa Yang Berhormat, duduk. Saya nak habiskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Isu-isu rasuah ini yang menyebabkan saya menuduh Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Ada dua minit lagi. Ada dua minit lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Siapa yang menuntut kereta Bentley dan rasuah sebanyak RM300 juta?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebab itu saya menuduh UMNO dan Barisan Nasional yang menyebabkan kegagalan semua projek di sini.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Jelutong duduk.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Duduklah! Faham.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuduhan saya adalah bukannya sesuatu yang tidak berasas Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Bukan. Saya kata tiap-tiap kali Yang Berhormat cakap Yang Berhormat kata, "*UMNO dan Barisan Nasional*". Jadi cukuplah cakaplah, kita sudah faham...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Kita sudah faham...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Padang Terap, saya pun nak mencelah Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Di mana nak kata, siapa nak kata. Jadi, cukuplah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: So, ini adalah perkara serius.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Enam bulan. Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Seorang ahli perniagaan mengatakan bahawa Yang Berhormat Pekan dan isterinya menuntut kereta Bentley.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat cukuplah, faham.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong pula. Sekejap saja.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sekejap saja. Sekejap saja, Parit Sulong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Terap teruskan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sekejap saja.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Ada dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada dua minit saja lagi.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, betul tidak ataupun Yang Berhormat setuju tidak dengan saya mungkin apabila dia *angle* ke arah lain dengan menyalahkan Barisan Nasional ini sebab mereka tidak dapat nak menunaikan janji-janji mereka dalam manifesto mereka. Setuju atau tidak?.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Ya, saya setuju. Setuju.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Parit Sulong, kita tidak tuntutan Bentley Yang Berhormat. Siapa yang menuntut kenderaan luar?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Sudah, sudah. Cukuplah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jawab soalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Ada seminit Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Padang Terap teruskan, ada seminit saja lagi.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Jadi kita berharap bahawa dalam istilah yang disebut sebagai mereformasi tadbir urus oleh Kerajaan Pakatan Harapan ini, kita janganlah Satu perkara yang akhir saya nak sebut, janganlah menyalahkan pegawai-pegawai kerajaan dalam tadbir urus. Janganlah memberi banyak alasan yang kemudiannya menyalahkan pegawai-pegawai kerajaan dan mengatakan kepincangan ini berkaitan dengan tadbir urus ini ada kaitan dengan pegawai kerajaan. Pada saya, pegawai kerajaan telah menunjukkan tadbir urus yang baik dan boleh dipertingkatkan ataupun ditambah baik dari semasa ke semasa.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa setakat ini Kerajaan Pakatan Harapan belum nampak lagi *direct* perjalanan untuk mengurus sebuah ekonomi negara dengan baik sama ada yang melibatkan pelabur daripada luar ataupun menguruskan ekonomi

domestik. Jadi, kita berharap bahawa mereka mempunyai *vision* yang jelas dan mempunyai hala tuju yang jelas untuk mempertingkatkan ekonomi negara di peringkat domestik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Dungun.

12.13 tgh.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Bismilahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal RMKe-11. Saya nak mulakan dengan ucapan dan sabda Nabi Muhammad SAW seperti yang diriwayatkan oleh Abu Naim *[Membaca sepotong hadis]*, yang bermaksud, "*Tidak binasa rakyat walaupun mereka rosak selagi para penguasanya baik, tetapi rakyat menjadi rosak walaupun mereka baik apabila penguasanya jahat*".

Apa yang diungkapkan ini untuk kita beri perhatian di antara hubungan penguasa, pemimpin, pemerintah dengan rakyat. Oleh kerana itu dalam tempoh masa yang diizinkan walaupun isu-isu rakyat adalah sangat banyak, saya ingin untuk mengambil beberapa perkara yang penting dari tonggak yang kedua Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini iaitu memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat.

Isu utama rakyat dengan sebab berlakunya perubahan kerajaan iaitu berkait dengan kos sara hidup. Ini adalah isu utama rakyat. Kos sara hidup yang menyebabkan berlaku perubahan kerajaan kerana sebahagian daripadanya adalah disebabkan peningkatan harga barang-barang keperluan dan juga taraf pendapatan yang tidak sepadan dengan kenaikan kos sara hidup itu yang dilibatkan juga yang sebahagiannya dengan cukai GST.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat Dungun?

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Ya, sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *But* Yang Berhormat Dungun, saya sehaluan dengan Yang Berhormat. Sedarkah Yang Berhormat bahawa ekoran daripada kelemahan-kelemahan itu, maka parti yang memerintah pada hari ini telah memuatkan beratus-beratus janji mereka dalam manifesto mereka iaitu menurunkan harga barang, meletakkan harga minyak petrol RM1.50, menghapuskan tol, menghapuskan PTPTN, menukar kasut daripada putih kepada hitam, stoking daripada biru kepada kuning mungkin, macam-macam dan janji ini rakyat percaya sebab dijanji oleh pemimpin-pemimpin. Jadi, apakah komen Yang Berhormat tentang masalah ini, di mana janji dalam Kajian Separuh Penggal ini pun tidak ada satu pun yang disentuh oleh pihak pemerintah. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Memang kalau kita melihat kepada teras-teras utama, tonggak utama dari Kajian Separuh Penggal ini berasaskan kepada pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pekan ketika menjadi Perdana Menteri, kemudian dalam Kajian Separuh Penggal pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi, kita dapati dari kedua-dua perbandingan itu ada persamaan.

Ini di mana saya sebutkan sebelum saya masuk kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan iaitu dalam strategik enam teras utama ketika pembentangan dulu, memperkukuhkan inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama diletakkan pada tajuk yang kedua teras tonggak dalam Kajian Separuh Penggal, ucapan Yang Amat Berhormat Langkawi. Begitulah juga kesejahteraan rakyat juga dimasukkan dan dialihkan kepada tonggak yang kedua juga, meningkatkan pembangunan modal insan dalam teras ketiga dijadikan dalam Kajian Separuh Penggal ini perkara keempat, memperkasa modal insan. Lebih kurang sama.

Jadi isunya ialah apabila perubahan kerajaan, sepatutnya kita melihat *quotation* yang pernah disebut, “*Great leaders talk about ideas, average leaders talk about others. Pemimpin-pemimpin hebat bercakap tentang idea, pemimpin-pemimpin biasa bercakap tentang orang*”. Orang itu salah, orang ini salah, ini tidak betul.

■1220

Sepatutnya kita bercakap tentang idea. Apakah pembangunan yang kita hendak laksanakan untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat? Apakah teras dan kerangka untuk kita bincangkan bagaimana mengurangkan kos sara hidup rakyat? Sepatutnya isu utamanya itu. Akan tetapi kita berbincang tentang orang lain, tentang kerajaan ini salah, ini salah. Sepatutnya kita bincang tentang idea.

Oleh sebab itu saya hendak tanya hari ini, apakah perancangan yang hendak dibuat oleh kerajaan baharu dalam kerangka mengurangkan kos sara hidup rakyat? Dibentangkan kepada kita untuk melihat bagaimanakah kos sara hidup rakyat ini dapat kita kurangkan. Belum masuk tentang perbezaan kemiskinan di dalam bandar sendiri. Ada kemiskinan bandar— yang ini juga kita perlu lihat dan kita perlu selesaikan. Apakah perancangan pembangunan yang hendak dibuat untuk kepentingan kita mengeluarkan rakyat kita yang di dalam paras kemiskinan di peringkat kemiskinan bandar ini? Kita bahagikan kepada golongan fokus yang tinggi T20, yang mudah terjejas M40 iaitu *middle income group*, dengan izin, dan yang B40— ini yang kita bincang.

Maka bagaimana kita melihat dari sudut ini soal yang melibatkan B40 yang akhirnya mereka telah membuat perubahan kepada kerajaan yang ada? Akhirnya, ditambah pula, selepas dihapuskan cukai GST, ditambah pula dengan SST. Mereka menunggu penurunan harga barang. Rakyat tunggu, menunggu penurunan harga minyak, rakyat menunggu. Ini semua perlu kita selesaikan kerana ini adalah harapan rakyat dan isu yang paling utama.

Ini melibatkan kemiskinan, yang juga perlu kita lihat, di antara negeri-negeri dalam Malaysia Barat ini, Semenanjung Malaysia. Belum kita bincang lagi Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak. Bagaimana perlu kita selesaikan kemiskinan yang ada di antara negeri-negeri di Pantai Barat dengan negeri-negeri di Pantai Timur. Banyak infrastruktur dan prasarana yang tidak ada di negeri-negeri Pantai Timur. Kita hanya bercakap tentang kemiskinan tetapi penyelesaian yang kita hendak selesaikan untuk kepentingan ialah mengeluarkan negeri-negeri Pantai Timur dan rakyatnya daripada paras kemiskinan. Ini yang perlu kita selesaikan.

Bagaimana kos sara hidup di kalangan pelajar hari ini? Kos sara hidup di kalangan pelajar, walaupun kita ada pinjaman PTPTN tetapi mesti juga dilihat bagaimana kesan kepada apa yang ada, yang telah mereka pelajar-pelajar di peringkat universiti swasta dan awam lalui yang juga kita perlu selesaikan. Isu PTPTN ini isu yang sentiasa akan berlaku sepanjang proses yang kita akan lalui saban tahun.

Kita bincang tentang kutipan. Memang apabila melibatkan hutang ataupun pinjaman, akan ada yang bayar dengan tepat, akan ada yang bayar dengan bertanggung, akan ada yang membayar hutang dengan sekali skala dan ada yang tidak akan menyelesaikan hutang, dengan tidak membayarnya. Akan tetapi itu proses yang kita bincang untuk tahun ini, RM4 bilion yang belum dikutip. Maka tahun depan akan berlaku pula suatu peruntukan yang diperlukan kepada pelajar-pelajar baharu yang melibatkan pelajar-pelajar universiti awam dan swasta yang melibatkan pinjaman— kerajaan mungkin kena fikir bagaimana penyelesaian secara total kepada soal PTPTN ini.

Ini kerana kalau ditakdirkan tahun depan diunjurkan ada 200,000 orang pelajar yang kita terpaksa berikan satu bajet untuk kepentingan pinjaman, yang sedia ada dicampur dengan yang baharu— sebab dalam konteks hutang ia akan berlaku seperti perkara yang sama— maka bagaimanakah rancangan keseluruhan yang perlu kita selesaikan soal yang berkait dengan PTPTN yang akan sentiasa berulang?

Ketiga, kemiskinan juga yang perlu kita lihat ialah dari kalangan pesara-pesara kerajaan yang pencen mereka kadang-kadang tidak lagi sesuai dengan apa yang perlu mereka lalui dengan kos peningkatan sara hidup hari ini.

Saya hendak ambil satu contoh ialah bagaimana di kalangan pesara-pesara Ahli-ahli Parlimen sendiri yang tidak mendapat satu pencen yang munasabah dengan keadaan yang ada pada hari ini. Ada yang sempat berkhidmat sepenggal dalam tahun 1999 hingga tahun 2004, sebagai contoh. Tidak sempat berlaku perubahan kenaikan saraan Parlimen yang di bawah urusan Jabatan Parlimen. Apabila pencen, diserahkan kepada JPA untuk pelaksanaannya.

Apa yang berlaku, sebahagian mereka hari ini ada yang dapat lebih kurang RM2,000 sahaja sebulan sedangkan mereka berada di bandar. Maka mesti dilihat juga supaya ia melibatkan bagaimana boleh kita fikirkan tentang pesara-pesara yang mereka dahulu pernah menduduki satu

kedudukan yang sangat tinggi dan kita melihat kepada keperluan mereka mengikut saraan semasa.

Daripada itu, maka pencen mereka biarlah munasabah dengan keadaan kos sara hidup hari ini. Ia berbeza dengan negeri-negeri yang mana ketika kenaikan elaun ADUN, maka melibatkan juga pencen ADUN. Ini adalah berbeza. Tetapi tidak di Parlimen. Jadi saya pohon supaya dilihat juga kepada perkara yang melibatkan pesara khususnya di kalangan pencen pesara Ahli-ahli Parlimen sendiri.

Kedua yang saya hendak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkait dengan perumahan. Kita mendapati apabila naiknya kondominium, apartmen mewah, *flat* dan sebagainya, maka ada keluar sijil strata *title*. Ini memungkinkan bagi pembeli-pembeli untuk mendapat pinjaman. Akan tetapi satu-satu ketahanan rumah melibatkan kondominium, apartmen dan lain-lain, ia mungkin akan berlaku satu jangka masa keruntuhan berlaku, terpaksa diruntuhkan. Mungkin boleh bertahan 150 tahun, 200 tahun seperti yang berlaku pada Highland Towers.

Soalnya, apabila selesai mereka membeli rumah menggunakan strata *title* ini apabila diruntuhkan ataupun runtuh, maka mereka sudah tidak mempunyai tempat kediaman. Ini kerana strata *title* ini tidak memungkinkan mereka untuk mendirikan rumah semula. Jadi saya bercadang kepada kerajaan supaya berfikir bagaimana mewujudkan satu tabung untuk membantu mereka apabila berlaku seperti mana yang berlaku di Highland Towers. Tidak ada apa-apa pampasan yang boleh diberi dan mereka kehilangan rumah.

Berbeza kalau kita beli rumah yang ada tanah, sambung *lease*. Rumah diruntuhkan, kita boleh bina rumah baharu. Akan tetapi ia berbeza dengan yang kita beli daripada apartmen, kondominium mewah, *flat* dan lain-lain. Maka ia tidak memberi apa-apa pulangan lagi selepas itu dan mereka kehilangan tempat tinggal sedangkan mereka sudah membayar satu jumlah yang sangat besar untuk membeli kediaman tersebut.

Saya pohon supaya diberikan perhatian oleh pihak kerajaan tentang kepentingan yang melibatkan kepentingan pemilik-pemilik rumah yang mempunyai strata *title* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bentong.

12.28 tgh.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas adalah perlu lebih-lebih lagi dengan pertukaran kerajaan baharu Pakatan Harapan. Hala tuju RMKe-11 seterusnya haruslah diselaraskan dengan aspirasi rakyat terhadap kerajaan baharu.

Justeru itu, saya menyokong penuh cadangan yang menyesuaikan semula strategi pembangunan kita dengan memberi penekanan baharu dalam dasar-dasar yang sedia ada. Saya akan menjuruskan perbahasan saya kepada Tonggak V iaitu mempertingkatkan kemapanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan hala tuju tonggak ini bahawa pembangunan sosioekonomi harus beralih daripada *trajectory* pembangunan konvensional, *grow first, clean up later* yang berkost tinggi kepada *trajectory* pertumbuhan hijau.

■1230

Maka berdasarkan hala tuju ini, industri yang memudaratkan kesejahteraan rakyat dan alam sekitar seperti Lynas haruslah dihentikan. [*Tepuk*] Selepas enam tahun beroperasi, Lynas tidak pernah bayar cukai walau satu sen pun kerana kerajaan yang lepas sangat murah hati berikan *tax free* selama 12 tahun. Jadi apa yang kita dapat? Apa yang rakyat dapat? Pada setakat ini, hampir 1.5 juta tan metrik sisa buangan di mana hampir satu pertiga daripadanya adalah sisa *water leached purification* (WLP) yang mengandungi bahan radioaktif torium dan uranium.

Selama ini Lynas dan AELB sentiasa memanipulasi rakyat dengan mengatakan *Lynas is safe*, dengan izin, kerana sisa radioaktif mereka *low level* dengan radiasi bawah *safe threshold, one millisievert per year*. Dakwaan ini telah dibidas oleh Profesor Dr. Chan Ci Kun, seorang pakar *public health* lulusan MIT dan *Harvard University*. Beliau telah mengemukakan dua kajian yang menunjukkan peningkatan kes-kes leukemia yang melibatkan kanak-kanak yang tinggal dalam lingkungan lima kilometer radius dari loji tenaga nuklear di mana pendedahan kepada radiasi adalah jauh lebih rendah dari *safe threshold one millisievert per year*. Profesor Dr. Chan juga mengatakan bahawa kebimbangan beliau yang paling utama ialah sisa radioaktif Lynas yang berada dalam bentuk serbuk yang boleh masuk ke dalam badan kita melalui pernafasan, makanan atau minuman.

Isu risiko *internal radiation* adalah salah satu daripada soalan utama rakyat yang tidak pernah dijawab oleh Lynas, AELB dan IAEA.

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berhormat Bentong.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Di bawah pentadbiran kerajaan lalu, Lynas bukan main berkuasa sekali sehingga boleh mengingkari arahan Kabinet Malaysia ketika itu.

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berhormat Bentong, boleh mencelah? Yang Berhormat Bentong?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bentong, ada celahan. Sila.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bentong, saya nak tanya, sejak sisa ini dikeluarkan, sama ada kita ada buat apa-apa *study or medical study* bagi penduduk-penduduk di kawasan itu? Saya rasa kerajaan baharu ini perlu

melakukannya dan membuat satu *tracking system* yang lebih baik supaya kita lihat *public health issue* yang penting ini. Terima kasih.

Tuan Wong Tack [Bentong]: *I agree but all these are long term. The effect is long term just like what is happening in Bukit Merah now, it takes years when things surface.*

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Jadi maknanya pada pendapat Yang Berhormat Bentong sebagai seorang *environmentalist fighter and human right fighter*, daripada pelajaran daripada Bukit Merah, ini mengambil masa yang agak panjang. Betul?

Tuan Wong Tack [Bentong]: Yes.

Tuan Wong Chen [Subang]: Sepuluh tahun, 12 tahun, 15 tahun.

Tuan Wong Tack [Bentong]: *I agree.*

Tuan Wong Chen [Subang]: Jadi kita perlu memulakan *tracking* sekarang, pada pendapat saya. Setuju ya?

Tuan Wong Tack [Bentong]: Setuju. *Agree. Thank you, terima kasih. Saya teruskan. Pada 10 Disember 2012, empat orang Menteri dari MITI, MOSTI, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan kenyataan yang dengan jelas menyatakan, dengan izin, first... [Membaca petikan]*

"The Temporally Operating License (TOL) granted to Lynas requires as a specific condition that the company remove all the residual generated by LAMP out of Malaysia. This include all products made from the residual. The Cabinet has endorsed this condition"

Kedua... [Membaca petikan]

"Should Lynas failed to comply with this condition, the Atomic Energy Licensing Board (AELB) is empowered under section 22 of the Atomic Energy Licensing Act 1984 to suspend or revoke the TOL and order Lynas to immediately cease operation.

TOL Lynas telah luput empat tahun yang lalu pada 2 Disember 2014 tetapi sehingga hari ini tidak ada satu gram pun sisa yang dihantar ke luar dari Malaysia. Sisa radioaktif Lynas mempunyai *half life* 1.4 bilion tahun. Dengan kata ini, ia tidak akan luput selama-lamanya. *Lynas waste is an internal problem*, dengan izin. Anak cucu kitalah yang akan sengsara kerana perlu menjaga dan menanggung kos untuk menguruskan sisa Lynas untuk selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham ekonomi negara kita kurang baik ketika ini. Sememangnya ia satu cabaran apabila kita terpaksa memilih antara menarik pelaburan asing dan menjaga kesejahteraan rakyat. Akan tetapi, kita mesti sedar keadaan ekonomi negara kita pada hari ini bukan disebabkan kekurangan sumber tetapi lebih kepada salah tadbir, rasuah dan pemimpin-pemimpin yang tidak pedulikan rakyat.

Apabila kita memilih kebinasaan demi keuntungan jangka pendek, akhirnya kita akan ditinggalkan dengan legasi toksik oleh projek-projek seperti Lynas dan bauksit di Kuantan, kilang nadir bumi di Bukit Merah, lombong emas di Bukit Koman dan lombong tembaga di Ranau, Sabah.

Projek-projek sebegini hanya menguntungkan segelintir orang tetapi membawa kemudaratan jangka panjang kepada rakyat dan alam sekitar. Kawasan tanah yang luas dan sumber air kita akan diracuni dan dirosakkan selama-lamanya. Ini tidak betul. Sebagai sebuah negara yang kecil, setiap inci...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Minta laluan.

Tuan Wong Tack [Bentong]: ...Tanah kita adalah khazanah yang mesti kita hargai.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sama Pahang. Sama Pahang.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Silakan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Bentong kerana memberi ruang kepada saya untuk bersama turut serta dalam perbincangan ini. Saya berpendapat bahawa pandangan Yang Berhormat Bentong saya sangat bersetuju sebenarnya. Saya sangat bersetuju. Saya tahu Yang Berhormat Bentong dia memperjuangkan Lynas dan sebagainya. Tentang alam sekitar memang beliau seorang pejuang. Saya tahu. Dia berarak, sanggup habiskan wang untuk berarak ke hulu, berarak ke hilir.

Akan tetapi dalam soal ini, saya masih tertanya-tanya bila dia sebut tadi soal di Raub, Bukit Koman, soal di Lynas dan sebagainya— saya bersetuju sebenarnya. Saya bersetuju. Akan tetapi saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat Kelana Jaya yang bertanyakan soalan sebentar tadi di mana satu...

Tuan Wong Chen [Subang]: Subang, Subang. Sudah tukar.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Oh, *sorry*. Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Subang, kawan baik saya. Dulu Yang Berhormat Kelana Jaya.

Berkenaan dengan apakah kajian tentang penyakit yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan Lynas ataupun di Raub. Di Raub ini saya ada sedikitlah sebab sempadan dengan saya. Saya ada juga bertanya, saya ada pergi, di mana persekitarannya masih tidak ada mereka yang kena penyakit. Menteri sudah jawab pun tidak ada yang kena penyakit.

Jadi saya sokong supaya Yang Berhormat Bentong membuat sebenarnya sedikit kajian lagi dan saya berharap supaya saranan Yang Berhormat Bentong ini diberikan ruang kepada Menteri untuk membuat kajian itu— Menteri Kesihatan, Menteri Alam Sekitar dan sebagainya. Saya simpati dengan nasib orang negeri Pahang kalau betul radioaktif itu sangat tinggi yang menyebabkan penyakit yang agak ketara kepada masyarakat kita di Pahang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Bentong.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Setuju atau tidak setuju, Yang Berhormat Bentong?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Bentong.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Yang Berhormat Lipis, saya setuju. *As I just said, all this health issue is face by our children. Probably not now. Our grandchildren. Children and grandchildren. As I said, saya tadi kata half-life of torium adalah 1.4 juta tahun. That's why all this are long term effect. So as people of this generation, kitalah patut...*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya memang menyokong supaya dikaji sebenarnya.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Betul, betul. Saya sokongkan.

■1240

We must take that step actually, thank you. I continue, in the past, dengan izin dahulu kesilapan dibuat mungkin disebabkan *ignorance* tetapi jika kita sebagai pemimpin era baru ini masih lagi mengulangi kesilapan yang sama, maka ini namanya ketamakan dan tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pelaksanaan tiga bidang keutamaan bersama dengan sembilan strategi di bawah tonggak kelima memerlukan pelaksanaan yang lebih mudah difahami ataupun *tangible*. Justeru itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menggunakan pendekatan pilot projek untuk melaksanakan usaha-usaha di bawah strategi-strategi ini akan menjadi lebih jelas kepada khalayak ramai. Sebagai Ahli Parlimen Bentong, saya bersedia untuk menawarkan Daerah Bentong sebagai calon untuk projek *pilot* sebegini selari dengan aspirasi saya untuk menjadikan Bentong satu model pembangunan hijau.

Dalam mengakhiri perbahasan saya, ingin saya tekankan sekali lagi bahawa isu Lynas adalah isu yang dekat dengan hati jutaan rakyat Malaysia. Ramai antara kita di dalam Dewan yang mulia ini termasuk sahabat-sahabat di sebelah barisan pembangkang telah berhimpun, berarak *with arms lock shouting*, "Stop Lynas" bersama-sama dengan rakyat. Oleh itu janganlah kita sekali-kali lupakan janji kita dan khianati harapan rakyat.

Saya harap apa jua keputusan yang dibuat Kerajaan Pakatan Harapan mestilah mempertimbangkan kesejahteraan anak cucu kita. Dengan izin, *let us gives a chance to our land and mother nature to heal and our children the opportunity to live a quality and healthy life*. Oleh yang demikian dengan sukacitanya saya menyokong usul untuk meluluskan Kajian Separuh Penggal RMKe-11. *Thank you. [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Banyak juga Yang Berhormat Bentong guna dengan izin, bahasa Inggeris. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Igan.

12.42 tgh.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi

kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 Oktober yang lalu. Setelah meneliti dan mendengar pembentangan berkenaan ianya seperti memberikan seribu harapan kepada seluruh rakyat Malaysia mengenai dasar dan strategi pembangunan seiring dengan aspirasi rakyat dan azam kerajaan.

Bagi rakyat negeri Sarawak dan Sabah tidak ada yang lebih menggembirakan daripada persetujuan dan komitmen kerajaan untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk mengkaji semula dan memantau pelaksanaan yang sepatutnya bagi Perjanjian Malaysia 1963 seperti yang terkandung di dalam tonggak 3 buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia yang ke-11 iaitu menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang.

Politik Sarawak dan Sabah tidak harus dikecualikan daripada politik arus perdana kebangsaan. Adalah diingatkan tanpa Sabah dan Sarawak tidak ada Malaysia seperti yang kita kenali hari ini. Sarawak dan Sabah harus dianggap sebagai wilayah yang setara dengan izin, *equal partners* dan segala hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan seperti yang termaktub di dalam Perjanjian Malaysia 1963. Oleh itu saya menyeru agar jawatankuasa yang ditubuhkan nanti harus mengkaji keseluruhan perjanjian ini secara inklusif termasuk isu royalti minyak dan pembangunan Sarawak dan Sabah.

Selain daripada itu, tugas utama jawatankuasa yang ditubuhkan nanti harus mengkaji dan mencadangkan langkah-langkah pembetulan dalam hal-hal seperti berikut:-

- (i) status Perjanjian Malaysia 1963 dalam perundangan sekarang;
- (ii) usaha meningkatkan kefahaman rakyat mengenai Perjanjian Malaysia 1963 melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan;
- (iii) pelaksanaan konsep federalisme untuk ketiga-tiga wilayah di dalam Malaysia;
- (iv) hak Sabah dan Sarawak terhadap hasil semula jadi negara serta hasil minyak dan gas; dan
- (v) jumlah peruntukan yang seharusnya menjadi hak Sabah dan Sarawak.

Di dalam hubungan ini saya juga berharap agar Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut memastikan sistem pentadbiran fiskal negara dapat disentralisasikan supaya akhirnya sehingga 50 peratus daripada hasil cukai yang dikutip di Sarawak dan Sabah akan disalurkan di kedua-dua negeri tersebut.

Oleh itu saya amat gembira dan menyokong dengan janji Kerajaan Pakatan Harapan seperti yang dibentangkan di dalam buku Kajian Separuh Penggal bahawa kerajaan tidak akan membiarkan mana-mana negeri tertinggal di belakang di mana kerajaan akan memperkenalkan kembali agenda pembangunan wilayah yang seimbang sebagai keutamaan. Di dalam hal ini kerajaan berjanji akan memastikan peruntukan pembangunan yang lebih saksama kepada negeri

Sarawak, Sabah, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis supaya mencapai pembangunan yang setara.

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat negeri Sarawak dan Sabah tidak menagih dan menuntut lebih daripada sepatutnya melainkan mengembalikan hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan seperti yang telah termaktub di dalam Perjanjian Malaysia 1963. Oleh itu untuk merealisasikan tuntutan-tuntutan ini kerajaan harus ikhlas dan jujur di dalam segala tindakan dan keputusan yang akan diambil.

Kami mahu jumlah jawatankuasa yang menganggotai Jawatankuasa Khas Kabinet nanti harus seimbang jumlahnya dari segi representasinya bagi ketiga-tiga wilayah. Ini adalah supaya segala keputusan yang dicapai nanti tidak dipertikaikan dan diragui. Perbincangan dan pendengaran mengenai hak-hak Sarawak dan Sabah seperti yang termaktub di dalam Perjanjian Malaysia sudah banyak kali diadakan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, inilah masa untuk bertindak. Kerajaan harus menyedari hakikat bahawa Perjanjian Malaysia merupakan perjanjian antarabangsa yang tidak boleh dipinda.

Dalam tempoh 55 tahun berlaku banyak penghakisan kuasa terhadap hak-hak Sarawak dan Sabah di bawah perjanjian ini. Sarawak tidak boleh bertolak ansur dan terus bersabar dengan kemunduran sepanjang masa sebagai sebuah negeri yang terdapat di dalam Malaysia. Sesungguhnya rakyat dan pemimpin-pemimpinnya sudah letih memberitahu dan mendengar.

Bagi memastikan kefahaman rakyat tentang MA63 ini dapat dipertingkatkan usaha konkrit dan menyeluruh perlu diambil oleh kerajaan. Langkah pertama adalah dengan memastikan hal-hal berkaitan pembentukan Malaysia termasuk Perjanjian Malaysia di tambah di dalam *syllabus* ataupun sukatan pelajaran terutama bagi pelajaran Sejarah. Usaha ini penting bagi mewujudkan kefahaman yang mendalam tentang semangat di sebalik pembentukan Malaysia 55 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat penting bagi kita untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional di negara kita. Kita sama sekali tidak boleh membiarkan kesepaduan sosial dan integrasi nasional di negara ini terhakis. Untuk itu saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah tertentu melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan dengan mengadakan lebih banyak aktiviti-aktiviti sesuai berbentuk sukan, kebudayaan dan sebagainya di mana para pelajar Semenanjung dapat mengadakan lawatan ke Sabah dan Sarawak dan begitu jugalah sebaliknya.

Saya juga memohon agar kerajaan tidak mengabaikan tentang liputan tentang Sarawak dan Sabah melalui media yang dimiliki. Ini penting bagi mencapai integrasi nasional dan pembinaan negara bangsa. Oleh itu, saya bersetuju dengan cadangan kerajaan untuk menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat dan mewujudkan Indeks Perpaduan Nasional sebagai instrumen untuk memantau tahap perpaduan dan keharmonian.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak telah menetapkan sasaran untuk mencapai atau menjadi sebuah negeri yang maju pada tahun 2030. Ini sejajar dengan hasrat Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan semua negeri perlu maju seperti yang dibentangkan di dalam Kajian Separuh Penggal dan dikatakan tidak ada negeri yang tertinggal atau terpinggir daripada arus pembangunan negara.

■1250

Sepatutnya negeri Sarawak dan Sabah telah pesat membangun kerana sumber kekayaan negara sebahagian besarnya adalah hasil daripada kedua-dua bumi Sabah dan Sarawak. Oleh itu, janganlah kami dipinggirkan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Igan, minta laluan sedikit. Sedikit sahaja.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Maaf Tuan Yang di-Pertua, tiada masa. Oleh sebab orang Sarawak kata perbincangan saya ini cun-cun 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Igan.

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mencapai negeri maju pada tahun 2030, iaitu 12 tahun dari sekarang atau sehingga Rancangan Malaysia Ke-13. Kerajaan negeri telah merangka pelan pembangunan yang komprehensif yang melibatkan kos lebih kurang RM154.5 bilion. Secara puratanya, negeri Sarawak memerlukan sebanyak RM12.7 bilion setahun untuk melaksanakan segala program dan projek yang telah ditetapkan. Saya berpendapat jumlah ini bukanlah satu masalah bagi Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan peruntukan ataupun membantu sebahagian daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM12.78 bilion oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan berbagai-bagai agenda pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini. Daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM8.06 bilion ataupun 63 peratus telah dibelanjakan dan bakinya adalah RM4.72 bilion sehingga bulan Jun tahun ini. Jumlah ini melibatkan sebanyak 716 buah projek kesemuanya. Daripada jumlah ini, sebanyak 152 buah projek ataupun 21 peratus telah siap sepenuhnya dan 81 buah projek ataupun 11 peratus yang telah mendahului jadual dan sebanyak 430 buah projek ataupun 63 peratus projek yang ikut jadual.

Dalam hal ini, saya memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk meluluskan semua projek yang telah dirancang walaupun projek berkenaan dalam status, dengan izin, *behind schedule*, ataupun perancangan awal. Ini semua demi kesejahteraan rakyat di luar bandar, khususnya yang amat memerlukan kemudahan infrastruktur seperti air, api dan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon kepada Kerajaan Persekutuan agar semua projek yang telah diluluskan untuk kawasan Parlimen Igan sebanyak RM487.735 juta diteruskan. Projek-projek ini adalah seperti berikut. Pertama, pembinaan jambatan Igan dan jalan tuju yang melibatkan kos RM305.8 juta. Jambatan ini amat diperlukan oleh seluruh rakyat di

kawasan Parlimen Igan kerana ia satu-satunya *missing link* yang menyambung Daerah Matu dan Daerah Daro untuk pergi ke Mukah dan seterusnya ke Sibu. Adalah diharapkan, dengan adanya jambatan ini ia akan memudahkan pergerakan rakyat kerana sekarang ini terpaksa menunggu feri selama berjam-jam. Dalam konteks ini, ianya akan merancakkan aktiviti perekonomian dan sebagainya. Sekali lagi saya merayu kepada Menteri Kerja Raya yang berasal daripada negeri Sarawak untuk mengambil keutamaan tentang perkara ini.

Kedua, Klinik Kesihatan Daro jenis empat yang melibatkan kos sebanyak RM35 juta. Tuan Yang di-Pertua, klinik ini amat-amat diperlukan setelah klinik kesihatan lama hangus terbakar sejak tiga tahun yang lepas. Sekarang ini, pesakit-pesakit yang datang dari seluruh kawasan Matu dan Daro terpaksa mendapatkan rawatan di Hospital Daro yang sesak dan tidak kondusif persekitarannya. Demi menyejahterakan rakyat, dipohon agar Kementerian Kesihatan menyegerakan pelaksanaan klinik kesihatan ini. Soal kesihatan tidak harus dikompromi.

Ketiga ialah projek pembinaan gantian penuh 28 bilik darjah dan asrama dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Matu yang melibatkan kos sebanyak RM75 juta. Untuk projek ini, saya memohon kepada Kementerian Pendidikan untuk meneruskan pelaksanaannya. Ini adalah kerana sekolah yang sekarang ini berada di dalam keadaan yang amat daif dan uzur kerana 90 peratus daripada struktur pembinaannya dibuat daripada kayu. Sekolah ini dibina sekitar tahun 1970, setelah hampir 50 tahun ia tidak lagi *economical* untuk dibaik pulih.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan semua, sekolah ini di awal pembinaannya dikenali sebagai sekolah dari kayangan kerana strukturnya yang cantik dan penduduk setempat amat gembira dan kagum melihat kecantikan struktur pembinaannya diperbuat daripada kayu.

Keempat, projek membina Balai Bomba dan Penyelamat Matu di Igan yang anggaran kosnya sebanyak RM5.5 juta. Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar projek ini diteruskan kerana selama ini telah banyak berlaku kebakaran hingga meragut nyawa. Jika berlaku kebakaran, tidak ada apa-apa yang boleh diselamatkan kerana tiada kemudahan untuk memadam kebakaran. Adapun bomba yang terdekat adalah dari Mukah yang memakan masa tiga jam baru sampai ke Matu. Keperluan ini tidak sewajarnya diperlekehkan.

Kelima, projek membina dan menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di Skim Saliran Terkawal Daro yang menelan kos sebanyak RM15 juta. Saya memohon kepada Kementerian Pertanian agar projek ini diteruskan. Projek ini amat diperlukan agar aktiviti pertanian dapat dilaksanakan dengan baik dan menjamin hasil ataupun produktiviti pertanian yang banyak dan berkualiti.

Keenam ialah Projek Klinik Pergigian Daro yang menelan kos sebanyak RM8.025 juta. Saya juga memohon kepada Kementerian Kesihatan agar projek ini dapat diteruskan demi memberi kemudahan kepada rakyat memerlukan rawatan gigi.

Terakhir ialah Projek Mesra Rakyat Kawasan Parlimen Igan yang melibatkan kos sebanyak RM30 juta.

Sehubungan dengan itu, saya merayu dan memohon kepada Jabatan Perdana Menteri agar segala projek dan perancangan yang telah dicadangkan diteruskan. Banyak projek-projek di kawasan saya yang telah dibatalkan. Ada juga projek yang telah siap dan sedang dilaksanakan telah tidak dibayar. Misalnya, projek pembersihan sungai dan penyelenggaraan dewan dan padang bola sepak. Projek-projek membina jalan bersimen, menaik taraf sekolah seperti mengecat, pendawaian elektrik, membina baru surau, pembinaan dewan dan baik pulih rakyat telah dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali ialah berkenaan dengan, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh isu FELCRA Berhad di kawasan saya. Ini kerana isu pemberian dan agihan dividen yang tidak munasabah dan ada yang tiada langsung sering menjadi keluhan para peserta FELCRA di negeri Sarawak, khususnya di kawasan saya Parlimen Igan.

Pihak FELCRA sering digesa untuk melihat semula pemberian dividen peserta program penanaman sawit agar setimpal dengan kawasan tanah mereka yang diusahakan dengan tanaman komoditi berkenaan. Perkara ini sudah lama berlarutan dan menyebabkan ada di kalangan peserta yang menarik balik tanah mereka yang telah diserahkan kepada FELCRA untuk diusahakan. Saya merayu kepada pihak kementerian berkenaan untuk mengambil tindakan terhadap ketidakpuasan para peserta ini. Untuk melihatkan apakah sebenarnya yang terjadi, sama ada kelemahan pengurusan atau berlaku ketirisan yang tiada disedari.

Tuan Yang di-Pertua, pihak peserta sebenarnya ada berjumpa dengan pihak pengurusan FELCRA mengenai masalah-masalah yang mereka hadapi. Akan tetapi tiada jawapan yang konkrit diberikan. Alasan yang selalu diberikan oleh pihak pengurusan FELCRA ialah para peserta perlu menanggung kos-kos pembangunan awal serta kos-kos pembangunan tanah yang telah diambil balik oleh para peserta yang tidak berpuas hati dengan pengurusan FELCRA.

Ini juga menyebabkan mereka tidak berpuas hati kerana tidak adil dan patut untuk mereka menanggung dan membayar kos tanah yang diambil oleh peserta-peserta lain sedangkan masalah ini sepatutnya diselesaikan oleh pihak pengurusan FELCRA dengan peserta-peserta berkenaan dengan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kementerian berkenaan mengambil tindakan segera bagi membela nasib yang menimpa para peserta yang malang ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Igan. Walaupun ada dua minit lagi, saya ingin menjemput Yang Berhormat Merbok untuk meneruskan, kalau tidak sempat nanti, disambung selepas *break*. Silakan.

12.58 tgh.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 pada 18 Oktober yang lalu. Sebenarnya, kalau kita lihat pembentangan tersebut melitinkan komitmen kerajaan yang baharu dibentuk lima bulan ini ke arah memacu perubahan negara yang lebih baik. Kepada pembangkang, *a good government needs a strong opposition*, dengan izin. Maka, tegurlah dengan baik, kritik lah dengan membina, jangan lah dijerkah-jerkah. Kami ini setiap masa untuk membuktikan KPI seolah-olah usia kami lebih lima tahun.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada kerajaan terdahulu atas jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan. Sewajarnya, kebaikan ini haruslah diberikan pujian. Namun, kecelaruan kesan peninggalan yang mereka lakukan amatlah menyakitkan.

Tuan Yang di-Pertua, umpama sebuah bangunan, enam tonggak yang diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Merbok maksudkan Yang Berhormat Jelutong kah apa yang suka jerkah orang tu? *[Ketawa]*

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: *[Ketawa]* Enam tonggak yang diketengahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi tiang seri dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang akan berkembang maju.

Tonggak pertama yang kita ketahui adalah transformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan kecekapan perkhidmatan awam. Maka, bagi menterjemahkan maksud ini, saya menyambut baik inisiatif kerajaan mengukuhkan mekanisme *check and balance*, dengan izin, iaitu semak dan imbang dalam pentadbiran kerajaan. Saya bersetuju Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang bakal diperkenalkan semula oleh kerajaan merupakan salah satu langkah awal mentransformasikan ketelusan dalam perkhidmatan kerajaan.

Ia sangat penting kerana menggariskan Akta Perkhidmatan Parlimen dan menegakkan prinsip pengasingan kuasa iaitu membebaskan Parlimen sebagai sebuah institusi yang benar-benar mencerminkan doktrin pengasingan kuasa. Maka, saya sangat bersetuju Yang Berhormat Permatang Pauh dalam ucapan bahas beliau 22 Oktober yang lalu, yang mana Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen haruslah segera ditubuhkan untuk menguruskan segala hal ehwal pentadbiran, pengurusan, kewangan dan lain-lain berkenaan dengan Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Tamat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Pukul 1 tengah hari, kita tangguhkan sehingga pukul 2.30.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Merbok, baki 12 minit 55 saat.

2.32 ptg.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sektor perkhidmatan awam merupakan nadi kepada pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Penjawat awam sebagai ejen pelaksana dasar yang dibentuk, diharap mampu menyokong, mendukung dan melaksanakan dasar serta polisi-polisi yang diperkenalkan oleh *government of the day*, dengan izin.

Pengurusan kewangan berhemah yang disarankan kepada setiap agensi kerajaan diharap mampu untuk membantu kerajaan ke arah mengukuhkan ekonomi negara. Reformasi institusi sektor awam dengan cara memperkemaskan perkhidmatan yang disediakan mampu memberi keselesaan kepada rakyat. Sebagai contoh, hasil daripada perbelanjaan yang berhemah kerajaan mungkin menjadi penyumbang kepada usaha kerajaan meningkatkan perkhidmatan utama kepada rakyat seperti sektor kesihatan dan pendidikan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan yang sudi turun ke lapangan melihat sendiri bagaimana keadaan Klinik Kesihatan Sungai Lalang dalam kawasan Parlimen Merbok yang hanya beroperasi di bangunan kedai setingkat yang kurang kondusif dan saya mengharapkan akan datang akan dibina satu klinik kesihatan yang lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, penjawat awam merupakan ejen utama yang melaksanakan dasar-dasar kerajaan dari peringkat Ketua Setiausaha Negara hinggalah ke peringkat yang paling rendah. Merekalah yang melaksanakan polisi-polisi kerajaan walaupun dalam kalangan penjawat ini mempunyai ideologi politik yang berbeza tetapi hak-hak untuk berbeza ideologi politik ini harus dihormati. Proses melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang dibentuk harus dilakukan dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

Dalam usaha meningkatkan kecekapan tadbir urus kerajaan yang menuntut keringat para kakitangan awam, saya suka hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya mengkaji pemberian imbuhan kepada para penjawat awam. Saya mencadangkan agar elaun sara hidup atau COLA diselaraskan kepada RM300 bagi setiap penjawat awam tanpa mengira di mana lokasi mereka bekerja sebelum ini. Ini kerana bantuan sara hidup sebelum ini yang disebut sebagai COLA diberi berdasarkan tiga tempat; kawasan 'A' tengah bandar metropolitan sebanyak RM300,

kawasan 'B' kawasan bandar biasa atau pinggiran bandar sebanyak RM250, kawasan 'C' kawasan luar bandar sebanyak RM150. Namun begitu saya merasakan pembahagian kawasan ini bukanlah tepat berdasarkan kos sara hidup sebenar kerana jika berada di luar bandar sekalipun, kos hidupnya tetap juga tinggi malah mungkin lebih tinggi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tonggak kedua dalam Kajian Separuh Penggal; memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Peningkatan kos sara hidup rakyat memang sangat dirasai. Sejajurnya sebahagian besar rakyat masih sangat terasa bahang kos sara hidup walaupun GST telah dihapuskan. Pengenalan SST sebagai sistem cukai menggantikan GST masih mendapat keluhan rakyat. Hal ini memberikan persepsi yang kurang baik kepada kerajaan. Ini semua harus kita akui namun harus kita ingat bahawa jumlah barangan yang dikenakan GST dahulu lebih banyak daripada barangan yang dikenakan cukai SST.

Saya menyarankan supaya kerajaan melalui agensi-agensi berkaitan rapat dapat memberi penerangan yang jelas kepada rakyat tentang barangan yang dikenakan cukai SST. Kerajaan melalui media sepatutnya memainkan peranan memberikan pendedahan kepada rakyat tentang barang-barangan yang turun harga dengan perbandingan dibuat antara semasa dikenakan cukai GST dan SST. Pemantauan oleh KPDNHEP juga harus dijalankan secara kerap.

Tuan Yang di-Pertua, sektor kesihatan juga memainkan peranan besar untuk menjamin kesejahteraan rakyat walaupun negara sedang berhadapan dengan kekangan kewangan tetapi saya yakin dengan usaha-usaha strategik dan langkah penjimatan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan bakal memberi impak kepada rakyat khususnya menyediakan infrastruktur perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Saya ingin menarik perhatian kerajaan berkenaan aspek perkhidmatan kesihatan di kawasan saya bagi kes rawatan pesakit buah pinggang yang memerlukan perkhidmatan dialisis.

Saya ingin fokuskan kemudahan hospital yang terhad, tidak berupaya untuk menampung bilangan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis. Lebih rumit lagi, pusat perkhidmatan dialisis swasta juga terhad. Setakat hari ini hospital sedia ada hanya mampu menampung 90 orang pesakit yang memerlukan dialisis manakala terdapat 86 orang yang berada dalam *waiting list* dengan izin. Yang paling menyedihkan, ada yang meninggal kerana tidak sempat menerima rawatan. Maka saya mengambil peluang ini memohon kepada pihak kerajaan untuk mengusahakan pusat dialisis bagi kemudahan rakyat yang sangat memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu penagihan dadah juga mencabar keharmonian masyarakat dan negara. Bilangan penagih baru yang dicatatkan pada tahun 2017 dari sumber AADK adalah sebanyak 18,440 orang. Hal ini sangat membimbangkan kerana dadah kita tahu ada yang sanggup bunuh ahli keluarga sendiri. Bilangan penagih yang meningkat juga memberi kesan kepada kerajaan untuk memperuntukkan sejumlah belanja bagi proses pemulihan penagih di pusat-pusat serenti. Saya mencadangkan kepada pihak berwajib supaya usaha membanteras

pengedaran dadah dari tauke dadah yang paling besar hinggalah ke pengedar paling bawah dapat dibawa ke muka pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita merawat masalah penagihan dadah, kawasan luar bandar terutama di kawasan-kawasan kampung termasuklah juga di kawasan saya, isu penagihan air ketum secara berleluasa juga menjadi satu malapetaka yang merosakkan generasi muda negara. Ketum memang mempunyai nilai perubatan namun dalam mempertimbangkan kedinamikan ketum sebagai sumber yang bermanfaat, haruslah kita melihat secara holistik, keseimbangan risiko dan manfaat.

Kajian menunjukkan ketum boleh merawat masalah ketagihan dadah. Kerajaan perlu lebih memperbanyakkan lagi penyelidikan dan kajian saintifik bagi mendapat manfaat perubatan dalam memperbaiki status kesihatan masyarakat yang menepati elemen pemeliharaan harta dan jiwa dalam kerangka *maqasid* syariah.

Meminum air ketum sudah menjadi trend remaja kini. Daun ketum mengandungi bahan aktif, sejenis *alkaloids psychoactive* yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga (Bahan-bahan Psikotropik) di bawah Akta Racun 1952. Menurut seksyen 30, Akta Racun 1952 menyatakan “*adalah suatu kesalahan bagi aktiviti pengimportan, pengeksportan, pengilangan, penjualan dan pemilikan bahan-bahan psikotropik tersebut*”. Sehubungan dengan itu, memahami realiti yang berlaku saya merasakan kita perlu menggubal satu akta baru untuk mengurus ketum.

Mungkin janggal meletakkan ketum bersama Akta Dadah Berbahaya kerana fungsi dan kesannya berbeza dan ia juga janggal meletakkan dalam Akta Racun kerana ia bukan sejenis racun. Dengan menggubal satu akta khas bagi penggunaan ketum, saya yakin ia lebih mudah untuk kita mengurus dan mengawal penggunaan ketum bahkan penyalahgunaannya dapat kita hukumi dengan adil dan setimpal.

Tuan Yang di-Pertua, pengukuhan infrastruktur adalah salah satu elemen teras untuk menuju negara maju. Pengukuhan infrastruktur adalah aspek penting dalam menyumbang kepada kerancakan kepada ekonomi negara seperti jalinan jalan raya yang baik dan selamat dalam menggalakkan aktiviti ekonomi masyarakat. Sekali lagi saya ingin menarik perhatian Menteri Kerja Raya tentang jalan raya lencongan barat dan lencongan timur yang menghubungkan kawasan Parlimen Merbok dan Parlimen Sungai Petani yang sangat tidak memuaskan.

■1440

Untuk pengetahuan, kedua-dua jalan raya yang saya sebutkan ini merupakan laluan perhubungan yang sangat penting dan sibuk bagi aktiviti kehidupan masyarakat. Jalan yang berlopak-lopak dan bertampal-tampal sangat membahayakan. Saya mohon perhatian daripada pihak kerajaan.

Selain daripada itu juga, saya ingin sentuh sekali lagi perkhidmatan air bersih. Saya terpaksa sebut lagi perkara ini di dalam Dewan yang mulia kerana isu ini ialah isu-isu yang sangat mendesak. Isu air di Parlimen Merbok hampir satu dekad, hampir 10 tahun dan sangat serius.

Setiap hari, kami berdepan dengan kemarahan rakyat berkenaan isu air. Kawasan Merbok mengalami masalah gangguan bekalan air terawat akibat, pertama, ketidakupayaan sistem agihan sedia ada sejak 1970-an untuk menampung kuantiti serta tekanan menyebabkan kerap kali pecah. Kapasiti paip yang kecil tidak mampu menampung permintaan air, memberi impak kepada *level of service* pembekalan kepada rakyat.

Kedua, ketidakupayaan sistem rawatan air di Loji Headwork Tupah dan Merbok yang merawat air mentah apabila perimeter *nephelometric turbidity unit* (NTU) melebihi 50. Ini kerana loji di Tupah ini dibina pada tahun 1945. Maknanya usia sudah 73 tahun. Di Merbok, apabila hujan, tidak ada air. Apabila hujan sahaja, tidak ada air. Ini kerana apa? Ini kerana apabila musim hujan, kualiti air mentah boleh mencapai 950 NTU yang memaksa operasi loji dihentikan. Cuba bayangkan sejumlah 40 kali henti tugas iaitu *shutdown* operasi Loji Headwork Tupah pada tahun 2018...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Merbok, boleh celah?

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: ...akibat daripada ketidakmampuan ini. Minta maaf, saya hanya ada tiga minit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Maran minta laluan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terkini operasi Loji Headwork Tupah dihentikan tugas selama 13 jam 30 minit pada 17 September. Rekod tertinggi menunjukkan Loji Headwork Tupah pernah dihentikan tugas selama 23 jam 30 minit pada 23 Ogos yang lalu. Secara keseluruhan pada tahun 2018, menghadapi gangguan bekalan air akibat kekeruhan tinggi sejumlah 62 hari.

Ketiga, kawasan tadahan dan takungan juga turut terhad. Kuantiti air kerap menyusut daripada 20 MLD kepada 10 MLD secara khususnya daripada sumber Loji Headwork Tupah sebanyak 38.6 *percent*. Keempat, keadaan bertambah teruk apabila penduduk perlu menunggu sistem bekalan pulih sepenuhnya daripada *airlock* setiap kali penutupan operasi loji, angin akan terperangkap di dalam paip sehingga tidak melancarkan pengagihan air kerana usia loji yang sudah uzur. Jadi, sama-samalah kita bayangkan isu air di Merbok.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya faham projek pelaksanaan *off river storage* di Sungai Merbok dan kerja-kerja pembinaan tangki menara dan penggantian paip di Parlimen Merbok telah diluluskan melalui pembiayaan khas bernilai RM69 juta seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri KATS pada sidang yang lepas tidak akan diteruskan.

Saya selaku Ahli Parlimen kawasan, memang bersedih dan berdukacita atas keputusan ini. Saya amat memahami masalah kekangan kewangan kerajaan namun saya bersetuju untuk menanggungkan projek-projek berskala besar, berbilion ringgit. Namun bagi projek-projek yang

melibatkan rakyat keperluan asas seperti bekalan air, infrastruktur, jalan raya sewajarnya diberi keutamaan dan sewajarnya diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua seperkara lagi, data daripada *National Property Information Centre* (NAPIC) menunjukkan peningkatan sebanyak 40 peratus daripada jumlah kediaman tidak dijual dan siap pada suku pertama 2018 kepada 34,532 unit. Direkodkan juga sebanyak 24,738 unit pada akhir tahun lepas. Hal ini menimbulkan persoalan kepada kita. Adakah rumah-rumah yang dibina oleh pemaju adalah 'rumah mampu tengok' berbanding dengan rumah mampu milik? Isu kemampuan beli rumah di Malaysia disebabkan oleh ketidakpadanan bekalan permintaan dan pertumbuhan pendapatan yang lebih perlahan berbanding harga rumah.

Harga rumah mampu milik maksimum di Malaysia dianggarkan pada RM282,000. Walau bagaimanapun, harga rumah median sebenarnya RM313,000. Ini melangkaui kemampuan kebanyakan isi rumah kerana pendapatan isi rumah median negara hanyalah RM5,228. Bagi menangani isu pemilikan rumah mampu milik, saya mengesyorkan supaya kerajaan mewujudkan satu pangkalan data khas untuk mengumpul maklumat seperti pendapatan, ciri-ciri pilihan merangkumi saiz binaan dan lokasi supaya rumah-rumah mampu milik di lokasi-lokasi yang munasabah dapat disediakan. Dalam masa yang sama, dapat menangani isu rumah-rumah yang tidak terjual.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tonggak yang kelima dalam pembentangan tersebut Mempertingkatkan Kemapanan Alam Sekitar Melalui Pertumbuhan Hijau. Langkah awal dalam merealisasikan hasrat ini dapat dicapai melalui perancangan pembangunan mampan bagi melindungi khazanah semula jadi. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Besar Kedah walaupun beliau tidak ada hari ini kerana memberhentikan pembalakan walaupun saya percaya ia adalah suatu keputusan yang sukar namun demi kepentingan rakyat.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan yang mengambil inisiatif melaksanakan pengharaman straw plastik bagi menjaga alam sekitar. Kesempatan ini juga saya mencadangkan kepada pihak berkuasa tempatan agar menggubal peraturan untuk mengharamkan pengenaan bekas polistirena sebagai bahan pembungkus makanan. Kita tahu bahawa bahan ini berbahaya kepada kesihatan dan alam sekitar tetapi tiada penguatkuasaan untuk menanganinya. Saya yakin peraturan dan penguatkuasaan yang unggul apabila kita jalankan kita dapat jadikan negara kita sebagai negara bebas polistirena sebagai pembungkus makanan demi menjaga kesejahteraan rakyat.

Akhir sekali, bagi memenuhi tonggak enam yang mana kesemuanya jika dilaksanakan akan memperkukuh pertumbuhan ekonomi. Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Sama-samalah kita berganding bahu untuk menjadikan negara ini negara yang lebih sejahtera. Sekian, saya menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas seperti yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Merbok. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kemaman. Silakan.

2.46 ptg.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Pertama, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama turut mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, ia merupakan suatu perkara yang penting bagi melihat hala tuju kerajaan dalam tempoh dua tahun yang akan datang dan satu bentuk refleksi terhadap perancangan yang telah dilaksanakan sebelumnya. Sama ada ia mencapai matlamat seperti mana yang dirancang ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan ini, suka saya menarik perhatian dengan firman Allah SWT dalam Surah Saf. *[Membaca beberapa potong ayat Al-Quran]* Maksudnya, *“Wahai Daud, sesungguhnya kami menjadikan kamu khalifah, menjadikan pemerintah, penguasa di atas muka bumi ini. Maka berilah keputusan di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah SWT. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat kerana mereka melupakan hari perhitungan di hari Akhirat kelak.”*

Tuan Yang di-Pertua, ayat ini menjelaskan bahawa bagaimana Allah SWT berfirman bahawa Nabi Daud a.s. telah dilantik menjadi pemimpin dan diarahkan supaya menjalankan tugas dengan seadilnya dalam pemerintahannya, dalam pentadbirannya kerana pemimpin yang zalim boleh membawa kepada kemurkaan Allah SWT dan mendapat azab yang pedih di sisi Allah. Ayat ini menjadi peringatan kepada kita semua khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik sebagai pemimpin oleh rakyat dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab dengan adil kerana setiap amanah yang dipikulkan akan ditanya di akhirat kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini tertumpu kepada tonggak yang ketiga iaitu menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang dengan memberi fokus kepada dua keutamaan. Keutamaan pertama, memperkukuhkan pembangunan ekonomi wilayah dan yang keduanya merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas untuk memajukan semua negeri bersama-sama iaitu negeri Sabah, Sarawak, Kelantan,

Terengganu, Kedah dan Perlis tanpa membiarkan mana-mana negeri ini tertinggal di belakang apabila menjadi negara maju yang diidamkan oleh kita semua.

■1450

Pembangunan ekonomi dalam wilayah wajar dilaksanakan untuk membincangkan hala tuju pembangunan dan peningkatan infrastruktur di wilayah ekonomi khususnya di Pantai Timur yang melibatkan Kelantan, Terengganu yang sekarang ini masih ketinggalan dalam arus pembangunan. Sudah 60 tahun lebih kita merdeka, tetapi kita melihat masih lagi terdapat negeri-negeri yang ketinggalan dalam arus pembangunan yang tidak seiring dengan negeri yang ada di negara kita ini. Usaha untuk menangani ketidakseimbangan wilayah perlu dipergiatkan demi merapatkan jurang pembangunan sosioekonomi antara wilayah dan negeri-negeri. Sebagai contoh, pembangunan ekonomi dalam wilayah dapat direalisasikan dengan cara memperkasakan sumber yang ada di setiap negeri.

Saya mencadangkan kepada pihak kementerian yang terlibat untuk mengenal pasti apakah sumber pendapatan, sumber utama ekonomi yang ada di setiap negeri dan pihak Kerajaan Pusat perlu merancang secara terperinci apakah perancangan yang perlu diambil tindakan bersama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik KSP RMKe-11 yang dibentangkan ini bahawa kerajaan akan memastikan peruntukan pembangunan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan Serai minta laluan, boleh?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sikit sahaja. Sikit sahaja Yang Berhormat Kemaman.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Silakan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang untuk mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dan guru-guru daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Alang Iskandar, Bagan Serai di Parlimen Bagan Serai. *[Tepuk]* Di sekolah inilah lahirnya pelajar STPM Kategori Khas yang terbaik di Malaysia pada tahun lepas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kemaman.

Saya ingin bertanya sedikit tentang apa yang saya fahamkan sebagai *economic dualism* apabila berlaku ketidakseimbangan, iaitu tonggak ketiga ini, di antara Pantai Timur dan Pantai Barat dan juga Sabah dan Sarawak. Perkara ini tidaklah terjadi dalam lima bulan, lima tahun malah bertahun-tahun yang dulu di masa pemerintahan Perdana Menteri yang dahulu. Jadi, adakah Yang Berhormat Kemaman setuju dengan saya bahawa kerajaan yang baharu ini patut mengambil langkah yang drastik, contohnya mengiakan kepada penubuhan ECRL untuk melegakan keadaan yang tidak seimbang ini? Terima kasih, Yang Berhormat Kemaman.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Terima kasih. Saya bersetuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi bagi memastikan kelangsungan pembangunan yang ada di antara Pantai Timur dan juga di sebelah Pantai Barat bagi satu pengimbangan yang berlaku di dalam pembangunan. Oleh itu, saya mengharapkan supaya sebahagian ucapannya dimasukkan dalam ucapan saya. Saya mengucapkan selamat datang juga kepada rombongan Sekolah Menengah Kebangsaan Alang Iskandar, Bagan Serai.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan ini di dalam ucapan pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kerajaan akan memastikan peruntukan pembangunan dan peningkatan infrastruktur yang lebih adil kepada semua negeri. Hak-hak kerajaan negeri sepatutnya ditunaikan dan tidak dinafikan kerana ia demi kesejahteraan rakyat dan pengamalan konsep *federalism* perlu diterapkan dengan setelusnya.

Umpamanya, apa yang berlaku dalam isu royalti yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan merealisasikan komitmen yang diutarakan oleh Perdana Menteri bagi membayar royalti kepada Kelantan dan Terengganu dan negeri-negeri pengeluar seperti yang termaktub di dalam Perjanjian 1975 dan seperti mana yang diputuskan, dibincangkan dalam Mesyuarat Kewangan Negara yang saya difahamkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan seharusnya tidak membuat alasan "*Kerana hutang negara yang banyak ditinggalkan oleh kerajaan terdahulu*" kerana rakyat kini memerlukan pembaharuan dan dahagakan kepada perubahan. Ini kerana kita yakin setiap parti politik yang bertanding di dalam pilihan raya sudah tentunya parti politik mereka ini sudah pun membuat perancangan ataupun kajian sebelum memerintah dan memimpin negara sama ada kemungkinan-kemungkinan hutang negara, apa yang perlu ditanggungkan, apa yang perlu dilaksanakan jika diberikan mandat oleh rakyat untuk mentadbir dan memerintah.

Sekarang ini rakyat memberikan mandat kepada PH untuk memimpin dan memerintah negara kita. Ini sudah tentulah saya mengharapkan supaya Kerajaan Pakatan Harapan hari ini supaya meneruskan pandang ke hadapan untuk membangunkan negara khususnya apa yang dibincangkan dalam pembentangan ini bagi mengimbangi keadaan negeri di sebelah Pantai Timur dan Pantai Barat termasuklah di Sabah dan Sarawak dapat diimbangi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu pandang ke hadapan dalam memajukan negara tanpa menafikan hak kerajaan negeri dengan menanggungkan peruntukan pembangunan dan infrastruktur kerajaan negeri yang sepatutnya diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih juga kepada kerajaan yang telah memperkenalkan kembali agenda pembangunan wilayah yang seimbang melalui KSP ini. Namun begitu, saya melihat masih tiada perancangan pembangunan yang jelas daripada Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, dalam usaha untuk membangunkan negeri-negeri yang tersenarai yang disebutkan itu, termasuklah Terengganu, Kelantan di Pantai Timur. Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat membuat penjelasan yang sejelas-jelasnya apakah program, apakah

perancangan, apakah strategi khusus yang telah dirangka dalam usaha memajukan negeri-negeri yang telah disenaraikan itu.

Kita tidak mahu perancangan kita mengatakan bahawa beberapa negeri ini merupakan negeri yang mundur dan kita membincangkan perkara-perkara yang di dalam Dewan ini, sama ada kata tidak boleh bayar gaji dan sebagainya, tetapi bagaimana penyelesaian untuk menyelesaikan masalah negeri-negeri yang terlibat termasuklah Kelantan dan Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perancangan yang akan atau yang mungkin telah dirangka ini, saya berharap ia tidak tertumpu sahaja di kawasan-kawasan tertentu sahaja seperti mana pembangunan yang kita lihat pada hari ini contohnya di Lembah Klang, Kuala Lumpur dan beberapa negeri yang mempunyai kemajuan yang pesat di bandar. Kita mengharapkan pembangunan ini dapat diagihkan sama rata kepada negeri-negeri yang disebutkan itu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, di antaranya saya memohon agar Landasan Kereta Api Pantai Timur diteruskan bagi merancakkan ekonomi negeri-negeri Pantai Timur seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi. Saya meminta agar kerajaan membuat suatu keputusan yang muktamad dengan kadar yang segera berhubung dengan isu ECRL sama ada ia ingin diteruskan atau dihentikan. Kita tidak mahu sebahagian di antara Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa kita akan batalkan tetapi dalam masa yang sama kita akan berikan kajian semula terhadap ECRL. Apa yang saya harapkan supaya satu keputusan yang cepat dapat dilaksanakan.

Ini kerana, kita kena ingat bahawa jajaran ECRL ini daripada Selangor sehinggalah ke Tumpat dan mungkin kawasan-kawasan jajaran ini telah ada proses pembangunan yang telah dirancang di peringkat negeri-negeri, sama ada di peringkat kerajaan negeri, di peringkat negeri ataupun perancangan yang telah dibuat di peringkat pembangunan daerah, peringkat PBT yang melibatkan kelibat kawasan jajaran. Oleh itu, kalau isu ECRL ini tidak dipercepatkan keputusannya, atau kalau ditangguhkan, mungkin pembangunan lain dapat dilaksanakan atau pun kita mahu teruskan.

Harapan kami di Terengganu, kita harapkan agar dapat diteruskan bagi memacu pembangunan negeri yang terlibat khususnya rakyat Pantai Timur yang memerlukan kemajuan pembangunan dan kemudahan infrastruktur seperti negeri-negeri lain supaya dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan negeri di Pantai Timur.

Pembangunan yang adil perlu diberikan kepada semua rakyat. Rakyat Pantai Timur juga merupakan pembayar cukai seperti mana negeri-negeri lain yang mana cukai tersebut disalurkan kepada Kerajaan Persekutuan. Ini adalah bukti semangat *federalisme* yang diberikan kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan, kerjasama di antara negeri dan persekutuan. Demikian juga semangat itu perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dalam kesempatan ini, dalam masa yang terbatas, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan yang telah

meneruskan beberapa projek yang melibatkan Parlimen Kemaman. Di antaranya Hospital Kemaman yang baharu di Bandar Baru Kijal yang menelan belanja RM420 juta yang kini dalam proses pembinaan tapak. Saya mengharapkan pihak kementerian khususnya...

■1500

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Bangun*]

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Masa...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Minta penjelasan satu sahaja, ECRL.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Masalah yang dibangkitkan oleh pihak kerajaan tentang ECRL ini ialah kos yang terlalu tinggi dan juga walaupun siap, nanti penyelenggaraan atau untuk mengendalikan ECRL ini amat tinggi dan *not feasible*. Apakah pandangan, cadangan daripada Yang Berhormat Kemaman supaya kerajaan boleh mengatasi masalah itu?

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri yang dapat menjelaskan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi kerana masa singkat untuk saya menjelaskan. Akan tetapi, apa yang saya harapkan, projek itu dapat dipertimbangkan sama ada buat kajian supaya dikurangkan kos dalam apa bentuk sekalipun kerana ia penting bagi memangkinkan pembangunan ekonomi khususnya di negeri Pantai Timur.

Apa yang saya hendak sebutkan bahawa di Kemaman, projek Hospital Kemaman yang baharu di Bandar Baru Kijal menelan belanja RM420 juta yang kini dalam proses pembinaan tapak. Saya minta pihak kementerian memastikan hospital ini dapat disiapkan mengikut jadual iaitu pada 19 Disember 2021 seperti jadual yang dicadangkan. Ini kerana hospital yang sedia ada kini di Kemaman tidak dapat menampung bilangan pesakit yang semakin meningkat dan lebih menyedihkan apabila pesakit terpaksa berada di kawasan laluan awam kerana ketiadaan tempat mencukupi.

Dengan adanya hospital ini juga, Tuan Yang di-Pertua, dapatlah mewujudkan kompartmen tertentu seperti ICU khas untuk kes kebakaran kerana risiko untuk berlakunya kebakaran adalah sangat tinggi memandangkan industri petrokimia dan hiliran menjadi tunjang ekonomi di Kemaman. Hospital ini juga bukan hanya memberikan kemudahan kepada rakyat Kemaman tetapi kemudahan kepada sebahagian penduduk-penduduk yang berada di Pahang Utara.

Seterusnya, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kemaman. Kerajaan juga telah menyatakan komitmen untuk meneruskan projek ini seperti mana dalam jawapan bertulis yang telah diberikan kepada saya dalam lewat sidang Dewan yang lepas. Cuma saya ingin tahu, bilakah projek ini akan dimulakan? Ini kerana manfaatnya amat besar khususnya di musim tengkujuh ini bagi melibatkan sebahagian Kemaman iaitu bandar Chukai dan sekitarnya.

Akhir yang ketiga iaitu saya mengucapkan terima kasih kerana meneruskan pelebaran jalan susur keluar Chukai daripada LPT *project* ke bandar Chukai iaitu pelebaran jalan sekarang

ini sedang dijalankan. Saya mengharapkan supaya dapat diteruskan dan dapat disudahkan mengikut apa yang telah dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menjelaskan bahawa kita di Terengganu telah menyediakan satu kawasan *economic zone* bagi membuka peluang pekerjaan baharu dan memastikan negeri Terengganu menjadi destinasi. Bagi Kemaman sahaja, kita mempunyai lebih 140 hektar yang digazet sebagai *economic zone* iaitu untuk bagi memastikan dan kita bersedia untuk menerima para pelabur daripada pelbagai industri ke kawasan *economic zone* yang kita telah pun sediakan. Jika ada para pelabur yang ingin ke Kemaman, ingin ke Terengganu, kita telah menyediakan tapak tempat yang sempurna khususnya *economic zone* yang kita sediakan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulungkan Yang Berhormat.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya kita sama-sama dalam kita membincangkan isu pembangunan dan pelbagai isu yang kita bincangkan demi membangunkan ekonomi negara kita dan pembangunan negara kita, jangan lupa bahawa kita adalah milik Allah SWT. Setiap perancangan kita, kita akan dipersoalkan oleh Allah sebagai pemimpin. *[Membaca sepotong ayat al-Quran], "Setiap kamu pemimpin dan kamu akan disoal oleh Allah SWT"*.

Akhirnya, saya mengharapkan kita meletakkan Allah dan Rasul di hadapan dalam pengurusan kita, pentadbiran kita, nescaya ketelusan pentadbiran akan diberikan keberkatan oleh Allah SWT. *[Membaca sepotong ayat al-Quran], "Jika penduduk sebuah negeri itu beriman kepada Allah, bertakwa kepada Allah, ikut perintah Allah, tidak melakukan kezaliman dan sebagainya, nescaya Allah Taala menurunkan keberkatan daripada langit dan bumi"*. Inilah keyakinan kita khususnya orang yang beriman supaya sama-sama melaksanakan tanggungjawab dan tugas kita yang diamanahkan oleh rakyat bagi sama-sama kita berada dalam Dewan yang mulia ini bagi membincangkan isu rakyat dan pembangunan untuk rakyat di negara kita ini.

Saya rasa setakat ini, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Maran. Selepas Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Ipoh Timur. Selepas Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Lawas. Yang Berhormat Lawas ada? Yang Berhormat Lawas ada di sini. Seterusnya Yang Berhormat Ledang.

3.05 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut serta di dalam ucapan perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas sebagaimana yang

telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Langkawi pada Khamis yang lepas. Seperti yang diketahui, Kajian Separuh Penggal ini adalah dokumen yang menjadi penanda keberhasilan bagi separuh penggal pertama Rancangan Malaysia Kesebelas yang mana telah dikemukakan pada 21 Mei 2015 oleh Yang Berhormat Pekan, Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak selaku Perdana Menteri keenam pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, meneliti semula hasil Kajian Separuh Penggal bagi Rancangan Malaysia Kesebelas ini yang menilai pencapaiannya bagi dua tahun pertama iaitu pada tahun 2016 dan tahun 2017, saya berbangga kerana secara keseluruhannya kita dapat melihat bukti pencapaian bagi kerajaan dahulu, Kerajaan Barisan Nasional sepanjang mentadbir kerajaan dan negara bagi tempoh tersebut. Ini secara tidak langsung telah diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketujuh iaitu Yang Berhormat Langkawi yang membentangkan laporan kajian semula ini dan saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pencapaian kerajaan dahulu bukan sahaja dalam/ bagi tempoh tersebut, malahan sepanjang tempoh 60 tahun, Kerajaan Barisan Nasional mentadbir Malaysia menerusi mandat yang diberikan oleh rakyat. Sebahagian Yang Berhormat dalam Dewan ini juga tidak boleh menafikan jasa kerajaan dahulu kepada Yang Berhormat sekalian. Malah boleh dikatakan hampir separuh Yang Berhormat berada di sini bersama UMNO sebelum ini, bersama-sama dengan parti komponen yang lain di dalam Barisan Nasional.

Oleh sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon— kerajaan telah pun bertukar, PH telah mengambil alih— Pakatan Harapan (PH) menjalankan tanggungjawab memikul amanah untuk memastikan memenuhi janji, memenuhi tanggungjawab dan amanah yang akan perlu ditunaikan bagi memastikan kesejahteraan rakyat pada masa hadapan. Oleh sebab itulah bagi sebahagian Yang Berhormat, cukuplah untuk kita menghina, mengherdik, memburukkan pemimpin-pemimpin yang terdahulu.

Saya minta maaf, Yang Berhormat Jelutong, saudara adalah kawan baik saya. Kalau anda ingin menjadi seorang yang mulia, yang dihormati bukan sahaja di dalam Dewan ini tetapi di luar oleh masyarakat, maka janganlah keluarkan lagi kata-kata yang menghina orang. Sampai masanya nanti kita belum tahu, waktu akan menentukan, mungkin Pakatan Harapan akan tumbang sekali lagi dengan kerajaan lain. Minta maaf, jangan macam ini. Saya hendak ceritakan. Ketika itu andai kata ada orang yang kita anggap bersalah pada hari ini dan dibawa ke mahkamah mereka tidak bersalah, bagaimana Yang Berhormat Jelutong hendak minta maaf kepada beliau?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Maran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan Serai hendak mencelah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Saya tidak beri laluan. Saya menceritakan. So, bermula daripada hari ini, saya mohon...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diberikan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: ...Kita berbicara tentang kepentingan masyarakat. Kita berbicara tentang kepentingan tanggungjawab kita. Bagaimana kita bersama boleh membina semula kerajaan hari ini kerana tidak kira siapa walaupun Barisan Nasional, PAS, PKR dan sebagainya, yang penting tanggungjawab kita adalah sebagai pemimpin dan kita bertanggungjawab bagi menunaikan kewajipan kita kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bagan Serai masih berdiri.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sikit sahaja.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Susah kawal.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan perbincangan peringkat awal daripada Yang Berhormat Maran. Saya hendak tanya Yang Berhormat Maran, bagaimanakah badan penarafan antarabangsa seperti *Moody's*, *Standard and Poor's* and *Fitch* memberikan gambaran 'A' dan juga *stable outlook* untuk negara yang telah diura-urakan akan bankrap? Bagaimana pendapat Yang Berhormat Maran tentang perkara ini?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, kita serahlah kepada pakar-pakar yang boleh buat penilaian. Kita ada bukti pada kita.

Oleh sebab itu saya sebutkan awal tadi bahawa dalam Dewan ini, sebahagian besar Yang Berhormat semuanya mendapat jasa daripada kerajaan dahulu. Tidak boleh dinafikan. Sebelum adanya PH, sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional bersama komponennya dan sebagainya—saya taknak sebutkan— dan juga bersama parti-parti yang lain.

■1510

Oleh sebab itulah hari ini bagaimana kita boleh membina masa depan negara kita. Bagaimana kita boleh memberikan tanggungjawab kepada rakyat, jangan fikir hari ini kita memerintah, hari esok rakyat tidak boleh gulingkan kita semula.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya berharap menerusi dokumen ini, kita semua dapat melihat bahawa dalam tempoh dua tahun pertama RMKe-11 di bawah pentadbiran kerajaan dahulu, pelbagai aspek positif telah kita kecap yang membawa kepada pengekalan kestabilan negara. Pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan inflasi terkawal dan pelbagai tahap keberkesanan yang lain. Akan tetapi apakah daya Pakatan Harapan telah diberikan kepercayaan oleh rakyat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan rakyat melihat Kerajaan Pakatan Harapan dan bagi kita kerajaan tunaikanlah tanggungjawab supaya rakyat tidak marah kepada kita semula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin membicarakan Tuan Yang di-Pertua dalam ruang ini ada beberapa perkara yang pertama ialah kebajikan pekerja kita, di mana saya hendak fokuskan kepada gaji minimum. Pelaksanaan Dasar Gaji Minimum Kebangsaan telah diperkenalkan pada Rancangan Malaysia Ke-10 lagi dan dasar yang dibentuk oleh Barisan Nasional yang dibentuk Barisan Nasional ketika

itu, Kerajaan Pusat pada masa itu telah memberikan manfaat kepada 1.9 juta orang penerima gaji dan sekali gus meningkatkan lagi pendapatan tenaga kerja serta membantu mengawal pengangguran di negara kita.

Bermula dengan kadar RM900 bagi Semenanjung, RM800 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan. Kemudian ditingkatkan selepas dua tahun kepada RM1,000 bagi Semenanjung dan RM920 di Sabah, Labuan dan Sarawak. Maka cadangan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menaikkan gaji ini kepada RM1,500. Saya sempat, ketika Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sebelum menjadi Menteri, menjanjikan kepada rakyat dan saya menjadi sasaran di mana minta supaya gaji minimum dinaikkan kepada RM1,500.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan setakat hendak naik RM1,000, jikalau RM3,000 pun saya hendak naikan kepada pekerja kita, memang baik untuk mereka. Akan tetapi apakah majikan mampu untuk membayar, memberikan sokongan dalam perkara ini.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, tidak hairan jikalau baru-baru ini berlaku piket yang dilakukan oleh pekerja-pekerja di bawah gabungan MTUC, dipanggil 'Gabungan Bantah 1050' yang mana mereka berpiket aman dan menjadi suara yang menolak kadar upah minimum seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dan meminta agar ia dinaikkan sehingga ke paras RM1,800. Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat perkara ini. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini orangnya cukup melihat ke hadapan tetapi kadang-kadang kegagalan sebahagian daripada kita, orang-orang di bawahnya tidak melihat bagaimana pencapaian harus dilakukan untuk memastikan matlamat negara itu dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya beberapa soalan kepada kerajaan, kementerian khususnya. Saya memohon Yang Berhormat Menteri menjawab sekali persoalan ini. Apakah hasil mengenai kadar gaji minimum selepas perbincangan bersama 'Gabungan Bantah 1050' itu? Kedua, apakah usaha kementerian dalam memastikan keadilan dan kesaksamaan kepada pekerja dan majikan dapat dicapai berkenaan isu gaji minimum?

Ketiga, adakah kementerian mempunyai perancangan untuk melaksanakan subsidi 50 peratus daripada kenaikan gaji minimum kepada majikan, seperti yang telah dinyatakan, di mana kerajaan telah berjanji untuk membiayai 50 peratus daripada kadar kenaikan itu yang diberikan kepada pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah tentang pekerja di negara kita ini. Kerajaan Barisan Nasional dahulu amat peka dengan kebajikan dan masa depan pekerja. Kerajaan dahulu telah banyak melaksanakan pelbagai program bagi mengambil pekerja-pekerja, terutamanya pekerja tempatan dan cuba mengisi peluang-peluang yang diisi oleh pekerja asing ini. Kita telah berjaya menurunkan lebih kurang daripada dua juta orang pekerja asing kepada 1.7 juta orang pekerja asing. Pelbagai program dilakukan termasuklah *JobsMalaysia*, SL1M, Program Penempatan Pekerjaan dan sebagainya yang bertujuan untuk menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat

kita. Pada hari ini, cuba Ahli-ahli Yang Berhormat lihat dan kita semua lihat berapa ramai pekerja kita yang telah diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat perkara ini. Kementerian Sumber Manusia melihat, janganlah kerana kita tidak suka kepada projek-projek yang dilakukan oleh kerajaan dahulu, lantas kita membatalkan projek itu, walaupun kita terpaksa mengorbankan beribu-ribu orang pekerja. Saya difahamkan oleh MTUC, pada tahun ini lebih daripada 30,000 orang pekerja dan setiap bulan mungkin lebih 1,000 orang pekerja akan diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah pekerja dianiaya dan saya hendak supaya projek itu dilaksanakan. Saya menemui beberapa orang pakar ekonomi Tuan Yang di-Pertua, mereka mengatakan semua projek-projek termasuk ECRL yang dilaksanakan oleh kerajaan dahulu sebenarnya cukup *viable*, cukup ekonomi, cukup berfaedah kepada rakyat tetapi cadangan dibatalkan. Saya tidak tahu sama ada mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan membatalkan ataupun orang lain yang tidak suka dengan projek-projek ini membatalkan. Lantas kita mengorbankan sebahagian daripada pekerja-pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa ramai pekerja yang telah diberhentikan sejak lima bulan yang lepas iaitu antara bulan Jun sehingga Oktober dan berapakah jumlah ganti rugi yang terpaksa dibayar oleh kerajaan kepada pekerja-pekerja ini? Ini saya minta kerajaan jawab kepada saya, kita hendak lihat bagaimana keadaan ini berlaku kepada pekerja-pekerja kita.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah peningkatan usaha dalam peningkatan pendidikan teknologi dan vokasional. Dahulu kita mempunyai tujuh kementerian secara kolaborasi bersama melaksanakan program ini bagi meningkatkan tahap penilaian, pencapaian pekerja-pekerja kita dalam teknikal dan juga vokasional. Pelbagai program telah dilakukan, baru-baru ini satu jawatankuasa telah dibentuk yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh untuk meningkatkan pencapaian TVET ini. Saya difahamkan— sebenarnya saya terlibat secara langsung dahulu, di mana negara kita telah menghantar anak-anak muda kita yang terlibat dalam pekerjaan ini, dalam pertandingan di peringkat *National Skills, Malaysian Skills, ASEAN Skills Competition, WorldSkills Competition* di Jerman, São Paulo Brazil dan juga di Abu Dhabi.

Saya melihat sepanjang tahun demi tahun pencapaian telah dapat dicapai oleh anak-anak di negara kita cukup baik, cukup positif. Akan tetapi baru-baru ini saya difahamkan apabila adanya *World ASEAN Skills* di Thailand, tahun 2016 kita ada *ASEAN Skills* ada di Malaysia, kita menjadi negara *champion* dengan 22 emas. Semasa tahun 2014 kita adakan di Hanoi, kita mempunyai sembilan emas dan pada tahun ini saya difahamkan kita hanya mendapat empat emas. Apakah kerajaan baharu ini telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang ataupun kementerian telah gagal untuk memastikan supaya prestasi pencapaian anak-anak kita dalam TVET ini dapat dipertingkatkan. Saya mahu jawapan daripada kementerian kenapa perkara ini boleh berlaku? Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah tentang kesejahteraan rakyat. Seperti mana yang telah disebutkan oleh rakan-rakan saya yang lain tadi bahawa kepentingan projek-projek yang dilaksanakan ini cukup besar kepada rakyat kita termasuklah bagi Pantai Timur. Disebutkan oleh mana tadi? *[Disampuk]* Yang Berhormat Kemaman, lupa sebut tadi Tuan Yang di-Pertua. Pahang, juga bukan negeri maju, apabila sebut Pantai Timur, Pahang, Terengganu dan juga Kelantan. Pantai Barat sudah banyak maju, sebab itulah saya sokong dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kemaman tentang pencapaian ini dan mendesak, meminta kerajaan supaya meneruskan program-program yang melibatkan golongan B40 dan M40 yang meliputi aspek-aspek ketentuan seperti perumahan, kos sara hidup dan aspek kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Bajet 2018 dengan tema Mengutamakan Kesejahteraan Kehidupan Rakyat menyaksikan pertambahan peruntukan sebanyak RM19.45 bilion, berbanding peruntukan RM260.8 bilion pada tahun 2017. Dari segi kesejahteraan rakyat, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya aspek kesihatan umpamanya kerana ia adalah satu aspek yang cukup penting. Pendidikan kesihatan adalah dua aspek yang tidak boleh kita kompromi bagi kita memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Oleh sebab itulah saya minta di kawasan saya Maran ini Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Kemaman tadi sebut juga Hospital Kemaman, saya minta di Maran ini juga Tuan Yang di-Pertua sudah lulus RMKe-11 Hospital Maran. Saya difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mungkin akan di tangguhkan, saya minta jangan beri saya marah Tuan Yang di-Pertua.

Jangan beri orang kampung saya marah, sekarang ini Pahang masih menang Tuan Yang di-Pertua, sebab hospital ini adalah hospital untuk rakyat, bukan untuk saya, untuk mereka. Kadang-kadang saya terpaksa hantar untuk buat *post-mortem* ini sampai pukul 2, 3 pagi menghantar mangsa-mangsa kemalangan dan sebagainya. Oleh sebab itulah saya harap supaya kerajaan yang baru ini merealisasikan pelaksanaan Hospital Maran dalam RMKe-11 ini.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kerajaan supaya peningkatan nilai integriti di negara kita ini. Jangan tolak ansur dalam perkara seperti ini. Akan tetapi janganlah kita terlalu celupar, kadang-kadang belum lagi keputusan dibuat oleh mahkamah, kita telah mengatakan bahawa orang itu salah, orang ini salah. Nanti kita menanggung dosa yang terpaksa dipikul kerana keceloparan kita sedangkan kita belum tahu bahawa kita boleh menunaikan tanggungjawab yang telah diberikan kepada kita sebagai pemimpin, sebagai Ahli Parlimen yang bukan sahaja tanggungjawab dalam Dewan ini, bahkan tanggungjawab kita kepada rakyat, kepada bangsa, agama dan juga tanah air kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, *sharp* 15 minit. Terima kasih banyak. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Maran, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ipoh Timur. Silakan.

3.20 ptg.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya untuk menyertai perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, selaku Ahli Parlimen pertama dari negeri Perak yang berbahas pada petang ini, saya pertama sekali ingin mengambil kesempatan untuk merekodkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pasukan negeri Perak yang telah pun memenangi Piala Malaysia pada dua hari yang lepas.

Akan tetapi apa yang lebih menarik perhatian kesemua rakyat Malaysia adalah semangat tidak berputus asa sampailah saat terakhir seperti satu semangat yang memaparkan satu semangat rakyat Malaysia walaupun kita telah cuba selama 61 tahun. Kita cuba setiap lima tahun kita gagal, setiap 10 tahun kita gagal, tetapi akhirnya pada tahun 2018 rakyat Malaysia bangkit dan berjaya. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, pada minggu yang lepas saya telah duduk di sini mendengar perbahasan daripada rakan-rakan saya di sebelah sini dan di sebelah sana. Apa yang saya dengar adalah kandungan perbahasan khasnya di sebelah sana sering menyatakan bahawa kerajaan baharu ini telah meneruskan dengan rancangan-rancangan kerajaan yang lepas seperti Rancangan Malaysia Ke-11 dan cuba untuk menjustifikasikan atau memberikan satu gambaran bahawa rancangan-rancangan yang lepas ini adalah satu legasi daripada kerajaan yang lama.

Sekiranya kita meneliti Tuan Yang di-Pertua, ucapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah pun diberikan pada 18 Oktober, sememangnya ucapan tersebut telah pun menggariskan masa depan dan hala tuju pentadbiran kerajaan baharu yang tidak sama dengan kerajaan yang lama yang amat berbeza dengan pentadbiran kerajaan yang lepas daripada pembaharuan tadbir urus kerajaan ke peningkatan integriti dan akauntabiliti. Ia adalah perkara yang sebelum ini tidak pernah diberikan keutamaan oleh kerajaan yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemah saya apa yang saya boleh nampak dalam lima bulan pemerintahan kerajaan baharu yang lepas saya percaya bahawa pembaharuan tadbir urus kerajaan merupakan satu sektor yang mana pencapaian kerajaan baharu adalah pada tahap yang paling cemerlang. Sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14, kita pernah mempunyai satu pengalaman yang pahit yang mana agensi-agensi kerajaan seperti SPRM, Pejabat Peguam Negara, Bank Negara telah pun dilumpuhkan atas satu isu sahaja, iaitu isu 1MDB. Kita nampak bagaimana agensi-agensi tersebut telah kehilangan integriti dan keyakinan rakyat dengan setiap kali menyatakan bahawa *this is no case, there is no case* dan sebagainya, tidak ada kes terhadap mana-mana dan tidak ada apa-apa salah laku.

Bukan sahaja dengan itu Tuan Yang di-Pertua, isu 1MDB adalah begitu serius bukan sekadar yang mana Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang lepas gagal membuka semula penyiasatan PAC khasnya selepas tindakan daripada DOJ. Bukan sekadar sahaja, Laporan Ketua

Audit Negara telah diklasifikasikan sebagai rahsia rasmi di bawah OSA. Malah, juga berlaku salah guna kuasa yang mana Laporan Ketua Audit Negara yang asal telah pun dipinda dengan arahan daripada sesetengah pihak. Tuan Yang di-Pertua, mujur berlaku pertukaran kerajaan pada 9 Mei 2018, barulah kesemua ini bolehlah ditunjukkan kepada rakyat apa yang telah pun terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, pembaharuan yang kita boleh nampak dalam lima bulan yang lepas, banyak, khasnya dari segi pembaharuan pentadbiran urus tadbir kerajaan. Pada pertengahan Mei 2018, kita telah nampak bahawa Ketua Pesuruhjaya SPRM telah pun ditukar dan digantikan dengan Datuk Seri Mohd Shukri Abdull, yang mana sejak hari itulah kita nampak SPRM telah pun berubah daripada satu sikap yang dahulu kita selalu kata dahulu SPRM hanya menangkap ikan kecil sahaja tetapi pada hari ini SPRM mampu untuk menangkap jerung besar biarpun di Laut China Selatan.

Pada awal Jun 2018, Tommy Thomas telah pun dilantik sebagai Peguam Negara menggantikan Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali yang sebelum ini telah banyak kali menyatakan bahawa 1MDB *no case* dan sebagainya. Apa yang terjadi pada hari ini adalah jelas. Hakikat yang dipaparkan di hadapan rakyat adalah jelas. Kenapa kerajaan yang lepas boleh jatuh sekiranya pada hari ini rakan-rakan saya di sebelah sana masih mengambil satu sikap *denial syndrome* dengan izin, maka memang rakyat boleh nampak apa yang akan terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berbincang berkenaan dengan pembaharuan urus tadbir kerajaan sememangnya ada banyak lagi perkara-perkara yang harus dibuat yang dilaksanakan untuk kita supaya kita melangkah ke hadapan. Antaranya ialah Parlimen ini pada sebelum ini telah menubuhkan bukan sahaja Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, bukan sahaja jawatankuasa tetap yang lain di bawah Perintah Tetap tetapi juga telah menubuhkan *Select Committees* yang mana mempunyai satu tanggungjawab untuk memantau dan juga satu tanggungjawab untuk *check and balance* terhadap pentadbiran kerajaan.

Parlimen ini harus memastikan bahawa satu ketelusan pentadbiran dan prosiding yang semaksimumnya dalam kesemua prosiding jawatankuasa ini. Saya bersama-sama dengan pengerusi PAC saya iaitu Yang Berhormat Beluran sememangnya kita mempunyai satu hala tuju dan satu persetujuan yang sama, yang mana segala Prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara haruslah dibuka kepada orang ramai. Ini adalah satu praktis di banyak Parlimen di negara-negara yang lain termasuk Parlimen Australia yang telah pun kita melawat dalam beberapa minggu yang lepas.

Hanya dengan pembukaan Prosiding PAC kepada orang ramai barulah kita boleh memastikan ketelusan prosiding dijamin. Sememangnya tidak ada alasan kenapa Prosiding PAC atau mana-mana *Select Committee* tidak boleh dipaparkan sedangkan Prosiding Parlimen pada hari ini, pada ketika ini boleh dilintas langsung di atas kaca TV dan juga melalui internet. Walau bagaimanapun saya memahami bahawa selain daripada kekangan dari segi Perintah Mesyuarat

85 yang melarang sebarang *publication* dengan izin, keterangan ataupun laporan daripada kesemua *Select Committee* ini sebelum diserahkan kepada Parlimen.

Kita juga menghadapi satu situasi yang mana *section 9, Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952* menyatakan bahawa dengan izin, “*The House may whether committed by a member or any other person, summarily punish for contempt by fine not exceeding RM1,000 offenses committed.*” Salah satu kesalahan adalah kesalahan berkenaan dengan *publication before the report is being table*, dengan izin.

■1530

So, maka dalam isu ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan di sini supaya apabila kita membuat, melaksanakan pembaharuan undang-undang, salah satu pembaharuan dan juga pindaan yang perlu adalah untuk meminda *the Houses of Parliament Act 1952* dengan satu kadar segera. Ini kerana sekiranya akta ini tidak dipinda, itu bermaksud akta-akta lama akan diteruskan dan itu bermaksud bahawa kesemua prosiding dari *Select Committee* itu tidak dapat dibuka.

Saya juga ingin membuat satu cadangan yang berani di sini. Apabila pada hari ini kita menghadapi satu kekangan dari segi undang-undang berkenaan dengan Akta *Houses of Parliament 1952* ini, kita tidak boleh membuka prosiding kita kepada orang ramai. Akan tetapi, selaras dengan hasrat daripada kerajaan dan hasrat Parlimen untuk satu pembaharuan pentadbiran Parlimen ini boleh mempertimbangkan supaya oleh kerana seksyen 9 akta ini memberikan kuasa kepada Parlimen, sama ada ingin mengambil tindakan atau tidak terhadap sebarang tindakan yang bertentangan dengan akta ini. Maka, sekiranya Parlimen ini mempunyai satu *political will*, satu kesungguhan yang berani, maka saya memohon supaya Parlimen ini boleh mengabaikan seksyen 9 ini yang telah pun menjadi satu kekangan kepada kita semua.

Pada yang sama Tuan Yang di-Pertua, *Select Committee-Select Committee* telah pun ditubuhkan, kita telah sedia maklum. Ini merupakan satu tindakan yang baik, satu langkah yang baik. Pada baru-baru ini ada satu isu yang hangat dibicarakan, dibahaskan, dibangkitkan di luar Dewan ini iaitu berkenaan dengan pemansuhan hukuman mati ataupun pemansuhan hukuman mati mandatori.

Dalam isu ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar argumen-argumen daripada kedua-dua belah. Kita mendengar representasi daripada ke semua sektor. Ada sektor yang menyokong supaya pemansuhan hukuman mati atau hukuman mati mandatori haruslah dijalankan tetapi ada juga sektor yang menyokong supaya hukuman mati haruslah dikekalkan. Setakat ini kita hanya mendengar *announcement* ataupun kenyataan daripada pihak Menteri sahaja tetapi pada pandangan saya walaupun sebelum ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa kerajaan akan kekal dengan keputusan pemansuhan tapi Menteri Dalam Negeri iaitu Yang Berhormat Pagoh telah dilaporkan bahawa kerajaan masih dalam proses untuk mengutip pandangan berkenaan dengan isu ini.

Saya mengalu-alukan pendirian daripada Yang Berhormat Pagoh dan kerajaan baharu merupakan satu kerajaan daripada rakyat dan satu kerajaan untuk rakyat. Kita tidak harus *rush to the conclusion*, dengan izin sebelum mendengar kesemua *stakeholder* yang terlibat termasuk keluarga mangsa, keluarga pesalah, yang disabitkan, pandangan penguat kuasa, pandangan daripada pakar perundangan, pandangan daripada NGO-NGO dan sebagainya.

Kita sememangnya ada masa lagi Tuan Yang di-Pertua untuk kita mendengar pandangan yang selanjutnya dan untuk kita membuat satu keputusan yang terbaik untuk negara kita. Pada masa yang sama, kita boleh menangguhkan segala pelaksanaan sementara menunggu undang-undang pembaharuan dibentangkan di Parlimen.

Maka, pada hemat saya satu platform yang amat penting dan efektif adalah *Select Committee-Select Committee* yang telah pun ditubuhkan oleh Parlimen ini. Biarlah isu ini, isu pemansuhan hukuman mati atau hukuman mati mandatori ini menjadi isu pertama yang diangkat oleh *Parliamentary Select Committee* di bawah era pemerintahan yang baharu. Biarlah kerajaan baharu membuktikan bahawa kerajaan ini mampu dan sudi untuk mendengar walaupun pada akhirnya kita perlu membuat satu keputusan yang terakhir dan paling muktamad dan keputusan tersebut tidak akan memuaskan kesemua pihak tetapi biarlah pandangan-pandangan daripada kesemua sektor boleh didengar dan kesemua *due process*, dengan izin boleh mengambil tempat.

Tuan Yang di-Pertua, hari Jumaat ini kita akan mendengar *presentation budget* daripada kerajaan baharu dan kita percaya bahawa dalam bajet ini walaupun kerajaan menghadapi kekangan kewangan yang ketat pada masa kini. Kerajaan baharu ini mampu untuk memberikan penekanan dan mampu untuk menjaga golongan yang memerlukan bantuan. Walaupun kita pada hari ini menghadapi satu isu kewangan yang mana terdapat RM19.4 bilion wang GST yang belum lagi dipulangkan oleh kerajaan yang lepas.

Kita menghadapi satu isu wang *income tax refund* yang patut dipulangkan sebanyak RM16 bilion. Walau bagaimanapun, apa yang saya boleh nampak adalah dengan usaha gigih daripada kerajaan baharu ini termasuk untuk merunding semula kesemua kos-kos yang terlibat di projek-projek besar seperti ECRL dan juga MRT2. Kerajaan baharu ini mampu untuk melaksanakan sesuatu yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

Saya menyeru supaya sama-samalah kita daripada kedua-dua pihak dari sebelah sana dan sebelah sini untuk bersama-sama menjayakan Bajet 2019 yang akan dibentangkan pada hari Jumaat ini. Sekian daripada satu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lawas. Silakan.

3.45 ptg.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Selamat petang kepada semua Ahli Yang Berhormat dan minta maaf suara tidak lancar Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana

memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Oktober yang lepas.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan di atas usaha kesinambungan untuk membela nasib rakyat khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar termasuk di kawasan Parlimen saya di Lawas dan Sarawak amnya yang belum menikmati pembangunan dan kemudahan asas seperti jalan, bekalan air, elektrik dan lain-lain dapat dibela.

Melalui enam tonggak yang digariskan rakyat luar bandar akan dapat menikmati pembangunan yang diperlukan. Bagi golongan ini sekarang kegunaan jalan balak, air yang tidak terawat serta kemudahan elektrik dan telekomunikasi yang belum dibekalkan menjadi permasalahan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan bilakah agaknya kerajaan dapat menyelesaikan masalah ketidakseimbangan dari segi pembangunan, kemudahan asas mahupun perkhidmatan kepada golongan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tonggak yang dibentangkan amat perlu, tepat dan bersesuaian pada masa khusus selepas 61 tahun negara mencapai kemerdekaan. Untuk merealisasikan matlamat tersebut memerlukan tekad, komitmen serta kewangan yang mencukupi dalam hal pengagihan dana atau peruntukan kerajaan pusat kepada negeri-negeri dan wilayah contohnya Sabah dan Sarawak haruslah mengambil kira saiz dan besarnya kawasan yang akan dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu berkaitan dengan Perjanjian Pembentukan Malaysia, MA63 yang masih tidak berjalan dengan lancar. Bagi Sarawak mengharapkan kerajaan pusat menghormati perjanjian tersebut. Selain itu, Sarawak mempunyai *Territorial Sea Act* dan *Oil Mining Ordinance* yang masih berkuat kuasa malah *distrengthen* dengan izin di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri DUN baru-baru ini.

Ini bererti Sarawak berhak ke atas hasil sumber laut termasuk minyak dan gas daripada perairan laut Sarawak.

■1540

Di samping itu, sumbangan geran tahunan Kerajaan Pusat kepada Sarawak *fast track for development purposes* yang sepatutnya *direnew* pada setiap tahun hanya dibuat sekali sahaja semenjak merdeka. Tujuan *renewal* adalah untuk mengkaji dan meningkatkan sumbangan geran kepada Sarawak untuk membiayai projek keperluan rakyat. Tambahan pula Sarawak tidak mendapat hasil daripada eksport dan import ke atas barangan tertentu. Ini menyukarkan Sarawak untuk lebih agresif dalam membawa pembangunan untuk Sarawak. Persoalannya sekarang, bilakah Kerajaan Pusat mengembalikan hak Sarawak selaras dengan Perjanjian Perlembagaan dan semangat kemerdekaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dan kementerian yang berkenaan mengenai status projek-projek di kawasan Parlimen Lawas yang menghadapi permasalahan. Pertama, Hospital Lawas yang tertangguh pelaksanaan sejak diluluskan pada tahun 2014 dan kini menunggu kajian yang akan dibuat oleh kerajaan. Saya minta supaya proses kajian dan tender semula ke atas projek tersebut dijalankan secepat yang boleh dengan mengekalkan saiz asal dan jumlah katil pesakit, jika boleh ditambah banyak lagi. Memandangkan jumlah pesakit bertambah dari semasa ke semasa.

Kedua, projek yang kedua. Jalan dari Ba'kelalan ke Bario di bawah Projek Jiwa Murni, kini sedang menunggu *green light*, dengan izin, untuk masuk ke fasa ketiga dan terakhir dengan jarak sejauh lebih kurang 30 kilometer. Bila projek ini akan dimulakan dan bila boleh siap? Saya ingin bertanya, sama ada program baik dan penting ini iaitu Projek Jiwa Murni ini tadi diteruskan pada masa-masa akan datang? Projek yang ketiga, yang menghadapi masalah iaitu CIQ ataupun *immigration check point* di sempadan Sarawak di Ba'kelalan dengan Indonesia. Apakah masalah yang dihadapi sehingga tertanggunya projek ini dan bila ia akan dapat diselesaikan?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengenai projek-projek yang dijanjikan atau diluluskan oleh kerajaan di kawasan Parlimen Lawas. Bila akan dimulakan projek-projek ini? Pertama, Lapangan Terbang Lawas. Projek ini penting menggantikan lapangan terbang lama yang kecil dan sering dilanda banjir dan ia akan diguna pakai bukan sahaja untuk penduduk Lawas tetapi penduduk-penduduk di sekitar kawasan Lawas seperti Sipitang, Sabah dan Kalimantan, Indonesia yang berhampiran.

Kedua, projek yang dijanjikan- *Pan Borneo Highway*. Projek ini belum dimulakan di Lawas dan juga Limbang. Kita berterima kasih kepada kerajaan negara Brunei Darussalam kerana memberi laluan jajaran jalan untuk kita melalui jajahan mereka yang dapat memendekkan masa perjalanan lebih kurang empat jam ke Miri dari Lawas, berbanding jika jalan ini tidak melalui Brunei. Ketiga, Jalan Lawas ke Ba'kelalan merupakan laluan penting bagi penduduk luar bandar Lawas dan menghubungi Long Bawan, Indonesia, memberi ruang dan peluang perniagaan serta memberi manfaat kepada penduduk tempatan. Keempat, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya kerana meluluskan dan mengumumkan satu lagi *connectivity road*, dengan izin, dari bahagian Miri di Long Lama ke Long Luping di Daerah Lawas.

Sehubungan dengan itu, rakyat ingin mengetahui berapakah peruntukan bajet untuk projek tersebut dan bila akan dimulakan pelaksanaan dan bila dijangka siap? Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Lawas. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ledang.

3.45 ptg.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk terlibat sama membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Rancangan Malaysia Ke-11, 2016 hingga 2020 merupakan fasa terakhir ke arah mencapai negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020. Rancangan Malaysia Ke-11 memberi tumpuan kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini melaporkan prestasi yang telah dicapai dalam tempoh 2016 hingga 2017 dan menggariskan dasar serta strategi sosioekonomi yang diujar semula untuk tempoh 2018 hingga 2020. Dengan mengambil kira keutamaan kerajaan baharu, berikutan Pilihan Raya Umum Ke-14, amatlah jelas bahawa kerajaan komited untuk menambah baik tadbir urus dan ketelusan dalam memastikan kesejahteraan rakyat yang lebih baik. Ini bermakna dokumen Kajian Separuh Penggal terbahagi kepada dua bahagian. Iaitu bahagian pertama melaporkan prestasi kepada *outcome* ataupun hasil dalam tempoh 2016 hingga 2017. Bahagian kedua, melakarkan hala tuju ke arah Malaysia yang lebih baik dalam tempoh akhir rancangan iaitu 2018 hingga 2020.

Sebagai dokumen perancangan strategik, maka amatlah penting pada pendapat saya untuk setiap penggubal dasar memahami struktur perancangan tersebut. Pertama ialah tonggak atau teras, di bawah tonggak ialah bidang-bidang keutamaan. Di bawah bidang keutamaan ialah strategi. Di bawah strategi ialah sasaran terpilih ataupun *selected targets* yang menjadi kayu ukur pencapaian objektif dan strategi. Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya ini, saya akan menyentuh sedikit berkaitan dua perkara tersebut iaitu pertama, berkenaan dengan prestasi dan yang kedua, berkenaan dengan hala tuju.

Kalau kita tengok prestasi 2016 dan 2017, laporan menyebutkan ada beberapa perkara positif. Perlu diakui iaitu pertama, ekonomi negara tumbuh sederhana walaupun ada cabaran global. Kedua, program telah memberi manfaat kepada rakyat. Ketiga, pendapatan lebih tinggi. Keempat, peluang pekerjaan yang lebih baik. Kelima, penjagaan kesihatan yang lebih berkualiti dan yang keenam, perumahan mampu milik yang lebih banyak.

Akan tetapi ada juga kekurangan yang dibangkitkan dalam laporan berkenaan. Pertama, ketidaksamaan sosioekonomi yang merentas negeri. Kadar pengangguran yang tinggi di kalangan belia. Kos sara hidup yang meningkat. Tahap pendapatan yang rendah dalam kalangan isi rumah B40. Memberi kesan kepada kuasa beli dan kesejahteraan rakyat. Amalan fiskal yang tidak teratur, tuduhan rasuah, salah tadbir urus dan skandal berskala mega dalam kerajaan terdahulu. Data rasmi mengenai hutang awam yang tidak mengambil kira liabiliti luar jangka dan komitmen daripada pajakan kewangan yang tidak menggambarkan tanggungan kewangan Kerajaan

Persekutuan secara menyeluruh dan yang akhir sekali, defisit kepercayaan terhadap kerajaan terdahulu. Ini dalam laporan ini.

Akibat keadaan ini, rumusan utama yang dinyatakan ialah pertumbuhan kurang dirasai oleh rakyat. Lebih penting lagi, objektif menjadi negara maju dan inklusif kurang bermakna, ia umpama syok sendiri. Di dalam al-Quran, Allah telah berfirman di dalam surah Ar Rum, ayat 41. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

■1550

Bermaksud, *“Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia”*. Dan Rasulullah SAW juga pernah bersabda, *“Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancurannya”*.

Penilaian prestasi dan pencapaian bermakna kita perlu bermuhasabah dan berani membangkitkan semula segala cabaran masalah dan kepincangan. Bukan semata-mata hendak bangkit untuk menyerang tetapi sebenarnya supaya kita boleh tambah baik. Kita boleh perbaiki, kita boleh ubah. Inilah antara matlamat Kajian Separuh Penggal.

Memandangkan masa yang singkat, saya akan hanya sentuh beberapa perkara daripada enam teras daripada Rancangan Malaysia Kesebelas. Pertama, teras satu iaitu memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama. Terdapat penyertaan ekonomi yang rendah dalam kalangan isi rumah B40. Pemilikan aset kewangan dan bukan kewangan Bumiputera yang rendah serta ketidaksamaan antara negeri dan wilayah serta kawasan bandar dan luar bandar ada masalah di situ.

Kedua, teras tiga iaitu meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju. Terdapat isu dan cabaran dalam pewujudan kerja yang tidak mencukupi dalam kategori mahir. Kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah dan guna tenaga tidak penuh dalam kalangan siswazah. Landskap TVET juga tidak bersepadu kerana program TVET ditawarkan oleh pelbagai institusi termasuk agensi di bawah kementerian yang berbeza. Ini memang benar kerana hasil daripada tinjauan dan penemuan saya sendiri dengan beberapa agensi penyedia program TVET di kawasan saya di Ledang, menunjukkan terdapat pertindihan program yang di tawarkan oleh ILP, kolej komuniti, GIATMARA dan juga IKBN dan baru-baru ini saya dengar ada lagi satu lagi ILKBS di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Mungkin ini dilakukan dahulu untuk menyediakan ruang seluasnya supaya kita dapat melahirkan tenaga mahir. Namun, saya lihat terdapat lebih bekalan daripada permintaan, *more supply than demand*, dengan izin.

Selain itu, terdapat juga isu ketidaksepadanan antara kemahiran dan juga keperluan. Antara apa yang ada dengan apa yang diperlukan dalam industri. Itu yang seterusnya.

Ketiga berkenaan dengan teras enam iaitu merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran. Meskipun perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menyumbang secara positif kepada pertumbuhan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan,

namun sumbangan PKS kepada KDNK dan eksport masih kekal rendah. Masih terdapat cabaran-cabaran produktiviti yang rendah, kebergantungan kepada pekerja asing dan penerima gunaan teknologi yang rendah. Dalam penilaian prestasi dan kemajuan di muka surat 59— Yang Berhormat Pendang kawan baik saya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih sahabat Yang Berhormat Ledang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita menyentuh berkenaan teras enam tadi, ingin saya mendapat penjelasan daripada sahabat saya Yang Berhormat Ledang bahawa kenaikan kadar bunga di US akibat daripada peperangan *trade war* antara US dengan China ini memberi kesan tak kepada bajet yang melibatkan liabiliti negara dalam pembayaran hutang luar negara? Ini saya hendak minta penjelasan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang sahabat baik saya. Tidak sempat jumpa di Pendang hari itu.

Benar, saya rasa ada sedikit sebanyak kesan ianya berlaku. Oleh kerana itu, kita sebutkan tadi bahawa pertumbuhan ekonomi agak rendah kerana juga cabaran global itu disebutkan dalam laporan ini.

Dalam Penilaian Prestasi Kemajuan 2016-2017 di muka surat 59, memang benar kedudukan fiskal dan hutang Kerajaan Persekutuan menunjukkan peratusan hutang kepada KDNK pada harga semasa berkurang daripada 54.5 peratus pada tahun 2015 kepada 50.8 peratus pada tahun 2017. Akan tetapi, Yang Berhormat Pekan tidak membaca ayat seterusnya dalam laporan tersebut di mana ayatnya berbunyi, "*Walau bagaimanapun, paras hutang tersebut tidak mengambil kira liabiliti luar jangka serta komitmen pembayaran pada masa hadapan bagi projek yang dilaksanakan melalui perkongsian awam-swasta*".

Saya ingin menyokong kenyataan ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Kubang Pasu, Dato Amiruddin Hamzah pada 29 Ogos 2018 di Dewan Negara di mana beliau menyebutkan secara keseluruhan jumlah komitmen hutang dan liabiliti kerajaan berjumlah RM1,087 bilion atau pun RM1 trilion atau 80.3 peratus daripada KDNK. Ini kedudukan hutang langsung dan liabiliti yang ada.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi, sesuatu yang menidakkan kesahihan angka prestasi ekonomi negara ialah amalan peruntukan *off budget* iaitu pengasingan urusan kewangan di luar bajet. Jika hutang perbelanjaan, kehilangan wang berbilion-bilion ringgit diambil kira, maka kedudukan kewangan negara tidaklah sebaik yang disangka. Sebagaimana saya sebutkan tadi, kita nilai dan kita kena berani bangkitkan ini kerana kita mahu baiki dan kita mahu ubah. Ini termasuk mencari jalan untuk menguruskan kewangan negara dengan lebih bijak dan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan hala tuju 2018-2020 dan penjajaran semula, enam tonggak yang mengandungi 19 bidang keutamaan dan 66 strategi telah dikenal pasti. Dari segi

ekonomi makro, keutamaan dasar akan mengimbangi objektif pengukuhan fiskal dan memastikan pertumbuhan yang inklusif.

KDNK disasarkan antara 4.5 hingga 5.5 peratus setahun dalam tempoh akhir rancangan 2018-2020 dan pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan produktiviti dan permintaan dalam negeri yang mampan dan ada matlamat pelbagai dimensi di peringkat makro. Apa yang saya ingin sebutkan di sini bahawa tidak benar jika dikatakan bahawa ekonomi makro tidak lagi ditekankan oleh kerajaan sekarang. Matlamat untuk menjadi negara maju dan inklusif bukan sekadar mencapai status berpendapatan tinggi tetapi perlu diiringi dengan kuasa beli rakyat yang lebih tinggi.

Meskipun enam tonggak tersebut dianggap sebagai tumpuan pembangunan yang baharu, saya dapati ia telah diambil kira enam teras RMKe-11 tetapi kita sejajarkannya dengan suasana baharu dan kita memberi makna sebenar kepada jenama seperti reformasi, inklusif, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Jadi mungkin perkataan itu sama tetapi dalam konteks sekarang ia memberi makna yang lebih baik.

Di bawah Tonggak I iaitu reformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam, ada empat bidang utama, 12 strategi, dua sasaran terpilih yang baharu. Bagi saya, memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan awam ini adalah sesuatu strategi yang penting dan mungkin ada satu perkara yang kita terlepas pandang iaitu untuk memastikan perkhidmatan awam benar-benar disampai dan dinikmati oleh rakyat, maka kita juga kena lihat kepada fungsi pejabat daerah.

Selain pihak berkuasa tempatan, pejabat daerah merupakan agensi yang paling rapat dengan rakyat yang menyelaraskan penghulu, ketua kampung, ketua masyarakat dan juga kemudahan asas di luar bandar. Fungsi pejabat daerah ini tidak boleh dipandang ringan. Maka, saya ingin mengesyorkan supaya strategi mereformasi fungsi pejabat daerah juga dimasukkan ke dalam Kajian Separuh Penggal ini dan dijadikan sebagai kayu ukur juga.

Tuan Yang di-Pertua, meningkatkan kuasa Parlimen, mengasingkan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya dan mengehendkan tempoh perkhidmatan jawatan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri kepada dua penggal adalah sejajar dengan agenda reformasi. Bagi saya, kerajaan yang telus dan bertanggungjawab adalah penting untuk memastikan rakyat adalah penerima sebenar manfaat dan menikmati kemakmuran Malaysia baharu. Kita mesti *walk the talk*, dengan izin, tidak *talk the talk* sahaja ataupun *cannot talk because too much* dedak. *[Tepuk]*

Justeru, saya menyokong penuh tekad kerajaan untuk membanteras gejala najis rasuah dengan menjadikan SPRM badan bebas sepenuhnya, memperkukuhkan undang-undang pencegahan rasuah, mengkaji semula Akta Perlindungan Saksi 2009, melihat Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan saya menyokong penuh hasrat kerajaan untuk menubuhkan IPCMC.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak minta laluan sedikit sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Tidak cukup masa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Just to* tanya, setujukah kalau Peguam Negara yang lalu juga disiasat untuk salah guna kuasa? Apa pandangan Yang Berhormat?

■1600

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Setuju. Tuan Yang di-Pertua, saya dahulu pernah terlibat dalam IPCMC sebagai orang yang menyampaikan perakuan ataupun testimoni berkenaan dengan salah laku polis. Saya bawa cadangan itu kepada IPCMC dan mereka telah pun mencadangkan kepada suruhanjaya tersebut dan mereka mencadangkan penubuhan IPCMC. Menurut statistik rasmi yang diberikan Kementerian Dalam Negeri pada tahun 2017, terdapat 257 kes kematian dalam tahanan antara tahun 2002 hingga 2016. Jadi saya harap dengan penubuhan IPCMC ini, perkara ini dapat disiasat dan dapat dilaksanakan semak dan imbang. Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna bahawa soal hak polis diketepikan. Namun, ia dilihat wajar sebagai kaedah semak dan imbang dalam keadaan pelbagai aduan dan kes yang diterima.

Banyak lagi yang saya hendak sebutkan tetapi saya ringkaskan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara terakhir yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan Tonggak IV, memperkasakan modal insan khususnya yang berkenaan dengan masalah pertindihan yang dihadapi oleh program TVET. Seperti mana yang saya sebutkan dalam awal perbahasan saya tadi, saya ingin mencadangkan supaya sasaran yang disebutkan dalam laporan tersebut iaitu 85 peratus lepasan TVET mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian dipinda dengan memendekkan tempoh mendapat pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas tamat pengajian. Ini kerana saya rasa tempoh enam bulan terlalu lama untuk mereka menganggur. Jadikan ia sebagai satu kayu ukur yang lebih tinggi iaitu hanya tempoh selama tiga bulan.

Sebagai rumusannya, saya telah menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan prestasi dan hala tuju. Dokumen ini amat wajar dibentangkan dan dibahaskan bukan sahaja untuk pandangan wakil rakyat tetapi untuk pengamatan rakyat. Hal ini kerana setiap perancangan yang dibuat mengesani mereka sama ada sebagai kerajaan atau pembangkang. Marilah sama-sama kita memastikan kemakmuran dapat dinikmati oleh seluruh rakyat tidak kira fahaman politik, kaum, agama atau budaya. Akhir sekali— pantun sedikit...

Orang berbudi kita berbahasa,

Orang bertegang kita bertenang,

Ruang teliti usul cukup selesa,

Mari isi dengan penuh matang.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Ledang. Saya mengikuti senarai di depan saya. Yang Berhormat Kepala Batas tidak ada? Yang Berhormat Parit? Ya, silakan Yang Berhormat Parit.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Tanah Merah dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Tanah Merah? Ya, silakan Yang Berhormat Tanah Merah.

4.03 ptg.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Insyallah*, saya tidak akan mengambil masa yang lama.

Pada 18 Oktober yang lalu, kita sudah mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Usul itu dibentangkan lima bulan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14. Sebagai Ahli Parlimen, sudah tentulah saya dengan rakan-rakan dalam blok pembangkang akan menyokong apa juga usaha dan langkah yang bertujuan demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, saya agak skeptikal sama ada apa yang terkandung dalam usul yang dibentangkan itu akan dilaksanakan atau sebaliknya ataupun ia hanya sekadar satu dokumen sebagaimana Manifesto Pakatan Harapan yang sebahagian besarnya tidak dapat dilaksanakan atas pelbagai alasan. Namun begitu, walaupun saya berpendapat secara tegas bahawa setiap janji dalam pilihan raya perlu dilaksanakan kerana ia menjadi asas utama rakyat menyokong sebuah parti tetapi demi kebaikan bersama, saya juga tidak terlalu fanatik untuk menolak atau tidak mahu bersama-sama menjayakan apa yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Oleh itu, dengan kesempatan yang diberikan ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang dianggap penting dalam menjayakan kajian tersebut.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan usul kajian itu, pihak kerajaan telah menggariskan keutamaan dan pendekatan baharu bagi tahun 2018 hingga 2020 berdasarkan enam tonggak iaitu mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam, memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat, menuju ke arah pembangunan wilayah seimbang, memperkasa modal insan, mempertingkatkan kemapanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau dan memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Tonggak I iaitu mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam. Saya merasa agak kesal dan kecewa kerana sejak Pakatan Harapan mengambil alih tampuk pemerintahan negara, kakitangan

awam sering sahaja menjadi sasaran pemimpin Pakatan Harapan. Mereka dituduh tidak setia, membocorkan maklumat...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan...

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Siapa? Ini adik saya, bagilah. Silakan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih, Yang Berhormat Tanah Merah. Saya hendak tanya di bawah Menteri Besar mana, kakitangan awam dapat penyapu dahulu?

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Ini yang dikatakan 'sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya lagi'. Saya faham memanglah saya sendiri pun tidak berapa setuju kes bagi penyapu itu. Boleh saya teruskan?

Kita lihat hari ini kakitangan awam dituduh tidak setia, bocor maklumat yang sudah tentulah moral kakitangan awam tentulah akan down, dengan izin, dengan tuduhan-tuduhan sebegini. Oleh itu, dalam usaha kerajaan mereformasi tadbir urus bagi meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam, adalah wajar kerajaan khususnya anggota Kabinet perlu menyingkirkan sebarang persepsi buruk terhadap kakitangan awam.

Kalau kita masih ingat sebelum pilihan raya umum yang lalu, banyak juga dakwaan menyatakan ada kakitangan awam membocorkan maklumat kepada Pakatan Harapan yang ketika itu menjadi pembangkang tetapi Kerajaan Barisan Nasional ketika itu tidak membuat sebarang tuduhan apatah lagi tindakan. Sebaliknya, kebajikan kakitangan awam terus terpelihara dan dibela. Ia termasuklah dari segi kenaikan gaji, kemudahan dan keistimewaan lain termasuklah pemberian bonus.

Oleh itu, jika kerajaan benar-benar mahu memastikan kakitangan bertugas dan berkhidmat dengan penuh semangat, saya menggesa hentikanlah tindakan memperkecilkan kesetiaan dan sumbangan perkhidmatan awam. Saya setuju mana-mana kakitangan awam, tidak kira apa pun peringkat, perlu dikenakan tindakan jika mereka tidak amanah atau membocorkan rahsia kerajaan. Akan tetapi, yang melakukan perbuatan itu hanya segelintir sahaja. Janganlah semua diletakkan pada tahap yang sama sehingga melemahkan semangat keseluruhan kakitangan awam yang saya yakin berkhidmat dengan penuh ikhlas untuk bangsa, agama dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini, adalah berkaitan memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Menyentuh perkara ini, sebagai seorang Ahli Parlimen yang mewakili penduduk kawasan luar bandar, saya merasa terkilan apabila beberapa projek yang dirancang sebelum ini oleh kerajaan terdahulu sudah dibatalkan ataupun ditangguhkan. Apa yang mengecewakan saya ialah penangguhan projek-projek demi kesejahteraan rakyat seperti pembinaan dan pembesaran hospital, pembinaan institusi pendidikan seperti MRSM dan projek-projek pembangunan yang bertujuan meningkatkan tahap hidup rakyat.

Oleh itu pada kesempatan ini, saya menggesa kerajaan untuk bertindak adil dan mengetepikan soal politik apabila membuat keputusan berkaitan menangguhkan sesuatu projek berkaitan kesejahteraan rakyat. Contohnya, pembinaan pembesaran hospital-hospital yang dikatakan banyak yang akan ditangguhkan ataupun dihentikan. Malangnya, jika ia ditangguhkan atas alasan kekangan kewangan, oleh itu, jika benar kerajaan mahu memastikan matlamat memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat tercapai, jangan biarkan projek seumpama itu khususnya melibatkan hospital tertangguh.

Pembinaan dan menaiktarafkan hospital-hospital awam amat penting bagi rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan B40. Mungkin kita boleh mampu untuk pergi ke hospital-hospital swasta tetapi kebanyakan rakyat-rakyat jelata khususnya kawasan luar bandar tidak mampu dan satu *queue* untuk menunggu, contohnya— saya tahu banyak hospital kalau hendak rawatan *CT Scan* ataupun MRI, hendak tunggu enam bulan sebelum mereka dapat perkhidmatan servis *CT Scan* ataupun MRI tersebut. Jadi hospital kerajaan menjadi tumpuan untuk mendapat rawatan perubatan sempurna oleh mereka yang berpendapatan rendah khususnya golongan bumiputera atau orang Melayu. Oleh itu, saya tertanya-tanya, apakah motif sebenar di sebalik penangguhan projek seumpama itu?

Lebih menghairankan saya, ketika projek-projek lain ditangguhkan atas alasan kewangan, kenapa baru-baru ini kita dikejutkan peruntukan sebanyak RM23 juta bagi membina bangunan baharu bagi dua buah sekolah SKJ(C) di Pulau Pinang? Lebih mengecewakan lagi, pengumuman mengenai peruntukan ini dilakukan ketika Pejabat Pembangunan Persekutuan menghantar surat kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang berhubung keputusan Kerajaan Pusat menangguhkan sembilan projek yang sepatutnya dilaksanakan di bawah peruntukan khas.

■1610

Kalau benarlah kerajaan menghadapi kekangan kewangan, kenapa projek baharu SJK(C) diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan? Tidakkah ini akan menimbulkan persepsi bahawa projek pembangunan melibatkan orang Melayu dipinggirkan? Saya tidak mahu dituduh...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan Yang Berhormat, peraturan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Ya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan, peraturan. Saya minta Yang Berhormat supaya jangan mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh mengeluarkan sangkaan jahat.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan Yang Berhormat itu mengeluarkan sangkaan jahat terhadap Menteri Kewangan dalam ketiadaan beliau. Kalau ingin tanya saya rasa, sepatutnya tanya dalam kehadiran beliau.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey. Sebab inilah kita bahas.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Dia ada waktu hendak jawab nanti.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Nanti kita berilah peluang kepada...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau perkara itu boleh ditanya, ia boleh ditanya dengan teratur, bukanlah mengeluarkan kenyataan yang akan menimbulkan sangkaan jahat terhadap Menteri Kewangan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, okey tidak apalah. Saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat tarik baliklah kenyataan itu.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Ini peluang saya. Ini tarik, saya tidak timbul.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan menuduh Yang Berhormat Menteri Kewangan...

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Saya tidak tuduh, saya tidak tuduh.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Menteri Kewangan jawablah nanti sewaktu dia menggulung.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat...

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Teruskan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, terima kasih. Memandangkan saya utarakan ini bukanlah cemburu apatah lagi bersikap seperti yang digambarkan oleh Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Inilah politik yang dimainkan oleh UMNO sejak 10 tahun di Pulau Pinang.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Tidak apa Yang Berhormat Jelutong. *But* ini *floor* saya, berilah peluang. Kalau Yang Berhormat Jelutong hendak teruskan, saya boleh duduk, Yang Berhormat Jelutong teruskan. Okey.

Akan tetapi apa yang saya persoalkan, kenapakah penangguhan-penangguhan projek tersebut hanya melibatkan perkara-perkara yang ada kaitan. Ya, betul. Ia menimbulkan – saya tahu apa yang dikatakan ini tidak menyenangkan pihak kerajaan tetapi inilah persepsi dan tanggapan sebahagian besar orang Melayu dan umat Islam apabila mereka melihat projek pembangunan yang ada kaitan dengan mereka ditangguhkan atau dibatalkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya buat *ruling* lah.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Akan tetapi yang ada kaitan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau kita benarkan Yang Berhormat di sebelah sana teruskan ini, akan menyebabkan sangkaan jahat terhadap Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya saya pun boleh perbetulkan keadaan. Baru-baru ini Menteri Kewangan baru meluluskan pembinaan masjid baharu di Teluk Intan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, betul.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebab itu saya rasa...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Di Pulau Pinang, Mahkamah Syariah dibina dengan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya nasihatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, apabila kita bahas, cuba elakkan persepsi sentimen perkauman ataupun sentimen fahaman agama sempit yang telah pun saya peringatkan sejak dulu lagi.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya harap Yang Berhormat Tanah Merah akan teruskan berpaksi kepada fokus kepada Rancangan Malaysia Ke-11.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey. Terima kasih atas nasihat, *insya-Allah*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Untuk rekod Yang Berhormat...

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Untuk rekod...

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Jadi apa pun kalau benarlah kedudukan kewangan menjadi kekangan, tangguhlah. Kalau betul kita sebut kita ada duit, tetapi inilah persepsi. Tangguhkan semua. Jangan ada *double standard*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, apa maksud *double standard* Yang Berhormat?

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Jadi saya mendesak kerajaan untuk melaksanakan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat tarik baliklah kenyataan itu.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Jadi saya mendesak kerajaan, untuk melaksanakan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Janganlah ulangi perkara yang sama. Mahkamah Syariah Pulau Pinang dibina oleh Kerajaan DAP, untuk rekod.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Tidak, mana yang bagus, kita teruskan. Ini pandangan, ini persepsi. Maka sebab itulah apabila saya membangkitkan, saya minta pihak kerajaan untuk menjawab...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Persepsi ini adalah sebab perkara ini dimainkan oleh UMNO. UMNO yang menimbulkan persepsi ini, selalu memainkan isu perkauman.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Bukankah ini juga bersangka jahat? Okey. Ini juga dikatakan bersangka jahat.

Jadi sebab itulah saya mendesak kerajaan untuk melaksanakan projek-projek yang mempunyai kaitan dengan kesejahteraan dan mengetepikan sebarang sentimen politik dalam membuat keputusan berhubung apa jua perkara. Janganlah mengamalkan sikap cakap tidak serupa bikin. Kita bercakap mahu membela, meningkatkan hidup rakyat tetapi sekadar retorik politik yang akhirnya tidak mampu memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Saya hendak *move on* ke *next*, tonggak ketiga iaitu menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang. Saya menggesa kerajaan untuk meneruskan Projek Laluan Rel Pantai Timur ataupun ECRL, Laluan Rel Pantai Timur. Pelaksanaan projek ini amat penting untuk pembangunan ekonomi negeri-negeri di Pantai Timur. Walaupun saya memahami negeri-negeri di Pantai Timur bukan di bawah Pakatan Harapan tetapi dalam usaha mencapai tonggak ketiga, sebarang pertimbangan politik harus diketepikan. Kalau kos menjadi hambatan, saya ingin bertanya, kenapakah tiba-tiba, Kerajaan Pakatan Harapan mahu berkira-kira membina jambatan bengkok ke Singapura yang kosnya yang kita tahu mencecah hingga lebih daripada RM4 bilion pada masa kini? Begitu juga pelaksanaan projek kereta nasional yang ketiga yang dikatakan turut akan dilaksanakan.

Projek ECRL bukanlah bertujuan untuk mewujudkan legasi sesiapa tetapi ia dirancang oleh kerajaan terdahulu semata-mata demi kepentingan rakyat. Oleh itu saya mohonlah, berhentilah melakukan keputusan politik dalam projek-projek melibatkan kepentingan rakyat seperti ECRL. Saya menggesa kerajaan kalau benarlah Kerajaan Pakatan Harapan benar-benar ikhlas mahu mencapai tonggak ketiga, laksanakanlah projek ECRL. Cukuplah menabur janji manis seperti mana yang berlaku dalam Manifesto Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, gesaan saya terhadap projek ECRL ini turut terkait – tonggak ketiga yang antara lain mengandungi usaha merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar serta mengukuhkan pembangunan ekonomi wilayah. Dalam memperkatakan tonggak keempat iaitu memperkasakan modal insan, saya minta kerajaan untuk melaksanakan semula projek-projek pembinaan institusi pendidikan seperti MRSM yang ditangguhkan, yang kita dapat tahu juga banyak projek ini akan ditangguhkan. Pembinaan sekolah ini selari dengan matlamat tonggak keempat iaitu meningkatkan akses pendidikan dan latihan berkualiti.

Okey, beberapa hari yang lalu kita dikejutkan dengan kejadian tanah runtuh yang berlaku berturut-turut di dua tempat iaitu Cameron Highlands, Pahang dan juga di Bukit Kukus, Relau, Pulau Pinang. Oleh itu, selari dengan tonggak kelima Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini iaitu mempertingkatkan kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau yang turut mengandungi usaha menangani perubahan iklim dan mengurangkan risiko bencana serta mengukuhkan tadbir urus, saya menggesa siasatan rapi dilakukan berhubung kedua-dua kejadian ini. Segala projek pembangunan di kedua-dua tempat tersebut perlu dikaji semula dan tindakan drastik perlu dilakukan bagi mengelak ia berulang.

Contohnya di Cameron Highlands, penerokaan secara haram tanah-tanah dan kawasan hutan masih berleluasa, manakala di Pulau Pinang kegagalan kerajaan negeri memantau pelaksanaan projek di kawasan lereng bukit telah menyebabkan bencana berlaku. Oleh itu saya mencadangkan kerajaan untuk menghentikan segala projek di cerun dan lereng bukit bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh ini akan terus berlaku. Tidak boleh kita membiarkan nyawa insan tidak berdosa melayang disebabkan kealpaan dan kelalaian pihak berkuasa dalam bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, tonggak terakhir yang ingin saya sentuh ialah berkaitan tonggak keenam iaitu memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi. Dalam hal ini saya meminta kerajaan turut memberi perhatian kepada ekonomi golongan bumiputera. Dasar dan hala tuju yang lebih jelas harus dilaksanakan oleh kerajaan dan memastikan kaum bumiputera tidak terus ketinggalan dalam bidang ekonomi.

Menyentuh soal ini juga, saya mohon kerajaan memberi perhatian kepada nasib peladang kelapa sawit dan penoreh getah yang kini mengalami kejatuhan harga yang amat ketara. Akibat keadaan itu, ada antara mengalami kesempitan hidup dan terpaksa melakukan pekerjaan lain bagi menampung kehidupan. Saya berharap kerajaan menyegerakan cadangan penoreh kecil dan penoreh getah supaya harga lantai komoditi itu ditetapkan antara RM3 hingga RM4 sekilogram. Kerajaan juga perlulah memberi perhatian kepada trend kejatuhan harga kelapa sawit yang semakin meresahkan peneroka-peneroka FELDA khususnya apabila pendapatan bersih mereka merosot teruk sehingga ada yang hanya mampu meraih RM280 hasil jualan komoditi itu dalam tempoh sebulan. Seminit lagi ya.

Keadaan ini diburukkan lagi apabila hasil kelapa sawit turut berkurang pada masa ini di kebanyakan kawasan dengan hanya mampu mengambil buah sekali sahaja dalam sebulan dan sekali gus menyebabkan kebanyakan mereka terpaksa bergantung dengan bantuan anak-anak untuk menyara kehidupan. Oleh itu, satu mekanisme perlu dicari termasuk memberi bantuan khas kepada golongan peneroka FELDA, pekebun kecil dan penoreh getah bagi mengurangkan bebanan mereka.

Saya ingin menggulung perbahasan ini dengan menegaskan apa yang terkandung dalam enam tonggak yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 hanya mampu dicapai melalui pemerintahan yang telus, adil dan saksama serta bukan sekadar janji kosong. Laksanakan

apa yang dijanjikan dan disasarkan. Janganlah memberi seribu satu alasan yang kita tahu kebanyakan bermotif politik dan lebih penting, kotakanlah apa yang dikata dan tunaikanlah apa yang di janji. Walaupun terlambat serta memungkirkan janji dalam manifesto namun saya menyokong langkah kerajaan memberi kuasa autonomi kepada Parlimen termasuk melalui pelaksanaan sistem jawatankuasa yang akan memperakukan pelantikan jawatankuasa utama di SPRM, SPR, Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Memandangkan masa – pada masa yang sama, pastikanlah badan tersebut benar-benar bebas.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa Yang Berhormat Tanah Merah sudah tamat.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, baiklah. Jadi akhirnya saya terima kasih dan juga menyokong usul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Gelugor.

4.19 ptg.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan pada sesi ini berkenaan dengan Rancangan Malaysia Ke-11.

■1620

Ini di mana kita lihat Tuan Yang di-Pertua, di dalam rancangan tersebut terdapat sejumlah enam tonggak yang digariskan bagi tujuan meningkatkan mutu pentadbiran negara di mana tonggak yang utama, tonggak pertamanya adalah untuk mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu tonggak yang amat penting oleh kerana ia merangkumi perkhidmatan awam termasuk PDRM, termasuk badan kehakiman di mana terdapat banyak perkara yang perlu direformasikan dari zaman Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Di dalam Kerajaan Pakatan Harapan sekarang Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa apa yang penting dan ditekankan oleh kerajaan baharu ini adalah frasa *the rule of law*, dengan izin. *The rule of law* adalah satu perkara yang ditekankan oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk ditegakkan Tuan Yang di-Pertua. Apakah maksud *the rule of law*? *The rule of law* itu Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja setakat apa yang berlaku di mahkamah tetapi juga berkenaan apa yang dibuat di luar mahkamah seperti proses penyiasatan kes-kes dan sebagainya.

Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa kes yang memburukkan nama dan imej negara bukan sahaja di peringkat domestik tetapi di seluruh dunia. Salah satu daripadanya Tuan Yang di-Pertua, adalah kes Altantuya Shaariibuu. Kes Altantuya Shaariibuu ini adalah satu kes yang telah pun mendapat perhatian seluruh dunia baru-baru ini ataupun sebelum itu Tuan Yang

di-Pertua. Sebab ia mendapat perhatian seluruh dunia adalah walaupun pembunuh-pembunuh telah pun disabitkan dan dihukum, ia masih mendapat perhatian oleh kerana kami masih tidak tahu siapa yang mengarahkan pembunuhan tersebut. Dalam erti kata lain, apakah motif di sebalik pembunuhan tersebut.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua dan sebelum itu saya perlu mengisytiharkan kepentingan saya, *I have to declare my interest* Tuan Yang di-Pertua, sebagai peguam kepada keluarga Altantuya Shaariibuu yang sekarang pada masa ini membawa tindakan sivil di Mahkamah Tinggi Shah Alam yang akan dibicarakan dalam bulan Januari tahun depan.

Akan tetapi apa yang saya ingin bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua, adalah berkenaan satu wawancara, *interview* yang telah pun dibawa kepada perhatian saya beberapa hari lepas, *in fact* semalam di mana seorang yang bernama Deepak Jaikrishnan telah pun memberi satu wawancara dan saya difahamkan bahawa *recording* wawancara tersebut telah pun *remove* daripada internet sekarang. Semalam ada, hari ini tak ada.

Ia sensitif Tuan Yang di-Pertua, kerana apa yang telah pun ditimbulkan oleh Deepak di dalam wawancara tersebut adalah amat penting ke dalam siasatan motif di sebalik pembunuhan Altantuya. Apa yang dia katakan, saya telah pun mengimbas *recording* tersebut walaupun bukan keseluruhannya, tetapi pembantu-pembantu saya telah pun juga mengimbas *recording* tersebut, di mana Deepak tersebut telah pun menyatakan secara jelas dan terang bahawa Yang Berhormat Pekan adalah terlibat di dalam pembunuhan Altantuya. Beliau menyatakan secara langsung bahawa Yang Berhormat Pekan dan isteri Yang Berhormat Pekan adalah secara langsungnya terlibat dalam pembunuhan Altantuya Shaariibuu. Ini adalah pernyataan Deepak tersebut.

Ini adalah satu perkara penting oleh kerana pembunuhan ini berlaku lebih 10 tahun lalu. Adakah pihak PDRM ini *so incompetent* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sehingga mereka tidak dapat menyoal dan menentukan siapakah yang mengarahkan pembunuhan tersebut. Mengikut Deepak, apa yang telah pun berlaku adalah Altantuya tersebut dibunuh oleh kerana beliau hamil pada masa kejadian. Itu yang dia kata, *she was pregnant at the time of her murder*. Ini telah pun menyebabkan isteri kepada Yang Berhormat Pekan mengambil tindakan terhadap beliau yang telah pun mengakibatkan beliau bukan sahaja dibunuh Tuan Yang di-Pertua, tetapi diletupkan dengan bahan-bahan bom C4. Adakah beliau diletupkan untuk menghilangkan segala bukti bahawa beliau hamil pada masa pembunuhannya? Adakah itu sebab beliau dibunuh dengan sebegitu kejam Tuan Yang di-Pertua?

Sebelum wawancara ini, sehari sebelum wawancara ini kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Pekan sendiri telah pun membuat satu wawancara dengan seorang *interviewer* bernama Mary Ann Jolley daripada Al-Jazeera. Kita semua tahu apa yang berlaku di dalam wawancara tersebut. Selepas lebih kurang 20 minit, Yang Berhormat Pekan telah pun melarikan diri, tetapi selepas itu balik dan mungkin hendak melarikan diri sekali lagi. Kenapa? Ini kerana isu Altantuya ditimbulkan dan dibangkitkan pada masa itu, walaupun beliau menafikan penglibatannya

di dalam kes Altantuya tersebut. Sudah tentu Tuan Yang di-Pertua, bahawa apa yang perlu dibuat sekarang adalah memandangkan kerajaan telah pun mengisytiharkan dalam bulan enam kalau tidak silap saya, bahawa siasatan di dalam kes Altantuya akan disiasat semula untuk menentukan motif di sebaliknya.

Ini adalah satu pendedahan yang amat serius oleh Deepak tersebut. Ia mesti Tuan Yang di-Pertua, disiasat dengan mendalam. Oleh kerana mengikut apa yang didedahkan oleh Deepak tersebut, salah satu lagi perkara yang dia katakan adalah bahawa isteri Yang Berhormat Pekan berada di tempat kejadian selepas kejadian malam itu. Sekiranya ini benar, *what did he say?*

Kita kena lihat daripada segi bicara yang diadakan di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Di perbicaraan tersebut Tuan Yang di-Pertua, tiga orang telah pun dituduh, dua orang disabitkan iaitu Azilah dan juga Sirul Azhar Umar. Orang ketiga, Razak Baginda telah pun dilepaskan dan dibebaskan pada peringkat akhir kes pendakwaan. Beliau dilepaskan dan dibebaskan oleh kerana beliau telah pun mengikrarkan satu affidavit yang telah pun membebaskan dirinya. Tanpa disoal balas, beliau dibebaskan. Itu tidak pernah kita dengar.

Ada banyak peguam sini, *we have never heard* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *an accused's being acquitted on the self-exculpatory statement without even being close examine*. Kenapa beliau dibebaskan dengan begitu senang? Apa yang lebih penting, kenapa pihak pendakwaan tidak merayu terhadap pembebasan beliau? Adakah ini merupakan satu *cover-up*? Sirul telah pun banyak kali mengatakan bahawa beliau merupakan seorang kambing hitam atau *scapegoat* di dalam kesemua perkara ini. Adakah beliau bermaksud bahawa *scapegoat* itu adalah bahawa terdapat pemimpin-pemimpin seperti Yang Berhormat Pekan di sebalik pembunuhan ini?

Memandangkan keadaan tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengarahkan pihak polis untuk mengambil *statement* daripada Yang Berhormat Pekan dan juga isterinya berkenaan pendedahan yang dibuat oleh Deepak tersebut. [*Tepuk*] Ini adalah penting. Bukan sahaja itu, saya juga merayu agar siasatan ataupun satu *statement* diambil daripada Deepak juga. Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, pendedahan ini sudah dibuat beberapa hari. Pendedahan yang serius ini tidak dijawab oleh isteri Yang Berhormat Pekan. Beliau tidak membuat laporan polis, beliau tidak mengatakan apa-apa untuk menafikan dakwaan-dakwaan yang serius ini.

■1630

Jadi ini merupakan satu *lead* Tuan Yang di-Pertua, yang boleh menyelesaikan motif di belakang pembunuhan Altantuya yang kini sedang disiasat agar sekiranya terdapat pihak-pihak lain yang didapati mengarahkan pembunuhan tersebut, mereka boleh dituduh untuk kes bunuh. Sekiranya orang-orang yang terlibat itu, walaupun terdapat orang yang telah pun disabitkan, walaupun perkara itu telah pun berlaku dengan izin, *if there is further evidence to implicate others*,

they can still be charged for the murder of Altantuya Shaariibu although they did not pull the trigger.

Keduanya juga berkenaan tonggak pertama Tuan Yang di-Pertua, adalah berkenaan dengan badan kehakiman. Badan kehakiman perlu kita bersihkan imejnya agar kita mendapat keyakinan awam, *we can inculcate and instill public confidence in the judiciary*. Salah satu perkara yang perlu ditangani dengan segera Tuan Yang di-Pertua, adalah berkenaan dengan kes bekas Ahli Parlimen Bukit Gelugor, mendiang Yang Berhormat Karpal Singh yang telah pun disabitkan di atas satu pertuduhan sabit *sedition*, hasutan dan kini sedang menunggu rayuannya di Mahkamah Persekutuan.

Beliau telah pun meninggal dunia dalam tahun 2014 dan selepas itu Mahkamah Rayuan telah pun mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi yang menyabitkan beliau. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua kita mendapat berita bahawa keputusan Mahkamah Rayuan itu adalah di *compromise* dengan izin. Di *compromise* oleh kerana tiga hakim yang telah pun mendengar rayuan tersebut, salah satu telah pun membebaskan mendiang Karpal Singh, dua telah pun menyabitkan. Akan tetapi mengikut berita yang kita dengar, *actually* keputusannya adalah mendiang Karpal Singh telah pun dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tersebut.

Dalam erti kata lain rayuannya dari Mahkamah Tinggi sebenarnya telah pun dibenarkan di Mahkamah Rayuan. Akan tetapi seorang, salah seorang daripada majoriti yang membenarkan rayuan tersebut telah pun di *influence* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menukar keputusannya daripada membenarkan rayuan kepada menolak rayuan yang telah pun mengakibatkan keseluruhan rayuan itu ditolak dan sabitan itu dikekalkan. *In other words*, Tuan Yang di-Pertua, *Mr. Karpal was actually acquitted of his sedition charged in the Court of Appeal if the allegations are true*. Adakah kita, *have we gone so low* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *have we gone so low that we can do such a thing to a man who is no longer alive*.

Compromise is appeal from an acquittal to a conviction. How low can we get? What is the CJ doing? Apakah CJ buat sekarang? Beliau telah pun menyatakan kita dalam proses menyiasat. Dakwaan ini telah pun keluar dalam akhir bulan Julai. Sekarang sudah bulan November lebih kurang. Sudah lebih kurang dua, tiga bulan. Apakah kesusahannya untuk siasat perkara yang senang seperti ini? Hanya tiga orang kena ambil *statement* iaitu tiga hakim tersebut. *There are only three people you have to take a statement from. Why does it take three months?* Ini adalah penting, ini telah pun memburukkan imej *judiciary* di dalam negara ini. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya *just* habiskan dalam kurang seminit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Ini adalah satu perkara yang amat serius oleh kerana ini adalah *directly relevant* kepada tonggak satu iaitu mereformasi perkhidmatan awam. *Now*, saya ingin tanya memandangkan keadaan ini, adakah Menteri Undang-undang akan mengambil tindakan untuk mempercepatkan

proses siasatan berkenaan dengan rayuan hasutan mendiang Karpal Singh? Ini adalah penting oleh kerana ini juga refleks berkenaan dengan imej mendiang Karpal Singh. Beliau tidak pernah membuat apa-apa kesalahan semasa beliau hidup. *Why did he have to die a convict? He was actually acquitted. Why did he have to suffer the enigmatic of being a convict upon his death?*

Ini adalah penting Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengakhiri ucapan saya dengan of course mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua tetapi saya berharap perkara-perkara serius ini akan ditangani dan diambil siasatan dengan segera, Alantuya juga, satu perkara yang terakhir Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan kematian Teoh Beng Hock. Teoh Beng Hock itu, siasatan sudah dijalankan. Baru-baru ini kita dengar Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa beliau akan memulakan siasatan semula sekiranya diarahkan oleh Peguam Negara.

Saya ingin hanya untuk menyatakan di atas rekod sebelum saya akhiri, bahawa saya – *again, I declared my interest*, saya adalah peguam kepada keluarga Teoh Beng Hock. Saya ingin menyatakan di atas rekod bahawa kami telah pun menulis kepada Peguam Negara yang telah pun bersetuju di dalam bulan Julai bahawa siasatan perlu dijalankan semula di dalam kematian Teoh Beng Hock. Jadi memandangkan keadaan tersebut, saya berharap dan merayu kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengarahkan pihak polis ataupun IGP untuk meneruskan siasatan semula tersebut dengan segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Pepatah Melayu kata, *Bagaikan Sirih pulang ke gagang*. Saya menjemput Yang Berhormat Port Dickson. *[Tepuk]*

4.37 ptg.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Saya ingin pohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk memulakan dengan mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang telah menyentuh kemenangan di Port Dickson dan kesempatan juga untuk mengucapkan penghargaan saya kepada pengundi-pengundi Port Dickson.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyatakan dukungan atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Pembentangan ini merupakan satu anjakan besar dalam pendekatan tentang tata kelola negara yang belum pernah dilakukan sebelum ini. Ia kali pertama Perdana Menteri mengangkat satu permasalahan negara dengan mengajak rakyat untuk melakukan islah dan perubahan atau reformasi.

Akan tetapi reformasi ini mengandaikan komitmen dan perubahan besar yang tentunya harus tertera dari sikap, nilai dan akhlak yang kita tolak sebelum ini yang menyebabkan kita menuntut reformasi ialah kerana kebobrokan sistem dibicarakan sama ada nama tatanegara atau tata sesama Islam tetapi masih berkompromi dengan segala tindakan, perompakan, rasuah dan

penyalahgunaan kuasa. Ia melibatkan bukan saja pimpinan tetapi juga beberapa jentera asas dalam negara ini.

Perdana Menteri menyarankan beberapa gagasan yang tentunya melibatkan institusi kehakiman, badan penguatkuasaan dan juga Parlimen. Kita dengan itu dalam menyokong usul ini harus menggesa supaya semua pihak memahami bahawa reformasi ini tidak akan terlaksana sekiranya tidak ada satu komitmen yang jelas, kefahaman pertamanya tentang apa yang perlu dilakukan.

Generasi baru tentunya tidak semua cakna dengan asal muasal atau nuansa reformasi itu sendiri dan bagi mereka yang dituntut ialah pelaksanaan janji, peluang pekerjaan, harga barang, perumahan yang harus ditangani oleh kerajaan.

■1640

Akan tetapi dalam penekanan Perdana Menteri, ternyata beliau mengaggas akan perubahan dalam membina semula institusi-institusi pokok. Maknanya, andaian kita bahawa institusi kita lama tegak dan boleh diterima tidak boleh diterima pakai lagi. Maka, saya harap supaya seluruh jentera kerajaan dan institusi mengambil langkah-langkah yang perlu. Bukan sekadar untuk menunjukkan kebobrokan sistem lama tetapi bagaimana reformasi itu mampu berlaku dalam sistem perundangan, badan kehakiman, badan penguatkuasaan dan seluruh jentera kerajaan termasuk pelaksanaan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

Kalau benar apa yang digesa oleh Perdana Menteri, ia menuntut suatu sikap dan pendekatan baru. Ia bukan sahaja sekadar penempelan kepada atau perubahan kecil dalam kerangka pemikiran lampau. Apa yang ditekankan ialah penolakan, kezaliman dan rasuah. Kita belum yakin sepenuhnya bahawa jentera kita bersih daripada pengaruh rasuah yang menular besar tetapi tidak boleh diterima walaupun ia menular kecil dalam sistem yang ada sekarang. Maka, ianya bukan sahaja SPRM mengambilkan beberapa tindakan baharu tetapi SPRM sendiri harus mengambil langkah-langkah perlu untuk mengkaji semula perundangan, penguatkuasaan dan integriti pegawai-pegawai supaya tindakan itu akan pasti lebih berkesan.

Seperti mana yang digesa dalam ucapan Perdana Menteri, kerajaan tidak mampu melakukan semuanya. Maka, di saat rakyat menanti mendambakan perubahan, kita harus mengambil satu pendekatan yang lebih *participative*. Meminta supaya objektif dan dasar dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini difahami, disebar luas dan difahami. Saya ingin menggesa Menteri-menteri dan jabatan-jabatan kerajaan memulakan dengan memastikan seluruh jentera kerajaan memahami bahawa gesaan Perdana Menteri itu, gesaan rakyat keseluruhannya yang sudah muak dengan sistem bobrok dan mahu perubahan yang menyeluruh dalam negara kita. [Tepuk]

Kita tidak nafikan bahawa keadaan sekarang lebih rumit. Ada yang mengandaikan bahawa tidak wajar kita mengetengahkan permasalahan lama. Sekarang kita harus lihat menyongsong ke hari muka. Akan tetapi mereka tidak dapat nafikan bahawa kebobrokan lama itu telah menyebabkan ekonomi dan kewangan terhimpit dan rakyat juga harus disedarkan bahawa

himpitan itu bukan semuanya berdasarkan *trade war* atau perang dagang Amerika–China yang berlaku sekarang tetapi berpunca dari salah laku tata kelola perompakan yang berlaku di negara ini. [Tepuk]

Maka saya setuju dengan gesaan Perdana Menteri dan kerajaan bahawa soal rompak harta rakyat tidak boleh dibiarkan. Seperti mana saya sering bicara, saya boleh memaafkan kezaliman yang dilakukan secara peribadi ke atas saya. Akan tetapi saya tidak ada mandat dan kuasa untuk memaafkan rompak harta rakyat yang dibuat oleh mana-mana pemimpin sekalipun. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, maka tindakan kita bukan sahaja harus lincah, bersikap yang lebih fleksibel atau luwes supaya perubahan yang berlaku itu *substantive*. Seperti mana yang dapat dikesan dari pembentangan oleh Perdana Menteri, perubahan yang didambakan itu terlalu *fundamental* dan *substantive*. Ia tidak boleh berlaku dan berhasil hanya dengan retorika sambutan oleh pemimpin-pemimpin termasuk dalam Pakatan Harapan. Ianya hanya mungkin berlaku dengan keupayaan pemimpin menghayati semangat tersebut dan mengembalikan dasar akhlak. Kita seperti mana orang Islam faham bahawa dasar akhlak dan keruntuhan itulah yang menyebabkan perompakan, rasuah, penindasan dan penyalahgunaan kuasa itu diizinkan.

Saya percaya seperti mana yang berlaku dalam dialog-dialog kita dengan pemimpin-pemimpin agama lain Buddha, Hindu dan Kristian di negara kita, ternyata ada semangat dan kesedaran yang sama supaya negara ini beralih daripada sikap yang *tolerant* dan *permissiveness* untuk menterjemah *energy* kita dengan daya tindak yang lebih berkesan dan efisien.

Ada beberapa isu lain yang disentuh iaitu tentang pemahaman pelaksanaan sistem yang lebih demokratik yang menuntut tentunya suasana yang lebih *inclusive*, memberi ruang dan mendengar pandangan penjawat awam, NGO secara lebih terbuka dari pandangan akar umbi. Demokrasi ini bukan hanya instrumen untuk mendapat mandat dalam pilihan raya, kemudian melupakan keluhan dan kegelisahan rakyat. Maka untuk menjamin bahawa demokrasi kita itu lebih *participative* dan *inclusive*, maka harus dijana satu rangka tindakan oleh jabatan-jabatan dan kementerian untuk melibatkan rakyat yang lebih ramai daripada yang sering difahami sebelum ini.

RMKe-11 menyediakan pilihan buat kelompok miskin. Ada kebimbangan kerana kita agak menghadapi suasana ekonomi lebih gawat. Maka ada rasa resah bahawa kelompok miskin dari pelbagai kaum khususnya Melayu dan bumiputera dan kelompok-kelompok India estet, pedalaman, orang-orang Sabah dan Sarawak dan kelompok kecil Cina di bandar, itu tidak boleh diabaikan dengan alasan kekangan ekonomi yang berlaku. Kekangan ekonomi itu berlaku atas salah laku pemimpin-pemimpin besar dengan rompak besar. Maka, janganlah dibiarkan perkara ini berterusan dan akibatnya ialah sengsara dan derita golongan berpendapatan kecil yang tidak ada salah akibat salah urus dan kelemahan tata kelola kerajaan sebelum ini.

Maka saya gesa supaya kerajaan dan saya percaya dalam belanjawan yang akan dibentangkan Jumaat depan perkara ini diambil kira supaya gagasan reformasi ini tidak dianggap

akan mengakibatkan kegelisahan dan kesusahan rakyat. Reformasi ini hanya suatu hana untuk mencerna satu perubahan baru yang lebih prihatin dan mempedulikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita dengar berulang kali permasalahan kemiskinan kesenjangan yang berlaku. Reformasi yang ditekankan oleh Perdana Menteri juga mengambil kira permasalahan ini. Saya cukup bangga kerana ucapan dan kerangka besar yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dengan sendirinya menolak pandangan negatif dan desas desus kononnya Perdana Menteri tidak mendukung sebenarnya semangat perubahan di negara ini.

■1650

Kenyataan tegas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas menunjukkan bahawa dalam Kerajaan Pakatan Harapan ada satu sikap dan tekad yang bulat untuk membawa perubahan demi kepentingan rakyat jelata. [*Tepuk*]

Cabaran-cabaran termasuk menghasilkan kompak sosial yang baharu, ini tidak akan mengetepikan kepentingan Melayu atau bumiputera seperti mana yang diandaikan oleh sebahagian pihak. Bahawa kalau ada komitmen yang jelas untuk membantu golongan miskin, mengurangkan kesenjangan antara golongan pendapatan rendah dan tinggi, golongan di antara yang maha kaya dengan rakyat yang umumnya di bawah kategori B40, masyarakat yang terabai, pedalaman, miskin atau di estet, faedah yang jelasnya untuk kategori ini tentulah akan dikecapi oleh masyarakat Melayu dan bumiputera.

Maka dengan sendirinya pendekatan yang *need based* yang menolak pertimbangan ras dalam bantuan akan lebih memberi kepentingan dan keuntungan kepada rakyat yang berpendapatan rendah yang majoritinya masih di kalangan Melayu dan bumiputera sama ada di desa dan sekarang kian bertambah seperti mana dalam Laporan UNICEF terakhir tentang kemiskinan bandar yang harus diberikan tumpuan lebih oleh kerajaan sekarang. Dulu bila kita bicara soal kemiskinan, kita bicara masyarakat luar bandar, estet dan kawasan sesak bandar. Sekarang bila kita bicara soal kemiskinan dan kesenjangan, ia lebih mengutamakan desa, kawasan terpinggir dan kawasan bandar yang didapati menghadapi permasalahan yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, saya ingin menyentuh tentang Parlimen. Saya ucap tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memperlihatkan satu sikap yang lebih bijak dan sederhana dengan memberi ruang kepada penyokong kerajaan dan pembangkang. Betapa pun sukar diterima oleh setengah pihak, ini kenyataan dan ini janji kita. Kesediaan merubah peranan Parlimen untuk memberikan kebebasan kepada wakil rakyat yang dipilih sama ada dari kerajaan atau pembangkang.

Maka, kita ingin mengajak wakil-wakil dari kerajaan dan pembangkang untuk menerima anjakan paradigma baharu dalam Parlimen. Yang dicadangkan ialah beberapa jawatankuasa *Select Committee*, tapi kami juga mengusulkan supaya diberi pertimbangan khas supaya jawatankuasa Parlimen yang diberikan ruang untuk mendengar dari rakyat semua permasalahan

termasuk yang menyentuh isu sensitif seperti agama, kaum atau budaya dan tentunya tumpuannya adalah tentang ekonomi.

Saya percaya tokoh-tokoh senior dan veteran di Parlimen tidak boleh saya saingi dengan Yang Berhormat Iskandar Puteri kerana kearifan beliau tentang selok-belok dan perjalanan Parlimen sekian lama dan akan dapat manfaat sekiranya kita mengambil pendekatan yang lebih terbuka dan mendengar melalui jawatankuasa Parlimen yang saya harap dapat diberi pertimbangan oleh kerajaan dan Tuan Yang di-Pertua.

Suatu penekanan yang lain yang akhir yang saya ingin tekankan ialah soal penglibatan rakyat. Saya sentuh secara rambang keperluan menjadikan tata kelola kerajaan ini bukan percaturan elit. Politik ini dan kuasa adalah, umumnya di seluruh dunia, percaturan di kalangan elit, ketua-ketua politik dengan saudagar-saudagar pilihan untuk mempengaruhi dasar atau menentukan pimpinan. Agenda reformasi ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengandaikan suatu anjakan bahawa tata kelola dan tata nan baru ini bukan hanya mainan dan percaturan di kalangan elit yang berkuasa tetapi percaturan yang mengambil kira pandangan menyeluruh rakyat dan memikirkan dan menekankan kepentingan rakyat dan negara mengatasi kepentingan individu dan kelompok yang kecil.

Untuk ini, saya percaya ia akan mampu dilakukan oleh Parlimen dari satu pihak dengan jawatankuasa yang benar-benar efektif mendengar bukan saja kelompok kuota di kalangan profesional dan NGO yang terpilih yang mewakili kelompok kecil tetapi selain mendengar mereka, harus juga ada keupayaan kita mendengar keluhan derita rakyat. Ada kesenjangan lain ini, *disconnect*, di antara keluhan golongan elit kecil yang percaturan mereka ialah persaingan kuasa dan pengaruh dengan kegelisahan rakyat bawahan. Demokrasi kita dan reformasi kita menuntut pendekatan yang baharu dan ini tugas Parlimen, tugas Menteri-menteri dan tugas ketua-ketua jabatan untuk melihat dan membawa, mengusulkan dasar yang tentunya tidak mengetepikan dan memencilkan kepentingan rakyat.

Saya ingin tekankan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana dasar kita selama ini yang diusul, biarlah bunyinya apa pun dasar ekonomi baru kah ataupun pembangunan semula atau sekarang kita bicara reformasi, bahayanya apa? Bahayanya ialah bahawa golongan elit ini akan mendengar dan *share* pandangan di antara mereka dan ini akan disambut sebagai suatu yang inklusif. Ia tidak mungkin inklusif selagi ia tidak mengambil kira pandangan dan kepentingan negara yang lebih besar iaitu kepentingan semua kaum, semua rakyat yang kaya dan miskin di negara kita.

Saya harap dengan gesaan ini, kita dapat akan lebih yakin dengan apa yang kita sebut agenda reformasi yang dilontarkan dengan tegas dan bagi saya secara peribadi amat membanggakan mendengar tekanan dan penegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan agenda reformasi yang mahu dilaksanakan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini seramai 85 Ahli Parlimen telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan hari ini setakat pukul lima, seramai 14 orang. Masih ada lagi 26 orang Ahli Parlimen yang ingin berbahas. Selaras dengan reformasi Parlimen, saya ingin memberikan ruang dan peluang yang secukupnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bahas. Oleh kerana itu, saya tetapkan masa bahas kepada 10 minit. *[Dewan ketawa]*

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerai, selepas itu Yang Berhormat Beruas dan Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Jerai sila.

4.59 ptg.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Sekiranya kamu bersyukur, Allah akan tambah nikmat kepada kamu dan sekiranya kamu kufur dengan menyalahgunakan kuasa, sesungguhnya azab Allah sangat pedih."

■1700

Tuan Yang di-Pertua, dokumen KSP RMKe-11 ini penting untuk kita nilai bersama kerana ia dokumen hala tuju negara bagi mencapai sasaran Wawasan 2020 yang dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika beliau menjadi Perdana Menteri kali pertama dahulu melalui satu kertas kerja yang bertajuk *Malaysia Melangkah ke Hadapan* pada 28 Februari 1991. Sekarang kita sudah pun berada pada penghujung tahun 2018 dalam suasana Malaysia baharu di bawah teraju kerajaan baharu cuma Perdana Menteri sahaja orang yang lama. Mungkin yang hanya berbeza ialah pendekatan dan keutamaan. Persoalannya, adakah impian Malaysia untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 akan menjadi realiti atau sekadar mimpi indah sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, fokus utama perbahasan saya ialah Tonggak III iaitu menuju ke arah pembangunan wilayah seimbang dan Tonggak IV iaitu memperkasakan modal insan.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan pertama, memperkukuhkan pembangunan ekonomi wilayah. Keselarasan perancangan pembangunan pada peringkat Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan amat penting agar penggunaan sumber dan aset dapat dioptimumkan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkenaan kuasa dan polisi PBT bagi pembangunan pusat rekreasi di sekeliling Gunung Jerai, khususnya di kawasan saya. Adakah kem-kem latihan yang sedia ada itu sudah berdaftar secara sah dan pihak mana yang bertanggungjawab dalam memberikan kelulusan pembukaan pusat rekreasi tersebut?

Keutamaan yang kedua, merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar. Seterusnya berkenaan dengan infrastruktur dan rangkaian jalan raya di kawasan luar bandar. Saya

ingin menyentuh mengenai jalan persekutuan hingga ke Jambatan Pulau Bunting yang baru sahaja dibuka. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Kerja Raya kerana telah pun menyediakan papan tanda berhenti. Cuma yang tiadanya ialah lampu isyarat yang baru-baru ini menyebabkan berlaku kemalangan maut di tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Tonggak IV iaitu memperkasakan modal insan. Pembangunan jiwa adalah nadi utama kepada pembangunan insan. Apa guna kaya harta tetapi miskin jiwa? Bagi menjayakan usaha memperkasakan modal insan, akses kepada pendidikan dan latihan berkualiti perlu dipertingkatkan. Bagi mencapai status negara maju tahun 2020, pastinya sistem pendidikan perlu melalui proses penambahbaikan.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengumumkan pelantikan seramai 13 orang tokoh menganggotai Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKD). Antara tugas utama JKD adalah mengkaji Dasar Pendidikan Negara secara menyeluruh termasuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bagi peringkat pra-sekolah sehingga lepasan menengah dan pendidikan tinggi. Saya menyambut baik usaha ini. Namun, saya memperingatkan agar sebarang perubahan dasar perlulah dilaksanakan dengan penuh teliti dan berperingkat. Usahlah menjadikan anak bangsa kita sebagai tikus eksperimen seperti mana yang sudah berlaku ketika pelaksanaan Dasar PPSMI dahulu.

Dalam keghairahan semangat Malaysia baharu, tidaklah pula bermakna kita mahu mengubah segala-galanya. Prinsip dasar dan acuan sistem pendidikan yang kita mahu guna pakai hendaklah bertepatan dengan budaya timur dan masyarakat tempatan. Ancaman pemikiran liberal yang diimport dari barat yang bertuhankan akal dan pemikiran bebas tanpa had itu amatlah berbahaya.

Seperti contoh, desakan pihak tertentu yang mempertikaikan *syllabus* Pendidikan Islam Tingkatan 5 berkenaan hukum murtad bagi nusyuz. Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan tunduk kepada desakan seperti ini? Sedangkan, hukuman seperti itu adalah semata-mata untuk menjaga *maqasid* syariah untuk kita perkenalkan kepada pelajar-pelajar generasi baru kita.

Di samping itu, saya juga mohon Kementerian Pendidikan menyatakan, apakah tindakan terkini Kerajaan Pakatan Harapan berkenaan 'Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris'? Adakah ia akan diteruskan?

Apabila kita menyebut berkenaan memartabatkan bahasa Melayu, kita tidak boleh mengabaikan aspek pemerksaan tulisan jawi. Tulisan jawi adalah salah satu daripada warisan dunia Melayu yang bersejarah yang telah wujud sejak abad ke-14 Masihi. Saya mohon mendapat penjelasan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, apakah agenda pemerksaan tulisan jawi ini dimasukkan dalam perancangan Kerajaan Pakatan Harapan?

Kerajaan dahulu pernah meluluskan peruntukan sebanyak RM26 juta untuk melaksanakan program pemulihan jawi. Tan Sri Dr. Rais Yatim yang ketika itu menjadi Menteri Kebudayaan,

Kesenian dan Warisan berkata, kementerian bertekad mahu menyelamatkan jawi di samping menghidupkan pembudayaan ilmu dan bahasa yang kini kian pupus dalam masyarakat. Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Negara dalam memperkasakan tulisan jawi perlu disemarakkan lagi.

Utusan Malaysia ada menerbitkan sisipan khas jawi pada setiap hari dan terutamanya pada hari Jumaat berkenaan dengan penggunaan tulisan jawi. Namun, saya melahirkan rasa kesal atas apa sebab sekalipun, KPM mengarahkan langganan akhbar *Utusan Malaysia* dihentikan di semua sekolah dan institusi pendidikan. Sisipan khas jawi yang diterbitkan *Utusan Malaysia* itu amat bermanfaat untuk para pelajar tetapi kini ia tidak lagi dibekalkan di sekolah. Mengapa pula pelajar menjadi mangsa atas dendam politik pihak berkuasa?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berkenaan peranan Munsyi Dewan Jawi yang telah diberi tauliah untuk menyebarkan tulisan jawi di Malaysia. Masalah yang dihadapi oleh munsyi lantikan DPP ini ialah ruang lingkup tugas mereka masih terhad seperti di sekolah. Munsyi ini sewajarnya dimanfaatkan sebagai pakar rujukan untuk masyarakat awam dari segi tulisan jawi.

Justeru, peruntukan secukupnya wajar disalurkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Negara agar dapat menjayakan usaha pemerkasaan tulisan jawi. Kerajaan juga wajar memperkenalkan polisi tulisan jawi melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) agar papan tanda iklan turut menggunakan tulisan jawi. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, bahawa semua pihak perlu menyemarakkan semula tulisan jawi kerana boleh dianggap sebagai tulisan rasmi kedua negara selepas rumi yang digunakan sebagai tulisan utama sejak abad ke-14.

Pada kesempatan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas usaha KPM yang melancarkan Karnival Semarak Jawi 2018 di Muar Johor baru-baru ini. Juga kepada Tan Sri Zainuddin Maidin kerana mencadangkan tulisan jawi diwajibkan di sekolah. Saya amat berharap kerajaan tidak melupakan usaha memperkasakan tulisan jawi agar anak bangsa kita tidak lupa asal usul negara kita.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beruas.

5.08 ptg.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas tentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya memohon kepada pihak kerajaan supaya mengambil perhatian kepada lima perkara supaya kita dapat maju ke depan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Perkara pertama ialah imej Kerajaan Pakatan Harapan dan juga agensi-agensi atau GLC kerajaan baharu ini. Ini kerana imej penting untuk memberi keyakinan kepada rakyat, pelabur-pelabur tempatan dan luar negara. Kita mesti pastikan rasuah, sikap malas, untung atas angin, pentadbiran yang sambil lewa dan semua elemen yang negatif perlu dikikis daripada Kerajaan Baharu Pakatan Harapan dan agensi-agensi dan GLC-GLCnya.

Kadang-kadang perkara remeh-temeh, peruntukan yang tidak ada untuk projek-projek penyelenggaraan yang kecil pun boleh membawa imej yang buruk kepada kerajaan. Saya bagi dua misalan. Misalan pertama ialah pihak polis telah pun menyewa sebuah kedai di Changkat Kruing, Manjong di kawasan Parlimen Beruas untuk dijadikan pondok polis. Akan tetapi malangnya, dikatakan tidak ada peruntukan untuk peralatan asas seperti papan tanda polis, pintu kaca hitam, mozek, katil, kerusi meja untuk makan, kipas angin, cat pun tidak ada dan pihak polis minta orang awam untuk menderma peralatan-peralatan ini.

■1710

Saya rasa ini memberi satu gambaran yang buruk kepada pihak kerajaan kerana kalaulah polis perlu mendapatkan derma daripada orang ramai, ia akan mengkompromikan profesionalisme pihak polis. Kalau pihak polis menerima sumbangan daripada orang-orang tertentu, mungkin akan sukar untuk mereka mengambil tindakan terhadap mereka kalau penderma-penderma ini pada suatu hari nanti mungkin melanggar undang-undang. Jadi saya memohon kepada pihak kerajaan supaya dengan segera memberikan peruntukan untuk memastikan barangan asas ini dapat diberikan dengan segera.

Misalan kedua ialah kalaulah saya silap dalam hal ini, kerajaan telah memberi peruntukan tetapi peruntukan telah diselewengkan pun pihak kerajaan mesti membuat siasatan dengan serta-merta kerana kedua-dua keadaan ini akan memberi imej buruk kepada pihak kerajaan.

Misalan kedua ialah tentang JKR di Manjung, di kawasan saya. Setiap kali diminta untuk membaiki lampu-lampu jalan raya, kerja-kerja penyelenggaraan kecil sahaja, dikatakan tidak ada peruntukan. Saya mohon kepada pihak kerajaan supaya diberikan peruntukan serta-merta untuk memastikan lampu-lampu jalan raya di banyak tempat dan juga kerja-kerja penyelenggaraan kecil yang sekian lama terabai kerana dikatakan tidak ada peruntukan. Jadi untuk memastikan imej kerajaan baik di kaca mata rakyat, haraplah masalah ini dapat diselesaikan dengan segera.

Perkara kedua ialah kemudahan internet. Memang kemudahan internet sangat penting untuk negara kita maju ke depan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengumumkan berita baik di mana kelajuan internet dinaikkan dan harga langganan pula diturunkan. Difahami dengan pengumuman yang baru ini, perkhidmatan fiber optik baru di bawah *UniFi Broadband* hanyalah RM79 sebulan untuk 30 *megabyte per second* dan untuk 100 *megabyte per second* hanya RM129 sebulan.

Malahan di banyak tempat termasuk di kawasan Parlimen Beruas dan daerah Manjung, banyak kawasan lagi tidak ada perkhidmatan fiber optik ini. Perkhidmatan yang sedia ada ini

hanyalah melalui dawai tembaga- *copper wire*, dan kelajuan maksimum hanyalah lapan *megabyte per second* dan langganannya amat mahal. Satu *megabyte per second*, RM110 sebulan. Lapan *megabyte* iaitu maksimum yang boleh diberikan melalui dawai tembaga ini adalah RM160 sebulan. Bayangkan di kawasan saya, rakyat membayar RM160 sebulan untuk kelajuan lapan *megabyte per second* tetapi di tempat yang ada *UNIFI Broadband Streamyx*, mereka membayar RM129 sebulan sahaja untuk kelajuan *100 megabyte per second*. Jadi mohonlah disegerakan infra ini untuk kawasan Beruas dan Manjung.

Perkara ketiga ialah penyusunan semula agensi-agensi kesukarelawan, agensi-agensi kerajaan dan juga swasta untuk mereka bertindak lebih profesional dan berkesan serta mengelak daripada pembaziran kewangan. Kita sekarang ada sukarelawan di bawah RELA yang dikatakan ada tiga juta ahli dan juga ada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Rukun Tetangga, Rakan Cop dan sukarelawan swasta seperti St. John Ambulans, *Community Policing Malaysia*, Jawatankuasa Indah dan Ceria Kampung dan sebagainya.

Untuk mengelakkan daripada pertindihan tugas dan penggunaan aset dan tenaga yang lebih teratur dan berkesan, saya mohon pihak kerajaan untuk mengkaji semula supaya ahli-ahli yang berjuta-juta ini dapat melaksanakan kerja dengan lebih berkesan dengan bekerjasama dengan pihak polis dan juga bomba dan penyelamat. Saya rasa kalau digembleng tenaga, saya rasa kadar jenayah akan turun mendadak di negara kita ini.

Perkara keempat ialah tentang kehadiran pekerja-pekerja asing sama ada secara sah ataupun tidak hendaklah digunakan dengan sepenuhnya. Negara kita masih menghadapi kekurangan pekerja di beberapa sektor seperti perladangan, kilang dan pembangunan. Kerajaan yang lepas kerana rasuah dan tadbir urus yang tidak baik telah menyebabkan ramai orang asing di Malaysia telah menjadi tidak sah. Ramai menjadi pekerja tidak sah kerana di bawah pemerintah yang lepas, begitu susah untuk majikan memperbaharui permit pekerja-pekerja mereka. Memandangkan negara kita memerlukan tenaga kerja ini, saya mencadangkan pemutihan secara besar-besaran melalui semua pejabat imigresen dijalankan. Ini akan membolehkan kerajaan mendapat tahu berapakah jumlah sebenarnya pekerja-pekerja asing yang berada di Malaysia dan kerajaan juga akan mendapat berbilion-bilion ringgit daripada levi permit yang akan dibayar oleh mereka atau majikan mereka.

Kita boleh secara teratur apabila kita tidak lagi memerlukan tenaga kerja yang begitu banyak, kita boleh atur secara berperingkat-peringkat untuk mereka balik ke negara mereka. Pengumuman kerajaan baru-baru ini untuk menangkap mereka secara besar-besaran bukannya cara terbaik kerana ia telah menyebabkan banyak industri tergendala. Pekerja-pekerja asing yang ramai menjadi tidak sah bukan kerana kesalahan mereka diburu sebagai penjenayah. Kita mesti melayan pekerja-pekerja asing dengan baik kerana mereka menolong kita membangunkan negara kita. Begitulah juga dengan pelarian-pelarian yang berada di negara kita ini. Marilah kita gunakan tenaga mereka untuk membangunkan negara kita.

Perkara terakhir ialah tentang gaji minimum sebanyak RM1,500 yang dijanjikan di bawah manifesto. Kita dapati ada pihak yang membantah kerana gaji minimum ditetapkan RM1,050 baru-baru ini. Untuk menyelesaikan dan membolehkan kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja puas hati dengan satu cara penyelesaian, saya cadangkan gaji minimum ini dinaikkan secara berperingkat daripada RM1,050 ini kepada RM1,500 dengan syarat apabila gaji dinaikkan, pihak majikan boleh tetapkan bahawa pekerja yang baik sahaja yang akan menerima gaji minimum sebanyak RM1,500.

Saya berpendapat pihak yang menuntut untuk gaji minimum dinaikkan kepada RM1,500 akan bersetuju bahawa pekerja yang tidak rajin, yang malas, yang lewat datang bekerja atau tidak memenuhi produktiviti yang ditetapkan oleh syarikat tidak patut diberikan gaji minimum sebanyak RM1,500. Saya memang faham bahawa RM1,500 sebulan ini bukannya gaji besar dan kita seharusnya cuba membolehkan semua rakyat Malaysia mendapat gaji lebih daripada RM1,500. Akan tetapi untuk memastikan industri kita masih boleh menguntungkan, kita mesti pastikan semua pekerja yang dilayan dengan baik dengan gaji minimum RM1,500 itu mestilah menjadi pekerja yang rajin dan produktif.

Itulah sahaja lima perkara yang ingin saya bawa kepada pihak kerajaan dan harap diberi perhatian. Saya menyokong Kajian Separuh Penggal RMKe-11 ini dan memberi sokongan sepenuhnya agar kerajaan dapat melaksanakan semua keutamaan yang telah dinyatakan supaya Malaysia akan maju dan berjaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Parit. Selepas ini Yang Berhormat Kluang.

■1720

5.20 pm.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 di dalam Dewan yang mulia ini. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 merupakan rancangan pembangunan lima tahun Malaysia ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Penyediaan RMKe-11 memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi berteraskan modal dengan pelaksanaan projek berimpak tinggi. RMK ini mempunyai enam teras utama yang menjadi dasar pembinaan utamanya.

Pada masa yang sama saya juga meneliti dokumen Kajian Separuh Penggal RMK ini dan saya sangat terkejut kerana secara jelas dinyatakan hutang negara adalah RM686.8 bilion. Saya berasa sedikit pelik apakah pertimbangan yang jelas apabila kerajaan menyatakan hutang negara pada tahap RM1 trilion seperti yang dicanangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya juga ingin menyentuh beberapa perkara mengenai dasar dalam membuat sesuatu keputusan. Saya yakin dan pasti rakyat akan memerhati

dan menilai semua keputusan yang dibuat oleh kerajaan pada hari ini. Saya ingin menyentuh sebagai contoh isu pembinaan HSR. Kerajaan telah membuat keputusan untuk membatalkan projek HSR selepas sahaja Kerajaan Pakatan Harapan berjaya memenangi PRU yang lepas atas alasan bahawa hutang negara terlalu tinggi. Namun begitu keputusan ini telah ditarik balik dan projek ini akan ditangguhkan pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang reformasi tadbir urus. Berkenaan reformasi tadbir urus ini saya tidak menafikan reformasi tadbir urus ini merupakan satu usaha yang cukup baik. Namun ianya seharusnya berlandaskan prinsip ketelusan yang sebenar dalam mentransformasikan tadbir urus. Saya ingin mencadangkan reformasi tadbir urus ini seharusnya dimulakan dengan agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Reformasi agensi kerajaan seperti SPRM ini adalah perlu bagi menjamin ketelusan dalam sesebuah perkara atau isu yang berbangkit.

Saya tidak menolak ketegasan yang diambil oleh SPRM dalam melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap sesuatu isu. Apa yang saya harapkan adalah supaya agensi seperti SPRM ini tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur politik tertentu. Rakyat mempertikaikan apabila baru-baru ini SPRM telah membuat pertuduhan dan pendakwaan tanpa bukti yang benar-benar kukuh. Sekiranya perkara ini berterusan berlaku ianya sudah jelas memperlihatkan SPRM apabila membuat pertuduhan dahulu, menangkap dan dakwa ke mahkamah. Kemudian baru membuat siasatan perkara-perkara yang berkaitan. Sudah tentu juga perkara ini akan dilihat seolah-olah mempunyai campur tangan politik tertentu.

Seterusnya mengenai kesejahteraan rakyat. Kesejahteraan rakyat merupakan salah satu tonggak terpenting dalam pembinaan negara yang gemilang ini. Selama enam dekad kerajaan pemerintahan UMNO Barisan Nasional tidak pernah sekalipun kerajaan meminggirkan tentang kesejahteraan rakyat malahan limpahan ekonomi telah diberikan secara terus kepada rakyat melalui beberapa inisiatif oleh kerajaan yang terdahulu.

Suka ataupun tidak harus diakui bahawa kemakmuran serta kesejahteraan yang dikecapi rakyat sekarang adalah hasil daripada formula ekonomi kerajaan terdahulu. Janganlah kita hanya mendabik dada dalam tempoh-tempoh yang tertentu ini sahaja. Kalau kita lihat dengan teliti kesejahteraan rakyat di bawah Kerajaan Barisan Nasional terdahulu dibuktikan dengan menangani kos sara hidup, meningkatkan kehidupan warga bandar, menyediakan rumah mampu milik, peluang mendapat perkhidmatan kesihatan berkualiti dan lain-lain lagi.

Seterusnya mengenai keseimbangan pembangunan wilayah. Keseimbangan pembangunan antara wilayah sentiasa menjadi agenda terpenting dalam setiap Rancangan Malaysia termasuklah RMKe-11 ini. Saya berharap agar ianya terus menjadi teras utama dalam Bajet 2019. Cuma saya ingin melihat nanti Kerajaan Pakatan Harapan menterjemahkan keseimbangan antara wilayah ini. Kita tidak mahu melihat Kerajaan Pakatan Harapan hanya sekadar *cut and paste* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini mengalami satu peralihan yang di luar jangka. Perkara itu sudah dan sedang berlaku tetapi kita perlu menghadapinya dengan baik. Soalnya sekarang adalah bagaimana kerajaan sekarang hendak menarik pelabur dan mencipta 3.3 juta peluang kerja baharu dengan dua juta daripadanya dalam sektor berpendapatan tinggi. Apakah pula agenda bumiputera menerusi penyediaannya peluang-peluang perniagaan, ekosistem yang kukuh misalnya kemudahan pinjaman dan latihan dan sokongan institusi serta meningkatkan akses kredit mikro untuk semua rakyat Malaysia termasuk RM100 juta diperuntukkan kepada penjaja dan peniaga kecil.

Dari aspek membina kecemerlangan pendidikan negara, bagaimana pula kerajaan hendak membawa Malaysia ke tahap kategori tiga teratas dalam sistem pendidikan terbaik dunia dengan memperbaiki kualiti sekolah kebangsaan? Apakah usaha-usaha untuk memperbaiki akses pendidikan berkualiti bagi komuniti kecil dan kawasan luar bandar seperti di kawasan Parlimen Parit contohnya? Adakah kerajaan akan menyediakan lebih banyak biasiswa berdasarkan merit dengan peruntukan khas kepada komuniti yang kurang bernasib baik?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya juga ingin menyampaikan keluhan daripada pekebun-pekebun komoditi kita khususnya getah dan juga kelapa sawit dan kita mengharapkan kepada kerajaan agar berusaha supaya harga nilai lantai ataupun siling harga komoditi sawit dan getah itu akan dipertingkatkan. Begitu juga saya juga berharap mengenai Jalan Seputih-Parit yang telah pun diluluskan oleh kerajaan yang terdahulu agar dapat dilaksanakan untuk kesejahteraan rakyat yang berada di dalam kawasan saya.

Begitu juga Timbalan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Negeri Perak pun ada saya juga mengharapkan rancangan sebagaimana untuk meletakkan lapangan terbang khususnya di negeri Perak yang baharu untuk menggantikan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah yang sedia ada ditempatkan di Seri Iskandar agar dapat dilaksanakan kerana ini juga akan melonjakkan bentuk-bentuk pembangunan dan juga pendapatan ekonomi yang ada di dalam kawasan saya.

Begitu juga untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya juga selalu menyebut kemudahan-kemudahan kepada rakyat dan juga masyarakat khususnya di kawasan saya juga perlu untuk disebut di dalam Dewan ini contohnya mengenai hospital baharu di Seri Iskandar kerana ini telah pun diluluskan oleh kerajaan yang terdahulu di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi kita membina sebuah hospital baharu di dalam kawasan Seri Iskandar demi kebaikan masyarakat dan juga rakyat di dalam kawasan saya.

Saya juga mengharapkan apa-apa perkara yang telah pun dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk dilaksanakan dan kita tidak boleh untuk menyalahkan kerajaan yang terdahulu. Sekarang merupakan tempoh untuk kerajaan melaksanakan tugas dan juga janji-janji yang telah pun diutarakan sehinggakan kerajaan yang terdahulu, Barisan Nasional yang telah pun

terbukti membawa bentuk-bentuk kesejahteraan rakyat dan juga masyarakat yang ada di dalam negara ini, 9 Mei merupakan tarikh yang cukup pelik berlaku di mana perubahan kerajaan.

Kita berharap kerajaan yang ada pada hari ini, pemimpin-pemimpin untuk meneruskan kerja-kerja khususnya bagi membangunkan ekonomi KDNK di dalam negara kita termasuklah nilai ringgit kita. Termasuk jugalah harga-harga komoditi yang saya sebut awal tadi khususnya kepada masyarakat yang berada di luar bandar. Jadi sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan ruang dan kesempatan kepada saya untuk turut berbahas dan memberikan pandangan-pandangan serta cadangan untuk kita sama-sama melihat negara kita akan terus maju, negara kita akan terus hebat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Parit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kluang. Sila.

5.29 pm.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk berbahas tentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

■1730

Saya ingin berikan tumpuan kepada satu isu sahaja dalam perkara ini iaitu berkaitan pertanian satu industri yang penting buat rakyat dan negara kita. Meninjau keadaan sektor pertanian masa kini ia masih tidak dapat menandingi sektor pembuatan khususnya yang berunsurkan teknologi dalam menjana nilai tinggi untuk perkembangan ekonomi negara. Namun, sektor pertanian penting bukan sekadar ia merupakan perindustrian tradisi masyarakat kita malah ia menjadi tonggak kepada jaminan makanan ataupun, dengan izin, *food security* bagi negara kita. Jika sesuatu negara itu tidak mampu untuk menghasilkan makanan yang mencukupi bagi menampung permintaan pasaran domestik, maka negara tersebut terpaksa bergantung kepada bekalan negara lain.

Contohnya, 75 peratus telur ayam dalam pasaran Singapura dieksport dari Malaysia. Bayangkan keadaan di mana Malaysia terpaksa bergantung kepada negara lain untuk memperoleh makanan harian. Buat masa kini, nilai input produk makanan kita adalah lebih kurang RM51 bilion setahun. Sebaliknya, eksport makanan kita hanyalah RM31 bilion setahun. Jelas, ada banyak ruang untuk penambahbaikan dalam sektor ini. Jika diteliti laporan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 tersebut, Johor merupakan negeri pengeluar hasil pertanian yang paling besar. Walau bagaimanapun, angka yang dicatatkan masih terlalu rendah berbanding dengan sektor pembuatan mahupun perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia secara keseluruhannya bukanlah sebuah negara yang besar. Namun jika dibandingkan dengan Jepun, Taiwan ataupun Korea Selatan, negara-negara tersebut walaupun bersaiz jauh lebih kecil daripada Malaysia dengan keadaan iklim yang berubah-ubah, mampu meningkatkan pendapatan petani-petani mereka melalui penggunaan teknologi.

Justeru, sektor pertanian kita perlukan satu reformasi yang meluas. Kerajaan perlu menerajui serta mempergiatkan kajian dalam bidang ini. Kajian yang saya maksudkan perlu menjangkau kajian akademik semata-mata. Ia mestilah praktikal, yang boleh digunakan oleh para petani dan produk yang terhasil seharusnya dipromosikan sebagai satu jenama tempatan.

Bagi mencapai kesejajaran satu matlamat, kita perlu menggembeng tenaga dan usaha dalam kajian yang dilaksanakan. Janganlah kita buat sepuluh laporan, sepuluh pusat kajian untuk menghasilkan sepuluh laporan tanpa sebarang penyelarasan dari segi arah dan visi dasar pertanian secara amnya. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we need a more coordinated and consolidated effort in every culture research in this country*. Selain meningkatkan hasil pertanian, usaha berterusan juga diperlukan untuk meningkatkan kualiti hasil pertanian negara kita. Hakikatnya, sudah ada pensijilan MyGAP yang bertujuan untuk mengiktiraf amalan hasil agro yang baik. Contohnya, pengurangan penggunaan racun perosak, pelepasan air sisa mengikut jadual dan sebagainya.

Namun, sijil MyGAP ini kini hanyalah diwajibkan ke atas produk untuk dieksport sahaja. Saya cadangkan agar syarat-syarat bagi sijil MyGAP dikenakan ke atas semua produk agro Malaysia. Takkan kita menjual sayur-sayuran kurang racun perosak keluar negara sambil kita membiarkan warga tempatan membeli sayur-sayuran yang tidak mematuhi garis panduan racun perosak.

Tuan Yang di-Pertua, demi memastikan kualiti makanan hasil tempatan terjamin, saya sarankan agar sijil MyGAP diwajibkan tetapi dengan beberapa rombakan yang bersesuaian. Antaranya, kerajaan perlu memendekkan tempoh masa untuk mendapatkan kelulusan sijil MyGAP. Pada masa kini, setiap kelulusan memerlukan sekurang-kurangnya enam hingga 24 bulan.

Jika begini keadaannya, maka tidak hairannya para petani terutamanya pekebun kecil, peladang kecil tidak berminat untuk mendapatkan kelulusan. Kerajaan perlu mengurangkan kerenah birokrasi dan mengurangkan kos permohonan serta kelulusan demi untuk menggalakkan petani dan peladang tempatan untuk mematuhi piawaian sijil MyGAP. Saya ingin menekankan bahawa, walaupun saya bersetuju dengan syarat-syarat MyGAP dikenakan ke atas kesemua petani dan peladang. Saya berharap kerajaan pendekatan yang sederhana untuk menggalakkan para petani ke arah ini dan bukannya bertindak secara agresif dan keras. Jika tindakan yang ekstrem diambil, saya khuatir bahawa kita akan membunuh kebun dan ladang kecil khasnya kebun dan ladang tempatan.

Untuk menggalakkan petani kecil dan tempatan menghasilkan produk yang berkualiti tinggi, saya menyeru agar lebih banyak pertandingan produk agro boleh dianjurkan. Pertandingan produk yang sihat akan menggalakkan lebih ramai petani untuk mengambil inisiatif untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti mereka. Cara ini telah terbukti efektif, khasnya dalam pertanian durian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang berkaitan dengan pertanian yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini adalah pinjaman Agrobank untuk para petani dan nelayan. Mengikut maklumat yang saya peroleh daripada Agrobank, *base rate* pada kadar 3.85 peratus kalau dibandingkan dengan bank komersial, tidaklah banyak beza dan tidak cukup menarik kalau kita mahukan lebih ramai petani melabur dalam teknologi sektor pertanian.

Bagi membolehkan Agrobank menawarkan kadar faedah yang kompetitif, maka saya rasa kerajaan seharusnya menawarkan faedah khas kepada institusi tersebut. Akhirnya, memandangkan masa saya pendek sahaja saya cuma hendak bawa satu isu tentang perikanan dan nelayan. Untuk mempertahankan khazanah lautan kita, tindakan yang lebih keras perlu diambil oleh pihak penguat kuasa. Janganlah kita biarkan kapal-kapal luar negara menceroahi kawasan perairan kita, menjalankan aktiviti perikanan haram dan kemudiannya membawa kepada kemusnahan alam sekitar, khazanah lautan dan memberi kesan kepada punca pendapatan para nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, baru hari ini sahaja saya terima aduan daripada nelayan-nelayan Mersing walaupun jauh dari kawasan saya, ambil dua jam kalau saya hendak pergi Mersing tetapi, saya mendapati banyak kapal *trawl* Vietnam yang mencerohi ke dalam sempadan negara kita dan menjalankan aktiviti perikanan haram dan baru-baru minggu ini yang berlaku. Kaedah mereka yang menggunakan pukot harimau, membawa risiko kemusnahan alam sekitar marin kita. Malah, ada kapal Vietnam yang memasuki sempadan kita tanpa kebenaran menjual arak dan rokok secara haram serta membeli semua hasil perikanan yang bernilai tinggi daripada pasaran tempatan kita. Masalah ini sudah pasti akan menjejaskan industri perikanan Malaysia jika pihak penguat kuasa tidak mengambil sebarang tindakan keras dengan kadar segera.

Pengadu tempatan mesej kepada saya pada hari ini mengatakan bahawa, walaupun mereka sudah mengadu kepada penguat kuasa di Mersing dan kerana mereka tidak mempunyai satu kapal yang lebih besar untuk menguatkuasakan, akhirnya mereka tidak melakukan apa-apa tindakan. Walaupun nelayan-nelayan sudah mengadu kepada penguat kuasa di Rompin, walau bagaimanapun tiada apa-apa tindakan diambil seterusnya. Saya menggesa kepada kementerian yang berkenaan untuk mengambil tindakan demi memastikan kedaulatan sempadan negara terpelihara, mempertahankan aset negara kita, tanggungjawab kita semua. Kluang mohon menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Parit Sulong.

5.39 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jiran, nampak lawa lah pula petang ini. Okey lah. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Saya hendak ucapkan terima kasih banyak di atas

peluang yang diberikan saya untuk berucap membahaskan usul Kajian Separuh Penggal pada petang ini.

■1740

Saya melihat menerusi pembentangan dokumen KSP Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi tempoh hari memperlihatkan satu senario ekonomi negara yang telah berubah acuannya setelah Pakatan Harapan mengambil alih sejak Mei baru-baru ini. Akan tetapi ada beberapa perkara yang menjadi persoalan yang saya hendak ajukan di dalam Dewan ini terutamanya mengenai saya melihat bahawa acuan baru KSP ini adalah dapat menjadi satu refleksi kepada pelaksanaan manifesto yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan. Saya hendak memberi beberapa contoh mengenai apa yang saya katakan ini.

Pertamanya mengenai kadar pengangguran guna tenaga kerja yang telah ditetapkan sebelum ini di bawah Kerajaan Barisan Nasional, parasnya adalah 2.8 peratus tetapi masa PRU yang lepas telah dijanjikan melalui manifesto tersebut akan diwujudkan satu juta peluang pekerjaan kepada rakyat. Saya melihat selepas sahaja PRU yang lepas, Pakatan Harapan menang, sasaran tersebut telah dipinda pula. Sasaran mengenai paras penggunaan tenaga kerja penuh ini telah dipinda menjadi 3.5 peratus kalau dibandingkan semasa dengan Barisan Nasional memerintah. Ini seolah-olah menunjukkan gaya yang Pakatan Harapan ini tidak serius menangani masalah pengangguran di kalangan rakyat, sedangkan ia berlainan daripada apa yang dijanjikan semasa mengajukan manifesto dalam pilihan raya itu.

Seterusnya, saya melihat juga dan saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah pelan tindakan yang lebih proaktif yang dapat dilakukan oleh pihak kerajaan sekarang ini dalam membantu untuk mengurangkan pengangguran di Malaysia ini? Sebab saya nyatakan begini, bila sahaja Pakatan Harapan menang, perkara pertama yang dilaksanakannya adalah membuang pekerja-pekerja. Saya melihat pekerja-pekerja ataupun rakyat Malaysia ini memang bilangannya sangat ramai, paling tidak berbelas ribu. Ada setengahnya berada di belakang saya, JASA sahaja 800, itu tidak masuk yang lain, 17,000. Jadi saya hendak tahu pihak kerajaan, apa tindakan? Dalam waktu yang sama katakan bahawa hendak mengurangkan pengangguran, memberi satu andaian akan mewujudkan satu juta pekerjaan, tetapi apa yang jadi sekarang ini?

Saya ingin memberi cadangan kepada pihak kerajaan, apakah salahnya kerajaan menumpukan sepenuhnya, mungkin cara hendak menambah lagi pekerjaan kepada rakyat ini adalah mungkin lebih fokus kepada sektor digital ekonomi yang sekali gus boleh menambahkan peningkatan modal insan ataupun *human capital* yang banyak diperkatakan sebelum ini.

Saya baru-baru ini, saya menghadiri mesyuarat *High-Level Parliamentary Meeting on World Bank and IMF*. Di dalam mesyuarat itu kita bercerita mengenai ataupun bercakap, berbincang mengenai *human capital* dan Malaysia ini disenaraikan dalam kedudukan ke-55 dalam carta *World Bank* dalam tahun 2018, *Human Capital Index 2018*. Manakala jiran kita Singapura berada di peringkat dan kedudukan yang pertama, pertama daripada 157 buah negara.

Jadi saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, adakah satu tindakan, satu usaha yang boleh kerajaan buat untuk mungkin membuat satu kajian seperti apa yang sebenarnya Singapura buat yang bersebelahan dengan kita, jiran sahaja terutamanya dengan Tuan Yang di-Pertua, jiran saja Johor dengan Singapura, jiran sahaja, nak tengok macam mana mereka mencapai satu kejayaan yang tinggi di peringkat nombor satu daripada 157...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tak cukup ini, Yang Berhormat Jelutong ini. Kata tadi baik sudah. Lima minit saja tinggal.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak tanya tentang perbandingan indeks rasuah Singapura dan Malaysia.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Itu nanti. Kita biarkan saja nanti kerajaan untuk menjawab. Kalau tanya dengan saya pun, saya hendak jawab, sebab itu saya minta supaya kerajaan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Singapura indeks rasuah lebih tinggi atau Malaysia indeks rasuah lebih tinggi?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Kita biarkan kerajaan untuk menjawab. Petang-petang ini tak baik nak buat provokasi macam ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apakah puncanya? Apakah puncanya statistik ini?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Mengambil masa saya, dah satu minit lebih tau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Singapura tidak ada rasuah. Perdana Menteri Singapura tak dituduh rasuah.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Nanti kita bincang kat luar. Yang Berhormat Jelutong, kita bincang kat luar, / belanja makan nanti.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Isteri Perdana Menteri Singapura tak beli *Bentley*.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Seterusnya, okey-okey. Saya tidak membenarkan dia, jadinya tak apa Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Teruskan. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya juga ada satu laporan, *the World Bank in its World Development Report 2019*. Ia juga ada menyatakan bahawa pelaburan yang lebih besar dalam aspek kesihatan dan juga pelaburan dalam pendidikan rakyat ini adalah satu keperluan yang sangat mustahak yang perlu diambil perhatian berikutan pasaran buruh yang kini berkembang pesat ke arah IR 4.0.

Jadi saya juga nak bertanya kepada pihak kerajaan, apakah langkah-langkah aktif daripada kerajaan untuk mempersiapkan generasi muda, generasi baru di bawah Kerajaan Pakatan Harapan dalam menghadapi cabaran IR 4.0 ini? Apakah langkah drastik kerajaan dalam

menangani masalah pengangguran yang tadi saya mulakan perbincangan saya dengan bertanya soalan tersebut?

Seterusnya, saya juga ingin menyentuh mengenai digital ekonomi. Saya memang sangat *passionate* fasal digital ekonomi sebab saya punya tesis dalam PhD saya adalah mengenai digital ekonomi. Digital ekonomi ini sebenarnya menyumbang sebanyak 18.2 peratus kepada KDNK negara dan peratusan ini dijangka akan meningkat sebanyak 20 peratus sebelum menjelang 2020. Kita juga melihat bahawa digital ekonomi ini sangat penting kerana ia meningkatkan pelaburan langsung Asia ataupun FDI dalam sektor yang berkaitan bagi mencipta lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi memandangkan Malaysia ini telah diiktiraf sebagai salah satu destinasi pilihan terbaik bagi FDI Asia Tenggara pada tahun 2017.

Kalau dulu Kerajaan Barisan Nasional memang sangat komited, kita ada *Digital Free Trade Zone* yang telah dilancarkan pada 22 Mac 2017. Ia telah mewujudkan satu juta usahawan. Itu menjangkakan boleh mewujudkan satu juta usahawan dalam masa tempoh lima tahun. Soalan saya kepada pihak kerajaan pula adalah apakah kerajaan kini bersedia untuk memperkenalkan satu lagi tambahan inisiatif baru di bawah digital ekonomi seperti *Online to Offline (O2O)* yang sekarang ini banyak dan secara meluas dibuat di negara China. Melalui kaedah ini, ia boleh membantu pengguna membeli barangan secara *offline* dan juga *online* seperti yang diamalkan. Kita ada contoh seperti *OpenTable*, *thelorry.com* dan pelbagai lagi.

Mengenai aspek pemerksaan industri PKS ini juga, kerajaan juga sebelum ini ada menggalakkan PKS untuk menceburkan diri dalam pasaran modal. Antaranya memperkenalkan *LEAP Market* sebagai satu platform untuk syarikat kecil menjana dana di bursa saham. Sehubungan dengan itu saya nak bertanya, adakah sebab kita faham syarikat bumiputera mungkin kurang *aware*, dengan izin, mengenai satu kaedah *crowdfunding* ataupun P2P. Saya banyak kali berbicara mengenai perkara ini, tetapi saya tengok masih lagi tidak ramai yang mengetahui mengenai perkara ini.

Jadi saya hendak bertanya kepada pihak kementerian terutamanya Menteri dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan yang berada di dalam Dewan ini, apakah kementerian dan juga pihak kerajaan hendak memberikan lebih banyak peluang untuk syarikat-syarikat seperti syarikat-syarikat mikro SME untuk menggunakan, untuk memulakan penggunaan *crowdfunding* ini sebagai *another alternative* kepada mendapatkan *source of funding* selain daripada bank kerana ia banyak membantu. Kita ada contoh yang telah berjaya seperti *Skolafund*, kita ada PasarTap, kita ada *PurelyB*. *PurelyB* ini *own by* semua perempuan, mendapat pengiktirafan sampai ke *United States* dan ada *investment* daripada *United States* untuk membantu *PurelyB* ini melalui individu *crowdfunding*. Jadinya Tuan Yang di-Pertua, mengenai usahawan ini tadi saya dah cakap dan saya kira dalam masa yang sangat singkat ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, rumuskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yalah, yalah tetapi tadi dah kena kacau, macam mana ini? Jadinya, ada ini, ada lagi satu ini. Saya ini hendak tahu, saya hendak menyokong Yang Berhormat Ayer Hitam ini Tuan Yang di-Pertua. Ini penting juga ini sebabnya Yang Berhormat Ayer Hitam hari itu dia ada beberapa projek masjid kat tempat dia yang dibatalkan. Kalau tempat dia ada dua tidak salah, tempat saya ada empat masjid. Ini berdosa ini tau orang ini, Tuan Yang di-Pertua pun, ini masjid ini untuk orang-orang Islam dan orang-orang Islam ini bila dia berdoa itu, mungkin dia mendoakan Kerajaan Pakatan akan kekal.

■1750

Jadinya, empat masjid ini sudah dibatalkan. Jadi saya hendak tahu ini, siapa ini? Saya hendak minta penjelasan kepada pihak kerajaan mengenai empat masjid yang telah dibatalkan pembinaan di kawasan saya. Kawasan saya masjid sahaja, tidak masuk surau, ada hampir seratus. Seratus masjid dekat kawasan saya. Ini seratus ini semua hendak mendoakan untuk Pakatan Harapan ini. Jadinya yang empat ini, ini kena betulkan balik ini.

Saya hendak tanya pembinaan dia. Satu, Masjid Kampung Air Putih, Mukim 18, Masjid Jamek Parit Betong, Mukim 4, Masjid Jamek Nurul Huda- entah-entah Tuan Yang di-Pertua pun pergi ke masjid ini- Masjid Parit Simis, Mukim 18 Sri Medan. Yang ini saya hendak tahu, kenapa dibatalkan? Siapa yang batalkan? Yang Berhormat Menteri Kewangan kah, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan kah, Yang Berhormat Menteri KPKT kah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Janganlah buat tuduhan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Jadinya, saya hendak minta penjelasan mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan buat tuduhan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Nanti kita minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duit itu dia sudah beli *Bentley*, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Jelutong duduk.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ha, Yang Berhormat Jelutong itu duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Apa yang dibahaskan akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri mulai esok. Jadi saya seterusnya menjemput Yang Berhormat Puncak Borneo.

5.51 ptg.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya telah diberi ruang dan peluang untuk berbahas dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas di mana ia memfokuskan kepada enam tonggak utama. Saya mendukung hasrat dan cita-cita Kerajaan Pakatan Harapan yang telah menyusun atur hala tuju negara demi membentuk negara Malaysia yang baharu, yang maju dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, tunjang yang pertama mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam. Satu daripada bidang tumpuan utama adalah untuk menambah baik tadbir urus serta mendukung akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran kerajaan. Langkah yang tegas dan berkesan perlu dilaksanakan untuk memacu agenda reformasi ke arah memperkukuhkan mekanisme semak dan imbang pada semua peringkat bagi mengembalikan semula kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Dalam hal ini, inisiatif yang berkaitan dengan empat bidang keutamaan akan dilaksanakan untuk menambah baik tadbir urus di semua peringkat dan meningkatkan integriti dan akauntabiliti, menguatkuasakan pengurusan kewangan awam yang berhemah dan memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan awam.

Oleh itu, seperti yang kita sedia maklum, kewujudan *Urban Transformation Center* ataupun UTC, dengan izin, telah sedikit sebanyak membantu rakyat dalam memperbaiki urusan mereka dengan agensi kerajaan dan kita *acknowledge*, dengan izin, usaha kerajaan terdahulu dengan kewujudan UTC ini. Namun, usaha ini boleh ditambah baik sekiranya ada *UTC mobile* di seluruh pelosok daerah dan kampung untuk mempermudah lagi urusan rakyat dengan agensi kerajaan lebih-lebih lagi di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, tadbir urus pada semua peringkat perlu ditambah baik melalui penguatkuasaan tegas doktrin pengasingan kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Penambahbaikan ini harus dapat dicapai melalui pelaksanaan tiga strategi utama iaitu memperkukuhkan mekanisme semak dan imbang, menambah baik hubungan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan demi mereformasi sistem politik.

Namun, baru-baru ini langkah gopoh Kerajaan Negeri Sarawak menghalang ketua masyarakat dan ketua kampung untuk turut serta dalam program-program pemimpin Pakatan Harapan amatlah dikesali kerana ia membantutkan usaha Kerajaan Pusat untuk membangun dan menambah baik tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam supaya khidmat ini boleh sampai ke peringkat rakyat di bawah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpenggil untuk menjawab dakwaan Kerajaan Negeri Sarawak yang mengatakan Kerajaan Pusat tidak memberi hala tuju yang jelas tentang pembayaran elaun JKKK di negeri Sarawak. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Rina binti Mohd Harun pada 28 Jun 2018 dengan jelas

menyatakan JKKK disusun semula sebagai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung. Beliau juga mengatakan geran bernilai RM10,000 akan diagihkan kepada MPKK di negeri-negeri di bawah Kerajaan Pakatan Harapan dengan peruntukan keseluruhan tahunan tidak melebihi RM1 juta dan akan memberi manfaat kepada 10,000 daripada 16,481 kampung di seluruh negara. Pemberian itu adalah untuk program menghasilkan pendapatan dan mempromosikan kegiatan ekonomi di desa serta kebahagiaan dan kesejahteraan desa.

Sementara itu, mekanisme pemberian geran kepada kampung-kampung di Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sarawak masih dalam kajian dan ditambah baik. JKKK di Sarawak bukan dibubarkan tetapi disusun dan distrukturkan semula. Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengeluarkan pekeliling yang jelas bahawa JKKK bukan dibubarkan dan pembayaran elaun hanya penanguhan sementara. KPLB juga telah meminta supaya Kerajaan Negeri Sarawak memberi senarai ketua-ketua kaum dan masyarakat yang perlu dibayar supaya Kerajaan Persekutuan tahu jumlah kuantum yang akan dibayar kelak supaya dana itu benar-benar digunakan untuk tujuan pembayaran itu.

Kerajaan Persekutuan juga meminta supaya ketua-ketua kaum dan masyarakat dipilih oleh penduduk kampung dan bukan dilantik. Sebanyak 70 peratus daripada elaun ketua-ketua kampung masyarakat adalah daripada Kerajaan Persekutuan. RM35 juta telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2019 dan elaun akan dibayar sewajarnya.

Kerajaan GPS tidak telus menyatakan apa perkara sebenar kepada rakyat Sarawak tentang perkara ini. Media sosial dan media arus perdana kuasa kerajaan negeri telah diguna pakai untuk memberi persepsi bahawa JKKK ini dibubarkan dan Kerajaan Persekutuan enggan membayar elaun ketua kaum dan masyarakat. Itu tidak benar sama sekali. Mereka juga mencipta naratif mengatakan Kerajaan Pusat menyediakan belanjawan sebanyak RM35 juta selepas ketua masyarakat dan ketua kampung tidak dibenarkan menghadiri program-program pemimpin Pakatan Harapan di negeri Sarawak. Perkara ini harus diselesaikan secara holistik supaya rakyat di bawah tidak menjadi mangsa dan dipinggirkan dari arus pembangunan yang telah dirancang oleh Kerajaan Pusat demi untuk kemakmuran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tunjang yang kedua memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Pelaksanaan pembangunan inklusif akan diperkukuhkan bagi meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Oleh itu, saya mengesyorkan kerajaan baharu supaya bukan sahaja membantu golongan Bumiputera tetapi juga membantu golongan bukan Bumiputera asalkan mereka ini tergolong dalam kategori B40 ataupun *below* B40, dengan izin.

Dalam pengamatan saya, setiap masyarakat perlu dibantu asalkan mereka ini miskin dan daif supaya mereka boleh keluar dari kongkongan kemiskinan. Bayangkan kita juga mempunyai golongan bukan Bumiputera yang kaya raya. Mereka juga ini tergolong daripada orang-orang miskin dan kita harus membantu mereka ini kerana tidak semua bumiputera miskin. Ada juga Bumiputera yang kaya raya khususnya kroni-kroni kerajaan terdahulu... [Disampuk] Jika kita terus

membantu mereka ini, mereka akan menjadi terus kaya. Kita juga melihat golongan bukan Bumiputera yang miskin sebab mereka ini juga perlu dibantu.

Saya menyambut baik hasrat kerajaan menambah baik ketidakseimbangan pendapatan secara keseluruhan, meningkatkan taraf isi rumah B40 ke masyarakat kelas menengah, memperkukuhkan Komuniti Ekonomi Bumiputera ataupun BEC untuk meningkatkan pemilikan kekayaan, menangani keperluan-keperluan sasar khusus, menyediakan perumahan mampu milik dan berkualiti serta memperkukuhkan sistem penjagaan kesihatan.

■1800

Saya juga mencadangkan supaya masyarakat luar bandar khususnya di Sarawak diberikan perhatian khas untuk akses perubatan oleh kerajaan. Di Parlimen Puncak Borneo, khidmat dialisis, khidmat ambulan dan khidmat perubatan perlu diperbanyakkan untuk ditambahbaikkan. Saya juga memohon agar perumahan mampu milik dapat dibina di kawasan Puncak Borneo.

Seterusnya, pembangunan di Wilayah Sabah dan Sarawak juga harus menjadi keutamaan. Tumpuan diberikan kepada pengukuhan *inclusive* dan saksama untuk memberi manfaat kepada rakyat bukan sahaja daripada aspek kemiskinan desa malah juga kepada kemiskinan bandar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Rumuskan, Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tumpuan juga perlu diberikan kepada peningkatan peluang pekerjaan untuk menambah baik taraf hidup manakala tanah adat di Sabah dan Sarawak harus disukat, diberikan geran dan pembangunan dipertingkatkan untuk menjana pendapatan isi rumah B40 dan untuk membasmi kemiskinan serta melindungi hak tanah adat, khususnya untuk kaum Dayak di Sarawak.

Oleh itu, akibat daripada kesuntukan masa, dengan ini saya mencadangkan semua apa yang telah saya katakan tadi diberikan perhatian. Saya juga memohon industri sederhana dan desa, aktiviti pertanian berskala besar, pemerkasaan industri pelancongan dapat dibawa dan dirancakkan di kawasan Puncak Borneo, Mas Gading, Serian dan juga untuk memberikan peluang ekonomi kepada masyarakat setempat.

Dengan ini, sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Keningau.

6.02 ptg.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri yang baharu kerana mengambil beberapa inisiatif untuk menyelesaikan masalah-masalah kita dan termasuklah masalah di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Saya ingin men-*highlight*-kan beberapa isu di sini untuk perhatian kerajaan supaya dapat mengambil beberapa langkah dan mungkin menggubal beberapa dasar baharu untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu yang saya akan bangkitkan ini. Ini termasuklah isu kemunduran dan kemiskinan di Sabah, isu pembangunan dan isu keselamatan.

Dari segi isu kemiskinan, laporan daripada Bank Dunia sebelum ini mengatakan Sabah ini adalah negeri yang termiskin di Malaysia. Mengikut indeks pembangunan daripada EPU, mengatakan Sabah nombor 14 bererti *uncit* lah dari segi pembangunan. Ini tidak hairan sebab selama ini Sabah telah dilayan hanya sebagai satu negeri. Bukan sahaja sebagai satu negeri dalam 13 buah negeri, tetapi seolah-olah Sabah ini satu kawasan koloni yang menjadi tempat mengaut keuntungan. Oleh sebab itu, Sabah dan rakyat Sabah kehilangan sumber-sumber pendapatan yang sepatutnya boleh digunakan untuk pembangunan.

Selain itu, Sabah juga dari segi pembangunan ini ketinggalan dari pelbagai keperluan asas. Sebanyak 70 peratus daripada rakyat Sabah di luar bandar tidak ada air bersih yang terawat. Hampir di semua kampung di luar bandar tidak mempunyai jalan-jalan yang berturap. Malahan, kebanyakan rakyat di luar bandar ini pada musim hujan mereka mandi lumpur, musim kemarau hidu habuk. Akan tetapi di ladang-ladang FELDA, jalan di sana jauh lebih baik daripada jalan utama di Sabah, contohnya dari Kota Kinabalu ke Sandakan, yang berlubang-lubang. Masih lagi seolah-olah jalan itu hanyalah jalan untuk sebuah kampung. Begitu juga dengan keperluan-keperluan asas yang lain.

Jadi, sehingga pada hari ini, Sabah mengalami satu masalah kebergantungan. Kebergantungan kepada Kerajaan Pusat dari segi kewangan, pembangunan dan kuasa politik pun ia bergantung kepada Kerajaan Pusat.

Dari segi keselamatan, Sabah telah menjadi negeri yang paling tidak selamat di dalam Malaysia. Semasa penubuhan Malaysia, pemimpin-pemimpin kita berjanji untuk memberikan pembangunan dan juga memberikan, memastikan dan menjamin keselamatan di Sabah. Akan tetapi, hari ini Sabah telah menjadi negeri yang termiskin. Setiap seratus orang yang miskin di Malaysia, 40 orang datangnya daripada Sabah dan Labuan. Setiap 100 orang miskin tegar di Malaysia, 50 peratus atau 50 orang datang daripada Sabah dan Labuan. Inilah kedudukannya.

Kita tidak selamat kerana tidak ada kawalan dari segi siapa yang masuk, siapa yang keluar di Sabah sehinggalah pada hari ini, 70 peratus daripada penduduk di Sabah adalah orang asing. Sebanyak 70 peratus. Kalau dahulu, 1.5 juta orang tempatan berbanding dengan 1.7 juta orang asing. Akan tetapi sekarang, mengikut maklumat daripada *Statistics Department*, ia mengatakan 70 peratus penduduk Sabah adalah orang asing. Kebanyakannya mereka ini tidak didokumenkan, tidak ada pas, mereka adalah pendatang tanpa izin.

Ini tidak menjadi masalah sekiranya pendatang tanpa izin ini adalah pekerja asing yang dikawal oleh kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri. Akan tetapi, ini bukan keadaan yang berlaku di Sabah. Oleh sebab itu, bermacam-

macam telah berlaku di Sabah. Kedudukan ekonomi, kedudukan sosioekonomi dan budaya kita telah terancam. Penggunaan hospital, 70 peratus sehingga 80 peratus pengguna hospital adalah orang-orang asing. Maka dengan itu, rakyat Sabah sekarang lebih risau lagi apabila mendengar bahawa kerajaan negeri akan memutihkan, akan membuat pemutihan tentang orang-orang asing, PTI ini di negeri Sabah.

■1810

Saya percaya negeri Sabah ini sudah rosak, dirosakkan oleh kerajaan pusat sendiri. Ini kerana membenarkan pemberian IC melalui projek IC kepada orang-orang asing ini hanya semata-mata untuk menjadi senjata politik untuk mengundi, untuk memenangi pilihan raya yang lalu. Ini telah mengkompromikan keselamatan kita di negeri Sabah yang mana boleh dijadikan sekarang negara orang asing sudah. Yang menjadi masalah ini adalah dua.

Satu, mereka disalahgunakan sebagai senjata politik. Yang kedua, mereka masih lagi mempunyai tuntutan wilayah terhadap Sabah yang mana hari ini mereka tidak payah menuntut secara undang-undang. Kedudukan, kehadiran mereka di sana boleh dikatakan sudah boleh menuntut Sabah itu negeri mereka. Jadi, tidakkah Kerajaan Pusat risau tentang keadaan Sabah? Ini kerana mereka yang datang ke Sabah tanpa dokumen itu apabila diberikan dokumen melalui pemutihan kah dan IMM13, mereka satu hari nanti dan mungkin sudah berlaku, akan berhijrah ke Semenanjung dan mereka akan menjadi masalah di sini. Inilah kedudukan kita di Sabah.

Jadi saya merayulah untuk Kerajaan Pusat mengambil tindakan menggubal dasar yang baharu tentang *foreign labour, a new foreign labour policy*, dan juga memastikan jentera jabatan-jabatan kerajaan yang ada itu menjalankan tugas secara tulus kerana mereka ini selalunya terlibat dalam rasuah. Jadi punca masalah semua ini adalah beberapa asas.

Satu adalah kegagalan Kerajaan Pusat melaksanakan Perjanjian Malaysia, menghormati hak-hak Sabah di dalam perlembagaan yang mana tidak dilaksanakan selama 55 tahun. Sebagai contoh, hak kewangan kita yang mana mengikut Perlembagaan Artikel 112C, 112D Jadual Kesepuluh juga memberi hak kepada Sabah menerima 40 peratus hak kewangan bersih, *net revenue*, daripada apa sahaja pungutan Kerajaan Pusat atau *The Federation* mengutip daripada bumi Sabah. Jumlah 40 peratus itu bukan sedikit.

Kalau kita lihat pendapatan Sabah sekarang ini yang boleh dikatakan RM60 bilion setahun, 40 peratus merupakan RM24 bilion. Setiap tahun. Akan tetapi sekarang kita tidak dapat apa-apa pun. Kalau boleh dikatakan dapat pun yang telah diputuskan pada tahun 1969 sehingga tahun 1973, ini pun merupakan hanya RM26.7 juta. Tidak sampai pun setengah bilion, tetapi kita berhak menerima di antara RM10 bilion sehingga RM20 bilion. Tadi saya cakap RM24 bilion, ini berasaskan RM60 bilion pengeluaran hasil Sabah. Jadi sebab itu kita di Keningau Sabah bergantung...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Keningau, masa telah tamat, sila rumuskan.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Ya, saya gulung. Sebab itu saya mencadangkan supaya dalam pendekatan Malaysia Baharu ini, laksanakanlah Perjanjian Malaysia dan hak-hak Sabah di dalam Perlembagaan. Tidak payah tunggu keputusan daripada *Special Cabinet Committee* sebab semua ini adalah dalam Perlembagaan yang harus dilaksanakan. Layanan Sabah sebagai satu di antara tiga rakan kongsi dan bukan negeri nombor 12 atau nombor 13.

Saya harap juga Kerajaan Pusat akan menyelesaikan masalah tuntutan Filipina terhadap Sabah ini dengan satu tindakan iaitu mengisytiharkan dan mengiktiraf kemerdekaan Sabah pada 31 Ogos 1963. Jika ini berlaku, tuntutan mereka akan mati selama-lamanya. Sebab mereka sudah tahu yang kita sudah merdeka, sama ada melalui Malaysia ataupun apa jua. Akan tetapi ini adalah harapan kita.

Saya juga mengharapkan tindakan-tindakan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di Sabah dan juga keselamatan di Sabah diambil kira, diambil serius dalam masa yang terdekat ini.

Akhir sekali, Malaysia sekarang bukan Malaysia dahulu. Kita sudah menjadi Malaysia yang dewasa. Kalau dahulu Sabah dan Sarawak menandatangani Perjanjian Malaysia mungkin baru lima tahun, kalau dikira sebagai manusia, tetapi kita sudah dewasa, sudah 21 tahun mungkin 25 tahun sekarang. Kita perlu duduk semula untuk memastikan Malaysia ini menjadi Malaysia Baharu yang betul-betul akan memberi manfaat kepada rakan-rakan yang bersama-sama menubuhkan Malaysia.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Keningau. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Segamat.

6.17 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk bangsa Johor iaitu Segamat untuk berbahas Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Memandangkan saya hanya mempunyai sembilan minit lagi, maka saya akan fokus lebih kepada sektor pendidikan... *[Disampuk]* Cadangan untuk terus berhenti saya tidak terima.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati dalam rancangan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa kesejahteraan rakyat dan perpaduan rakyat amat dipentingkan. Ini kerana apabila rakyat sejahtera dan kita dapat bersatu padu, maka kita dapat membangunkan negara ini. Perkara yang paling penting dalam perpaduan bermula daripada persefahaman agama terhadap kesejahteraan bersama. Ia bermula daripada pendidikan dan kalau kita pastikan daripada pendidikan, yang pentingnya adalah di sekolah.

Kalau kita tengok, ada mata pelajaran seperti Perpaduan dan Kesejahteraan Rakyat harus kita perkenalkan dan juga konsep bangsa Malaysia di mana pada hari ini kita berbincang mengenai

Malaysia Baharu. Maka konsep Bangsa Malaysia itu juga penting, di mana kita harus mengajar kepada anak-anak kita kepentingan dan juga hak masyarakat Melayu dan pemeraksanaan bumiputera dan juga sebagainya. Itu yang wajib. Tidak saya sangkal sama sekali langsung.

Akan tetapi pada masa yang sama, kita masukkan juga sumbangan-sumbangan daripada kaum dan juga etnik lain dalam pembinaan rakyat Malaysia dan juga negara ini di mana kita bersama-sama membina semula negara ini.

Dari segi konteks itu juga, saya mendapati bahawa sudah agak lama saya berkecimpung dalam arena pendidikan di Malaysia dan saya mendapati cabaran yang terbesar adalah kerana dasar-dasar dan juga sebagainya kadang-kadang tidak diinterpretasikan dengan betul. Saya yakin dengan adanya reformasi yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Port Dickson tadi, banyak perkara akan dapat diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai ramai di antara pelajar-pelajar yang cemerlang khususnya di peringkat Matrikulasi yang mendapat 9A, 10A dan juga sebagainya tidak mendapat peluang untuk belajar di peringkat Matrikulasi kerana terdapatnya sistem kuota yang masih diperkenalkan walaupun telah lama di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun sistem kuota itu ada dan saya rasa pada masa ini kita perlahan-lahan beralih kepada peringkat meritokrasi dan juga sebagainya tetapi pada masa yang sama, saya yakin bahawa Kementerian Pendidikan khususnya mereka boleh mengadakan banyak idea-idea baharu seperti bekerjasama dengan pihak swasta.

■1820

Contohnya, sekarang kita ada lebih kurang 1,000 orang pelajar yang berjaya tetapi tidak ditawarkan tempat-tempat untuk belajar di IPTA ataupun di matrikulasi yang dibiayai. Dalam kes-kes yang sebegini, Kementerian Pendidikan boleh bekerjasama dengan kolej-kolej dan juga universiti-universiti swasta. Contohnya, pilih antara 30 yang terbaik dan mereka bolehlah mendapatkan kerusi-kerusi yang tidak diambil oleh pelajar-pelajar. Oleh sebab kita mendapati kebiasaannya kapasiti itu sentiasa ada di IPTS. Apabila kapasiti itu tidak dipenuhi, maka kerajaan boleh beli dengan harga yang separuh sebab kita pun berikan mereka lesen dan juga pelbagai bantuan dan sebagainya. Telah tiba masanya untuk mereka membantu balik kerajaan.

Contohnya, kalau yuran sebanyak RM20,000, maka kerajaan boleh mengambil tempat tersebut dengan RM10,000 dan sebagainya. Kalau 1,000 orang pelajar yang tidak mendapat, maka ia hanyalah dekat RM10 juta tetapi boleh menyelesaikan masalah semua anak tidak kira anak Melayu, anak Cina, anak India atau anak Kadazan. Semuanya sebagai anak bangsa ini boleh diberikan tempat. Maka, ia adalah masalah idea. Ia bukan kerana kita tidak mempunyai kemampuan. Maka, perkara seperti inilah yang kita harus bincangkan. Saya mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan. Saya yakin mereka mempunyai mereka yang pandai dan bijak dan sebagainya. Akan tetapi kalau mereka perlukan bantuan daripada *Backbenchers* seperti saya, saya sedia bantu. Sekurang-kurangnya belilah secawan kopi. Itu sahaja saya minta.

Kepada pendidikan seterusnya yang saya hendak bawa isu adalah mengenai UEC. Banyak kali kita mendengar mengenai UEC dan telah mengatakan bahawa kita harus iktiraf dan juga sebagainya. Sudah terdapat dalam manifesto tetapi sekarang ada pelbagai pendapat yang berbeza sebab orang kata dalam percintaan, mata sama mata renung hati sama. Akan tetapi dalam politik agak berbeza. Betulkan Yang Berhormat Cameron Highlands? Dalam politik agak berbeza. Akan tetapi yang pentingnya ialah kita perlu mencari penyelesaian. Apa yang diminta ialah pengiktirafan. Sudah lama, sudah 61 tahun Malaysia baharu dan sebagainya tetapi saya juga mencadangkan UEC itu diiktiraf dan boleh kita kenakan syarat seperti mereka menduduki peperiksaan Bahasa Melayu di peringkat SPM yang sama. Begitu juga dengan mata pelajaran Sejarah.

Maka, kalau kedua-duanya telah diadakan, maka tidak wujudnya lagi masalah bahawa mereka tidak *loyal*, mereka tidak faham dengan sejarah dan juga sebagainya. Maka, dengan adanya kedua-dua mata pelajaran, maka ia duduk dalam mata pelajaran sama dengan pelajar di peringkat SPM, maka perkara itu dapat diatasi. Akan tetapi kalau masih tidak cukup, maka kita boleh berikan mereka lima sehingga 10 tahun agar kita berikan mereka bersyarat. Diberi pengiktirafan bersyarat, dibuat akreditasi. Maka, kita dapat menyelesaikan perkara ini.

Saya harap Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan cuba menilai, kaji kembali dalam masa yang terdekat bagaimana kita boleh mengiktiraf UEC. Pada masa yang sama, kita boleh menunaikan tanggungjawab ataupun dalam janji yang kita buat dalam manifesto. Ia adalah niat. *It's all about intention*, dengan izin. Kalau niatnya bagus, kita hendak buat tidak kira, ini bukan isu mengenai masyarakat Cina, masyarakat India dan juga sebagainya. Kulit saya agak hitam untuk menjadi masyarakat Cina tetapi pada pendapat saya UEC itu adalah satu yang patut diiktiraf serta-merta dan boleh dikenakan satu, dua syarat... [*Tepuk*]

Perkara yang ketiga, memandangkan saya hanya mempunyai tiga minit 40 saat lagi, adalah mengenai isu di mana tonggak satu, ketelusan, cegah rasuah, basmi salah guna kuasa. Memang ini merupakan bidang kepakaran Yang Berhormat Jelutong. Maka, saya tidak ingin berbincang perkara-perkara besar seperti cincin dan juga sebagainya. Itu saya berikan kepada Yang Berhormat Jelutong. Isu yang saya hendak bawa pada hari ini mengenai wang yang diberikan kepada SEDIC, di mana tahun 2014 hingga 2017 hampir RM2,094 juta telah diberikan kepada SEDIC. Saya mendapati sebanyak RM91,281,000 telah dipulangkan kembali pada masa itu kerana wang itu tidak digunakan. Apa yang saya tidak faham ialah masyarakat tertentu sebab saya tengok dalam konteks Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beliau telah mengatakan masyarakat Bumiputera, masyarakat Asal dan juga Asli, juga kaum Cina dan juga kaum India sebagai masyarakat tertentu.

Maka, dalam masyarakat tertentu ini saya tidak faham, wujud pelbagai masalah. Maka pada masa yang sama, mereka bergaduh tidak dapat duit dan juga sebagainya. Di sini wang telah diberikan, diperuntukkan dan juga sebagainya tetapi malangnya ia telah dipulangkan kembali.

Saya tidak faham mengapa, tidak masuk akal langsung. Akan tetapi masalahnya telah berlaku. Maka, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan agar memujuk Yang Berhormat Langkawi untuk kalau boleh berikan balik RM100 juta itu, RM61 juta dengan bungalow. Kalau RM100 juta diberikan untuk *jump start* daripada SEDIC itu untuk pelbagai aktiviti yang boleh digunakan, khususnya aktiviti-aktiviti kaum minoriti ataupun kaum tertentu.

Pada masa yang sama, saya juga mendapati bahawa untuk bergerak ke hadapan, sering kali kita bertanya kita sekarang gawat ekonomi, tidak ada wang dan juga sebagainya. Maka, dalam konteks itulah saya mencadangkan bahawa kita mendapati wang yang dikutip daripada *sin tax* ataupun wang cukai haram, saya telah bertanya dalam Kamar Khas.

Pada tahun 2017, kita ada wang yang dikutip daripada cukai arak adalah sebanyak RM2.2 bilion. Cukai yang dikutip daripada judi adalah RM2.47 bilion dan kalau dengan rokok sekali RM3.3 bilion. Akan tetapi antara arak dengan judi, khususnya saya rasa arak dengan judi inilah masyarakat India dan Cina, masyarakat tertentu. Kita mendapati hampir lebih kurang RM5 bilion telah dikutip. Seandainya 10 peratus daripada RM5 bilion ini diperuntukkan kembali, maka ia dapat menyelesaikan banyak masalah sosial.

Oleh sebab jika golongan tertentu, khususnya masyarakat India pemuda tidak diberikan peluang, mereka tidak ke universiti dan tidak diberikan sebagainya, maka mereka akan jadi masalah. Apabila jadi masalah, terlalu banyak gengsterisme dan juga sebagainya. Kalau tengok daripada peratusan mengenai kaum, maka mereka akan menjadi masalah kepada Malaysia. Maka, daripada kita bagi untuk pendidikan sebagainya RM15,000 hingga RM20,000 kalau kita tidak buat, nanti apabila dia jadi penjenayah, kita terpaksa jaga dia di penjara hampir RM100,000.

Maka dengan itu, saya mencadangkan agar kementerian Pakatan Harapan yang baharu akan lebih arif dan juga sebagainya. Kita tidak menyalahkan Kerajaan Barisan Nasional ataupun mereka yang duduk sebelah sana sebab kita hendak bekerja bersama-sama jadi satu pasukan. Oleh sebab kalau kita hendak daripada di sini dan ke sana, kita boleh berkawan sampai mati. Akan tetapi kalau kita asyik ingin membawa perkara-perkara remeh dan juga sebagainya, maka kita terpaksa lawan sampai mati. Maka, terpujanglah kepada kita sama ada kita hendak kawan ataupun lawan tetapi yang pentingnya rakyat harus dipedulikan. Dengan ini, saya mohon sokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kepala Batas.

6.27 ptg.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian sama dalam keterbatasan masa ini untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia telah berubah secara besar-besaran dalam Pilihanraya Umum Ke-14 dengan menolak Barisan Nasional di peringkat Pusat. Manakala PAS semakin banyak diterima dan ini terbukti dengan mandat pemerintahan di Terengganu dan Kelantan serta pertambahan majoriti yang kita sertai dalam pilihan raya, termasuklah di Port Dickson baru-baru ini.

Laporan Kajian Separuh Penggal yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat malang kerana ucapan pembentangan dan laporan penuh Kajian Separuh Penggal gagal menunjukkan perubahan dan kehendak sebenar rakyat. Laporan kajian pembentangan gagal menunjukkan sebuah dokumentasi reformasi sebenar. Walaupun itulah yang cuba dibawa oleh Perdana Menteri yang ada pada hari ini. Ia sebuah buku laporan yang berjaya memaparkan wajah ceria Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi tetapi gagal memaparkan gambar-gambar keperitan, kesusahan rakyat yang masih banyak menderita kelaparan dan tertekan dengan segala tekanan hidup, termasuklah yang akibat daripada faktor ekonomi yang tidak stabil.

Apabila dibuat perbandingan ucapan pembentangan dan laporan penuh, secara umumnya Kerajaan Pakatan Harapan mengiktiraf banyak sesi kejayaan kerajaan terdahulu yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pekan dan juga Barisan Nasional. Butiran 7 ucapan menyebut perihal rejim kleptokrat tetapi laporan kajian tidak menampakkan susuk rejim kleptokrat. Butiran 15 ucapan menyebut perihal perbelanjaan boros Kerajaan Barisan Nasional tetapi laporan kajian gagal menunjukkan di mana borosnya Kerajaan Barisan Nasional.

Saya berpandangan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih banyak serangan retoriknya terhadap Barisan Nasional kerana ia tidak di dokong kuat oleh data-data Kajian Separuh Penggal yang telah dibentangkan. Saya mencadangkan laporan-laporan kerajaan pada masa akan datang akan lebih merakyat dan berani mendedahkan apa sebenarnya masalah yang dihadapi oleh rakyat, sesuai dengan keberanian rakyat menukar Kerajaan Barisan Nasional baharu ini. Impak laporan perlu lebih banyak memaparkan pendedahan berani dan benar serta turut dibahaskan oleh rakyat biasa. Malangnya, laporan kualiti perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas gagal mencapai tahap ini.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan ada merujuk kepentingan 63 resolusi kongres masa bumiputera dan negara. Dalam program yang sama Perdana Menteri menyalahkan kerajaan PAS dalam kemiskinan negeri Kelantan kerana masih mengharapkan bantuan Kerajaan Pusat. Akan tetapi, Perdana Menteri gagal menyalahkan diri sendiri yang bertanggungjawab memiskinkan negeri Kelantan. Pada hal sebenarnya Kelantan

miskin adalah kerana adanya pemimpin-pemimpin seperti yang menuding jari kepada Kelantan pada hari ini.

Kelantan ratusan tahun dahulu terkenal sebagai sebuah negeri yang makmur dan berdaulat. Namun dalam era kerajaan- Federal pada hari ini yang mentadbir yang memiskinkan Kelantan, senarai perilaku dan diskriminasinya panjang, jauh lebih panjang daripada derita dan pengorbanan yang ditanggung oleh rakyat negeri Kelantan.

Senarainya bermula dengan isu rasuah, salah guna kuasa, pembaziran, kronisme, nepotisme, penipuan pilihan raya, pembentukan kerajaan dalam kerajaan melalui JPP, menidakkan MB sebagai Pengerusi Keselamatan Negeri, penafian bajet subsidi, sekatan mesyuarat MB, penolakan wakil kerajaan negeri, penangguhan dan penarikan geran, penafian infra penting seperti pelabuhan, lapangan terbang antarabangsa, lebuh raya dan pendaratan gas, begitu juga dengan soal bayaran royalti, pertukaran guru hinggalah kepada sekatan bantuan kebajikan akibat daripada campur tangan politik terdahulu termasuk dalam era pemerintahan Yang Amat Berhormat Langkawi pada era Perdana Menteri yang keempat yang lalu.

Terbaru cadangan komposisi 11 campur lima Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang sepatutnya Kerajaan Pusat perlu mengiktiraf sepenuhnya pelantikan penghulu kerajaan negeri di Kelantan tanpa perlu mengada-adakan sesuatu badan lain yang sebenarnya mencabuli kuasa kerajaan negeri. Yang Berhormat Senator berkenaan pernah mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Langkawi adalah merupakan pengkhianat kepada Melayu. Antara sebabnya adalah kerana pendaratan minyak dan gas ke Songkhla yang sengaja dan terancang dibuat bagi menafikan hak rakyat Kelantan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Jelutong hendak apa ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Peraturan apa? Saya tengok Yang Berhormat Jelutong paling banyak kacau dan langgar Peraturan 37(1). Tuan Yang di-Pertua, minta buat *ruling* saya tidak bagi laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya- ini peraturan Yang Berhormat.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya tidak bagi laluan. *This is my floor*. Sila duduk. Ini bukan nasi kandar ini boleh terus bercakap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya rujuk kepada Tuan Yang di-Pertua...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sila duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan 36(5)- saya tahu bukan kedai nasi kandar sebab itu saya minta Yang Berhormat supaya tertib berbahas.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sudah tertib, ini fakta.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Janganlah menuduh Yang Amat Berhormat Langkawi pengkhianat kepada Melayu.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ini bukan tuduhan, ini fakta. Ini realiti yang berlaku- tidak akan saya... *[Disampuk]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat tarik balik kenyataan itu

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya tidak akan tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat membuat tuduhan itu terhadap Yang Amat Berhormat Langkawi.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bagi laluan. Minta tolong. Ini melanggar peraturan Dewan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Adakah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ingin benarkan beliau mengeluarkan kenyataan begitu. Menuduh Yang Amat Berhormat Langkawi menjadi pengkhianat kepada Melayu dan cuba memperbetulkannya.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Bukan saya yang menuduh. Ini kenyataan Yang Berhormat yang berada di Pakatan Harapan satu ketika dahulu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat tarik balik kenyataan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Boleh rujuk kepada- bukan saya tuduh. Kalau saya tuduh saya tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak boleh keluarkan kenyataan itu.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sebab apa tidak boleh?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini melanggar peraturan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak ada melanggar peraturan. Yang langgar peraturan Yang Berhormat Jelutong, 37(1), 37(2). Minta supaya duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, *you cannot allow him to continue like that. Very serious matter.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Jelutong rujuk kepada peraturan mana?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: 36(5), seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa Ahli yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 36(6), bukan 5.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: 36(6), mengatakan Yang Amat Berhormat Langkawi merupakan pengkhianat kepada Melayu. Mana boleh benarkan kenyataan itu dikeluarkan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bukan saya yang kata. Saya dalam ucapan saya menyebut salah seorang daripada Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak, tidak. Yang Berhormat tadi cuba mempertahankan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: ...Yang Berhormat Senator yang berada pada posisi Pakatan Harapan pada hari ini pernah bercakap sewaktu itu dia menjadi Exco kerajaan negeri bahawa Yang Amat Berhormat Langkawi sewaktu menjadi Perdana Menteri adalah pengkhianat kepada Melayu. Bukan saya yang sebut. Ini tidak faham bahasa Melayu ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, tiga kali kenyataan itu telah diulangi. Adakah Tuan Yang di-Pertua ingin benarkan beliau teruskan dengan ucapan itu?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Duduk. Kalau saya sebut saya boleh tarik balik. Macam mana saya hendak tarik balik kalau orang lain yang sebut.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *This is a very serious matter*, Tuan Yang di-Pertua. *Come on* Yang Berhormat Pengkalan Chepa mengeluarkan kenyataan tersebut.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Apa tujuan Yang Berhormat Pengkalan Chepa mengeluarkan sangkaan jahat ini?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tujuan kita hendak royalti kita.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: So, hendak minta royalti keluarkan kenyataan sangkaan jahat terhadap seseorang untuk royalti semata-mata.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bahaskan dengan cara tertiblah.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: lalah kembalikan hak pendaratan gas dan petroleum.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(6).

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Beradablah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Kawan rujuk kepada peraturan mana?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Masa saya terbatas, saya tidak bagi laluan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Peraturan Mesyuarat 36(6).

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *How can you say that?*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kenyataan yang pernah dibuat...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kalau diminta saya tarik, saya akan minta Yang Berhormat Senator tarik balik.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Apa kaitan kenyataan itu dengan royalti minyak- beradab kah kenyataan macam itu mengenai royalti minyak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa kena-mengena dengan perbahasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta beliau tarik balik kenyataan itu Yang Berhormat.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta beliau tarik balik kenyataan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, permintaan daripada Yang Berhormat Jelutong untuk menarik balik- 36(6).

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita sebagai ahli *backbencher* tidak boleh benarkan Yang Berhormat mengeluarkan kenyataan itu dan tidak benarkan beliau teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya tunggu perkara sebenar. Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya telah jelaskan bukan saya yang sebut. Saya sebut orang lain sebut.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak, tidak. Yang Berhormat dah mengulangi kenyataan itu tiga kali di Dewan ini.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Macam mana saya hendak tarik balik? Tidak apalah, tidak apa Tuan Yang di-Pertua saya kalau itu yang dikehendaki, saya tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bagus, terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Bukan saya yang tarik balik, orang yang berkenaan diminta supaya Yang Berhormat Jelutong kena minta supaya dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong duduk.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Cuma saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, saya tidak habis lagi berucap. Perdana Menteri pada usia sesenja ini kembali ke Dewan Rakyat pada harapan saya dan sangkaan saya dia akan memperbetulkan segala kesilapan yang lalu. Termasuklah melarikan minyak dan hak pendaratan gas, petroleum daripada pantai Kelantan pergi ke Songkhla. Songkhla jaraknya 260 kilometer, pantai Kelantan hanya 160 kilometer. Ini terbukti berlaku dalam era pentadbiran Perdana Menteri Keempat.

Saya mengharapkan Perdana Menteri yang sudah kembali semula ke tampuk pemerintahan akan memperbetulkan kesilapan ini. Cuma yang menjadi masalah saya perhatikan yang menjadi penghalang kepada royalti Kelantan untuk diberikan secara terus kepada Kelantan ialah Yang Berhormat Bagan. Saya memohon Perdana Menteri supaya kalau Yang Berhormat Bagan tidak dengar kata juga pecatlah dia. Boleh gugurkan daripada Kabinet kerana ia menghalang aspirasi Perdana Menteri untuk memperbetulkan dan untuk *reform* negara ini hasil daripada apa yang telah berlaku kesilapan sebelum daripada ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, banyak poin yang saya ingin sampaikan tetapi yang saya ingin sebut yang terakhir ialah kerana masa terbatas ialah supaya kerajaan yang pada hari ini memahami konsep federalisme. Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan membutuhkan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan negeri, Senarai Satu Senarai Persekutuan sejumlah 27 perkara, Senarai Dua Senarai Negeri berjumlah 20 perkara dan Senarai Tiga berjumlah 18 perkara.

Manakala secara perbandingan perbelanjaan belanjawan tahunan Kerajaan Pusat adalah RM280 bilion setahun. Kelantan hanya dapat RM1 bilion. Sudah tentu dalam isu kemiskinan sebuah negeri Kerajaan Pusatlah yang perlu lebih bertanggungjawab sesuai dengan Senarai Satu, Dua dan Tiga Perlembagaan Persekutuan serta peruntukan yang sebesar RM280 bilion setahun.

Kelantan kini adalah negeri *front-line* DAP sebagai mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Lim Kit Siang- saya tarik balik saya tidak ingat kawasan dia iaitu negeri yang akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Iskandar Puteri.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Iskandar Puteri menyebut negeri yang akan diberi tumpuan oleh DAP. Lebih 20 tahun lampau Pulau Pinang dijadikan negeri *front-line* DAP hingga kini ia berjaya ditawan oleh DAP.

Saya ingin menyebut kepada pemimpin-pemimpin DAP jangan berharap dan bercita-cita untuk menawan negeri Kelantan *insya-Allah* Kelantan akan kekal bersama dengan PAS selamanya, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan Yang Berhormat Pengkalan Chepa- masa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang terbatas saya masih lagi banyak perkara yang ingin disebutkan dan masih lagi

tidak berpuas hati dengan beberapa bantahan daripada Ahli Parlimen sebelah sana. Kita jumpa dan kita tunggu pada perbahasan ucapan dasar di peringkat Bajet nanti, *insya-Allah*. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kepala Batas.

6.39 ptg.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, serta salam sejahtera.

Pertama sekali saya hendak ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan dan keizinan kepada saya untuk berucap dalam waktu-waktu yang berbaki dalam turut membahaskan usul Kajian Separuh Penggal yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada minggu yang lalu.

Banyak perkara yang telah pun disentuh oleh rakan-rakan Ahli Parlimen dan saya akan cuba fokus satu, dua perkara bagi memungkinkan ia dimanfaatkan ketika mana penggulungan nanti oleh Menteri-menteri. Sebagai mana yang kita sedia maklum KSP atau Kajian Separuh Penggal ini adalah sebuah dokumen yang penting yang mengandungi pakej politik, pakej sosial dan juga pakej ekonomi.

■1840

Bila kita bercakap tentang soal rancangan pembangunan sesebuah negara, dua perkara yang tidak mungkin kita dapat ceraikan iaitulah berkaitan dengan soal pertumbuhan dan yang satu lagi adalah berkaitan dengan pengagihan ataupun *growth with distribution*. Mana mungkin kita dapat bercakap fasal pengagihan.

Mana mungkin *there will be distribution if there is no growth*. Sebab itulah bila mana di dalam Kajian Separuh Penggal ini, bila kita lihat berlaku apa yang disebut kadar pertumbuhan yang direndahkan unjurannya daripada lima ke enam peratus pada awalnya ke 4.5 peratus ke lima peratus di samping membuat pengkalan fiskal defisit tiga peratus sehinggalah 2020. Walaupun kita diunjurkan awal bahawa kita bakal mencapai fiskal defisit kosong peratus ataupun kosong perpuluhan peratus pada 2020. Ini memberi gambaran dan signal awal bahawa bajet yang bakal dihidangkan oleh pihak Kerajaan Pakatan Harapan nanti adalah bajet yang bersifat *contractionary*. Ini jauh berbeza dengan pertumbuhan tahun lalu.

Tahun lalu Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia adalah satu-satunya negara yang kadar pertumbuhannya dirujuk atau disemak tiga kali oleh Bank Dunia sehingga sampai ke tahap 5.9 peratus. Manakala, *Bloomberg* pula menyatakan *the most impressive emerging market in the world* waktu itu adalah Malaysia. Ini sebenarnya menjadi kekusaran kepada saya. Ini kerana salah satu yang memacu pertumbuhan KDNK negara dia ada banyak aspek yang memacu.

Soal pembangunan negara, soal FDI dan tidak kurangnya soal perdagangan luar negara. Di mana yang menggusarkan kita ialah apa yang baru-baru ini dilaporkan oleh MATRADE. MATRADE melaporkan bahawa laporan yang dikeluarkan bahawa terdapat penurunan yang agak ketara dalam soal dagangan luar di kalangan negara-negara ASEAN. Daripada sembilan negara yang kita berdagang, enam negara menunjukkan penurunan yang agak ketara. Malahan, Jepun menunjukkan penurunan hampir 5 bilion. Indonesia, US dan manakala defisit dagangan kita dengan China juga semakin lebar.

Di mana yang paling menggusarkan ialah untuk bulan lapan. Untuk kali pertama, dalam tempoh enam tahun *trade surplus* yang dicatatkan 1.6 bilion adalah yang terendah dalam enam tahun menunjukkan penurunan sebanyak hampir 84 peratus. Saya sebut benda begini sebab di samping kita melihat kepada fiskal defisit, *trade* adalah satu angka-angka ataupun indikator yang penting. Kita tidak mahu jadi macam kedudukan negara yang berlaku di Turki. Bila mana berdepan dengan apa yang dipanggil *twin deficit*. Fiskalnya juga defisit dan *tradenya* juga defisit. Jadi, sebab itulah saya hendak minta daripada Kementerian MITI terutamanya untuk saya ketahui strategi-strategi yang bakal digunakan bagi memastikan bahawa keadaan ini dapat diatasi dengan baik.

Kedua, berkaitan dengan pengagihan- kerana masa saya agak terbatas. Saya hendak rujuk kepada apa yang dikeluarkan oleh Khazanah Research Institute. Saya fikir Khazanah Research Institute punya dapatan ini wajar dijadikan sandaran oleh Kementerian-kementerian tertentu yang berkaitan yang dapat dijadikan landasan untuk melakukan perencanaan rancangan bagi memastikan bahawa di sebalik kita memacu pertumbuhan dari segi soal pengagihan di peringkat bawahan yang mendasari kepentingan rakyat dapat dilakukan dengan baik. Saya hendak sebut ini bahawa dalam dapatan yang dibuat, pelbagai perkara yang dibangkitkan memerlukan perhatian yang cukup teliti oleh pihak Kementerian.

Pertama, tentang isu keberhutangan isi rumah iaitu *household debts*. Kedua, apa yang disebut harga makanan meningkat lebih pantas daripada harga inflasi. Ini bukan saya cakap. Ini Khazanah Research Institute sebut. Isu pendapatan. Gaji median masih berada pada paras 1,600. Malahan, 64 peratus penganggur terdiri daripada mereka yang berada pada usia 20 hingga 29 tahun. Selain daripada itu juga, *Gini coefficient* yang masih lagi makin melebar. *Household balance sheet inequality* dan yang paling penting ialah kesenjangan iaitu *disparity* ataupun *distortion* yang berlaku di antara Top 20, Medium 40 dan juga B40.

Saya hendak bagi sebagai satu contoh, ASB Tuan Yang di-Pertua, ASB mempunyai simpanan keseluruhan RM145.9 bilion. ASB mempunyai 9 juta penyimpan iaitu *depositors*. Malangnya ialah 10 peratus daripada *depositors* ini memegang hampir 80 peratus daripada simpanan tersebut. Manakala 90 peratus yang lain hanya sekadar memegang 20 peratus sahaja. Berlaku *distortion* ataupun *disparity* yang begitu serius. Demikian juga dalam EPF, *the top 30 percent* memegang hampir 50 peratus daripada keseluruhan caruman dalam KWSP. Saya fikir ini adalah perkara yang wajar diperbetulkan sama ada perlukan *affirmative action* daripada

government. Ini kerana kalau tidak ditangani, berapa *growth* pun kita catat ia tidak memberi makna pada peringkat bawahan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua saya hendak sentuh juga berkaitan tentang soal ASEAN. Ini kerana penting kerana ASEAN adalah salah satu daripada kuasa yang *has been reckoned by the world*. ASEAN mempunyai 640 juta penduduk. Hari ini mencatatkan 2.7 trilion GDP. Dikatakan berada di antara tujuh blok ekonomi terbesar di dunia dan bakal menjadi yang ketiga pada 2030. Ini menjadikan ASEAN ini satu blok yang cukup penting. Namun, isu-isu yang mendasari ASEAN akan memberi kesan kepada pertumbuhan negara juga kalau tidak ditangani. Antaranya ialah tentang South China Sea atau Laut China Selatan yang telah dibangkitkan oleh saya sebelum ini berulang kali tentang berkaitan dengan apa yang disebut sebagai *code of conduct*. Kita sudah *signed* dahulu *declaration of conduct relating to the all parties in South China Sea* pada 2002.

Akan tetapi, pada tahun 2016 dan 2017 kita telah mulakan rentak untuk menyediakan *framework* untuk COC dan China dikatakan telah pun bersetuju. Saya hendak tahu bahawa dari segi *progress* setakat mana ia telah berlangsung dan apakah ada tindakan-tindakan sebagaimana yang saya cadangkan mungkin kita boleh tubuhkan *caucus among the four claimants*. Kita ada 10 negara ASEAN. Kita ada China iaitu 11 tetapi *the actual claimant of South China Sea* ini adalah empat iaitu Malaysia, *Philippines*, Brunei dan juga Vietnam termasuk China lima. Mungkin kita boleh tubuhkan *caucus* yang berasingan di dalam ASEAN supaya ia menjadi lebih *forceful* dalam mencari jalan penyelesaian untuk *South China Sea*.

Selain daripada itu, demikian juga tentang isu di *Myanmar* tentang *northern Rakhine*. Dahulu kita dengar bahawa ada *commission on northern Rakhine* dikemukakan oleh *Kofi Annan Foundation*. Hari ini Kofi Annan setelah dia tiada, kita nampak bahawa berlaku sedikit sebanyak kelembapan dari segi *progress* berkaitan dengan isu Rohingya. Isu Rohingya sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Disebut juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ini bukan adalah isu yang berkaitan dengan soal dalaman Myanmar. Ia adalah isu yang merentasi dan telah menjadi masalah ASEAN. Jadi, saya hendak tahu tentang bagaimana dan sejauh mana ia dapat dilakukan? Juga jalan penyelesaian sebagaimana yang dilakukan oleh kerajaan dahulu, kita buat *field hospital*. Kita buat *engagement*. Kitalah yang mengangkat isu Rohingya sehingga diberi perhatian oleh dunia dan Malaysia sentiasa berada di landasan, berada di barisan depan mendepani dan juga memimpin isu-isu yang sebegini.

Terakhir sekali ialah sebagaimana yang disebut pagi tadi oleh Yang Berhormat Menteri Luar berkaitan dengan *international instruments* yang memerlukan pembabitan kita. Ada kalanya, kita kena buat kajian bahawa tidak semestinya semua *instrument* ini memerlukan pembabitan kita secara langsung yang penting kita hendak lihat kerangka negara kita dahulu.

Sebagaimana dalam Islam disebut... [*Berucap dalam Bahasa Arab*] Bila kita hendak masuk ke suatu perjanjian itu jangan sampai ia membebaskan kita dan pada waktu yang sama, kita juga

tidak memberi bebanan juga kesulitan kepada yang lain. Jadi, saya hendak minta Kementerian Luar Negeri untuk melihat semula dan juga respons berkaitan dengan *The International Human Rights Instrument* yang pada waktu ini menjadi salah satu landasan yang juga keutamaan yang diberikan oleh Kementerian Luar Negeri. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua dan mudah-mudahan *insya-Allah* Kajian Separuh Penggal yang selepas ini akan disusuli dengan pembentangan belanjawan akan dapat membawa negara dan rakyat ke tahap yang lebih baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kepala Batas. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah.

6.49 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 pada petang ini.

■1850

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 tempoh hari, dengan tonggak pertama daripada enam tonggak yang digariskan. Tonggak pertama dengan menggunakan perkataan mereformasi, ia jelas membuktikan bahawa reformasi institusi, ataupun *intuition* reformasi tersebut telah menjadi landasan ataupun tonggak utama yang jelas membuktikan komitmen daripada Kerajaan Pakatan Harapan untuk membetulkan segala kepincangan, ketirisan dan kesalahan yang telah dilakukan oleh rejim yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal ataupun KSP RMKe-11 ini juga merupakan dokumen pertama daripada kerajaan baharu yang mana menggariskan dasar baharu kerajaan baharu yang seterusnya RMKe-11 ataupun KSP RMKe-11 ini yang mana kita tahu asalnya, RMKe-11 ini dirangka dan dilancarkan oleh kerajaan sebelum ini. Jadi saya rasa, adalah tepat pada saat dan ketikanya untuk kerajaan baharu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi untuk mengkaji semula Rancangan Malaysia Kesebelas dengan secara menyeluruh.

Mana yang baik, mana yang membawa suai manfaat kepada rakyat kita teruskan, kita mempergiatkan. Akan tetapi mana yang perlu diubah, perlu dipinda, pindaan wajib dilakukan selaras dengan aspirasi rakyat yang telah memberikan mandat kepada Pakatan Harapan pada PRU-14 dan segala pindaan tersebut juga selaras dengan harapan daripada rakyat yang mahukan ataupun yang dahagakan perubahan-perubahan yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan dalam Buku Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, tonggak utama yang menggariskan mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam merupakan ibu kepada segala

perubahan yang sangat didahagakan oleh rakyat sambil ia bakal menghapuskan segala kerakusan, penyelewengan dan ketirisan yang telah dilakukan oleh rejim yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya menyokong sepenuhnya adalah kuasa autonomi Parlimen. Memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 jelas menunjukkan kerajaan baharu Pakatan Harapan menyokong dan mendukung doktrin pengasingan kuasa membolehkan Parlimen sendiri mempunyai sumber kewangan ataupun kekuatan kewangan sendiri. Ia juga selaras dengan pengasingan kuasa supaya Legislatif tidak diletakkan di bawah Eksekutif yang membolehkan Dewan yang Mulia ini di bawah kepimpinan Tuan Yang di-Pertua dapat berfungsi dengan lebih baik dan menyeluruh.

Selain itu pembentukan sistem Jawatankuasa Pemilih yang akan memperakukan pelantikan dalam jawatan-jawatan penting dalam Suruhanjaya Pilihan Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman oleh Parlimen akan membolehkan pelantikan dan juga kebebasan dalam suruhanjaya-suruhanjaya tersebut mendapat sokongan daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, turut disebutkan dalam pembentangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa menambah baik sistem pilihan raya, ia juga selaras dengan janji ke-17 dalam Buku Harapan, Pakatan Harapan yang mana beberapa perkara penting. Contohnya daftar pemilih perlu dibersihkan, cara undi pos perlu dikemas kini dan diperbaiki sistemnya untuk mengelakkan penyelewengan, akses kepada media semua parti. Walaupun pada hari ini Pakatan Harapan telah menjadi kerajaan tetapi akses kepada media, akses kepada publisiti yang saksama turut wajar diberikan kepada pembangkang, tidak seperti apa yang dilakukan oleh rejim yang lepas yang telah memonopoli kelebihan melalui media.

Selain daripada itu meletakkan had umur 18 tahun untuk membolehkan rakyat Malaysia mengundi juga merupakan satu langkah yang wajar dipuji dan perlu di laksanakan dengan kadar segera sekurang-kurangnya sebelum PRU-15 akan datang ia wajar diwartakan dengan pindaan kepada Perlembagaan. Oleh sebab apabila kita meletakkan umur ataupun had umur kepada 18 tahun untuk membolehkan rakyat Malaysia mengundi, lebih ramai rakyat Malaysia akan membuat keputusan dan membolehkan anak-anak muda kita diberikan hak yang serupa yang selama ini dinafikan oleh rejim yang lepas.

Selain itu pendaftaran secara automatik juga akan menyelesaikan banyak masalah berkenaan dengan pendaftaran. Begitu juga banyak pendaftaran yang hilang apabila rakyat Malaysia yang mempunyai MyKad berdaftar dengan JPN sepatutnya nama tersebut secara automatik diletakkan dalam *database* ataupun daftar *right* oleh SPR apabila rakyat Malaysia tersebut mencapai umur 18 tahun.

Penambahbaikan ataupun reformasi sebegini sudah pastinya akan menjadikan negara Malaysia negara demokratik yang disegani dan dihormati oleh dunia keseluruhannya. Selain itu, memperkenalkan *ombudsman* iaitu satu siasatan terhadap aduan-aduan, terhadap agensi-agensi

kerajaan akan membolehkan semua agensi kerajaan yang sepatutnya memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat akan sentiasa berwaspada memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mengambil kira setiap permintaan dan juga iltizam ataupun permintaan daripada rakyat.

Selain daripada itu, *ombudsman* juga selaras dengan prinsip demokrasi. Saya juga mohon mencadangkan, bukan setakat *ombudsman*, tetapi pihak kerajaan sepatutnya mempertimbangkan apakah ada kemungkinan, pindaan Perlembagaan dilakukan untuk memasukan referendum sebagai satu cara untuk kita mendapatkan mandat ataupun pungutan suara secara berperlembagaan daripada rakyat supaya rakyat boleh membuat keputusan dalam perkara-perkara besar yang melibatkan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu, mengukuhkan penyampaian dalam sistem perkhidmatan awam juga amat penting. Di antara agensi kerajaan yang wajar diberikan perhatian berkenaan dengan penyampaian maklumat atau *delivery of information* kepada rakyat adalah PBT, pihak berkuasa tempatan. Kita sedia maklum, PBT adalah merupakan agensi yang paling banyak berhubung ataupun paling dekat dan sentiasa menghadapi pelbagai masalah ataupun menangani aduan dan juga masalah setempat daripada rakyat.

Maka dengan itu, saya menyokong penuh penarafan PBT supaya semua PBT di Malaysia, daripada yang dipegang oleh sebelah kerajaan ataupun negeri yang dipegang oleh pembangkang sama-sama bersaing secara sihat dalam penarafan ini diberikan bintang supaya mereka berlumba-lumba untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan prospek ekonomi. Kita sedia maklum negara dirundung dalam keadaan kemelesetan ekonomi disebabkan ketirisan penyelewengan dan tindakan kleptokrat daripada rejim yang lepas. Jadi saya rasa untuk dua tiga tahun, Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih, kita kena berjimat cermat. Langkah menangguhkan pelaksanaan projek mega adalah tepat pada masanya sehingga ekonomi pulih. Jadi saya menyokong langkah kerajaan untuk menangguhkan pelaksanaan *High Speed Rail* (HSR) daripada Kuala Lumpur ke Singapura agar dana kerajaan ataupun fokus yang lebih diberikan kepada masalah-masalah lain, yang betul-betul menguntungkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap beberapa perkara dapat diberikan perhatian di bawah RMKe-11 ini. Menteri KPKT ada mengatakan bahawa 73 peratus daripada rumah yang tidak terjual adalah rumah mampu milik. Jadi ia sepatutnya diberikan fokus yang lebih oleh kerajaan untuk memastikan setiap rakyat tidak kira di bandar ataupun di luar bandar terutamanya mereka yang layak untuk memiliki rumah mampu milik diberikan peluang, diberikan kemudahan kredit dan sebagainya untuk memiliki rumah tersebut sebab adalah menjadi keperluan asas untuk rakyat memiliki sekurang-kurangnya satu rumah.

Saya juga mengambil kesempatan pada petang ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan sebab di Negeri Sembilan daripada Kajian Separuh Penggal RMKe-11 ini satu-satunya berita baik adalah berkenaan dengan penubuhan Pusat Kawalan Dan Pencegahan

Penyakit Kebangsaan di Nilai. Ia sangat dipuji. Kita tahu setiap penyakit itu tersebut adalah lebih baik kita ambil langkah pencegahan daripada kita membuat rawatan selepas dijangkiti oleh penyakit tersebut.

Tuan Yang di-Pertua saya juga mengambil kesempatan ini ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan atas komitmen untuk menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat sebagaimana yang telah digariskan dalam janji ke-56 dalam Buku Harapan. Oleh sebab ia selaras dengan Malaysia baharu untuk meningkatkan perpaduan nasional dan membolehkan masyarakat majmuk kita sentiasa menuju ke hadapan, menghadapi segala cabaran globalisasi sebagai satu unit di bawah nama bangsa Malaysia. Ia juga dapat mengelakkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba untuk mengapi-apikan isu perkauman dalam masyarakat majmuk kita.

■1900

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya hendak sebutkan ialah berkenaan dengan tonggak ketiga iaitu berkenaan dengan pembangunan wilayah yang seimbang. Saya bersetuju, baik di bandar mahupun di luar bandar, walaupun kawasan saya di bandar tetapi luar bandar juga memerlukan pembangunan. Akan tetapi, jauh lebih penting daripada itu adalah pembangunan tersebut mestilah membawa kesejahteraan kepada rakyat. Saya menyambut baik langkah kerajaan untuk menambahkan 300 menara telekomunikasi baharu dan menaik taraf 100 menara telekomunikasi baharu yang sedia ada.

Akan tetapi saya hendak tanya, apakah garis panduan ataupun spesifikasi untuk menara telekomunikasi ini didirikan? Ini disebabkan banyak *telco tower* yang sedia ada terletak terlampau dekat, ada yang bawah lima meter, ada yang bawah 10 meter dengan kawasan perumahan. Sudah tentunya ia akan menjejaskan kesihatan dan mendatangkan kebimbangan daripada rakyat. Jadi, saya harap sama ada KPKT ataupun Kementerian Komunikasi dan Multimedia dapat mengeluarkan ataupun dapat menggariskan satu garis panduan piawaian standard untuk seluruh negara di bawah majlis negara untuk kerajaan tempatan supaya dapat diguna pakai oleh semua PBT di Malaysia.

Jadi, saya sebenarnya ada banyak perkara lagi. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya menghormati masa yang telah diberikan. Saya juga ambil peluang pada petang ini mengucapkan semoga berjaya kepada Timbalan Yang di-Pertua yang bakal bertanding untuk jawatan Presiden Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Baram.

7.02 mlm.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas laluan yang diberi kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 seperti yang

dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi tempoh hari. Pada hemat saya, Kajian Separuh Penggal RMKe-11 ini merupakan satu dokumen yang penting. Ia dianggap penting bukan kerana ini adalah kali pertama PH yang memimpin negara membentangkan, tetapi yang dibentangkan oleh PH ini adalah pembangunan yang menyeluruh.

Kajian yang telah dibentangkan tempoh hari merupakan boleh menjadi kita punya rangka, jadi kita punya perintis untuk kita dalam masa yang terdekat ini dan juga bakal akan menjadi penanda aras untuk negara kita, untuk kerajaan apabila dibentangkan lagi rancangan-rancangan Malaysia yang bakal mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang pembangunan, saya sebagai wakil dari Sarawak, kebetulan juga daripada GPS, merasakan bahawa pembangunan kalau kita sebut sahaja pembangunan, maka yang terlintas dalam kita punya pemikiran ini ialah wilayah-wilayah yang kurang mundur. Wilayah-wilayah yang kurang mundur ini sudah semestinya adalah wilayah Sabah, wilayah Sarawak, Kelantan dan mungkin ada beberapa negeri lagi.

Saya sangat setuju dengan apa yang dibentangkan, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Keningau tadi tetapi kita tidak hendak merebutlah. Kita tidak mahu berebut sama ada siapa yang di belakang betul ini, sama ada dia Sabah ataupun Sarawak. Apa yang pokoknya bahawa wilayah ini, Sabah-kah dia, Sarawak-kah dia ataupun beberapa negeri di kawasan Semenanjung ini bahawa konsep pembangunan ini perlu dititikberatkan dan seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat. Ini boleh kita kata memang kesinambungan daripada kerajaan-kerajaan yang terdahulu.

Namun oleh kerana *economic mass* dia memang macam itu, maka kita tidak ada pilihan. Kerajaan Pakatan Harapan tidak ada pilihan yang lain selain daripada kita menangani situasi *development affairs* ini sejajar dengan kehendak rakyat. Jadi kita di negeri Sarawak, GPS telah pun saya rasa Kerajaan Sarawak, wilayah Sarawak walaupun dalam Kajian Separuh Penggal yang dibentangkan tempoh hari belum lagi disebut berapa jumlah peruntukan yang bakal digunakan, namun daripada segi GPS, negeri Sarawak, negeri yang mungkin kalau kita di belakang sangat, maka kita tetaplah nombor dua belakang mungkinlah GPS ya. Ini keadaan yang kita hadapi. Saya rasa kita punya rakan daripada sebelah kerajaan pun kalau dia tidak setuju, saya ingat dia menafikan hak ataupun kebenaran yang ada ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam satu pembentangan yang dibuat oleh *State Planning Unit* di wilayah Sarawak tempoh hari, *State Planning Unit* ini adalah satu unit kerajaan yang bertanggungjawab berkenaan dengan jumlah ataupun jenis projek dan peruntukan yang diperlukan. Kalau disebut dia punya jumlah ini memang banyak, dia berbilion. Kalau saya tidak silap dan saya rasa *I stand to be corrected*, dengan izin, bahawa wilayah Sarawak menjelang tahun

2030 memerlukan anggaran peruntukan kewangan khusus untuk peruntukan pembangunan- ini tidak termasuk *likes expenditure* yang lain, hanya *expenditure* pembangunan sahaja ini.

Dalam anggaran yang dibuat oleh SPU, dia membuat anggaran bahawa untuk kita menjadi wilayah yang maju menjelang tahun 2030, diperlukan kira-kira RM153.6 bilion ini. Ini peruntukan anggaran sahaja ini Tuan Yang di-Pertua, yang diperlukan menjelang tahun 2030 kalau kita hendak membangunkan kemudahan-kemudahan ataupun yang tidak ada wujud ataupun untuk kita perbaiki kemudahan-kemudahan di Sarawak, ini yang dianggarkan yang diperlukan.

Ini saya rasa *is not* dia memang adalah inflasi itu memang ada tetapi ini anggaran, RM153.6 bilion ini. Pecahannya, saya percaya ia pecahan yang macam ini Tuan Yang di-Pertua. Untuk sekolah dan pendidikan ataupun untuk *human resource*, SPU Kerajaan Sarawak memerlukan RM33.44 bilion ini. *I think* inilah kita tahu disebutkan juga oleh kita dalam Dewan ini, sekolah di Sarawak, keadaan sekolah yang cukup daif yang memerlukan pembaikan semula dan pembaikan semula ini bukannya tahap dia untuk dia *repair* dia punya jendela sahaja, tetapi mungkin melibatkan *repair* yang lebih dahsyat lagi ini.

■1910

Jadi kita memerlukan RM33.44 bilion ini untuk sekolah, baik sekolah rendah mahupun sekolah menengah ini. Itu satu contoh yang pertama. Contoh kedua yang saya hendak sebut ialah berkenaan dengan kemudahan-kemudahan api dan air. Kalau sebut air dengan api ini juga, kalau di kawasan saya kalau sebut sahaja berkenaan dengan api yang kita cakap ini *genset* yang beli sendiri ataupun bila sebut dengan air, kalau di Baram kita cakap ini *gravity feed water*.

Ini yang kita maksudkan dengan kalau kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, memang itulah standard yang ada untuk bekalan-bekalan kemudahan yang seperti ini. SPU atau *State Planning Unit* menganggarkan bahawa mereka memerlukan dalam lingkungan RM16 bilion. Ini untuk kebaikan – kalau ikut anggaran yang mereka buat untuk kegunaan 112,000 *household* ini dengan izin. Inilah keadaan yang ada di negeri Sarawak yang saya tidak mahu berebut dengan Keningau.

Kita nombor satu ataupun nombor dua dari belakang yang asas Yang Berhormat kata bahawa kita memerlukan peruntukan lebih daripada Kerajaan Persekutuan khususnya Kerajaan PH ini supaya menyalurkan peruntukan yang mencukupi demi untuk menaikkan taraf hidup rakyat di negeri Sarawak, Sabah. Untuk kesejahteraan negara ini untuk menentukan supaya negara kita ini tetap kekal dalam satu unit untuk mengukuhkan perpaduan di negara kita ini.

Akhir kata, saya mohon supaya ini diberikan. Saya memberi penjelasan ini supaya ia akan menjadi gambaran kepada Kerajaan Pusat untuk merancang peruntukan, untuk merancang RMK dalam dua tahun yang akan datang dan juga yang dalam masa-masa yang akan datang. Saya percaya kita menaruh harapan, GPS adalah kawan kepada siapa-siapa yang memerintah. Jadi kita yakin dengan slogan yang ada dengan Kerajaan PH sekarang ini iaitu *rule of the law*, mereformasi negara. Kita percaya *you will deliver it for the good of this nation*. So, itu sahaja terima kasih atas laluan, kalau salah tetap salah, itu memang *we stand to be corrected*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Baram. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai. Silakan.

7.13 ptg.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Pakatan Harapan telah pun memerintah lebih kurang empat bulan. Perancangan untuk baik pulih ekonomi telah pun dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beberapa projek mega tidak dapat diteruskan oleh kerajaan kerana keadaan ekonomi tidak seimbang ketika ini untuk meneruskan projek-projek mega.

Walau bagaimanapun projek-projek rutin seperti pembinaan hospital, sekolah-sekolah, jalan raya, infrastruktur dan sebagainya harus diteruskan. Ini adalah keperluan rakyat jelata yang harus diberikan perhatian. Tuan Yang di-Pertua, projek-projek ini haruslah diteruskan dan peruntukan yang seimbang perlu diberikan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang memberi jaminan untuk menambah baik sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Padang Serai. Di sini saya ingin memaklumkan bahawa pembangunan baru bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Bukit Mertajam masih tidak dirancang walaupun telah diutarakan pada sesi yang lepas. Sekolah Tamil Bukit Mertajam tidak ada sebarang pembaharuan dilakukan sejak sebelum merdeka lagi sehingga hari ini. Guru-guru dan para waris telah membuat aduan kepada saya bahawa semasa musim tengkujuh, kawasan sekolah sering dinaiki air. Sila ambil tindakan segera.

Di samping itu juga, di Semenanjung Malaysia terdapat 524 buah sekolah Tamil, sering kali disuarakan oleh golongan ibu bapa dan rakyat jelata tetapi kenapa tidak ada seorang Menteri atau Timbalan Menteri dilantik yang boleh mengambil perhatian serius terhadap sekolah Tamil dan pendidikan dalam bahasa Tamil. Seterusnya, saya mencadangkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan dapat menyelesaikan masalah tersebut dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengemukakan persoalan berkaitan kebajikan bagi tentera yang belum berpencen dan sudah berpencen. Ketika berjuta-juta rakyat negara ini bergembira dan bebas dari ancaman komunis, Malaysia dalam keadaan meriah, aman dan damai, kita tidak harus melupakan jasa perkhidmatan pihak tentera dalam negara ini. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, semasa mereka berperang dengan komunis, banyak risiko yang mereka hadapi terutama sekali *booby trap* yang dipasang oleh komunis. Mereka telah mengharunginya, ramai yang cedera, putus kaki, mata buta dan ada yang kehilangan nyawa.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pada ketika itu kerajaan membayar elaun untuk membersihkan jerangkap samar adalah hanya RM5 sahaja bagi membersihkan sesuatu *booby trap* bagi bom Perang Dunia Kedua yang telah meletup dan granit-granit yang di baling semasa latihan perlu dibersihkan, hanya dibayar RM50.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana keadaan pada masa tersebut? Adakah harga tentera itu nyawanya diletakkan dalam harga RM5? Mereka telah berkorban untuk mempertahankan negara yang kita cintai ini bagi menghalau keluar komunis-komunis dari negara ini supaya selamat, di mana setiap rakyat dalam negara ini tidak ada kawasan hitam dan tidak ada sebarang masalah. Oleh itu, saya berharap kerajaan mengambil perhatian tentang masalah-masalah bekas tentera. Di negara-negara lain, tentera dan pesara disanjung tinggi, kenapa Kerajaan Malaysia tidak menghargai jasa-jasa mereka? Saya berharap kerajaan dapat mengambil perhatian kepada masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kos hidup yang semakin meningkat menyukarkan para tentera, pencen yang diperoleh ini jauh lebih rendah untuk menampung kos kehidupan yang melambung tinggi. Bagi anggota tentera yang sudah berpencen sepertimana yang diumumkan sebelum ini, menetapkan pencen baru haruslah dilaksanakan dengan segera setaraf dengan gaji baru. Saya telah pun membangkitkan masalah ini beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini tetapi masih tidak ada perancangan untuk mengatasi masalah tersebut. Bagi orang-orang yang tidak berpencen dengan izin, saya mencadangkan bahawa memberikan elaun khas kepada mereka yang tidak berpencen sebagai mengenang jasa mereka sekurang-kurangnya setahun sekali.

Tuan Yang di-Pertua, masalah serius yang sering dihadapi oleh kaum India. Seluruh Semenanjung Malaysia terdapat banyak kaum India meminum minuman keras, samsu di merata-rata tempat seperti taman permainan kanak-kanak, kawasan sekolah, tempat ibadat dan perarakan sembahyang dan sebagainya. Apabila penduduk memberi aduan kepada pihak polis, alasan yang diberikan adalah kami tidak diberi kuasa untuk mengambil tindakan atas mereka dan tiada undang-undang untuk menangkap mereka, habis kepada siapakah harus dilaporkan? Pihak polis hanya boleh memberi amaran atau teguran kepada peminum arak tetapi tidak mengambil tindakan tegas.

Remaja hari ini layak untuk menerajui kepimpinan yang cemerlang seperti hari ini di hari esok. Pergaduhan kecil sentiasa berlaku dan ia semakin meningkat yang berpunca daripada kaki minum lebih-lebih lagi pada musim perayaan. Minuman keras selalunya mencemarkan nama sesebuah masyarakat atau kaum, kenapa kerajaan tidak mengambil berat langsung untuk membanteras perkara ini atau menunggu sesiapa lagi bertindak...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: ...Implikasi minuman keras seluruh premis, pergaduhan luar kawalan, penceraian, keruntuhan akhlak dan institusi, kaum, kematian...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Secara tiba-tiba...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh?

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: ...Mengakibatkan sesebuah keluarga menjadi *dysfunctional*, keluarga terbiar, anak-anak tidak dapat meneruskan pelajaran. Kini menular

kepada kaum Melayu, mereka juga terpengaruh dengan minuman keras sekarang. Sanggup kah minuman ini di kawasan ibadat semasa perayaan seperti kuil...

■1920

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Masa tidak cukup. Tiga minit sahaja ada.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ada. Ada.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta sedikit. Saya habiskan dahulu. Maka, saya berharap kerajaan haruslah mewujudkan suatu undang-undang dan memberikan kuasa sepenuhnya kepada pihak polis supaya dapat mengambil tindakan yang tegas dan sewajarnya. Oleh yang demikian, saya berharap kerajaan perlu membuat sesuatu supaya remaja hari ini layak untuk menerajui kepimpinan yang cemerlang seperti hari ini dan di hari esok.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Parlimen Padang Serai terdapat kekurangan anggota polis dan perlu ditambah. Cadangan saya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri supaya menaikkan taraf pegawai polis di setiap balai polis di semua cawangan Parlimen Padang Serai dengan menambahkan bilangan anggota polis dan kenaikan pangkat. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, penduduk di daerah Kulim mencecah hampir 300,000 orang awam. Maka, tibalah masa untuk membuat kajian semula dan dapat memberi peluang kepada mereka untuk kenaikan pangkat.

Selain itu, kerajaan juga harus memberi elaun khas kepada anggota polis atau menyelaraskan gaji mereka memandangkan tugas mereka tidak ada had masa dan tidak berpeluang menuntut tuntutan bekerja lebih masa, *no overtime*, dengan ini pihak kerajaan dapat membanteras gejala rasuah dan tidak sihat. Keadaan ini amat membimbangkan dan pihak bertanggungjawab haruslah berwaspada supaya kes-kes seperti ini tidak diulangi bagi pasukan dan bertanggungjawab menjaga keamanan dan ketenteraman awam.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: *Fuhh!* Dahsyat!

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, didapati ramai pemuda-pemudi yang diisytiharkan *blacklist* di negara ini. Ke manakah hala tuju mereka sepanjang hayat? Oleh yang demikian, saya bercadang sesiapa yang diisytiharkan *bankrupt* sekurang-kurangnya 500,000 ke bawah kerajaan harus memberi peluang kepada golongan ini. Mereka terus diberi peluang supaya sama-sama mengambil bahagian di dalam arus kemajuan negara Malaysia. Perkara yang diisytiharkan dan dihitamkan ini semakin menular di kalangan rakyat yang kurang faham tentang implikasi dan perkara ini haruslah di pandang serius.

Tuan Yang di-Pertua, adakah mereka akan terus hidup merana dalam situasi *bankrupt* sepanjang hayat? Mahukah kerajaan biarkan mereka sebegitu selama-lamanya di samping menanggung komitmen keluarga yang tinggi? Adakah tindakan dan usaha kerajaan untuk memberi nafas baharu kepada golongan ini supaya mengatasi masalah mereka. Golongan ini sudah tentu turut akan berperanan dalam usaha membantu meningkatkan taraf ekonomi negara.

Di negeri Kedah kawasan Hi-Tech Park yang terletak di kawasan Parlimen Padang Serai masih terdapat tanah yang luas untuk membina industri perkilangan berteknologi tinggi memandangkan kawasan ini terdekat dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti pelabuhan dan lapangan terbang. Dengan ini ramai rakyat Malaysia terutama sekali anak-anak muda kawasan ini boleh mendapat peluang bekerja dan tidak perlu berhijrah ke tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Akhir kata, izinkan saya, *it's very easy to give an example, but it's very difficult to be an example*. Padang Serai menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 dengan sepenuh hatinya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin menjemput Yang Berhormat Kota Kinabalu.

7.24 mlm

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk terus serta membahaskan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancang Malaysia Ke-11 (KSP RMKe-11). Tuan Yang di-Pertua, tema utama atau pun *keypoint* bagi perbahasan saya pada hari ini adalah berkenaan menjadikan bandar raya Kota Kinabalu sebagai bandar yang berdaya saing.

Saya sangat gembira kerana kawasan saya Kota Kinabalu telah pun di pilih sebagai salah satu daripada empat bandar utama di Malaysia selain daripada Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching yang diberikan keutamaan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11, bagi inisiatif-inisiatif yang diambil untuk meningkatkan daya saing. Inisiatif-inisiatif ini termasuk penyediaan pengangkutan awam yang lebih baik, pembinaan lebih banyak perumahan mampu milik, perluasan inisiatif pendigitalan dan penambahbaikan pengurusan sisa.

Saya telah membaca laporan ini dan saya mendapati ada lapan pencapaian dalam pembangunan bandar berdaya saing dalam RMKe-11 dari tahun 2016 sehingga tahun 2017 untuk Kota Kinabalu. Lapan pencapaian tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pelaksanaan Kajian Pelan Induk Daya Saing;
- (ii) pengoptimuman persekitaran alam bina melalui garis panduan perancangan yang dinamik iaitu Pelan Struktur Sabah 2033;
- (iii) kajian kemungkinan Bas Rapid Transit *system* ataupun BRT untuk Kota Kinabalu;
- (iv) sebanyak 9,693 unit rumah mampu milik telah dibina;
- (v) penubuhan pusat perkhidmatan dan penyuburan luar SSO di Taman Perindustrian Kota Kinabalu;
- (vi) penubuhan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Kota Kinabalu;
- (vii) pelancaran *Wi-Fi* percuma di Kota Kinabalu sebagai platform bagi menggalakkan inisiatif e-Kerajaan; dan

- (viii) pelancaran aplikasi mudah alih iKepoh untuk mengendalikan aduan rakyat melalui *smartphone*.

Syabas saya ucapkan. Walau bagaimanapun, saya mendapati bahawa bandar raya Kota Kinabalu terus ketinggalan di belakang dari segi daya saing sekiranya dibandingkan dengan kota-kota besar di Semenanjung Malaysia termasuk Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Hal ini dilihat apabila anak-anak kelahiran Sabah yang berpendidikan tinggi telah pun memilih untuk berhijrah ke Semenanjung Malaysia dan bekerja di sana dan bukannya di Kota Kinabalu yang merupakan ibu negeri Sabah. Sabah semakin hari semakin mengalami *brain drain* yang berterusan ini dan perkara ini amat menyedihkan. Saya sedar berkenaan usaha kerajaan yang lampau dalam memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah tetapi saya mendapati bahawa koridor pembangunan Sabah yang lalu mendapat pelaburan direalisasikan yang paling rendah di antara lima koridor ekonomi wilayah.

Sabah hanya mendapat RM19.7 bilion daripada jumlah RM107.2 bilion keseluruhan untuk kelima-lima pembangunan ekonomi wilayah. Selain itu, peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah juga yang paling rendah daripada jumlah keseluruhan 147,000 peluang pekerjaan hanya 7,753 peluang pekerjaan berjaya diwujudkan di Sabah. Saya melihat bahawa Kerajaan Persekutuan yang baharu ini perlu komited dan memberi kesungguhan politik untuk meningkatkan daya saing bandar raya Kota Kinabalu.

Saya amat setuju dengan tonggak mereformasi takbir urus Kerajaan Persekutuan melalui cara meningkatkan ketulusan dan kecekapan bagi perkhidmatan awam. Selaras dengan prinsip ketulusan dan kecekapan *enforcement* pelaksanaan juga seharusnya diperingkatkan. Berkenaan dengan hal ini saya ambil maklum bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah pun menyiapkan siasatan bekas Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan dan bekas Timbalan Perdana Menteri Yang Berhormat, Bagan Datuk juga telah pun memulakan pendakwaan di mahkamah. Syabas saya ucapkan atas kecekapan dan kelajuan SPRM.

Akan tetapi di sini saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah status atau perkembangan terkini siasatan terhadap bekas Ketua Menteri Sabah? Ini kerana ia cuma adil sekiranya bekas Ketua Menteri Sabah juga diberikan layanan yang sama seperti SPRM yang dibuat kepada bekas Perdana Menteri dan bekas Timbalan Perdana Menteri. Rakyat sekarang tertanya-tanya apakah yang berlaku dengan penyiasatan apabila TYT Sabah pun menuduh bahawa bekas Ketua Menteri ini mengugut nyawa beliau. Ini sangat serius.

Di sini saya juga bersetuju dengan laporan KSP RMKe-11 bahawa hubungan di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Tempatan seharusnya di tambah baik. Saya menyarankan ianya dilakukan dengan mengembalikan semula semangat *feudalisme*. Pihak berkuasa tempatan sebagai pihak kerajaan yang paling hampir dengan rakyat akan di perkasa selaras dengan keperluan rakyat dan perkembangan teknologi. Selain ini, dalam meningkatkan daya saing bandar Kota Kinabalu, saya dengan sesungguhnya menggesa agar

pilihan raya kerajaan tempatan harus diperkenalkan di Kota Kinabalu yang merupakan antara empat bandar raya utama yang diberikan keutamaan untuk memperkasa demokrasi tempatan. Begitu juga dengan tiga bandar raya yang lain.

Saya ingin mencadangkan bahawa pilihan raya tempatan ini boleh mula diadakan bagi peringkat Ahli Majlis seperti yang pernah diadakan di negara ini sebelum tahun 1964 atau pemilihan terus datuk bandar atau *mayor* dengan izin supaya semangat feudalisme di junjung serta membina bandar berdaya saing di mana datuk bandar haruslah menjawab terus kepada rakyat yang mengundinya.

■1930

Saya amat setuju dengan kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan mungkin boleh dilaksanakan dalam masa sekurang-kurangnya tiga tahun lagi. Saya harap janji KPKT ini akan dapat dilaksanakan walaupun tidak disebut di dalam laporan KSP RMKe-11 ini.

Saya ingin membahaskan juga dengan galakan pembangunan dalam bandar yang berdaya saing di bawah tonggak menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang. Urbanisasi yang pesat sekitar Kota Kinabalu sudah mewujudkan satu konurbasi di antara Tuaran di utara, Penampang di timur, Putatan di barat, Papar di selatan dan Kota Kinabalu di tengah-tengah. Walaupun perkembangan ekonomi yang rancak di bandar, faktor seperti kepadatan yang rendah, rumah mampu milik yang kurang, perkhidmatan penjagaan kesihatan awam yang tidak cukup, jaringan pengangkutan awam yang tidak lengkap serta lalu lintas yang sesak dan internet yang kurang memuaskan terus menjejaskan daya saing Bandar Kota Kinabalu.

Berkenaan dengan rumah mampu milik, sasaran kerajaan baru ini untuk tempoh tahun 2018 ke 2020 ialah di seluruh negara membina 200,000 buah rumah. Soalan saya berapakah akan terdapat di Kota Kinabalu dan saya mengalu-alukan penubuhan suatu Majlis Perumahan Mampu Milik Negara supaya pembinaan rumah mampu milik diseragamkan oleh satu unit sahaja di seluruh negara dan tidak berlaku pertindihan fungsi di antara PR1MA kah, persekutuan dan LPBB di Sabah.

Untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan awam, saya ingin meminta hantarlah satu *CT scan* atau *PD scan* kepada Queen Elizabeth Hospital di Kota Kinabalu.

Berhubung dengan pengangkutan awam, saya ingin merujuk kepada laporan Bank Dunia 2015 yang menyatakan bahawa Kota Kinabalu perlu *early intervention*, dengan izin untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas. Dalam hal ini, saya harap BRT sudah digaji dan saya harap dapat dilaksanakan.

Saya juga ingin membahaskan berkenaan isu membelenggu kerjasama serantau ASEAN. Dalam tempoh akhir RMKe-11, terdapat inisiatif untuk meningkatkan kesinambungan serantau dalam Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur - Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina

(BIMP-EAGA) wajib dilaksanakan. Di sini, kawasan Kota Kinabalu telah dikenal pasti sebagai hab penerbangan serantau untuk menampung peningkatan penumpang dan perkhidmatan *freight*. Selain itu, perkhidmatan feri roll-on-roll-off antara Sabah dan Palawan, Filipina akan dilancarkan bagi menambah baik ketersambungan laut dan juga meningkatkan pelancongan dan memperkukuh aktiviti perdagangan sempadan. Peluasan pelabuhan kontena Teluk Sepanggar akan merancakkan industri logistik di Kota Kinabalu dan di Sabah. Di sini saya ingin menyatakan saya menyokong tindakan yang diambil oleh kerajaan dan saya memohon supaya peruntukkan dipercepatkan. Saya agak laju ini. So, sekarang boleh perlahan sedikit.

Akhir sekali saya tertarik dengan laporan bahawa pengeluaran gas asli dijangka melonjak berikutan pembinaan Fasiliti Gas Asli dan Cecair Terapung Dua milik Petronas di lapangan Rotan, luar pesisir Kota Kinabalu. Fasiliti ini dijadualkan akan siap pada tahun 2020 untuk memenuhi jangkaan permintaan global yang lebih tinggi bagi tenaga rendah karbon. Memandangkan ini saya percaya bahawa royalti minyak dan gas asli kepada Sabah juga akan meningkat. Saya berharap agar rakyat Sabah dapat menikmati hasil daripada ini. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua perbahasan daripada Kota Kinabalu. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tepat sekali. [*Dewan tepuk*] Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Marudu. Silakan.

7.34 mlm.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang bagi saya walaupun masa yang singkat untuk memberi input dan penerangan kepada perbahasan KSP RMKe-11. Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengalu-alukan apa yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Laporan yang tebal, *volumes* serta juga cadangan-cadangan baru. Daripada keseluruhannya memandangkan Kerajaan Pakatan Harapan ini sudah lima bulan, laporan ini bersandarkan banyak kepada pencapaian yang telah pun diperoleh oleh kerajaan sebelum ini, Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun ada pendekatan-pendekatan yang baru seperti enam tonggak itu, kita berharap bahawa enam tonggak ini bukan sekadar tongkat untuk *life as usual* tetapi sesuatu yang— perkataan yang digunakan banyak oleh para *backbencher* Pakatan Harapan ini ialah transformasi. Akan tetapi dari segi itu, saya akan melihat bahawa tidak banyak yang kita boleh harap akan betul-betul membuat Malaysia mencapai matlamat kemajuan Wawasan 2020. Maka ini akan bersandar banyak kepada tindakan-tindakan yang perlu dibuat oleh pihak kerajaan yang memerintah sekarang ini.

Satu, dari segi keikhlasan untuk benar-benar mencapai matlamat yang telah digariskan khususnya melalui enam tonggak yang telah pun digariskan. Ada dua, tiga yang memang sesuatu yang kreatif tetapi sebenarnya sekadar penghalusan kepada strategi dan pendekatan sebelum ini. Misalnya ketelusan dalam pentadbiran awam, isu *inclusiveness*, pembangunan wilayah yang seimbang. Ini pun bukan perkara-perkara yang baharu. *We don't really expect* dengan izin

completely new. It's a same group of officers over the years and dalam lima bulan *we can understand* bahawa *to come up with* sesuatu yang drastik bukan juga senang.

Jadi saya rasa ada satu perkara lagi ialah perkara mengenai dengan bajet. Ini perlu kita lihat di dalam pembentangan bajet untuk tahun hadapan. *So that* kita bukan cakap-cakap sahaja. Akan tetapi kita betul-betul bakal keperluan untuk meloncatkan pembangunan khusus untuk ke arah mencapai Wawasan 2020 *because* inilah peringkat terakhir sebenarnya langkah-langkah dari segi strategi pembangunan.

Saya sekadar, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dua, tiga perkara yang begitu khusus untuk negeri Sabah dan Sarawak. Satu adalah di bawah pembangunan tonggak pembangunan wilayah yang seimbang. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat lain telah sentuh termasuk yang dalam kerajaan dan di *backbenchers* di sebelah kami di sini yang telah mengatakan begitu besar masih *gap* di antara wilayah ini. Dalam perkara ini sangatlah penting supaya bukan sahaja perancangan yang tepat tetapi komitmen yang tegas, yang penuh untuk mencapainya. Dari segi infrastruktur, kita bercerita tentang infrastruktur jalan, infrastruktur air, infrastruktur elektrik, infrastruktur perkhidmatan kesihatan, pendidikan— ini yang begitu asas sekali. Apabila ada perubahan kerajaan yang baru-baru ini di peringkat persekutuan, saat ini pembangunan infrastruktur di peringkat negeri Sabah dan Sarawak ini banyak terbantut kerana *well* boleh dikatakan ini baru sekadar lima bulan bah. Akan tetapi banyak projek yang telah kena KIV, *claim-claim* oleh pihak kontraktor belum dapat ditunaikan. *So*, ekonomi tempatan merosot.

Selain daripada ini, ada juga yang menerima pembatalan-pembatalan, banyak kontraktor Bumiputera yang terjejas dalam perkara ini. Antara projek besar, Pan Borneo. Kami berharap bahawa pihak Kerajaan Pusat akan meneruskan apa yang telah dirancang di dalam perkara ini. Misalnya peruntukan khas RM1 bilion untuk memperbaiki infrastruktur pendidikan bagi Sabah dan Sarawak. Baru sekadar 30 peratus yang telah pun dapat diselesaikan dan saat ini Tuan Yang di-Pertua, fasa kedua belum ada cerita lagi. Ini sangat penting. Sebenarnya bagi kerajaan yang sebelum ini, Kerajaan Barisan Nasional ada komitmen yang telah kami putuskan pada waktu itu supaya ada peruntukkan khas seperti peruntukkan khas pendidikan itu. RM1 bilion untuk jalan kampung untuk Sabah dan Sarawak. Ini tiada cerita lagilah.

■1940

Kami berharap bahawa pihak kerajaan yang sekarang ini akan meneliti kembali. Oleh sebab inilah yang termasuk di dalam satu perihal *inclusiveness*, satu perihal pembangunan wilayah yang seimbang. Kalau ini tidak dapat diberi tumpuan khas, maka kita akan terus ke belakang. *I don't think*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita boleh capai matlamat Wawasan 2020 selagi di Sabah dan Sarawak, *the whole sector* dan memang Kelantan, beberapa negeri juga di Malaya ini kalau tidak diatasi dan diberi tumpuan, *I am afraid we will miss the* matlamat Wawasan 2020.

Satu, dua perkara lagi Tuan Yang di-Pertua. Satu mengenai dengan hak-hak negeri Sabah dan Sarawak. Ini hangat diperbincangkan melalui tumpuan kepada Perjanjian Malaysia (MA63).

Saya sekadar mengatakan di sini bahawa ini adalah *household issue* pada saat ini di Sabah dan Sarawak yang *people* hendak kena dimaklumkan mengenai apakah hak sebenarnya negeri Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Kalau kita tidak tangani ini dengan baik, ia akan melarat di mana *disastifaction*, ketidakpuasan hati dan golongan sudah seperti Sabah dan Sarawak keluar Malaysia. Kini kita tidak mahu terjadi. Parti saya, Parti Bersatu Sabah, pandangan kami dalam perkara bodoh punya otak. Akan tetapi kalau tidak ditangani, ini akan terjadi untuk memudaratkan ketulenan Persekutuan Malaysia.

Dalam perkara ini saya berharap pihak Kerajaan Pusat akan memberi tumpuan yang lebih khusus. Banyak telah diputuskan oleh kerajaan yang sebelum ini untuk sudah di peringkat pelaksanaan. Akan tetapi ini malangnya ada perubahan, *I don't think you need to start*, dengan izin, *reinventing the wheel*, banyak sudah telah diminitkan. Jawatankuasa teknikal di bawah Kabinet pada waktu itu, satu *committee* yang disertai oleh 12 Kabinet dari Sabah dan Sarawak. *No other people except the AG*, Tuan Yang di-Pertua. Ada yang sudah dipersetujui, misalnya isu *mining and gas distribution* untuk Sabah dan Sarawak. Dalam bidang tenaga kita telah setuju sebenarnya, kembalikan *Sabah Electricity Board*. Memang perlu ada bantuan daripada Pusat. Semuanya ini, apakah status yang terkini dan seterusnya? Akan tetapi ini sangat penting, memang *definition* itu begitu pokok sekali.

Seperti yang disentuh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, *I think you have to go back to the drawing board* dari segi definisi. Pada masa Malaysia ditubuhkan itu, *the Constitution says in page 1, the Federation are consists of the states in the Malayan Federation*, dua, *the states in the Borneo Territory of Sabah and Sarawak* dan tiga, Singapura. Pada tahun 1967 ia tukar untuk *just* menjadi lain, satu lain saja bahawa *the States of the Federation shall consists and* ia sebut *state* demi *state*. Tiada lagi yang mencerminkan wilayah. Okey, yang harus memberi gambaran. Apabila definisi itu dikembalikan kepada yang tulen, baru senang kita mengurus, berbincang mengenai pembangunan. *Now, Sabah and Sarawak are just one of the 13 states, plus wilayah, 14, with special rights, but that was not the desire and aspiration of power of funding for others*. Saya berharap pihak kerajaan memberi, menelitikan perkara ini. Pakatan sebelum pada masa pilihan raya pun begitu kuat bersuara bahawa Sabah dan Sarawak *is special, it is not equivalent to Perlis, not equivalent to Terengganu. We are state to special rights*. Okey, kembali kepada yang asas dan barulah kita boleh membina Malaysia.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, inilah perihal PTI di Sabah. Saya minta pihak Kabinet, banyak sudah langkah-langkah yang telah dilaksanakan tetapi tidak mencukupi. Kalau kita tidak tangani ini dengan baik Tuan Yang di-Pertua, *we will lose Sabah, we don't want to lose Sabah. Sabah is our land, the land of Malaysia*. Akan tetapi dengan sebab tadi ucapan Yang Berhormat Keningau, berapa banyak yang di situ— sekejap, saya satu minit. Ini akan— semua parti harus berjaga-jaga. *There are only two pronged strategy*. Satu, lindungi *new people from coming in*. Kedua, atur yang sudah masuk di dalam sudah. Tangkap yang *illegal. What are our agencies*

doing? Okay. Mana kita perlu workers, okey, tangkap dulu, masuk sana rumah merah, then sold out siapa yang perlu labour. Akan tetapi selagi ini tidak dibuat, they will continue to come in and they will continue to threaten our people. Tuan Yang di-Pertua, saya bekas hakim, saya worried our younger generations will take things into their own hands when they don't feel safe, they go back to the jungle, bawa sumpit, Dusun sama Dayak ini lain, then our country will be damaged.

Terakhir, prinsip, etika, politik. *When I spoke- my maiden speech 1995 here, I am six-term MP. Waktu itu Kerajaan Negeri Sabah baru tumbang kerana people cross the floor and the government changed and it is still happening. WARISAN punya government in Sabah, yes, good luck to you, Yang Berhormat Menteri dan seterusnya. But, ada kerajaan sudah yang angkat sumpah, then ada parti pull out and tumbang kerajaan. At that time when I spoke, young man lagi, 1995 maiden speech, we must have ethics. We never hear— I mean, in Australia kah, New Zealand kah, Eropah kah, di mana Republican caused the flaw and jatuh kerajaan. Australia Liberal, country party and labour, people cross the floor, turn out. What kind of generation and foundation for the country we are building? When we again change politics, platform politics, then you can change government, but just no ethics and— we should have a Code of Conduct for the Members of Parliament, Tuan Yang di-Pertua, supaya ada adab. What kind of example are we giving to the young people?*

Just now mengatakan, yes dia kata we can recap. It is one thing to give good example, it is another one to be an example of. I beg— I'm six-term Parliamentarian finishing our— the august House should have that kind of ethics and Code of Conduct for politicians. Now, maybe through SPR and EC, should be done. Dengan kata demikian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kota Marudu. Sekarang giliran Yang Berhormat Sekijang. Silakan.

7.47 ptg.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahir Rahmanir Rahim. Pantun tunggal saya pada hari ini,*

*Berburu di padang datar,
Dapat rusa berbelang kaki,
Berguru kepalang ajar,
Bagaikan bunga kembang tidak jadi.*

Saya akan menyentuh tonggak keempat iaitu berkenaan dengan memperkasa modal insan, khusus kepada pendidikan dan juga kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan masyarakat berdaya saing dalam berbagai bidang pembangunan modal insan, tahap pendidikan inklusif perlu dipertingkatkan usaha-usaha untuk meningkatkan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta penguasaan bahasa Inggeris dan peningkatan

kemahiran berfikir sangat dialu-alukan. Namun, penekanan harus dimulakan dengan menitik beratkan kepada latihan serta kebajikan mereka yang akan dan menerajui pembangunan modal insan. Guru dianggap sebagai pelita yang membakar diri sendiri untuk menerangi kehidupan orang lain.

Apa yang sedang berlaku sekarang dan jika tidak diambil peduli oleh kerajaan, guru-guru yang dianggap sebagai pelita ini akan terus memadamkan diri mereka dan akan hilang di malam yang gelap pekat. Guru adalah insan yang akan membawa perubahan dalam pembangunan masyarakat. Guru-guru adalah segala-galanya. Walaupun mereka mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu yang diperolehi dari latihan untuk menjadikan mereka sebagai tenaga pengajar yang berkesan melalui institusi-institusi pendidikan. Sejak berpuluh tahun hingga sekarang, ramai guru boleh lah dianggap sebagai *jack of all trades, master of none*, dengan izin. Guru-guru di sekolah biasa bolehlah dianggap sebagai seorang ibu atau bapa, pembantu rumah, kerani, pegawai keselamatan, pencatat pelbagai rekod, jururawat, doktor, bahkan pemandu atau *driver* dan juga pengasuh ataupun kaunselor.

Guru-guru pakar juga tidak kurang penglibatan mereka dengan kerja-kerja yang bukan berbentuk akademik ini. Jika kepakaran guru-guru ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan, maka hala tuju pendidikan negara kita akan tergelincir dari landasannya. Sepatutnya guru-guru ini bertanggungjawab kepada tugas hakiki mereka iaitu menumpukan kepada bidang pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan bukan membuat kerja-kerja yang *non-academic*, dengan izin.

■1950

Kerja-kerja *non academic* ini perlulah dikurangkan ataupun dihapuskan kepada yang dibebankan di atas bahu semua guru. Kerajaan perlu mewujudkan kerani-kerani daripada pelbagai bidang dalam pendidikan itu sendiri iaitu kerani yang akan mengisi pelbagai data murid atau pelajar-pelajar. Pada setakat ini, semua ini dibebankan kepada guru-guru sekolah dan juga guru-guru mungkin di maktab ataupun di universiti sekalipun.

Kerja-kerja perkeranian yang akan mengambil masa yang banyak ini menghalang guru-guru ini untuk memberi tumpuan kepada pengajaran dalam kelas ataupun *classroom teaching*. Janganlah dijadikan guru-guru kita sebagai robot yang tiada pertimbangan keperluan sebagai insan biasa dan yang hanya mengikut arahan daripada ketua-ketua mereka sahaja. Ini akan memberikan kesan yang negatif terhadap keperibadian guru-guru itu sendiri.

Sekiranya guru-guru ini sibuk dengan mengisi pelbagai data tentang murid-muridnya iaitu maklumat mengenai sahsiah, pencapaian-pencapaian kurikulum dan juga kokurikulum mereka serta pelbagai data lain mengenai sekolah ataupun gerak kerja guru itu sendiri, maka bilakah masanya guru-guru ini dapat berinteraksi dengan pelajarnya yang sepatutnya mereka bersama-sama menjalani proses P&P itu? Bilakah guru-guru ini akan mempunyai *quality time* bersama murid-murid atau pelajar-pelajarnya?

Oleh kerana bebanan kerja yang lebih menjurus kepada kerja-kerja perkeranian, maka ramai guru akan merasakan bahawa kepakaran mereka untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar-pelajar mereka akan kurang berkesan. Ini juga akan menimbulkan keresahan kepada ibu bapa dan pelajar-pelajar itu sendiri. Mana-mana ibu bapa yang berada bolehlah menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan kelas tuisyen daripada luar sekolah terutama untuk mata pelajaran sains dan matematik. Bagaimana pula dengan pelajar-pelajar yang tidak mampu? Maka di sinilah akan menimbulkan jurang pembelajaran antara pelajar-pelajar yang ibu bapa mereka berkemampuan dengan yang tidak berkemampuan.

Dengan pelbagai sistem perolehan data untuk diisi ke dalam pangkalan data di peringkat sekolah, di peringkat PPD dan juga negeri dan kebangsaan, maka didapati ramai guru yang akan membuat persaraan pilihan dan tidak akan menunggu masa untuk persaraan wajib. Negara akan kehilangan guru-guru yang berpengalaman dan pakar dalam banyak bidang akademik sekiranya tugas hakiki pendidikan yang tidak disenangi ini tidak ditangani dengan sempurna.

Selain daripada menitikberatkan bidang pendidikan, kerajaan juga perlu memandang serius terhadap perkembangan sektor kesihatan. Rakyat yang sihat adalah penentu kepada hala tuju negara. Saya akan menyentuh hanya kepada satu bahagian kesihatan sahaja iaitu kesihatan mental yang berkait rapat dengan kanak-kanak serta remaja berumur antara 13 tahun hingga 29 tahun. Mereka ini adalah pewaris negara pada masa hadapan. Oleh itu, kesejahteraan hidup mereka perlu diberikan keutamaan.

Mengikut fakta daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ataupun *World Health Organization*, dengan izin, penyakit kemurungan atau *depression* ini adalah penyakit ketiga utama beban penyakit di kalangan remaja atau orang muda. Bunuh diri juga merupakan penyakit kematian kedua utama di antara golongan belia berusia antara 15 hingga 29 tahun di negara kita.

Berdasarkan laporan *National Health & Morbidity Survey 2017*, kadar kemurungan dan keresahan di kalangan responden yang terdiri daripada remaja berumur 13 hingga 17 tahun telah menunjukkan peningkatan berbanding kajian yang sama pada tahun 2017.

Masa remaja dan tahun-tahun di awal dewasa adalah waktu banyak terjadi perubahan dalam hidup. Misalnya bertukar sekolah, meninggalkan rumah selepas tamat persekolahan, memasuki universiti atau melalui pekerjaan baru. Ini mungkin dianggap masa yang menyeronokkan bagi sesetengah remaja. Namun, mereka juga boleh menghadapi tekanan dan kebimbangan.

Dalam sesetengah kes ini, jika tidak dikesan dan diuruskan dengan baik, perasaan ini boleh membawa kepada masalah yang lebih serius, misalnya penyakit mental. Dalam arus perubahan zaman ini, masih terdapat ramai remaja yang tinggal di kawasan-kawasan setinggan, rumah-rumah kongsi, bencana alam dan juga kawasan yang mudah terdedah dengan wabak penyakit.

Golongan belia yang hidup dalam keadaan seperti ini sangat terdedah kepada tekanan mental dan juga penyakit-penyakit berjangkit. Penggunaan alkohol dan dadah haram yang memudaratkan di kalangan remaja adalah isu utama di banyak negara dan boleh membawa kepada masalah tingkah laku berisiko seperti masalah ketagihan, penglibatan dalam jenayah atau pemanduan berbahaya iaitu merempit. Dengan izin, *eating disorder* seperti anoreksia dan bulimia juga menjadi trend yang membimbangkan di kalangan remaja.

Banyak yang boleh kita lakukan untuk membina daya tahan mental daripada usia awal untuk membantu mengelakkan tekanan dan penyakit di kalangan remaja dan orang muda. Untuk mencegah atau pemulihan daripada penyakit mental, pencegahan akan bermula dengan menyedari dan memahami tanda-tanda dan gejala awal penyakit mental. Ibu bapa dan guru dapat membantu membina kemahiran hidup kanak-kanak dan remaja untuk membantu mereka mengatasi cabaran setiap hari di rumah dan juga di sekolah. Sokongan psikososial boleh disediakan di sekolah-sekolah dan di peringkat komuniti melalui program-program kesedaran kesihatan mental serta latihan untuk mengesan tanda-tanda awal gangguan kesihatan mental.

Tuan Yang di-Pertua, bak kata pepatah, *it takes a village to raise a child*, dengan izin. Perkembangan seorang kanak-kanak bukan merupakan peranan ibu bapa sahaja malahan memerlukan kerjasama daripada seluruh komuniti. Pihak kerajaan, pihak NGO, ibu bapa, guru-guru, badan-badan sosial, pihak agama dan semua individu dalam masyarakat perlu bekerjasama untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan mental, memberi sokongan terutama daripada segi emosi di kalangan belia.

Dengan itu, saya sudah dengan *wabillahi taufik wal hidayah, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Cameron Highlands. Silakan.

7.58 mlm.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil perhatian Dewan untuk menyampaikan ucapan takziah kepada ahli keluarga 189 penumpang dan anak kapal pesawat Lion Air JT610 yang disahkan terhempas pagi tadi. Semoga mereka terus kuat menghadapi dugaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Sesungguhnya *mid-term review* ini penting untuk mengenal pasti dan menentukan hala tuju negara pada masa akan datang. Seperti mana yang dikatakan oleh penulis ekonomi, George Friedman, dalam bukunya *The Next Decade*, "*A century is about events, a decade is about people*".

Sebenarnya RMKe-11 ini berkait rapat dengan dua pemimpin penting iaitu Yang Berhormat Pekan daripada Barisan Nasional yang telah merancang dan membentangkan RMKe-11 pada tahun 2016 serta Yang Amat Berhormat Langkawi dari Pakatan Harapan yang akan memastikan Rancangan Malaysia Kesebelas mencapai objektifnya.

Saya berpandangan bahawa pembangunan pada tahun 2020 haruslah bersifat holistik dan merangkumi segala aspek termasuk pembangunan moral dan nilai hidup yang tinggi. Tiada gunanya kita mencapai pembangunan ekonomi yang *advance*, dengan izin, namun gagal dalam melahirkan generasi yang bermoral dan berakhlak tinggi serta berintegriti.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perspektif ekonomi, jika dikaji secara teliti Kajian Separuh Penggal, jelas membuktikan Malaysia berada di dalam landasan yang betul dan tidaklah seburuk seperti yang diuar-uarkan oleh barisan kepimpinan Pakatan Harapan sebelum pilihan raya umum yang lalu.

■2000

Tuan Yang di-Pertua, fakta ekonomi yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini menunjukkan bahawa KDNK negara berkembang sebanyak 5.1 peratus. Kadar pengangguran berada dalam keadaan yang terkawal di bawah tiga peratus. Kedudukan Malaysian Welding Index meningkat dari 121.8 mata kepada 122.8 mata pada 2016. Kesemua statistik serta data ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional amat komited dalam mentadbir negara dengan *intention* yang baik untuk mencapai objektif-objektif yang dikenal pasti, walaupun pada ketika itu kita menyaksikan pertumbuhan KDNK dulu yang terendah sejak krisis kewangan ekonomi global.

Semua ini adalah pencapaian-pencapaian positif yang mengikut perancangan Kerajaan Barisan Nasional tetapi semua ini dinafikan oleh kepimpinan Pakatan Harapan untuk tujuan politik. Rakyat telah dikelirukan dengan dakwaan negara akan muflis dalam masa enam bulan sebelum PRU yang lalu. Kini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengakui bahawa pertumbuhan ini secara umumnya diterima antara yang terbaik di rantau ini. Jadi adalah tidak adil jika dikatakan Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini tidak langsung menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu saya memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi untuk inisiatif-inisiatif yang baik dalam Kajian Separuh Penggal ini. Antaranya mengurangkan jurang pendapatan di antara kumpulan B40 dan M40. Usaha mencari jalan bagi pelaksanaan *fair economic distribution*, pengenalan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang akan memberikan kuasa autonomi kepada Parlimen, transformasi SPRM sebagai badan bebas sepenuhnya, cadangan penurunan had umur mengundi ke 18 tahun, perlindungan bagi *whistleblower* dan saksi, penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), penubuhan *ombudsman* bagi mengadu dan menyiasat agensi kerajaan.

Selain itu saya juga mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk mengasingkan peranan Peguam Negara dan pendakwa raya serta pelbagai inisiatif yang diteruskan sebagai kesinambungan kepada usaha-usaha kerajaan sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan inisiatif untuk memperkasakan ekonomi bumiputera seperti yang terkandung dalam pembentangan RMK baru-baru ini. Saya percaya proses pemerksaan kaum bumiputera akan memberi satu impak yang positif kepada pembangunan negara dan juga di kawasan parlimen saya.

Pada masa yang sama Kerajaan Pakatan Harapan yang uar-uarkan konsep 'Kerajaan Untuk Semua' perlulah juga mengetengahkan usaha serta rancangan yang komprehensif untuk masyarakat bukan bumiputera. Maka apakah pula rancangan Kerajaan Pakatan Harapan untuk kaum bukan bumiputera seperti masyarakat India, masyarakat Cina dan masyarakat Orang Asli di negara ini? Setakat ini saya belum menjumpai sebarang perincian berkenaan rancangan dan usul berkaitan perkara ini dalam buku Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11.

Adakah inisiatif pembangunan sosioekonomi masyarakat India, Malaysian Indian Blueprint yang digagaskan oleh Kerajaan Barisan Nasional sedang dan akan diteruskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan? Apakah status pelaksanaan agenda Malaysian Indian Blueprint seperti pengambilan tujuh peratus bagi masyarakat India untuk menyambung pengajian di universiti awam dan perkhidmatan awam akan diteruskan? Bagaimana pula dengan pengambilan 1,500 pelajar ke politeknik? Bagaimana dengan 2,200 pengambilan di Program Matrikulasi? Adakah semuanya akan diteruskan? Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penerangan yang secukupnya.

Saya juga sebenarnya risau kerana apabila saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan mengenai *frame work* tentang pembangunan sosioekonomi masyarakat India beliau tidak menjawab hal ini. Jadi saya percaya kali ini mereka mempunyai empat menteri, saya harap mereka akan dapat memberi prestasi yang lebih baik daripada Kerajaan Barisan Nasional dalam membawa agenda pembangunan masyarakat India dan juga minoriti di negara ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang kesusahan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli. Mereka mempunyai yang tinggi, mereka mempunyai keluarga yang besar, maka mereka masih tinggal di rumah yang sama lebih kurang enam hingga tujuh keluarga sedang tinggal di dalam rumah yang berkeluasan 800 *square feet*. Jadi saya percaya Menteri akan memberi pertimbangan yang sepenuhnya untuk menambah projek-projek perumahan untuk masyarakat Orang Asli.

Selain itu saya berpendapat kerajaan perlu melihat tonggak keempat iaitu memperkasakan modal insan dalam kerangka yang lebih luas serta bersifat jangka panjang agar kita sama-sama memastikan pembangunan negara yang mampan. Hakikatnya sebahagian besar industri yang kian berkembang di negara kita seperti petrol kimia, robotik, aero angkasa, telekomunikasi, multimedia dan perniagaan perkhidmatan global memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Maka

kerajaan perlu memastikan kita mampu menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berkualiti.

Di samping itu, dunia kini berubah dan Revolusi Industri Keempat terus menjadi pemangkin utama perubahan ini. Pembinaan teknologi berdasarkan elemen seperti *artificial intelligence*, *automation*, serta *big data* kian mengubah suasana industri. Maka saya harap -- menurut *selected targets* 2020 kerajaan menyasarkan lebih kurang 225,000 pengambilan pelajar lepasan SPM ke Program TVET. Namun apakah mekanisme dari segi penyediaan kewangan dan infrastruktur yang serta peluang pekerjaan yang sedang dan bakal dilaksanakan oleh kerajaan? Suka saya ingatkan bahawa pada Belanjawan 2018, Kerajaan Barisan Nasional telah memperuntukkan lebih kurang RM4.9 bilion untuk menggiatkan pembangunan TVET di Malaysia. Namun begitu saya juga dimaklumkan bahawa masa depan pelajar-pelajar TVET dari institusi serta kolej swasta TVET kini berada diambang ketidaktentuan kerana ketidakcukupan dana pinjaman bagi mereka.

Selain itu, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Cameron Highlands dan alam sekitar. Saya tertarik dan berterima kasih kepada kerajaan atas inisiatif dalam menangani perubahan iklim dan mengurangkan bencana alam serta pemuliharaan alam. Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana telah memperuntukkan RM40 juta daripada RM100 juta yang telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 untuk program pemulihan kawasan hutan simpanan kekal dan menaik taraf tapak seماian hutan simpanan di Cameron Highlands.

Pada masa yang sama baru-baru ini kita mendengar banyak berita mengenai hakisan tanah di Cameron Highlands saya perlukan bantuan dan juga sokongan daripada kerajaan sekarang untuk kita membetulkan keadaan di sana. Lebih kurang 60 lokasi telah dikenal pasti sebagai berisiko tinggi dan daripada 60 itu, 80 tanah tinggi itu merupakan kawasan hakisan yang mungkin akan berlaku dalam masa yang terdekat pada masa-masa tengkujuh ini.

Selain itu, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang mengenai *centric economic growth*. Menurut Trading Economy, nilai pelaburan Malaysia sudah semakin menurun. Jadi saya berharap janganlah kerajaan mengambil leka dengan statistik-statistik ini. Carilah penyelesaian, pastikan kita memperkasakan ekonomi negara sebab itu merupakan janji dan saya pasti saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah membawa negara keluar daripada krisis ekonomi 1997 dan 1998 mampu membawa ekonomi negara ke – masa saya sudah hendak habis.

Dengan itu saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dan saya Cameron Highland memohon menyokong KSP Rancangan Malaysia Kesebelas yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Cameron Highlands. Lepas ini saya akan memanggil Yang Berhormat Ranau diikuti Yang Berhormat Tumpat kemudian Yang Berhormat Batu selepas itu Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Selayang dan seterusnya. Silakan, Yang Berhormat Ranau.

8.08 mlm.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]: Pantun dulu, Tuan Yang di-Pertua. Petang-petang ini nampaknya makin kurang tapi semua masih juga.

Tuan Yang di-Pertua: Masih ramai.

Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:

*Malam berkopi di Sungai Sinua,
Sambil menunggu pancing mengena,
Sekali lagi Ranau bangkit bicara,
Moga membawa rakyat bahagia.*

Tuan Yang di-Pertua yang dihormati, kita memuji langkah Kerajaan Pakatan Harapan di dalam membuat strategi-strategi baharu di dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11. Dasar yang baharu, reformasi institusi yang telus, *countability* fiskal dan reformasi sosial ekonomi dalam negara ini. Langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan baharu Pakatan Harapan untuk mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak amat dihargai. Bahkan inilah yang diminta oleh rakyat Sabah dan Sarawak sejak sekian lama.

Namun jika kita lihat dalam beberapa tahun kebelakangan ini kita terdengar suara-suara daripada ceruk-ceruk rantau di Sabah ramai yang tidak berpuas hati bahkan ada yang membangkitkan suara-suara merdeka dan sebagainya. Kerajaan Pakatan Harapan khususnya Kerajaan Malaysia perlu menangani hal ini dengan baik. Jangan menangani isu-isu yang dibangkitkan terus kepada isu itu sendiri.

■2010

Oleh sebab apa pun rancangan yang dibuat, kajian bagaimanapun dibuat, ekonomi tetapi jika tidak sampai kepada sasaran itu sendiri, maka tidak terjawab persoalan hati rakyat Sabah dan Sarawak. Mereka adalah rakyat Malaysia. Mereka juga berpegang kepada dasar dan prinsip bahawa mereka sama-sama membentuk negara ini kerana di atas janji yang dibuat oleh pemimpin leluhur yang lalu.

Tunku Abdul Rahman pernah berkata bahawa Sabah dan Sarawak ini duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan Semenanjung. Itu janji yang telah dibuat pada masa yang lalu dan saya berkesempatan bertanya dengan Tan Sri Abdul Ghani Gilong. Mereka adalah antara bapa-bapa leluhur yang telah membincangkan tentang kemasukan Sabah dan Sarawak ini sama-sama membentuk Malaysia dahulu.

Saya tanya dengan beliau kenapa sama-sama membentuk dalam negara Malaysia? Beliau katakan bahawa kerana mereka menjanjikan pembangunan untuk Sabah dan Sarawak ini sama dengan Semenanjung. Itulah janji. Oleh sebab pada masa itu memang ada pilihan. Saya tanya, ada pilihan atau tidak mahu menyertai Malaysia membentuk negara sendiri? Beliau katakan memang pilihan itu ada. Oleh tetapi kerana janji yang dibuat oleh pemimpin di masa lalu maka

mereka menerima janji itu dan sama-sama membentuk negara ini sehingga sudah lebih 50 tahun tetap memegang negara ini. Setia, bahkan kita dapati kalau sekiranya kita lihat di Sabah dan Sarawak, jangan ajar Sabah dan Sarawak soal perpaduan.

Di sanalah perpaduan yang sangat tinggi. Segala suku kaum, bangsa, rakyat berlainan agama, berlainan kepercayaan dapat bersama-sama. Bila Hari Raya, bila musim Tahun Baru Cina, bila musim Krismas, keluarga pun macam saya sendiri ada keluarga yang Muslim. Kami senang bergaul dalam negeri kami.

Akan tetapi yang menjadikan kita ini merasakan Sabah dan Sarawak banyak terkebelakang sebab kita melihat suatu masa saya mengkaji tentang beberapa perkara tentang Sabah Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati bahawa memang betul rakyat Sabah yang termiskin. Kedua, penyakit malaria paling tinggi nombor satu. Oleh sebab apabila kemiskinan tinggi, penyakit malaria pun *parallel*, dengan izin.

Kemudian saya dapati bahawa gaji nombor satu rendah kalau kerja jadi buruh. Kemudian apabila harga komoditi nombor satu paling murah berbanding Semenanjung. Apabila kita lihat nombor satu lagi apa? Bekalan air bersih di kampung-kampung paling teruk nombor satu Sabah juga. Bekalan elektrik di kampung-kampung nombor satu teruk Sabah juga. Apa lagi yang teruk, kita dapati bahawa di Sabah nombor satu PTI-nya. IC Projek nombor satu. Kajian Dr. Chong Eng Leong mengatakan lebih 700,000 orang diberi IC tanpa mengikuti saluran-saluran yang betul. Kita hadapi masalah ini. Akan tetapi adakah apabila kita mengkaji dasar-dasar kerajaan dari segi ekonomi dan sebagainya, kita mengambil kira ini bagaimana kita mahu menyelesaikan kepada isu yang menjadi masalah.

Ditambah lagi yang terbaru kajian daripada Datuk Dr. Christina Rundi mengatakan bahawa Sabah tertinggi penyakit mental kerana disebabkan kerana tekanan ekonomi itu sendiri. Akan tetapi apabila kita rakyat Sabah meminta supaya diberi yang lebih baik untuk Sabah misalnya minyak. Di janji kaji, di janji kaji. Semasa Barisan Nasional kaji, semasa Pakatan Harapan janji. Dalam buku yang kita telah dijanjikan dalam 100 hari sepatutnya sudah ada keputusan berkenaan perkara ini, tetapi sehingga sekarang tidak ada keputusan. Masih di peringkat kaji.

Persoalannya ialah kenapa di negara lain, di Aceh misalnya dan ada beberapa buah negeri yang lain di Indonesia mereka boleh memberikan 70 *percent* hasil *revenue* daripada minyak kepada Aceh. Kenapa kita di Sabah hanya lima *percent* tidak dapat dinaikkan? Apa masalah sebenarnya? Kalau sekiranya mereka tidak boleh berikan yang baik untuk Sabah, tolong bagi ruang bagi Sabah dan Sarawak ini membincangkan dengan syarikat-syarikat yang lain yang terbaik. Kalau ada yang terbaik, kita juga dapat memberikan yang terbaik untuk rakan-rakan di Semenanjung.

Ini supaya ekonomi kita dapat kongsi. Akan tetapi sudah lima *percent*, itu pun dalam masa kerajaan PBS ditahan lagi kerana tidak bersama-sama sedangkan itu adalah tanggungjawab harus diberi. Bukan sahaja setakat bincang masalah yang tidak diselesaikan. Apa lagi tidak

diselesaikan? Tentang janji yang sudah termaktub dalam Perjanjian Malaysia dan dalam Perlembagaan negara kita.

Sebanyak 25 hasil *revenue* Sabah itu mesti dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Sabah, 40 *percent* tetapi yang membayar ini syarikat-syarikat agensi, syarikat gergasi daripada Semenanjung yang mempunyai operasi di Sabah mereka mengaut keuntungan ratusan juta di Sabah. Akan tetapi di mana hasil dibayar? Kalau dibayar kepada LHDN Kuala Lumpur, rekodnya tidak ada di Sabah. Rekodnya ada di sini.

Jadi apa yang wujud di LHDN Kota Kinabalu hanya sebahagian daripada hasil yang dikutip cukai di negeri Sabah. Ini kerana saya pernah bertanya dengan orang-orang tertentu di LHDN Sabah. Syarikat gergasi besar daripada Semenanjung, adakah mereka semuanya membayar di LHDN Sabah? Dia tidak berani jawab. Saya berharap ada satu jawapan daripada Dewan yang mulia ini.

Saya ada bertanya hal yang sama kepada Menteri Ekonomi tetapi jawapan yang diberi sebelum ini tidak memuaskan hati, tidak membuat butiran-butiran itu secara terperinci. Mana syarikat yang membayar dan yang mana syarikat yang tidak membayar? Sekiranya hal ini tidak ditangani, maka masalah ini akan terus berlanjutan, rakyat Sabah akan sentiasa tidak berpuas hati kerana di-*treat*, tidak dilayan dengan begitu baik.

Sedangkan peruntukan sahaja contohnya peruntukan MP. Ranau sahaja, daerah Ranau lebih luas daripada Melaka dan Pulau Pinang. Mereka ada 16 MP. Ranau sahaja satu MP saya seorang dengan keluasan yang lebih besar daripada Melaka dan Pulau Pinang. Adil kah demikian? Sehingga berapa tahun Sabah dan Sarawak harus mengejar pembangunan itu untuk dapat sama? Tidak mungkin dalam 100 tahun Sabah dan Sarawak tidak mungkin dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan kalangan kita di Semenanjung.

Saya cuma merayu sebab saya sangat terpicik dengan ucapan Yang Berhormat Sungai Petani dalam salah satu sidang Parlimen beberapa tahun yang lalu ketika beliau mencabar Datuk Dr. Ewon Ebin. Oleh sebab itu saya meminta dan saya merayu kepada rakan-rakan, sama-sama dalam Ahli Parlimen. Kali ini saya mahu lihat adakah benar-benar pemimpin kita di kalangan MP Semenanjung merasakan bahawa perlu harus ada pembetulan, perlu ada keadilan diberikan kepada Sabah dan Sarawak.

Jika tidak, maka sentiasalah polemik mengatakan kalau tidak ada majoriti di Parlimen, Sabah dan Sarawak tidak akan mendapatkan hak mereka. Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya tutup ucapan saya, 55 tahun yang lalu bapa leluhur kami telah dengan sukarela menyerahkan segala kepercayaan kepada rakan-rakan di Semenanjung untuk memimpin kita dalam satu negara.

Bahkan setelah berpuluh-puluh tahun, hasil kita telah dikaut berbilion-bilion, dikembalikan hanya sedikit. Saya hanya merayu, tolonglah kembalikan hak itu yang mana adil untuk Sabah dan

Sarawak dan juga untuk membangunkan rakan-rakan kita di Kelantan dan juga Terengganu. Dengan itu, saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ranau. Sekarang silakan Yang Berhormat Tumpat.

8.19 mlm.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya, walaupun hanya 10 minit dan di waktu yang tidak ramai ahli-ahli di Dewan ini untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Kajian Separuh penggal, RMKe-11 seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Khamis, 18 Oktober yang lalu.

Sebagaimana yang kita maklum melalui pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari, tema RMKe-11 ini telah berubah daripada tema asalnya yang berbunyi Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat kepada satu tema baru yang berbunyi Keutamaan dan Penekanan Baharu.

■2020

Tuan Yang di-Pertua, biar apa pun perubahan yang berlaku pada tema RMKe-11 ini, kita mengharapkan bahawa apa sahaja perancangan dan tindakan kerajaan, ia mestilah berpaksikan kepada rakyat yakni memberi manfaat yang maksimum kepada rakyat secara menyeluruh dalam erti kata sebenarnya yang bukan sahaja mementingkan golongan tertentu atau kroni tertentu sahaja. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memulakan ucapannya dengan menekankan usaha pengukuhan agenda pembangunan negara berasaskan prinsip pertumbuhan dengan ekonomi ke arah mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan aspirasi Wawasan 2020. Beliau menyebut, sehubungan itu, Kajian Separuh Penggal RMKe-11 haruslah memberi penekanan baru ke atas dasar strategi dan inisiatif serta memperkukuhkan tadbir urus bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang lebih inklusif dan mampan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memajukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, negara ini tidak akan menjadi negara maju seandainya ada negeri-negeri dalam negara ini yang dimundurkan. Bolehkah negara ini menjadi negara maju seandainya sebahagian daripada wilayahnya tidak mempunyai sistem pengangkutan yang baik? Demikian juga dengan infrastruktur-infrastruktur yang lain. Negeri Kelantan sebagai contohnya, telah dianaktirikan sejak lebih 28 tahun yang lalu. Bermula pada tahun 1990 yang mana Perdana Menteri keempat masa itu adalah Perdana Menteri hari ini. Sehingga hari ini, kita dinafikan hak untuk mendapatkan lebuhraya. Kita dinafikan hak untuk mendapat pelabuhan. Kita dinafikan hak untuk mendapat lapangan terbang antarabangsa walaupun lapangan terbang di Kota Bharu itu adalah di antara lapangan terbang yang tersibuk dalam negara. Kita diabaikan dalam pembangunan untuk

mendapatkan bekalan air bersih untuk satu jangka masa yang lama. Kita diabaikan dalam banyak projek pembangunan yang boleh membangunkan negeri dan paling besar, kita dinafikan hak untuk mendapatkan pendapatan bagi membangunkan sendiri negeri ini iaitu pendapatan daripada royalti petroleum yang terhak kepada Kerajaan Negeri Kelantan melalui Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan perjanjian antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat serta Petronas.

Kalau wakil Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap sumbangan ataupun bayaran royalti kepada mereka dengan kadar lima peratus, Kerajaan Negeri Kelantan hanya dibayar dengan kosong peratus. Dalam menentukan hak Kerajaan Negeri Kelantan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua Dewan bolehlah merujuk kepada pandangan Peguam Negara hari ini yang mana beliau semasa mewakili Kerajaan Negeri Kelantan dalam tuntutan royalti petroleum ini telah menyatakan bahawa, telah memberitahu Kerajaan Negeri Kelantan itu bahawa *we have a very strong case*. Tidak ada sebab kita tidak boleh menang dalam kes tuntutan royalti ini melainkan hanya kerana tekanan politik. Hari ini, maknanya mereka yang dulunya menuntut royalti ini telah berada di pihak kerajaan. Maka sepatutnya inilah peluang terbaik untuk melakukan keadilan, untuk memberikan keadilan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dengan terus membayar royalti tanpa sebarang dalih lagi.

Berbalik kepada pengabaian tadi. Cuba bayangkan kesan daripada pengabaian ini yang bukan sahaja memberi kesan semasa kepada rakyat, tetapi ia memberi kesan jangka panjang yang membantutkan pembangunan ekonomi kini dan akan datang. Ia juga memberi kesan berganda yang cukup besar terhadap pembangunan ekonomi di negeri ini yang akhirnya membantut usaha menjadikan Malaysia negara maju. Amat menghairankan kita apabila ada pihak yang merasa gembira di atas kemunduran negeri-negeri yang dianaktirikan ini. Kita boleh terima kiranya perasaan gembira ini disuarakan oleh pimpinan politik kampung. Namun, amat malang kepada rakyat Malaysia apabila perasaan bangga dan gembira ini dilahirkan ataupun terlahir daripada pimpinan utama negara yang sepatutnya bertanggungjawab membangunkan semua wilayah dalam negara ini sebagaimana yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Majlis Perasmian Penggal Pertama baru-baru ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan satu ucapan yang cukup baik di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini dan mendapat sambutan yang cukup baik khususnya daripada masyarakat dunia yang teraniaya. Antara lain disebut oleh Perdana Menteri ialah *“A new Malaysia that upholds the principles of fairness, good governance, integrity and the rule of law”*. Beliau juga menyebut, *“We believe in the goodness of cooperation, that a prosperous and stable neighbour would contribute to our own prosperity and stability. The principles of truth, human rights, the rule of law, justice, fairness, responsibility and accountability, as well as sustainability.”* dan jaminan Perdana Menteri kita kepada dunia pula, *“We will accord space and time for all to deliberate and to decide freely based on democracy”*. Semua itu adalah ayat-ayat yang dituturkan oleh Perdana Menteri kita kepada masyarakat dunia.

Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua, mewakili rakyat negeri Kelantan, saya merayu atas semangat kasih sayang, keprihatinan, semangat demokrasi yang tinggi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, janganlah di dera rakyat Kelantan. Kembalikanlah hak rakyat Kelantan yang dinafikan sebelum ini. Gunakanlah peluang kedua yang diberikan oleh Allah SWT kepada Perdana Menteri hari ini untuk membetulkan kesilapan beliau masa lalu. Jangan biarkan negeri Kelantan yang bersempadan dengan negara jiran, Thailand dilihat lebih mundur daripada kawasan sempadan negara jiran itu. Sepatutnya menjadi *priority* kepada Kerajaan Malaysia untuk memajukan kawasan sempadan negara kerana ia membawa imej yang besar kepada negara di mata dunia. Hari ini Thailand telah lama membina tebatan banjir di sungai sempadan yang menyebabkan air dari sungai yang sama hanya membanjiri sebelah negeri Kelantan sahaja.

Rakyat Kelantan juga menumpang tuah lebu raya negara Thailand yang memilih untuk pergi ke utara tanah air seperti Kedah dan Perlis melalui Thailand kerana di sempadan negara jiran yang penduduknya 80 peratus beragama Islam di negara Thailand itu, mereka mempunyai lebu raya. Akan tetapi di negara kita, di sempadan negara Thailand itu di negara Malaysia yang penduduknya lebih 90 peratus beragama Islam di negara Malaysia ini, mereka dinafikan hak untuk mendapatkan lebu raya. Dalam soal ini juga, berapa banyak wang negara yang dibelanjakan di negara jiran itu yang turut memberikan kesan ekonomi kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, jangan dera rakyat Kelantan hanya kerana pilihan politik. Bukankah rakan-rakan di sebelah sana dulunya adalah pejuang kepada kebebasan berpolitik? Apakah setelah diberi kuasa, tiba-tiba pendirian berubah 180 darjah? Saya menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jangan akur kepada suara-suara nakal pemimpin-pemimpin politik murahan yang hanya mementingkan diri dan bertindak atas dasar dendam kesumat dan kebencian. Pandangan sentiasa berubah mengikut kedudukan dan kepentingan diri. Semasa mereka bersama dengan Kerajaan Negeri Kelantan, mereka menyatakan royalti mesti disalurkan kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Akan tetapi apabila mereka tidak lagi dipilih oleh rakyat Kelantan sebagai pimpinan kerajaan negeri, mereka memberikan pelbagai alasan untuk menafikan hak kerajaan negeri.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta penjelasan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Semasa mereka menjadi pembangkang dalam negara ini, mereka menyerang kerajaan yang dipimpin oleh UMNO, Barisan Nasional masa itu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Akan tetapi setelah menjadi kerajaan, mereka bertindak seperti kerajaan yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang minta laluan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Tumpat, minta laluan Yang Berhormat Tumpat. Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sekejap. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya rakyat Kelantan tidak akan tunduk kepada deraan politik. Lebih 28 tahun didera, tetapi rakyat Kelantan baik yang beragama Islam mahupun yang bukan Islam tetap memilih kumpulan pimpinan yang meletakkan kebertanggungjawaban kepada Tuhan Pencipta Alam berbanding dengan kepimpinan yang meletakkan kebertanggungjawaban hanya kepada manusia. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Pendang.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas. Sudah habis masa.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya nak bagi ringkas sahaja. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Tumpat, berkenaan dengan Kelantan ini saya pun lihat satu per tiga daripada pemerintahan dulu didominasi oleh Perdana Menteri sekarang ini. Pada ketika itu demokrasi banyak yang berlaku kerosakan pada zaman beliau dan kali ini beliau kembali sebagai Perdana Menteri yang ketujuh dengan penuh keinsafan.

■2030

Saya harap dan beliau telah membuat satu pembentangan KSP dengan penuh adil untuk semua sambut bagi merealisasikan demokrasi dalam negara kita. Jadi kita harap apa yang dibentangkan oleh Perdana Menteri kita ini disokong oleh Menteri Kewangan dan juga...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta isu peraturanlah...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Nantilah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan tuduh, masa Yang Berhormat Langkawi demokrasi rosak. Kalau berbahas, bahas...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak, tidak. Kami ada rekod. Saya tidak kata dia...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak perlu berbahaslah...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jadi demokrasi rosak...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan buat tuduhan Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong, *you* duduk. *You* duduk. [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada apa-apa yang menyalahi peraturan mesyuarat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Saya hendak minta yang...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang dera Pas itu bukan UMNO, bukan kita dera. UMNO yang dera.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Duduk, duduk, duduk. [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat Jelutong hendak hangatkan Dewan sahaja, sebab yang mengantuk ramaikan. Satu minit habiskan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: [*Ketawa*] Okey baik. Jadi kita minta KSP yang dibentangkan oleh Perdana Menteri yang ketujuh ini yang penuh keinsafan untuk demokrasi yang sebenar. Saya harap Yang Berhormat Tumpat, disambut oleh semua Menteri supaya kita kembali kepada keadilan, demokrasi yang dituntut yang sebenar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pas kena *mai* sebelah sinilah.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Kena *kalih* tempatlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Mai* sebelah sini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada soalan daripada Yang Berhormat Pendang kepada saya cuma...

Tuan Yang di-Pertua: Memang tidak ada.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Soalannya begini, fasal apa dimomokkan dalam keadaan begitu, rakyat Kelantan masih memilih Pas sebagai pemerintah, itu soalan dia. Fasal apa?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Okey, itu saya faham.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak termasuk dalam Aturan Mesyuarat. Silakan, sudah habis kah? Masa pun sudah habis. Hendak *response*? Habis sudah masa.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya kena jawablah oleh kerana kerajaan Islam Kelantan telah menunjukkan satu prestasi yang cukup baik dalam memberikan keadilan kepada semua. Kalau Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Kangar kah sebelah sini?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kangar sini. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Arau hari itu menyebut bahawa peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada tahun 1969 disebabkan oleh DAP—saya tidak sebut tetapi disebut oleh Yang Berhormat Arau, di negeri Kelantan yang tidak ada DAP pada masa itu tidak setitik darah pun ditumpahkan di bumi Kelantan walaupun kerajaan Kelantan pada masa itu yang dipimpin oleh kerajaan Islam pada masa itu. Maknanya mempunyai majoriti yang cukup besar dan dari segi majoriti rakyat pula makna melebihi 90 peratus.

Jadi ini tidak lain dan tidak bukan adalah kerana rakyat baik yang Islam dan yang bukan Islam meyakini bahawa satu kumpulan pemimpin yang meletakkan kebertanggungjawaban

kepada Allah SWT yang kita yakin. Maknanya kita bukan janji dengan manusia tetapi kita janji dengan Allah SWT. *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah lepai waktu yang dibenarkan. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, dengan saranan yang saya sebutkan tadi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan goreng nasi basilah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya ingin senaraikan semula pembahas-pembahas yang belum lagi menyuarakan pendapat. Yang Berhormat Batu, selepas ini Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Sungai Petani. Itu sahaja. Adakah saya tertinggal sesiapa? Tidak ada. Itu sahaja yang tinggal, yang lain sama ada sudah keluar atau belum sampai. Silakan, Yang Berhormat Batu.

8.33 mlm.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya menyertai perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas ucapan beliau pada 18 Oktober yang lalu, membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Saya menyambut baik usaha dari pihak kerajaan pada kali ini yang memberi keutamaan dan penekanan baru dalam mendepani cabaran ekonomi global terutamanya dalam menghadapi Industri Revolusi (IR 4.0).

Sebagai wakil orang muda dalam Dewan yang mulia ini, saya kira kajian yang dibentangkan adalah sangat-sangat bertepatan dengan kemahuan dan keperluan golongan muda pada masa kini. Saya bersyukur dan berterima kasih kerana kerajaan telah mendengar permintaan dari golongan muda dengan menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun berbanding 21 tahun.

Saya kekal komited dengan tuntutan ini sejak dari awal sepertimana yang telah saya bahaskan sewaktu perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama yang lalu. Sungguhpun terdapat beberapa kerisauan dari masyarakat yang berfikir bahawa umur 18 tahun tidak sesuai atau tidak cukup matang untuk mengundi. Ada di kalangan Yang Berhormat di sebelah sana tidak setuju dengan perubahan ini. Kalau berkata tidak setuju, bilakah anak-anak kita akan jadi matang?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sebagai wakil rakyat muda, dengan izin, *democracy is not only about voting, it is about knowing the fundamental of the system*. Kita singkap kembali sejarah berikutan perang Vietnam, kongres negara itu telah meluluskan undang-undang yang menurunkan had umur mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun. Memandangkan ramai orang yang menganggap tidak adil bahawa seorang yang berusia 18 tahun boleh dihantar ke medan peperangan tetapi dinafikan hak untuk terlibat dalam proses demokrasi.

Dalam negara kita juga pada hari ini syarat-syarat untuk menyertai perajurit tentera darat bermula dari 18 tahun. Maka mereka ini seharusnya diberi peluang yang sama untuk mengundi. Seorang remaja yang mendapat lesen pemandu seawal umur 17 tahun harus mematuhi undang-undang jalan raya. Seorang remaja yang bekerja pada usia muda juga harus mematuhi undang-undang buruh. Oleh itu terdapat banyak undang-undang yang melibatkan orang muda, jadi mengapa kita tidak membiarkan mereka mengambil bahagian dalam pengundian yang memberi peluang kepada mereka untuk turut sama terlibat dalam menentukan hala tuju negara.

Negara maju seperti Scotland baru-baru ini telah meluluskan untuk menurunkan had umur mengundi. New Zealand dan UK juga sedang mempertimbangkan untuk menurunkan had umur mengundi bukan sahaja kepada 18 tahun malah bermula seawal 16 tahun. Remaja akan cepat matang sekiranya diri mereka dilengkapi dengan pengetahuan am. Saya mencadangkan dalam tempoh sebelum berlangsungnya PRU Ke-15 kelak, kita perlu persiapkan pelajar-pelajar sekolah supaya lebih bersedia menghadapi pilihan raya nanti.

Kerajaan harus memberi penekanan dan mengutamakan subjek-subjek seperti Sivik dan Kewarganegaraan yang boleh memupuk minat dan kesedaran dalam hal-hal berkaitan tatanegara dan pengetahuan am. Sekurang-kurangnya mereka faham akan dasar negara, faham tentang fungsi jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan dan kenal akan pemimpin-pemimpin. Saya yakin pada ketika ini masih ramai anak-anak muda yang tidak kenal Menteri-menteri Kabinet.

Sehubungan dengan cadangan had umur minimum 18 tahun untuk mengundi ini juga, saya juga ingin mencadangkan supaya diberikan kuota 30 peratus orang muda dalam jawatan-jawatan utama di sektor awam. Penglibatan orang muda dalam menentukan dasar negara bukanlah sesuatu yang radikal. Orang muda harus diberikan lebih banyak posisi utama agar dasar negara yang dirancang kekal relevan untuk masa-masa yang akan datang.

Janganlah pada waktu pilihan raya bersungguh-sungguh inginkan undi orang-orang muda tetapi bila sudah menang jawatan-jawatan utama dimonopoli pula oleh veteran-veteran. Ini adalah sesuatu perkara yang tidak adil. Oleh itu saya memohon agar pihak kerajaan memandang serius akan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang menuju ke arah status negara maju dan inklusif menjelang tahun 2020. Antara isu pokok yang harus kita tangani adalah kemiskinan dan masalah perumahan. Saya juga kekal komited untuk memperjuangkan permasalahan ini memandangkan isu ini bukan sahaja terkait dengan golongan muda malah melibatkan semua peringkat umur.

Sebagai Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan, saya memandang serius terhadap perkara ini kerana hampir setiap hari ada sahaja rakyat yang datang di pejabat saya mengadu tentang masalah tiada rumah.

Penyediaan perumahan mampu milik dan berkualiti adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup isi rumah bagi golongan miskin berpendapatan rendah dan sederhana. Saya menyokong penuh usaha kerajaan untuk meningkatkan bilangan rumah mampu milik dengan menubuhkan Majlis Perumahan Mampu Milik Negara untuk mengawasi pelaksanaan perumahan mampu milik di seluruh negara. Cadangan membina 200,000 unit rumah mampu milik yang disasarkan dalam tempoh akhir rancangan melibatkan program perumahan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta pemaju swasta adalah tepat pada waktunya.

■2040

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan harga rumah mampu milik di Malaysia akan diletakkan dalam tiga kategori iaitu RM150,000 dan ke bawah, RM150,000 hingga RM300,000 dan RM300,000 hingga RM500,000. Pendapatan itu adalah antara cara untuk menyeragamkan semua peranan membabitkan lima entiti perumahan mampu milik yang diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Saya difahamkan bahawa laporan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan bahawa dari tempoh tahun 2013 hingga kini, hanya sebanyak 41,383 unit mampu milik iaitu kos rendah dan sederhana yang telah dijual oleh pemaju swasta. Jumlah ini adalah terlalu menyedihkan. Hanya menunjukkan masih ramai lagi rakyat Malaysia yang tidak mampu untuk memiliki rumah. Faktor kekangan kewangan kemungkinan besar mempengaruhi kegagalan ini.

Selain itu, pihak pemaju swasta juga harus mengambil inisiatif untuk membantu kerajaan menambah pembinaan perumahan-perumahan mampu milik. Harga rumah dan lokasi yang tidak strategik bagi unit-unit baru yang dibina di bawah Skim Perumahan Mampu Milik oleh kerajaan telah mengakibatkan kenaikan kediaman tidak dijual dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Data daripada *National Property Information Center* menunjukkan peningkatan sebanyak 40 peratus peningkatan dalam jumlah kediaman yang tidak dijual dan disiapkan pada suku pertama tahun 2018 kepada 34,532 unit bernilai RM22.67 bilion daripada 24,738 unit berjumlah RM15 bilion direkodkan pada akhir tahun lepas.

Kerajaan Pakatan Harapan telah berjanji bahawa membina satu juta rumah mampu Milik yang dalam masa dua penggal pentadbiran mereka dalam manifesto pilihan raya. Ini bermaksud sehingga tahun 2022 satu juta rumah mampu milik harus siap dibina dalam tempoh tersebut. Saya juga menyeru kepada pihak kerajaan agar segerakan memperbanyakkan rumah-rumah PPR dan Perumahan Awam. Di Parlimen Batu, permohonan untuk mendapatkan sewa rumah kian meningkat dan permintaan pada ketika ini adalah terlalu tinggi. Ada yang menunggu giliran sehingga hampir 10 tahun untuk mendapatkan rumah PPR dan hal ini diharap dapat diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh sedikit tentang takrifan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan untuk kawasan bandar. Usaha pengurangan kemiskinan haruslah meliputi semua kumpulan sasaran iaitu miskin, miskin tegar, ibu tunggal dan Orang Kurang Upaya (OKU). Saya harap kerajaan dapat memberi lebih penekanan untuk membasmi masalah utama yang membunuh impian kita untuk mencapai menuju negara maju iaitu miskin bandar atau *urban poverty*.

Garis panduan ditetapkan JKM, Jabatan Kebajikan Malaysia berdasarkan perangkaan 2014, nilai PGK yang digunakan bagi mempertimbangkan penyaluran bantuan di Semenanjung, Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak masing-masing ialah RM930, RM1,170 serta RM990.

Nilai ini adalah sangat rendah bagi warga kota terutamanya di Wilayah Persekutuan. Pada ketika ini, gaji RM2,000 pun belum tentu cukup untuk hidup dengan selesa di Kuala Lumpur ini. Jadi, saya harap pihak kerajaan dapat menyelaraskan semula, menaikkan nilai PGK agar lebih ramai kumpulan sasar dapat menikmati bantuan dari pihak kerajaan. Maka, untuk menutupi perbincangan saya hari ini, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Batu, Ahli Parlimen belia kita. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar. Sila.

8.44 mlm.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas peluang dan ruang yang diberikan. Bagi saya turut serta mengambil bahagian dalam perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan begitu rapi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Langkawi. Cumanya, apa yang ingin saya gagaskan dalam masa yang tak berapa panjang ini adalah berkaitan tentang bagaimana kita harus melihat masa hadapan. Saya yakin dan percaya kerajaan transformasi di bawah pimpinan Yang Berhormat Pekan tempoh hari telah dikalahkan dan diambil alih oleh kerajaan reformasi di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi.

Maknanya, apa sahaja yang berlaku pun dalam episod 9 Mei telah menyaksikan satu panduan kepada generasi yang akan datang. Generasi hari ini telah menunjukkan satu isyarat yang jelas seperti mana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Langkawi semasa ucapan beliau di PBB tempoh hari kali ke-73. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia berkaitan *point* yang ketujuh iaitu di hujung ayatnya Yang Amat Berhormat Langkawi menyatakan, proses peralihan kuasa berlangsung secara demokratik tanpa ada keganasan atau kehilangan nyawa. Maknanya, inilah proses demokrasi yang kita junjung selama apa yang kita ada pada hari ini.

Ini yang saya harapkan, kita harus memberi ucapan penghargaan kepada kerajaan yang terdahulu kerana peralihan kuasa ini begitu baik sekali. Apabila Yang Amat Berhormat Langkawi membentangkan Kajian Separuh Penggal, saya memikirkan ini adalah peletakan asas yang baru. Asas kerajaan reformasi di bawah pimpinan beliau untuk membawa satu lagi masa hadapan yang lebih jelas ke hadapan untuk merangka satu lagi wawasan selepas Wawasan 2020. Saya yakin dan percaya, dua tahun ke hadapan ini merupakan perbatuan yang baru untuk kita melihat apakah yang akan berlaku dalam wawasan melepasi tahun 2020.

Apa yang pentingnya adalah kita mesti melihat seperti mana Yang Berhormat Batu sebut tadi adalah pemilik masa hadapan adalah golongan anak-anak muda dan anak muda ini harus diberi penekanan secara mutlaknya dalam apa sahaja dasar dan polisi yang ingin kita bangkitkan pada hari ini. Ini kerana, anak muda telingkuh dalam dunia *Industrial Revolution 4.0* dengan izin, kerana ada elemen-elemen yang akan membawa anak muda ini ke satu tempat yang lebih jauh ke hadapan. Kalau dahulu, kita memperkenalkan Wawasan 2020 pada tahun 80-an dan sudah pastinya sebelum habis wawasan 2020 sudah pastinya Yang Berhormat Pekan – Yang Amat Berhormat Langkawi atau Yang Berhormat Port Dickson akan meletakkan satu asas yang lebih jauh pada masa akan datang.

Cumanya, apa yang saya ingin perkatakan dalam tempoh enam minit ini adalah berkaitan tentang pekerjaan kerana anak muda hari ini terlingkup dan dunia ekonomi mereka. Saya melihat enam tonggak dan 19 keutamaan dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal begitu menarik sekali. Ini kerana asas yang telah diletakkan oleh Yang Berhormat Pekan begitu baik dan kesinambungan ini diteruskan tanpa beberapa perkara perubahan asas yang *substance* yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Bagan dan Yang Amat Berhormat Langkawi.

Apa yang pentingnya adalah, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan tentang elemen pengangguran. Kalau kita lihat semasa Rancangan Malaysia Kesebelas telah dinyatakan, Yang Berhormat Pekan telah meletakkan sasaran pengangguran 2.8 peratus dan Dewan yang mulia ini telah dapat data yang dibentangkan menyatakan bahawanya tahun ini atau tahun 2017 kadar pengangguran adalah 3.4 peratus. Maksudnya, sasaran 2.8 peratus dan elemen semasa atau data semasa 3.4 peratus. Akan tetapi, yang menghairankan saya ialah apabila kajian ini dibuat dan sasarannya diletakkan pula adalah 3.5 peratus ke bawah. Ini seolah-olahnya telah menunjukkan bahawasanya kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi telah membayangkan bahawasanya pada tahun 2020 nanti akan ada lambakan graduan yang saya fikir kita harus memikirkan adakah ini yang ingin kita wariskan kepada anak-anak muda?

Saya yakin dan percaya, yang paling pentingnya kerajaan harus memikirkan dan memperkenalkan sektor-sektor pendidikan yang lebih jauh ke hadapan seperti *artificial intelligence*, *virtual reality* dan banyak perkara dan pekerjaan-pekerjaan yang melibatkan masa hadapan kenapa kita berada dalam *environment* dengan izin, *Industrial Revolution 4.0* dan kalau kita tidak mengetahui apakah keadaan semasa yang kita hadapi, saya yakin dan percaya Yang Amat

Berhormat Langkawi ingin mengembalikan semangat Harimau Asia untuk kita berlawan di antara tujuh benua di dunia ini, saya yakin kita tidak akan dapat mewujudkan 'world touring facility' dengan izin.

■2050

Saya hendak pergi yang kedua iaitu berkaitan dengan perumahan. Saya yakin dan percaya anak muda juga mahukan perumahan dan anak muda hari ini terbelenggu dengan rumah yang tidak mampu dimiliki. Saya mahu seperti mana yang telah dibentangkan tempoh hari, Majlis Perumahan Mampu Milik Negara harus meletakkan sesuatu pandangan seperti mana yang dilaporkan oleh Bank Negara Malaysia. Kita akui laporan yang telah dinyatakan oleh Bank Negara Malaysia melalui satu kajian, terdapat 20 agensi yang terlibat menawarkan rumah mampu milik dan saya yakin Majlis Perumahan Mampu Milik Negara ini harus memikirkan supaya 20 agensi ini mesti terkoordinasi supaya anak muda mendapat rumah sebagai keselamatan kepada keluarga yang baru mereka ingin bina demi masa depan yang lebih baik.

Saya juga ingin melihat supaya satu sistem yang dipakai oleh negara-negara luar, negara-negara maju iaitu yang dinamakan sebagai *Building Information Modeling*. Apa yang berlaku pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, hari ini perunding-perunding agak terpisah. Kita ada *mechanical engineering consultant*, dengan izin, kita ada *architect consultant*, kita ada *QS consultant* dan melalui *Building Information Modeling* ini, kita mengumpulkan mereka-mereka ini berada dalam satu keadaan dan satu sistem bukan boleh mengurangkan kos tetapi sekurang-kurangnya mereka dapat mengoptimumkan kos. Saya yakin dan percaya bila mana pelaksanaan ini tidak akan berlaku pembaziran, sudah pastinya harga rumah itu dapat dioptimumkan dan anak muda dapat membeli rumah. Mungkin pandangan dan usaha yang dilakukan oleh kerajaan terdahulu untuk menggunakan tanah-tanah rizab atau wakaf-wakaf boleh juga digunakan agar pemilik ekuiti Bumiputera di bandar-bandar ini terutamanya untuk Bumiputera dapat dipertingkatkan.

Bagi satu minit yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa suara masyarakat daripada Paya Besar. Saya juga memohon jasa baik menteri-menteri tolonglah— dan saya juga rasa bertuah pada hari ini kerana Yang Berhormat Menteri agama pun ada di sini. Tolong Yang Berhormat Menteri tengok Masjid FELDA Bukit Kuantan yang hari ini telah dipindahkan daripada masjid kepada dewan kerana masjid yang telah lama telah diruntuhkan dan didirikan yang baharu. Akan tetapi, proses pembayaran tidak dibuat oleh pihak ICU. Apa yang berlaku pada hari ini, masjid tersebut telah terbengkalai. Apabila terbengkalai, semua aktiviti keagamaan hanya berlaku di dewan besar yang sepatutnya menumpang. Setakat hari ini, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, projek ini sudah terhenti dan kontraktor sudah tidak mahu melaksanakan naik taraf kerja-kerja pembinaan kerana tidak ada bayaran yang dibuat oleh pihak ICU.

Keduanya, Yang Berhormat Menteri, Masjid Lepar Hilir 1. Mereka amat gembira apabila dapat surat kelulusan Masjid Lepar Hilir 1 dan masyarakat di Lepar Hilir Gugusan amat kecewa

apabila dinyatakan pembatalan Masjid Lepar Hilir 1. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penekanan dalam perkara ini.

Kedua, saya juga minta supaya satu pusat komuniti di Taman Tas di bawah Kementerian KPKT diteruskan. Bukan banyak pun, hanya RM700,000 tetapi kerana anak muda mahukan sesuatu, saya harap KPKT dapat meluluskan.

Saya hendak minta satu minit tambahan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berkaitan Jambatan Sungai Mabuk. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, Jambatan Sungai Mabuk memang mabuk. Tiap-tiap minggu akan berlaku kemalangan di sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh saya cadang tukar namalah. Jangan jadi 'Sungai Mabuk' tapi jadi 'sungai lurus'. Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *[Ketawa]* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Jambatan Sungai Mabuk ini satu-satunya jalan yang menghubungkan 10,000 rakyat yang menggunakan pada setiap hari termasuklah lori-lori, termasuklah kereta-kereta besar atau kecil dan setiap minggu akan ada sahaja lori-lori atau kereta-kereta yang masuk dalam Sungai Mabuk itu. Sebelum pilihan raya, kerajaan terdahulu telah menyatakan bahawasanya Jambatan Sungai Mabuk ini telah diluluskan peruntukan hampir RM20 juta tetapi apabila kerajaan tidak memerintah dan Paya Besar dimenangi oleh Barisan Nasional, saya dapat dakwaan bahawasanya projek ini dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang pentingnya ialah Jambatan Sungai Mabuk ini menghubungkan jalan yang merupakan satu-satunya jalan. Kalau semasa banjir dan ada masalah, maknanya masyarakat yang hampir 10,000 yang berada di Felda Bukit Goh, Felda Bukit Kuantan dan Gugusan Felda Bukit Sagu akan keputusan jalan dan mereka tidak dapat keluar ke Bandar Kuantan.

Saya memikirkan apa yang saya sebut dalam kajian separuh penggal ini ialah pandangan terutamanya berkaitan suara masyarakat di Paya Besar dan yang paling penting, Tuan Yang di-Pertua, kita ingin melihat Malaysia ini terus dipacu. Siapa-siapa sahaja yang menjadi kerajaan, yang paling pentingnya mesti bertindak memberi tumpuan kepada pemilik masa hadapan iaitu anak muda. Kalau syarat ini dipenuhi, saya dengan ini menyokong pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Paya Besar mohon menyokong dengan bersyarat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Selayang.

8.56 mlm.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih diberikan satu peluang untuk membahaskan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

Perkara yang pertama yang saya hendak sentuh ialah tentang agenda Bumiputera dengan pendekatan untuk meneruskan Dasar Ekonomi Baru iaitu tindakan *affirmative* mengikut kaum dan bukan mengambil pendekatan yang baru iaitu tindakan *affirmative* mengikut keperluan yang selama ini Pakatan Harapan telah mencadangkan. Saya meminta kerajaan untuk memberikan alasan dan justifikasi mengapa kerajaan hendak meneruskan Dasar Ekonomi Baru dengan tindakan *affirmative* mengikut kaum kerana rakyat Bumiputera dan juga bukan Bumiputera hendak menerima alasan supaya rakyat bersatu-padu, bekerjasama untuk mencapai kejayaan iaitu matlamat untuk mengadakan satu masyarakat yang padu.

Kalau kerajaan melaksanakan program ini tanpa mengadakan justifikasi yang baik, apa yang jadi ialah kerajaan memang akan melaksanakan dengan menggunakan kuasa penguatkuasaan atau, dengan izinnya, *the coercive power of government* tetapi dengan tidak ada penerimaan oleh rakyat, dasar ini tidak ada legitimasi dan akhirnya apa yang akan menjadi ialah rakyat Bumiputera dan juga bukan Bumiputera akan tolak kerajaan seperti yang telah berlaku baru-baru ini di dalam PRU-14.

Konsep justifikasi adalah seperti, dengan izin, *compensatory justice* atau *distributive justice* atau *social utility justice*. Kalau kita mengambil definisi untuk tindakan *affirmative* yang telah diadakan, yang telah disampaikan di Amerika Syarikat, mahkamah dan undang-undang dan juga daripada universiti dan sekolah, tindakan *affirmative* adalah satu program yang diadakan untuk membetulkan ketidakadilan, *injustice* yang telah dihadapi oleh golongan tertentu di mana diskriminasi yang tidak adil itu diberhentikan dan memberikan peluang kepada golongan tertentu ini untuk mengadakan manfaat supaya mendapat kita ada satu masyarakat yang sama rata.

■2100

Apabila kita mengambil konsep *compensatory justice*, mereka yang hendak membayar melakukan ganti rugi mesti adalah mereka yang melakukan kezaliman dan kesalahan. Mengikut alasan yang telah diberikan pada tahun 1971 apabila kita mengadakan DEB, yang melakukan kezaliman dan ketidakadilan ialah penjajah British. Maknanya, merekalah yang hendak memikul beban untuk memberikan ganti rugi. Akan tetapi di dalam melaksanakan DEB dan tindakan *affirmative* mengikut kaum yang memikul beban ialah mereka yang bukan Bumiputera dan bukan penjajah British. Ini menimbulkan perasan tidak keadilan.

Akhirnya, kita melihat bahawa masyarakat kita tidak bersatu padu tetapi dipecah. Ini dikatakan untuk, dengan izin, *perpetuate racial discrimination*. *Racial division*, di mana kita rakyat menjadi lebih sensitif kepada perbezaan antara kaum, budaya dan agama. Juga kita hendak tanya, siapa adalah mangsa yang sepatutnya dapat manfaat? Kalau ini adalah mereka yang menghadapi kezaliman ialah mereka yang hidup pada waktu sebelum merdeka. Maknanya, selepas 61 tahun hari ini mereka yang menghadapi masalah bukan atas sebab apa yang dilakukan oleh British tetapi mereka yang mentadbir negara kita 61 tahun ini yang tidak dapat menyelesaikan masalah ekonomi mereka. Mereka yang sepatutnya hendak memikul bebannya. Juga kita melihat bahawa mereka

yang mendapat manfaat adalah juga orang asing atau anak daripada ibu bapa orang asing yang datang daripada Sabah, daripada Indonesia daripada negara yang lain. Akan tetapi pada hari ini mendapat manfaat dan ini juga menimbulkan perasaan *resentment* kepada mereka yang hendak memikul beban.

Untuk konsep *distributive justice* memang tidak pakai kerana kita melihat bahawa dasar ini memberikan manfaat kepada elit, bukan mereka yang sebenarnya mengadakan masalah ekonomi iaitu isi rumah B40. Akhirnya, apabila kita mengadakan masalah bahawa rakyat tidak menerima bahawa dasar ini hanya memanfaatkan golongan *political elite*, kita tidak akan ada perpaduan oleh rakyat. So, ini yang penting bahawa kita hendak mengadakan alasan yang kuat oleh kerajaan, mengapa tidak menggunakan pendekatan yang baru iaitu tindakan *affirmative* mengikut keperluan seperti yang telah di hujah oleh Yang Berhormat Port Dickson tadi.

Perkara yang juga penting ialah meritokrasi. Saya telah mendengar ucapan Yang Berhormat Langkawi di dalam kongres bahawa meritokrasi adalah satu perkara yang tidak digalakkan untuk mengadakan masyarakat yang lebih kesepaduan. Akan tetapi apa yang penting ialah kita hendak tahu meritokrasi adalah satu sistem ganjaran dan insentif supaya kita mengadakan satu masyarakat yang lebih baik. Bukan sebab kita tidak memberikan kontrak atau memasukkan pelajar ke universiti sebab mereka bukan yang terbaik, hendak menggunakan mereka yang kedua atau ketiga atau keempat. Akan tetapi kita hendak mengambil kira bahawa akhirnya ada yang dimasukkan kepada universiti, diberikan kerja dan yang penting juga diberikan kontrak. Rakyat melihat bahawa ganjaran dan insentif ialah bukan untuk usaha dengan kuat tetapi mengadakan perhubungan politik yang kuat. So, ini menjadi ganjaran dan akhirnya kita melihat kita menjadi satu masyarakat di mana mereka menjadi johan di dalam *political patronage* dan juga *ransacking behavior*. Ini menggalakkan apa yang kita mengalami di dalam masyarakat hari ini sehingga kita mengadakan rasuah endemik dan satu kerajaan *kleptocratic*.

Saya merayu bahawa ini adalah perkara yang hendak kita mengambil berat dan yang terbaik sekali ialah untuk mengadakan *affirmative action* mengikut keperluan yang lebih adil, tidak ada siapa yang akan dipinggirkan, tidak ada mereka yang akan mendapat manfaat yang bukan menjadi mangsa kepada *inequality trap*. So, ini adalah yang lebih baik. Di dalam 30 saat juga, saya hendak meminta kerajaan untuk melihat kepada hospital, bukan sahaja untuk membina hospital yang baharu tetapi juga melihat kepada alat-alat yang sedia ada seperti di Hospital Selayang yang telah berumur 20 tahun. Sampai hari ini, alat pada 20 tahun yang dahulu masih digunakan. Kita meminta bahawa memberikan alat yang baharu supaya mereka dapat meneruskan tanggungjawab mereka untuk menjaga kesihatan rakyat. Nampaknya masa sudah habis. Saya meminta satu minit lagi iaitu tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: ...Jabatan Kerja Raya dengan sistem pelantikan kontraktor. Di mana kita mengetahui bahawa apa yang berlaku ialah *main contractor*

tidak menjalankan kontrak tetapi kontrak itu diberikan kepada subkontraktor satu, dua dan tiga. Akhirnya, yang melakukan kerja projek itu tidak ada kepakaran, tidak ada pengalaman, tidak ada kewangan. Akhirnya, projek menjadi lewat atau terbengkalai. Ini telah terjadi di Selayang di dalam Projek B27 Fasa 2 untuk meluaskan jalan hanya lima kilometer. Hari ini selepas lima tahun, belum siap kerana subkontraktor itu tidak ada kepakaran, pengalaman dan kewangan. Ini harus diambil kira dan untuk dibetulkan oleh kerajaan, khususnya Jabatan Kerja Raya supaya kita dapat melaksanakan Rancangan Malaysia Kesebelas dengan baik. Saya ucapkan terima kasih, Selayang menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Selayang atas ucapan yang penuh konstruktif. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai. Selepas itu, Yang Berhormat Sungai Petani menutup tirai. Yang Berhormat Lembah Pantai. [Tepuk]

9.08 mlm.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat gembira dapat mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dan menjadi orang kedua terakhir sebelum tirai ditutup. Saya *straight* kepada *point*, dengan izin. Apabila kita sebut antara isu-isu yang semestinya penting bagi kita pada waktu ini, kita lihat dalam tonggak keempat, 'Memperkasa Modal Insan' ada disebut tentang isu masa depan pekerjaan. Saya berpegang teguh kepada prinsip ataupun dasar bahawa kita perlukan satu suruhanjaya masa depan pekerjaan atau pun, dengan izin, *a commission on the future of work* memandangkan perubahan yang sangat besar sedang melanda pasaran pekerjaan. Saya mohon pihak kerajaan untuk memberikan satu pendirian yang tegas dalam isu ini untuk memastikan kita mengumpul semua idea, pandangan dan data untuk merangka perjalanan masa depan pasaran pekerjaan.

Berkait dengan isu ini Tuan Yang di-Pertua, adalah isu yang dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai *gender parity* iaitu mungkin boleh diterjemahkan sebagai kesamarataan di antara gender. Apabila kita sebut keperluan ataupun matlamat untuk mereformasi pasaran buruh dan memperkukuh hak pekerja, hendak atau tidak Tuan Yang di-Pertua, kita perlu melihat kepada realiti pada waktu ini. Di mana dari segi pasaran buruh, cuma 55 peratus kaum wanita yang boleh bekerja terlibat dalam pasaran buruh ataupun mereka terlibat dalam bidang pekerjaan.

■2110

Matlamat kita adalah untuk meningkatkan, mencapai, mencecah 56.5 peratus menjelang tahun 2020. Bagi saya peningkatan 1.2 peratus ini adalah munasabah walaupun mungkin agak kurang. Akan tetapi apa yang ingin saya tekankan adalah ekosistem ataupun keadaan pekerjaan itu sendiri. Apa yang ingin saya tegaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk memastikan tempat kerja yang lebih kondusif yang akan memungkinkan lebih ramai wanita untuk hadir bekerja.

Salah satunya adalah kita perlu salah satu daripada 113 rang undang-undang ataupun akta yang bakal dimansuhkan, digubal ataupun dipinda. Apa yang saya rasa perlu diletakkan di hadapan sekali adalah rang undang-undang berkaitan anti gangguan seksual, Tuan Yang di-Pertua.

Ini adalah untuk memastikan bahawa hak pekerja terutama wanita untuk tidak diganggu secara seksual dapat dijamin. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara yang telah berlaku pada 17 Oktober yang lalu di dalam satu keputusan...

Seorang Ahli: Bukan perempuan ya, lelaki pun...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Keputusan, keputusan... Ya, betul. Maaf ya, bukan sahaja wanita tetapi lelaki juga yang perlu dipastikan tidak terima gangguan seksual. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu gangguan seksual ini, saya ingin membangkitkan satu laporan berita yang telah diterbitkan – Maaf bukan pada 17 Oktober, pada 16 Oktober di laman *Malaysiakini* berkaitan yang mengandungi tajuk “*Rektor Aswara diarah bayar RM70,000 kepada bekas pensyarah*”.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin bawa ke perhatian Dewan yang mulia ini adalah dalam kes berkaitan dengan ini, di mana seorang bekas pensyarah telah membawa satu kes sivil terhadap Rektor ASWARA yang beliau tuduh telah mengeluarkan kata-kata yang mengganggu beliau secara seksual. Saya mendapati bahawa rektor tersebut masih bertugas dan ini adalah satu bagi saya satu perkara yang mungkin tidak patut berlaku dan saya mohon Menteri yang berkaitan untuk memberikan satu pendirian yang sangat tegas di mana walaupun kes ini belum lagi selesai di peringkat mahkamah. Akan tetapi selagi kes ini tidak selesai, bagi saya, saya percaya penjawat tersebut ataupun individu tersebut perlu direhatkan sementara waktu. Kalau tidak, kita tidak menghantar satu mesej yang jelas bahawa kita ingin memastikan bahawa kita tidak *tolerant*, kita tidak boleh *tolerant* terhadap isu gangguan seksual.

Bagi saya ia perlu konsisten Tuan Yang di-Pertua, dengan arahan bagi seorang ketua dengan izin, *head of department* di salah sebuah hospital yang telah direhatkan dan seterusnya dipindahkan berkait dengan isu gangguan seksual.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus ke satu lagi perkara iaitu tonggak kelima berkaitan dengan mempertingkatkan kemapanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau. Bagi saya, apa yang penting pada waktu ini adalah kita perlu mulakan budaya menanam fahaman sifar sampah, ataupun dengan izin, *zero waste* yang mana salah satu dapatan daripada kajian di Universiti Malaya oleh Dr. Sumiani Yusoff adalah mengikut data, 45 peratus daripada sampah kita adalah sisa makanan.

Saya percaya untuk kita menuju ke arah sifar sampah ataupun *zero waste* sama ada secara komuniti ataupun bandar ataupun negara, kita perlu merangka satu dasar yang mengambil maklum bahawa jumlah makanan yang dibuang agak tinggi dan kita perlu menggunakan teknologi seperti ‘*composting*’ dengan izin, untuk memastikan sisa makanan ini boleh digunakan sebagai baja, diubah menjadi baja.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada tonggak keenam iaitu memperkukuh pertumbuhan ekonomi yang menekankan usaha untuk mempercepat inovasi dan penerimaan teknologi. Saya sentuh tadi Tuan Yang di-Pertua, tentang Universiti Malaya. Kita semua faham bahawa Universiti Malaya adalah salah satu universiti yang terulung di Malaysia pada waktu ini menduduki tempat 87 dalam dunia sebagai sebuah universiti yang membuat penyelidikan.

Saya mendapati banyak daripada hasil kajian di Universiti Malaya mungkin boleh kita gunakan dan kita usahakan untuk diguna di dalam industri. Oleh sebab itu, saya percaya kita perlu ada satu dasar dan saya mohon Menteri yang berkaitan untuk menyatakan apakah yang boleh kita usahakan untuk dengan izin, *unlock the potential of the innovation* di tempat-tempat seperti Universiti Malaya. Berkait dengan itu juga, saya berharap Menteri Kewangan nanti boleh memberikan satu garis panduan untuk meningkatkan jumlah dengan izin, *angel investors* yang semestinya akan memungkinkan lebih banyak inovasi dan lebih banyak ciptaan teknologi baru terutama dalam bidang IT.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan tonggak kedua, iaitu memperkukuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Salah satu daripada sasaran menjelang tahun 2020 adalah nisbah doktor kepada penduduk iaitu 1:450 seorang doktor kepada 450 orang penduduk. Saya beranggapan ini adalah satu matlamat yang murni tetapi pada masa yang sama saya menggesa pihak kerajaan untuk melihat kepada isu hospital pengajar khususnya di kawasan Lembah Pantai iaitu berkaitan dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Isunya di sini dan saya ingin ucapkan terima kasih kepada Menteri Pendidikan yang telah turun untuk melihat sendiri keadaan di Pusat Perubatan Universiti Malaya. Ini adalah berkaitan dengan bukan semata-mata status PPUM sebagai hospital kerajaan, tetapi saya difahamkan pihak PPUM ingin diiktiraf sebagai sebuah hospital awam yang akan membolehkan hospital tersebut menerima manfaat yang serupa seperti hospital kerajaan.

Saya bagi contoh di mana dalam isu dadah paten (*pattern drug*), yang bersifat generik, saya mendapati bahawa pihak PPUM menyatakan salah satu daripada ubat untuk Hepatitis C iaitu *sofosbuvir* yang boleh diguna pakai di hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan sahaja, tetapi bukan di PPUM. Maka saya menggesa pihak kementerian dan pihak kerajaan untuk mengusahakan agar hospital-hospital pengajar ini juga diberikan status sama seperti hospital awam untuk memastikan pengguna terutama dari golongan B40 mendapat manfaat daripada *generic drugs* seperti ini.

Saya ingin menyentuh seperkara lagi dalam isu masa respons polis iaitu lapan minit, saya berharap bahawa pihak kerajaan juga meneliti bukan sahaja pihak polis tetapi juga pihak bomba dan juga ambulans. Saya berharap bahawa pihak kerajaan akan meletakkan beberapa garis panduan untuk memastikan ambulans sama ada ambulans daripada hospital kerajaan ataupun yang diusahakan oleh badan-badan seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dapat sampai ke mangsa-mangsa untuk mereka dibawa secepat mungkin ke hospital-hospital yang berdekatan.

Masa pun sudah tamat. Saya pun ingin melihat tirai dilabuhkan pada malam ini, maka Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Lembah Pantai.

*Gunung sama didaki,
Lurah sama dituruni,
Dari Lembah Pantai kini,
Kita ke Sungai Petani.*

9.19 mlm.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

*Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi kan ku kenang hingga mati.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *Alhamdulillah, sila.*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan teliti beberapa rintihan khususnya daripada kawan-kawan dari Sabah dan Sarawak. Ini ialah penggal ketiga saya. Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan saya, sebelah sana. Ramai di kalangan kita yang waktu itu di sebelah sini, mereka yang datang daripada Sabah dan Sarawak.

Tadi Yang Berhormat Baram bercakap dan sebelum Yang Berhormat Baram ramai lagi Ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak yang bercakap tentang perkara-perkara asas. Perkara tentang jalan, hospital, sekolah, air, ini benda-benda yang asas yang kalau kita pergi sendiri ke Sabah dan Sarawak, memang kita rasakan seolah-olah mereka juga bukan berada dalam Malaysia. Seolah-olah sesuatu yang di luar Malaysia. Sedangkan kita di kawasan ini menikmati segala-galanya.

■2120

Soalnya setelah mereka begitu lama bersama-sama kita dalam Persekutuan dan hak mereka termaktub dalam Perlembagaan khususnya Bahagian 10 dalam Perlembagaan.

Apakah yang menjadi masalah semua isu-isu yang tertunggak itu tidak dapat dilaksanakan? Apa masalahnya? Adakah Kerajaan Persekutuan tidak serius? Ataupun kerajaan yang mentadbir kerajaan negeri tidak serius dalam membangunkan Sabah dan Sarawak? Sedangkan hasil yang mereka ada, hasil minyak dan balak kita kaut semahunya dan bawa ke Kuala Lumpur.

Saya tidak faham apakah harus kita tolak mereka ini dalam keadaan, mereka betul-betul memerlukan bermacam-macam jenis pembangunan. Saya melihat sendiri beberapa video yang

ditunjukkan, bagaimana anak-anak terpaksa menjinjing kasut dua kilometer di Tenom, hendak pergi sekolah, dua kilometer, jalan yang becak, tidak mempunyai kemudahan asas untuk ke sekolah. Bagaimana di Kinabatangan, asrama tidak ada bantal dan tilam, tidur atas lantai. Ini apa benda ini? Oleh sebab itu saya kira kerajaan harus melihat, saya setuju dengan Yang Berhormat Baram dan juga setuju dengan Yang Berhormat Kota Marudu mengatakan tadi. Jawatankuasa demi jawatankuasa telah pun diadakan tadi, baik zaman Barisan Nasional dan apatah lagi sekarang ini.

Saya rasa waktunya telah tiba untuk Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bertindak. Cukuplah buat jawatankuasa ini, sudah banyak jawatankuasa. *Working paper* ini kertas sahaja yang bekerja, orang tidak bekerja. Harus ada kesungguhan untuk membangunkan Sabah dan Sarawak khususnya kawasan pedalaman.

Saya juga ingin mencadangkan, dahulu kita ada Jiwa Murni, saya ingat Yang Berhormat Pokok Sena masih ingat bagaimana tentera-tentera kita kerah. Kita bukan perang pun sekarang, saya takut para tentera gemuk macam saya sahaja. Tidak perang pun. Jadi gunakan kepakaran yang para tentera ada, peralatan yang mereka ada untuk turun ke padang bantu untuk membangunkan apa juga yang tidak terbangun untuk membuat jalan, membuat sekolah, *repair* itu dan ini. Ini boleh kita lakukan dan dengan sekali gus boleh menjimatkan kewangan negara. Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, ialah tentang isu pendatang asing yang tidak selesai-selesai. Saya melihat berkali-kali juga kita sebut bagaimana kita mempunyai masalah pekerja-pekerja khususnya di ladang-ladang kelapa sawit. Bayangkan kita mempunyai masalah pekerja-pekerja ladang kelapa sawit. Manakala kita juga mempunyai masalah kebanjiran pendatang-pendatang asing yang berlambak di sini. Kita juga difahamkan yang tidak didokumentasikan pun ramai.

Saya pernah waktu dahulu terdengar bahawa ada kerajaan – proses memutihkannya mereka ini. Saya mencadangkan supaya yang pertama sekali, semua pendatang-pendatang asing ini kita harus putihkan kembali. Himpun mereka dalam suasana untuk daftarkan mereka dahulu, selepas kita daftar, pastikan semua maklumat mereka ini kita *capture, database* ini kita harus ada. Selepas itu kita harus memberikan mereka macam bentuk dokumen supaya setelah maklumat mereka kita dapati dan simpan dalam *database* kita berikan satu dokumen, katakanlah macam IC, sekarang kita ada *blue IC, red IC, green IC* dan juga *purple IC* untuk *baby*, tetapi juga kita kena bagi satu jenis IC lagi kepada mereka dalam kategori lain-lain kedudukan. Maknanya dengan *database* yang kita ada ini, apa juga yang berlaku pada masa hadapan, sekurang-kurangnya kita tahu bahawa orang tertentu ini ada di Malaysia dan mereka ini berada di Malaysia, jikalau sekiranya berlaku jenayah dan sebagainya, kita boleh *trace* di mana mereka berada.

Keduanya, dahulu kita tangkap mereka, kita kurung mereka dan kemudian kita hantar balik. Di dalam banyak hal mereka datang balik, tetapi tidak mempunyai *database*, sebab itu dia datang dengan pelbagai-bagai alasan tetapi terus melakukan kerja yang sama tetapi kita tidak

mempunyai kesan di atas kehadiran mereka. Saya ingin mencadangkan supaya – oleh kerana kita mempunyai masalah yang banyak dalam menghadapi kekangan untuk mendapat pekerja-pekerja asing untuk menyelesaikan masalah di ladang-ladang untuk kita gunakan mereka ini, daftar mereka elok-elok kerana biarlah mereka ini bekerja sebagai *legal workers* di Malaysia. Daripada kita menghantar mereka dan akhirnya kita tidak dapat hasil, mereka belum tentu tidak pulang, yang pastinya mereka akan kembali dan terus kembali dan terus kembali.

Jadi, saya mencadangkan supaya mereka ini kita daftar kemudian memberikan peluang mereka ini pekerjaan, tetapi kita *capture*-kan maklumat ini dalam *database* kita.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang baru-baru ini banyak diperkatakan tentang teksi *driver* dan juga pemandu-pemandu GrabCar. Saya tadi baru sahaja naik teksi daripada satu tempat ke Parlimen. Keluhan *driver* teksi ini bukanlah baru, saya ingat kita sudah hampir berbelas-belas tahun dalam Dewan ini menerima memorandum demi memorandum tetapi masalah pemandu teksi dan GrabCar ini tidak selesai. Apa isunya yang sebenarnya? Pemandu-pemandu teksi tidaklah membantah tentang *e-hailing*, tidak. Apa yang mereka bantah ialah *treatment* yang dikenakan terhadap mereka. Dengan *treatment* yang tidak dikenakan kepada pemandu-pemandu GrabCar, itu sahaja.

Pemandu-pemandu teksi dikenakan pelbagai syarat, sebagai contoh, kereta mereka hendaklah dihantar ke PUSPAKOM. Insurans mereka jauh lebih tinggi. Kemudian banyak benda-benda yang tidak dikenakan kepada pemandu-pemandu GrabCar dikenakan kepada mereka. Sebagai contoh, pemandu-pemandu GrabCar tidak payah pergi pun untuk pemeriksaan di PUSPAKOM seperti dikehendaki oleh undang-undang. Begitu juga dengan pemandu-pemandu GrabCar juga tidak perlu membayar insurans yang lebih seperti yang dikenakan kepada pemandu-pemandu teksi.

Kalau kita selaraskan kedua-duanya ini, maknanya pemandu GrabCar dan pemandu teksi sama. Kalau kita kenakan A kepada GrabCar, A juga kenakan kepada teksi. Kalau kita kenakan B kepada teksi, kita juga kenakan B kepada pemandu GrabCar, saya ingat selesai *problem* ini. Sebab itu harus ada keberanian untuk kita buat keputusan. Seperti yang kita dengar bahawa betul, ramai anak-anak muda kita yang tidak ada kerja, yang menjadi pemandu-pemandu GrabCar, tetapi harus diingat pemandu-pemandu GrabCar ini tidaklah mendapat *100 percent*, 100 peratus apa juga pendapatan mereka.

Pengusaha-pengusaha GrabCar mengambil 30 peratus hingga 35 peratus daripada pendapatan mereka sebagai komisen untuk dibayarkan kepada pengusaha-pengusaha ini. Maknanya mereka juga tidak mendapat *100 percent* apa juga *income* mereka. Sebab itu untuk berlaku adil, saya kira harus satu kajian yang menyeluruh setelah kajian dilakukan, harus berikan keadilan kepada kedua-dua kumpulan ini. Saya kira jikalau sekiranya ini dilakukan, saya yakin dan percaya, masalah yang ditimbulkan oleh pemandu-pemandu teksi ini selesai.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja, seperti saya katakan tadi, satu *driver* teksi kata dia pernah mendapat – sebelum wujudnya GrabCar ini, pendapatan satu hari daripada RM100 sehingga RM180. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, hendak dapat RM50 pun susah. Bayangkan keadaan di Kuala Lumpur hendak dapatkan RM50 susah, bagaimana dia hendak hidup? Sebab itu harus ada keberanian di peringkat kita untuk melihat apakah yang kita boleh bantu mereka supaya benda ini tidak menjadi parah.

Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya melabuhkan tirai pada malam ini, sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tirai dilabuhkan. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Petani. Sebelum kita meninggalkan Dewan, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berjaya pertahankan Dewan ini sampai waktu malam. *[Tepuk]*

Setakat ini seramai 112 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke-11. Tahniah saya ucapkan dan kita ada tiga hari untuk Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu menjawab. Maka sekarang saya mengumumkan Dewan ditangguhkan ke pukul 10.00 pagi hari Selasa, 30 Oktober 2018.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam]